PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ MENURUT AHLI SUNNAH WALJAMAAH

MOHD ASYRAN SAFWAN BIN KAMARUZAMAN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2020

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 Mei 2020 MOHD ASYRAN SAFWAN BIN KAMARUZAMAN
P84088

PERAKUAN TESIS ~~SARJANA~~ /DOKTOR FALSAFAH
(*CERTIFICATION OF ~~MASTERS~~ / DOCTORAL THESIS*)

Nama Penuh Pengarang (*Author's Full Name*) : MOHD ASYRAN SAFWAN BIN KAMARUZAMAN

No. Pendaftaran Pelajar (*Student's Registration No.*) : P84088

Sesi Akademik (*Academic Session*) : 2019/2020

Tajuk Tesis (*Thesis Title*) : PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ MENURUT AHLI SUNNAH WALJAMAAH

Merujuk kepada Klausa 4.2 Dasar Harta Intelek Pelajar UKM (Tambahan), tesis adalah hak milik pelajar. Saya mengaku tesis ini sebagai:
(*With regard to Clause 4.2 of the UKM Student Intellectual Property Policy (Supplementary), the thesis is the student's property. I hereby declare this thesis as:*)

☐	**RAHSIA** (***CONFIDENTIAL***)	Mengandungi maklumat rahsia di bawah AKTA RAHSIA RASMI 1972 (*Consisting of classified information under the OFFICIAL SECRETS ACT 1972*)
☐	**TERHAD** (***RESTRICTED***)	Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan (*Consisting of RESTRICTED information which has been determined by the organisation/body where the research was conducted*)
☑	**AKSES TERBUKA /TIDAK TERHAD** (***OPEN ACCESS/ NON-RESTRICTED***)	Saya membenarkan tesis ini diterbitkan secara akses terbuka, teks penuh atau dibuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja. (*I allow this thesis to be published through open access, full text or copied for study, learning and research purposes only.*)

Bagi kategori Akses Terbuka/Tidak Terhad, saya membenarkan tesis (Sarjana/Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)* dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:
(*For the Open Access/Non-Restricted category, I allow this (Master's/Doctoral) Thesis to be kept in the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library with the following usage conditions:*)

1. Perpustakaan UKM mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan sahaja.
(*UKM Library has the right to reproduce the thesis for study, learning and research purposes only.*)

2. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dibenarkan membuat satu (1) salinan tesis ini untuk tujuan pertukaran antara institusi pengajian tinggi dan mana-mana badan/ agensi kerajaan, tertakluk kepada terma dan syarat.
(*UKM Library is allowed to make one (1) copy of this thesis for exchange purpose among higher education institutions and any government body/agency, subject to terms and conditions.*)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT di atas segala kurniaan dan rahmat-Nya, diberi peluang dan ruang kepada penulis untuk menyiapkan sebuah kajian serba ringkas yang sudah tentunya ada kekurangan. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW utusan akhir zaman, serta ke atas keluarga Baginda dan para sahabat Baginda sekaliannya.

Pertama sekali diucapkan penghormatan yang tinggi dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama kajian ini iaitu Prof. Madya Dr. Kamarudin Salleh atas tunjuk ajar, bimbingan, buah fikiran, kesabaran, bantuan dan dorongan untuk penulis menyiapkan kajian ini. Seterusnya setinggi penghargaan kepada Dr. Muhammad Razak Idris selaku penyelia bersama kajian ini.

Seterusnya penghargaan kepada para pensyarah dan warga Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terutamanya Prof. Madya Dr. Ahmad Munawar Ismail, Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari Long, Prof. Madya Dr. Jaffary Awang, Dr. Wan Haslan Khairuddin dan adik saya Dr. Mohd Haidhar Kamarzaman. Juga kepada UKM, Bangi yang menyediakan fasiliti kepada penulis untuk menimba ilmu, sumber-sumber data dan keselesaan.

Tidak lupa kepada Noormah binti Mohd Darus, ibu penulis serta Kamaruzaman bin Mustafa, ayah penulis yang memberikan sokongan material dan spiritual, Hanun binti Abdullah Tahmin, isteri penulis yang banyak berkorban masa dan tenaga untuk membantu penulis menyiapkan kajian ini, anak-anak penulis iaitu Widad Hanani, Wafaa' Hanani, Muhammad 'Umayr Ziyaad dan Wardatul Hanani, keluarga penulis termasuk ibu mertua Wan Noorma binti Wan Othman, ayah mertua Ustaz Abdullah Tahmin bin Haji Abdul Latif, adik-beradik, ipar duai dan semuanya.

Tidak ketinggalan *Murabbi* penulis Dr. Omar Kalash dan sahabat penulis Dr. Mohd Sobri bin Ellias yang banyak membantu dari sudut material kajian. Penghargaan juga dititipkan kepada pihak pengurusan Yayasan Waqaf Malaysia yang memberikan kelonggaran kepada penulis untuk meneruskan pengajian ke tahap tertinggi, rakan-rakan penulis dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta pihak lain yang terlibat.

Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa kalian semua dengan menganugerahkan kejayaan dunia dan akhirat, Insya Allah.

Sekian, terima kasih. *Jazākum Allāh khayr al-jazā'*.

ABSTRAK

Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī merupakan seorang tokoh masyhur yang mempelopori tarekat Naqshābandī al-Ḥaqqānī. Ajaran beliau tersebar ke serata dunia sehingga beliau diiktiraf antara tokoh Islam berpengaruh abad ini. Namun begitu, terdapat kritikan terhadap beliau yang mendakwa pemikiran akidah beliau terpesong daripada landasan Ahli Sunnah Waljamaah. Beliau dikatakan membawa fahaman *ḥulūl, ittiḥād, tashbīh* dan *tajsīm*. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji pemikiran akidah yang dibawa oleh al-Qubrūsī dalam karya-karyanya bagi menentukan adakah ianya selari dengan manhaj dan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah atau tidak. Kajian ini keseluruhannya adalah berkisar mengenai pemikiran akidah dipegang oleh al-Qubrūsī dengan menggunapakai metode kajian kualitatif yang melibatkan metode pengumpulan data dengan mencari dan meneliti karya-karya al-Qubrūsī dan ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Seterusnya kaedah analisis data digunakan bagi membentuk pemikiran akidah al-Qubrūsī dalam karya-karyanya. Kemudiannya analisis perbandingan dibuat untuk melihat sama ada pemikiran akidahnya bertepatan atau bercanggah dengan manhaj dan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Terakhirnya metodologi kritikan digunapakai untuk merumuskan percanggahan yang terdapat antara pemikiran akidah al-Qubrūsī dan Ahli Sunnah Waljamaah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Qubrūsī tidak mempunyai pemikiran akidah yang tersusun. Terdapat sebahagian pegangan asas al-Qubrūsī yang selari dengan manhaj dan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah, merangkumi keimanan umum terhadap Rukun Iman, Rukun Islam dan Ihsan. Namun terdapat juga percanggahan besar di antara pemikiran akidah al-Qubrūsī dengan Ahli Sunnah Waljamaah dalam isu ketuhanan seperti keyakinan *ḥulūl, ittiḥād, tashbīh* dan *tajsīm*. Dalam masalah kenabian, al-Qubrūsī mempunyai keyakinan ghuluw seperti menisbahkan Nabi Muhammad SAW mengetahui perkara sebelum dan selepas serta Baginda SAW bersama dengan Allah SWT secara hakiki. Dalam hal kewalian, beliau mendakwa para wali mempunyai irādah Allah SWT. Dalam hal *Ghaybiyyāt*, beliau meramalkan kemunculan Imam Mahdi a.s dan meyakini orang bukan Islam akan masuk syurga. Kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam merungkai pemikiran akidah sebenar al-Qubrūsī yang ditelusuri oleh beliau dalam tarekatnya. Dari sudut implikasi kajian, kajian ini berjaya memperkenalkan biografi al-Qubrūsī serta pemikiran akidahnya daripada sudut persamaan dan perbezaan dengan Ahli Sunnah Waljamaah yang akan membantu institusi berkenaan serta masyarakat untuk mengenali beliau dengan lebih lanjut.

THE CREED THOUGHT OF SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ ACCORDING TO AHLI SUNNAH WALJAMAAH

ABSTRACT

Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī was a popular figure who pioneered the Naqshābandī al-Ḥaqqānī order. His teachings spread all over the world until he is recognized among influential Muslim figures of this century. However, there was criticism on his creed thought which is regarded as strayed from the Orthodox Sunni. He is said to propagate the idea of *ḥulūl* (incarnation), *ittiḥād* (union), *tashbīh* (anthropomorphic) and *tajsīm*. Hence the research aims to study al-Qubrūsī's creed thought in his work to certify his its agreement with the *manḥaj* and the belief of Orthodox Sunni. This study focuses on al-Qubrūsī's creed thought by applying qualitative research in data collection in the works of al-Qubrūsī and other Orthodox Sunni scholars. Document analysis methods are used to form al-Qubrūsī's creed thought as found in his works. Comparative analysis then employed to comprehend whether his creed system in accordance with the *manḥaj* and the belief of the Orthodox Sunni or vice versa. Finally, the study also implements methodology of criticism to synthesise the discrepancy found in al-Qubrūsī's system of creed as opposed to the Orthodox Sunni. The findings indicate that al-Qubrūsī's creed thought is not well structured. There are some of al-Qubrūsī's teachings that in are in line with the Orthodox Sunni beliefs such as the pillars of Faith (*Imān*), the pillars of Islam and the pursuit of excellence (*Iḥsān*). However, there are also collosal divergences between al-Qubrūsī's creed thought with the Orthodox Sunni such found in the beliefs of *ḥulūl* (incarnation), *ittiḥād* (union), *tashbīh* (anthropomorphic) and *tajsīm*. In the problem of prophecy, al-Qubrūsī has falled on deviant faith in acknowledging the Prophet Muhammad p.b.u.h has knowledge of things before and after it exists and he is together with Allah SWT substantively. In the case of saints, he claimed that the saints have the will (*irādah*) of Allah SWT. In the case of *Ghaybiyyāt*, he predicted the advent of *Imām Mahdī* a.s and reassure non-Muslims will enter heaven. This study would contribute in exposing the system of creed of al-Qubrūsī in his sufi order. As the implications of the study, the study was successful to introduce the biography of al-Qubrūsī and his creed thought from the point of similarities and differences with Orthodox Sunni which will help related institutions and public to get to know al-Qubrūsī better.

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH



JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	a	اغاليط	*aghālīṭ*
ب	b	برهان	*burhān*
ت	t	تصور	*taṣawwur*
ث	th	ثاني	*thānī*
ج	j	جنس	*jins*
ح	ḥ	حـد	*ḥadd*
خ	kh	خاصة	*khāṣṣah*
د	d	دلالة	*dilālah*
ذ	dh	ذاتي	*dhātī*
ر	r	رسم	*rasam*
ز	z	جـزئية	*juz'īyyah*
س	s	سالبة	*sālibah*
ش	sh	شكل	*shakl*
ص	ṣ	صغرى	*ṣughrā*
ض	ḍ	ضرب	*ḍarb*
ط	ṭ	طرف	*ṭarf*
ظ	ẓ	الفاظ	*alfāẓ*
ع	c /	معنى	*Ma'nā*
	ca /	عكس	*'aks*
	ci /	علة	*'illah*
	cu	عنصر	*'unṣur*
غ	gh	غلط	*ghalaṭ*
ف	f	فصل	*faṣl*
ق	q	قضية	*qaḍīyyah*
ك	k	كليات	*kulliyyāt*
ل	l	لواحق	*lawāḥiq*

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
م	m	مقدمات	*muqaddimāt*
ن	n	نقيض	*naqīḍ*
و	w /	وضع	*waḍ‘*
	u	حـدود	*ḥudūd*
هـ	h	جوهر	*jawhar*
ء	’ /	أجـزاء	*ajzā’*
	a /	أجــناس	*ajnās*
	i /	إستقراء	*istiqrā’*
	u	أصول	*uṣūl*
ي	y /	قياس	*qiyās*
	i	نـتيجة	*natījah*
ة	h /	عقلية	*‘aqlīyyah*
	t	دلالة الألفاظ	*dilālat al-alfāẓ*

Vokal Pendek:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ـَ (*fatḥah*)	a	يَـتَـأَلَّـفُ	*yata’allaf*
ـِ (*kasrah*)	i	يَـنْـتِـجُ	*yantij*
ـُ (*ḍammah*)	u	يُـعَـبَّـرُ	*Yu‘abbar*

Vokal Panjang:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا / ى	ā	بَابٌ / كُبْرَى	bāb / kubrā
ي	ī	وَكِيْلٌ	wakīl
و	ū	صُوْرَةٌ	*ṣūrah*

Diftong:

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ـَ وْ	*aw*	قَوْلٌ	*qawl*
ـَ يْ	*ay*	كَيْفِيَّة	*kayfiyyah*
ـُ وّ	*ūww*	قُـوَّةٌ	*quwwah*
ـِ يّ	*iyy / ī*	جُـزْئِيـَّة/ جُـزْئِـيّ	*juz'iyyah/ juz'ī*

Pengecualian:

1. Huruf Arab *ḥamzah* (ء) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada "*a*" bukan kepada '*a*. Contohnya: "أكبر" ditransliterasikan kepada *akbar* bukannya '*akbar*.
2. Huruf Arab *tā' marbūṭah* (ة) pada perkataan tanpa "*al*" (ال) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada "*t*". Contohnya: "صورة القياس" ditransliterasikan kepada "*ṣūrat al-qiyās*", bukannya "*ṣūrah al-qiyās*". Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada "*al*" (ال) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *tā' marbūṭah* ditransliterasikan kepada "*h*". Contohnya:

	Contoh	Transliterasi
1.	الأمثلة المكشوفة	*al-amthilah al-makshūfah*
2.	قضية	*qaḍiyyah*
3.	قياس العلة	*qiyās al-'illah*

SENARAI SINGKATAN

a.s	*‘alayh al-Salām*
dll.	dan lain-lain
et al.	dan pengarang-pengarang lain
H	*Hijriyyah*
ISBN	*International Standard Book Number*
JATMAN	Jam'iyyah Ahlith Thariqah Al- Mu‘tabarah An-Nahdliyyah
jil.	jilid
M	Masihi
No.	nombor
PBNU	Pengurus Besar Nahdlatul Ulama
PETA	Pesulukan Thoriqot Agung
r.a	*Raḍiya Allāh ‘anh*
RMI	Rimbawan Muda Indonesia
SAW	*Ṣalla Allāh ‘alayhi wa sallam*
SWT	*Subḥānahu wa Ta‘ālā*
t.pt.	tiada penerbit
t.th.	tiada tarikh
t.tp.	tiada tempat
TQN	Tarekat Qādiriyyah Naqshābandiyyah Jakarta
w.	wafat pada

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengkajian mengenai pemikiran akidah seseorang tokoh bukanlah suatu yang baharu dalam dunia keilmuan Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa karya ulama Islam seperti karya Imām al-Ghazālī[1] (w. 450H) iaitu *Tahāfut al-Falāsifah* yang menentang falsafah Ibn Sīnā[2] (w. 428H), karya al-Subkī[3] (w. 756H) iaitu *al-Durrah al-Mudliyah fī al-Radd ʻalā Ibn Taimiyyah* yang menentang fahaman akidah Ibn Taimiyyah[4] (w. 728H) dan banyak lagi. Kemunculan karya-karya ini adalah untuk menjelaskan pemikiran-pemikiran akidah tokoh-tokoh berkenaan. Terdapat juga karya-karya yang diketengahkan adalah untuk menyokong gagasan pemikiran akidah seseorang tokoh. Contoh-contoh yang dikemukakan adalah untuk menggambarkan bahawa telah ada cendekiawan Islam yang mengambil pendekatan mengkaji dan menghurai pemikiran akidah seseorang tokoh yang lain sama ada yang sezaman dengannya atau yang selepasnya.

Menurut Haidhar Kamarzaman (2017) dalam tesis PhD beliau, pemikiran akidah diistilahkan sebagai suatu tindakan akal bagi mencapai pengetahuan yang

---

[1] Nama beliau Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ṭūsī al-Ghazālī yang wafat pada 19 Disember 1111. Antara kitab beliau yang masyhur dalam akidah dan falsafah ialah *Tahāfut al-Falāsifah*.

[2] Nama beliau Abū ʻAlī al-Ḥusayn ibn ʻAbd Allāh ibn Sīnā yang wafat pada tahun 1037. Pemikiran falsafah beliau dalam karya *al-Najāt* dan *Himah Ilāhiyyah* ditentang keras oleh al-Ghazālī.

[3] Nama beliau Taqīyy al-Dīn al-Subkī yang wafat pada tahun 1355. Merupakan tokoh akidah yang masyhur pada zamannya. Beliau merupakan seteru kepada Ibn Taimiyyah dalam isu-isu akidah seperti isu tawassul, ziarah makam Nabi SAW dan sebagainya.

[4] Nama beliau Taqīyy al-Dīn Aḥmad ibn Taimiyyah yang wafat pada 1328 di dalam penjara. Beliau banyak mencetuskan isu-isu akidah pada zamannya sehingga dipenjarakan beberapa kali.

sempurna terhadap persoalan keimanan atau perakuan di dalam hati. Pengetahuan tersebut pula mestilah berasaskan kepada sesuatu yang *qaṭᶜī* yang tidak menerima syak atau keraguan, dan ia juga mestilah bertepatan dengan hakikat. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji mengenai pemikiran akidah seorang tokoh yang masyhur iaitu Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan membandingkannya dengan pemikiran yang ditelusuri oleh Ahli Sunnah Waljamaah. Kajian ini akan melihat karya-karya al-Qubrūsī secara mendalam, kemudiannya setiap kenyataan al-Qubrūsī mengenai akidah yang terangkum dalam karyanya akan dibahaskan menggunakan karya-karya ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Maka ini dilihat sebagai adil di sisi penulis dalam menilai sesebuah pemikiran akidah yang dibawa oleh seseorang tokoh. Jangkaan hasil kajian ialah natijah daripada perbahasan perbandingan antara pemikiran akidah al-Qubrūsī dari sudut kacamata Ahli Sunnah Waljamaah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam merupakan agama yang sempurna mencakupi segenap aspek kehidupan manusia. Islam meliputi kehidupan seorang manusia itu bermula daripada dia dilahirkan dengan laungan azan, iqamah dan bercukur sehingga dia dikebumikan semula di dalam tanah dengan bacaan talkin dan iringan tahlil. Yang terutama, Islam merupakan agama tauhid sebagaimana ia merupakan agama sekalian para nabi dan rasul bermula daripada Nabi Adam a.s. sehingga Nabi Muhammad SAW. Sekalian para nabi dan rasul mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT dan tidak mensyirikkannya dengan sesuatu. Sabda Nabi Muhammad SAW:

الأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ مِنْ عَلاَّتٍ وَأُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ فَلَيْسَ بَيْنَنَا نَبِيٌّ[5]

Maksudnya:

> "Para Nabi itu adalah saudara satu bapa, ibu-ibu mereka berbeza akan tetapi agama mereka satu. Dan Tidak ada di antara kami (Nabi Isa dan Nabi Muhammad) seorang Nabi."

Betapa Nabi Muhammad SAW. diutuskan di Makkah untuk memurnikan akidah masyarakat jahiliyyah yang menyembah berhala kepada menyembah Allah SWT yang

[5] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Faḍā'il 'Isā 'Alayh wa Sallam*. No. Hadith 4487.

Maha Esa. 13 tahun merupakan tempoh Nabi Muhammad SAW. menempuh getir menyeru manusia ke arah mentauhidkan Allah SWT dan akhirnya Baginda berhijrah ke *Yathrib*[6] setelah diperintahkan Allah SWT. Penghijrahan Baginda ke *Yathrib* ini akhirnya membentuk sebuah negara agung yang bernama *Madinah al-Munawwarah*. Dasar pembentukan negara ini ialah tauhid, syariat dan akhlak serta persaudaraan antara *Muhājirīn*[7] dan *Anṣār*[8]. Legasi ini kemudiannya diteruskan oleh *Khulafā' al-Rāshidīn*[9] yang membuka empayar Islam satu persatu demi menyebarkan agama Islam sekaligus memurnikan akidah manusia.

Bagaimanapun, sewaktu pemerintahan mereka, telah pun berlaku perselisihan di kalangan masyarakat yang tidak melibatkan dasar-dasar akidah seperti isu perselisihan terhadap golongan yang enggan membayar zakat. Namun begitu, di akhir pemerintahan Sayyidunā 'Alī r.a telah berlaku pertelingkahan yang lebih besar di kalangan para sahabat mengenai isu *khilāfah*[10] sehingga membawa kepada peperangan antara kelompok yang menyokong Sayyidunā 'Alī r.a dan kelompok yang menyokong Mu'āwiyah. Hasil pertelingkahan ini maka lahir pemikiran yang menyeleweng daripada dasar Islam iaitu *Khawārij*. Benarlah sabdaan Baginda SAW:

أُوصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ..[11]

Maksudnya:

> "Aku mewasiatkan kamu agar bertakwa kepada Allah, dengar dan patuh kepada pemerintah yang menguasaimu walaupun pemerintah tersebut merupakan

---

[6] *Yathrib* merupakan nama *Madīnah al-Munawwarah* sebelum penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah.

[7] Muhājirīn merupakan orang-orang yang berhijrah bersama Nabi Muhammad s.a.w. dari Makkah ke Madinah.

[8] Anṣār ialah orang Madinah yang menyambut Nabi Muhammad s.a.w. sewaktu baginda berhijrah ke Madinah dan membantu baginda dalam perjuangannya sehingga dapat menakluki kota Makkah kembali.

[9] Iaitu khalifah yang empat; 1) Sayyidunā Abu Bakr al-Siddīq r.a, 2) Sayyidunā 'Umar al-Khattāb r.a, 3) Sayyidunā 'Uthmān bin 'Affān r.a, dan 4) Sayyidunā 'Alī bin Abī Tālib r.a.

[10] Isu pemilihan khalifah yang ditentukan menerusi lembaga syura yang dinamai *Ahl al-Hāl wa al-'Aqd*.

[11] Abu Dawūd, *Sunan Abī Dawūd, Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Luzūm al-Sunnah*, No. Hadith 4607.

> seorang hamba. Sesungguhnya sesiapa yang hidup setelahku pasti dia akan melihat perselisihan yang banyak berlaku. Maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para al-Khulafā’ al-Rāshidīn setelahku. Berpegang teguhlah kamu dengannya dan gigitlah ia dengan gigi gerahammu…”

Isu-isu perselisihan ini tidak terhenti kepada perselisihan daripada ideologi politik yang akhirnya membawa kepada ancaman akidah sebagaimana golongan *Khawārij* yang muncul pada kurun pertama hijrah, bahkan selepas kurun pertama Hijrah, lahir pelbagai aliran seperti *Mu‘tazilah* yang mencetuskan polemik mengenai al-Quran makhluk, dan *Karāmiyyah* yang mencetuskan polemik bahawa Allah SWT berjisim dan seterusnya lahir aliran-aliran yang tidak didasari oleh akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW sehingga zaman ini.

Jika diperhatikan, lazimnya juga perselisihan-perselisihan dalam masalah akidah yang berlaku di kalangan umat Muhammad ini, dicetuskan oleh seseorang yang mempunyai pengikut tertentu. Asal alirannya mungkin tidak mempunyai nama khusus, namun setelah melalui beberapa fasa, maka fahaman yang dibawa oleh seseorang tokoh aliran itu akan disandarkan kepada nama yang khusus. Sebagai contoh aliran *Mu‘tazilah* yang diasaskan oleh Wāṣil bin ‘Atā’[12] adalah terhasil daripada perselisihan beliau dengan gurunya Hasan al-Baṣrī[13] mengenai status pelaku dosa besar. Akibat daripada perselisihan ini, Wāṣil memencilkan diri daripada majlis ilmu Hasan al-Baṣrī dan akhirnya beliau dinisbahkan oleh Hasan al-Baṣrī sebagai اعتزال yakni yang mengasing dan memencilkan diri. Tidak terkecuali perselisihan dalam masalah akidah ini berlaku di kalangan pengamal-pengamal tarekat atau yang menyandarkan diri mereka kepada tasawuf. Bagaimanapun dapat dilihat isu-isu akidah yang berlaku dalam sebahagian aliran tarekat ini adalah berbahaya kerana boleh mencemarkan nama baik aliran-aliran tarekat yang lain. Walhal ini adalah hasil daripada sesebuah aliran tarekat yang tidak melandaskan manhaj mereka di atas landasan akidah Ahli Sunnah Waljamaah sebagai dasar pegangan.

---

[12] Pengasas Mazhab *Mu‘tazilah* yang wafat pada tahun 748. Mazhab beliau bertapak di Iraq dan berkembang ke serata dunia dan ditentang dengan keras oleh tokoh Ahli Sunnah Waljamaah.

[13] Nama beliau Abū Saʿīd bin Abī al-Ḥasan Yasār al-Baṣrī yang wafat pada tahun 728. Beliau adalah guru kepada Wāṣil yang kemudiannya mengasaskan Mazhab *Mu‘tazilah*.

Perbezaan dalam perkara *Ijtihādiyyah* agama, jika difahami dengan murni, maka ia merupakan rahmat bagi umat Muhammad, seperti perbezaan pemikiran dalam furū‘ akidah, perbezaan mazhab dalam *fiqh*, dan perbezaan tarekat dalam tasawuf. Apa yang menjadi masalah terbesar terhadap umat Muhammad ialah perselisihan dalam usul akidah sehingga membawa kepada saling menyesatkan dan mengkafirkan antara satu sama lain. Masalah ini tidak terhenti setakat tahun 300 Hijrah atau 500 Hijrah, malah berterusan sehingga kini dan sampai kepada tahap berlakunya pertumpahan darah di kalangan umat Muhammad. Malah tidak keterlaluan, dalam beberapa kes tertentu, terdapat beberapa isu-isu politik yang menjadi permasalahan di kalangan umat Islam sehingga membawa kepada budaya kafir-mengkafir dan saling menyesatkan antara satu sama lain. Tidak kira apa jua perselisihan yang berlaku, maka seharusnya apa yang diselisihkan itu dikembalikan rujukannya kepada sumber utama iaitu al-Quran, hadith dan ijmak.

Aspek tasawuf atau kesufian bukanlah suatu perkara yang baharu dalam Islam. Jika dilihat dalam kehidupan para salaf bermula daripada para sahabat, *tābi‘īn*, *tābi‘ al-tābi‘īn* sehingga diikuti oleh golongan terkemudian iaitu *khalaf* (yang hidup selepas kurun 3 hijrah) yang bermanhaj Ahli Sunnah Waljamaah, mereka mempratikkan asas tasawuf, kezuhudan dan akhlak yang mulia dalam kehidupan mereka. Asas tasawuf itu ialah mengimani dengan akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW., kemudian melaksanakan semua perintah Allah yang wajib dan meninggalkan semua larangan Allah. Peringkat ini merupakan asas bagi tasawuf yang disebut oleh ulama sebagai taqwa.

Taqwa itu ialah melaksanakan setiap yang wajib dan meninggalkan setiap yang haram. Untuk seseorang sampai kepada peringkat taqwa ini, mereka tidak perlu untuk mengikuti sebarang tarekat, akan tetapi mereka memerlukan asas tasawuf dengan mempelajari dan mengamalkan ilmu fardu ain yang merupakan kewajipan atas setiap mukallaf untuk mempelajari dan mengamalkannya. Ilmu fardu ain ini merangkumi ilmu usul akidah, kemudiannya disusuli dengan hukum *fiqh* yang bermula dari bersuci sehingga menunaikan haji, kemudian sebahagian hukum-hukum berkait muamalat, dan seterusnya mengenai akhlak iaitu mengenai kewajipan hati, maksiat hati, maksiat lidah, maksiat tangan dan sebagainya.

Seorang Muslim yang mahir dalam ilmu ini, sukar untuk dipengaruhi oleh sebarang ideologi yang bercanggah dengan Islam. Ia boleh diumpamakan sebagai perisian anti-virus yang terdapat pada komputer-komputer pada masa kini yang melindungi komputer daripada serangan virus dan sebagainya, dan perisian anti-virus ini juga perlu dikemaskini setiap waktu bagi membolehkannya sentiasa relevan untuk menahan serangan virus-virus baru dari semasa ke semasa. Begitu juga diri setiap Muslim, perlu sentiasa mengemaskini ilmu di dalam dada kerana sifat manusia itu pelupa. Akibat daripada kejahilan atau kelupaan seseorang Muslim itu, maka dia mudah dipengaruhi oleh aliran-aliran yang menisbahkan nama mereka kepada tarekat yang muktabar.

Secara dasarnya tasawuf merupakan jalan menuju kepada martabat *Iḥsān*[14], dan bukanlah jalan untuk berfalsafah sehingga membawa kepada pegangan yang tersasar daripada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Ini yang membezakan di antara tasawuf yang menuruti acuan falsafah dan tasawuf yang berlandaskan syariat Islam. Aliran tarekat dan tasawuf yang didasari oleh manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah akan melahirkan masyarakat yang harmoni dan bahagia sehingga akhirat yang abadi, manakala aliran tarekat yang didasari oleh manhaj selain Ahli Sunnah Waljamaah maka dikhuatiri apa yang lahir dari mereka akan mengundang kepada kerugian di hari akhirat kelak. Kerana itu, perlu difahami bahawa akidah yang merupakan tunjang agama perlu dimurnikan daripada sebarang konsep *tashbīh*, *tajsīm*, *ḥulūl* dan *ittiḥād*. Tanpa didasari akidah yang benar, amalan seseorang individu itu tidak akan diterima oleh Allah SWT sekalipun dia rajin melakukan ibadah. Imām al-Ghazālī (Ibn Tūmart t.th) menyatakan:

لاَ تَصِحُّ الْعِبَادَةُ إلاّ بَعْدَ مَعْرِفَةِ الْمَعْبُوْد

Maksudnya:

> “Tidak sah ibadah (seorang hamba) kecuali setelah mengenal Allah yang wajib disembah”.

[14] Iḥsān ialah suatu kondisi di mana seseorang yang beriman itu dia beribadah kepada Allah seolah-olah dia melihat Allah SWT, dan sekiranya dia tidak melihat Allah SWT maka dia imani bahawa Allah SWT melihatnya sebagaimana dinyatakan dalam Hadis Jibril diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim.

Islam amat menitik berat terhadap penjagaan akidah dan pegangan seseorang individu, oleh yang demikian, Islam juga disebut sebagai agama tauhid manakala orang yang beragama Islam disebut sebagai golongan *Muwaḥḥidūn* yang bererti golongan yang mentauhidkan Allah SWT. Tauhid merupakan asas kepada agama Islam. Orang yang beragama Islam ialah mereka yang mentauhidkan Allah SWT dengan menyucikan Allah SWT daripada menyerupai makhluk-Nya daripada semua segi dan sudut penyerupaan dengan makhluk. Ini sesuai dengan perkataan yang diucapkan oleh seorang tokong agung dalam ilmu tasawuf iaitu Junayd al-Baghdādī (al-ʻAsqalānī 1986, Abū al-Qāsim t.th):

التوحيد افراد القديم من المحدث

Maksudnya:

> "Tauhid ialah mensucikan Zat yang Qadim (yakni Allah SWT yang wujudnya tanpa permulaan) daripada menyerupai yang muhdath (yakni makhluk yang bersifat baharu)".

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan sejarah yang terpahat, aliran-aliran kesufian yang muncul mendapat maklumbalas yang positif dan tidak kurang juga yang negatif di kalangan masyarakat. Ada yang diterima dengan meluas, ada juga yang ditentang. Penentangan yang berlaku dalam sejarah bukannya berlaku di antara masyarakat awam dengan pengamal tasawuf, namun ia berlaku di antara pengamal tasawuf itu sendiri. Sebagai contoh, pemikiran akidah Siti Jenar yang dianggap sebagai wali Allah ditentang hebat oleh Wali Songo[15] sehingga beliau dihukum mati oleh Wali Songo yang dipimpin oleh Sunan Bonang (Rahimsyah 2006) atas alasan beliau telah mengakui dirinya sebagai Tuhan. Begitu juga pemikiran Hamzah Fansurī yang ditentang oleh Nūr al-Dīn al-Ranīrī (Yusri Mohamad Ramli et.al, 2011) dan pemikiran akidah Ḥallāj yang ditentang ulama sezamannya. Imām Ahmad al-Rifāʻiy yang merupakan pengasas Tarekat al-Rifāʻiyyah juga menolak Ḥallāj atas alasan yang sama. Penentangan dan perselisihan yang berlaku ini adalah

[15] Sidang sembilan wali di Tanah Jawa, Indonesia yang diketuai oleh Sunan Giri. Terdapat pelbagai versi mengenai siapakah yang menjatuhkan hukum terhadap Siti Jenar. Ada yang berpendapat Sultan Demak, ada yang kata Sunan Gunung Jati, ada yang berpendapat Sunan Bonang.

akibat daripada permasalahan akidah seperti fahaman dan *ittiḥād* dengan wacana pemahaman yang salah sehingga membawa pengakuan diri sebagai Tuhan. Ada yang berpendapat bahawa mereka-mereka ini telah sampai kepada tahap tertinggi dalam makrifah sehingga mereka *jazbah* lalu mengakui diri sebagai Tuhan tanpa sedar. Hanya Allah yang mengetahui hal ehwal sebenar mereka.

Namun begitu, koreksi-koreksi yang diketengahkan ulama-ulama di atas terhadap aliran-aliran yang menyandarkan diri mereka kepada kesufian ini tidak boleh dipersalahkan. Mereka dibebani rasa bertanggungjawab dalam memelihara kemurnian akidah masyarakat. Penentangan mereka terbina di atas nilai-nilai akidah yang murni yang berteraskan kepada konsep *tanzīh* dan tauhid kepada Allah SWT.. Mereka ingin memelihara akidah masyarakat daripada elemen-elemen yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang disusun oleh Abu al-Ḥasan al-Ash‘arī dan Abu Mansūr al-Maturīdī. Demikian itu setiap aliran yang menyandarkan kelompok mereka kepada tarekat dan kesufian ini mestilah dinilai berdasarkan kepada neraca akidah dan syariat. Ini kerana akidah dan syariat Islam merupakan tunjang kepada amal ibadah.

Meneliti mengenai pemikiran akidah yang dicetuskan oleh sebahagian aliran tarekat, maka penulis tertarik untuk mengkaji mengenai pemikiran akidah seorang tokoh iaitu Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī. Beliau dikenali sebagai tokoh kesufian yang membawa aliran tarekat Naqshābandīyah, namun beliau lebih selesa menisbahkan aliran beliau kepada nama al-Ḥaqqānī yang berasal daripada perkataan *al-Ḥaq*. Nama Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī ini sangat masyhur dan dikenali ramai di mana nama beliau tersenarai dalam buku *500 Muslim Paling Berpengaruh* terbitan The Royal Islamic Strategic Studies Centre pada tahun 2009 hingga 2013. Beliau mempopularkan tarekat yang dinisbahkan kepada aliran Naqshābandī yang mana asal kewujudan aliran tarekat dibawa oleh al-Qubrūsī ini ialah daripada guru beliau iaitu Shaykh ‘Abd Allāh Fāiz al-Daghestānī.

Aliran al-Ḥaqqānī ini masyhur di kalangan masyarakat awam dan berkembang pesat di Amerika Syarikat, sebahagian Eropah dan sebahagian Asia Tenggara. Mereka mempunyai pusat-pusat atau dikenali dengan nama *Zāwiyyah*[16] yang dibiayai hasil

[16] Iaitu markaz yang diwujudkan bagi sesebuah aliran tareqat di mana sebarang majlis rasmi akan dianjurkan di tempat ini seperti majlis zikir dan sebagainya.

daripada dana kebajikan. Aliran ini dilihat begitu sinonim dengan majlis zikir dan selawat. Persoalannya, siapakah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī? Mengapakah beliau begitu masyhur sehingga dinobatkan sebagai antara tokoh berpengaruh dalam buku *500 Muslim Paling Berpengaruh*? Persoalan ini akan melatari objektif kajian yang pertama. Lumrah orang yang masyhur dan dikenali serata dunia, sudah tentu ada menerima pujian dan kritikan. Bak kata pepatah Melayu:

"Harimau mati meninggalkan belang, Manusia mati meninggalkan nama"

Nama Shaykh Nāẓim bukanlah nama yang asing di abad ke-20. Nama beliau dikenali sebagai tokoh yang membawa aliran Naqshābandī ke seluruh dunia. Bahkan sebagaimana dinyatakan, di sisi anak muridnya, Shaykh Nāẓim merupakan seorang wali yang tinggi darjatnya, seorang mujaddid zaman ini, seorang pakar yang boleh memberikan fatwa, silsilah sanadnya adalah yang paling tulen dan terakhir di zaman ini.

Di peringkat dunia, Shaykh Nāẓim mendapat pengiktirafan sebanyak 5 kali oleh *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim* yang diterbitkan oleh The Royal Islamic Strategic Studies Centre, Jordan. Pada 2009 dan 2010, beliau menduduki tempat ke-49 sebagai tokoh Islam yang berpengaruh. Kemudian pada tahun 2011, kedudukan beliau meningkat ke tempat ke-48. Pada 2012, beliau menduduki tempat ke-45 dan seterusnya pada tahun 2013, beliau naik ke tangga ke-42. Setelah kematian beliau pada Mei 2014, beliau dikeluarkan daripada senarai tersebut (The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim 2009, 2010, 2011, 2012, 2013).

Selain daripada pengiktirafan yang diberikan oleh *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim*, Shaykh Nāẓim turut menerima pengiktirafan daripada golongan bangsawan dan istana seperti DYMM Sultan Hasanal Bolkiah, Sultan Brunei Darussalam, Dato' Sri Raja Ashman Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Kechil Sulong bagi Negeri Perak Darul Ridzuan dan Sir Sultan Hamengkubuwono X of Indonesia. Beliau turut menerima Pingat Darjah Kebesaran DKA (Degree Of Kinship to the Azlani's Award) daripada DYMM Sultan Azlan

Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah bersempena dengan sambutan Jubli Perak ke-25 pada tahun 2009.

Shaykh Muḥammad Ishtiyāq Shāh Qadrī yang bertarekat Chistiyyah dan Naqshābandiyyah, yang dikenali sebagai Baba Ishtiyāq Naqshābandī, seorang pemimpin tarekat tersebut di Dubai, dalam kata pengantarnya terhadap buku *Malfoozaat of Maulana Shaykh Muhammad Aadil Ar-Rabbani* telah memuji Shaykh Nāẓim dengan pujian yang melangit. Begitu juga Shaykh ‘Abd Allāh Tīrānī dari Izmir, Turki dalam kata pengantarnya terhadap buku *Malfoozaat of Maulana Shaykh Muhammad Aadil Ar-Rabbani Volume 1* turut memuji Shaykh Nāẓim sebagaimana katanya:



> “Our Moulana Sheikh Muhammed Nāẓim was a great beloved of Allah SWT without a doubt. From east to west, south to north, he conquered everyones love. He gained everyones love. Every mureed can tell you a miracle happened between himself and Moulana. So many people who had not heard about tariqat, saw Moulana in their dreams. I gave these examples because talking about him is beyond my limit. He was the Sultan of hearts. Sultan’s always leave the best and the biggest legacy as they are the richest people ever. Our Sultan was the richest person in the world. He was having a great treasure which money or gold or gems cannot buy. He was the owner of peoples love. So his legacy is the one of the biggest and most precious legacy ever.”

Maksudnya:

> “Guru kita Shaykh Muhammad Nāẓim adalah kekasih Allah SWT tanpa ragu. Dari timur ke barat, selatan ke utara, dia telah menawan kasih sayang semua orang. Dia telah mendapatkan kasih sayang semua. Setiap murid boleh memberitahu karamah yang berlaku antara dirinya dan beliau. Terlalu ramai orang yang tidak pernah mendengar mengenai tarekat, telah melihat beliau dalam mimpinya. Dia adalah ‘Raja’ dalam hati. Raja sentiasa meninggalkan yang terbaik dan legasi yang besar kerana beliau adalah orang terkaya. ‘Raja’ kita (Shaykh Nāẓim) adalah insan paling kaya di dunia. Beliau mempunyai kekayaan yang agung di mana duit atau emas atau permata tidak boleh membelinya. Beliau adalah pemilik kasih sayang manusia. Oleh demikian, legasinya itu adalah antara yang terbesar dan legasi paling berharga”.

Pujian dan pengiktirafan terhadap beliau ini menunjukkan bahawa beliau mendapat satu kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat. Ia juga merupakan petanda bahawa ajaran beliau menjadi praktis di kalangan sebahagian masyarakat Islam dari lapisan awam sehingga kepada lapisan yang tinggi.

Selain daripada beberapa pujian yang diterima oleh Shaykh Nāẓim, beliau juga turut menerima kritikan yang banyak dari ramai pihak. Antara kritikan yang dikemukakan ialah daripada anak-anak murid Shaykh ‘Abd Allāh al-Hararī . Antaranya Shaykh Samīr al-Qāḍī, yang berasal dari Lubnan dalam karangannya *The Unveiling of Nāẓim al- Qubrūsī's Misguidance and The Irrefutable Proof that Nāẓim al-Qubrūsī Negates Islam*, Abū Houdhayfah ‘Alī Fichet bin Rujjār bin Maurice al-‘Urdumāniyy al-Faransiyy juga turut mengemukakan kritikan terhadap Shaykh Nāẓim sebagaimana kritikan Shaykh Samīr dalam karangannya *Exposure of Nāẓim al-Qubrūsī and Guidance for the Wanderers*.

Mufti Daghestan, Sayyid Ahmad bin Sulaymān Darwish Hajiyū turut menyokong menyokong kenyataan Shaykh Samīr dengan mengemukakan kritikan terhadap silsilah Tarekat Ḥaqqānī. Beliau mendakwa silsilah sebagai palsu dan tidak boleh dipercayai. Malah dalam kenyataan bertulisnya, menyatakan bahawa Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī bukanlah seorang Shaykh tarekat yang benar. Kenyataan yang sama juga dikemukakan dalam *Majalah al-Afkār, siri 898* yang diterbitkan di Beirut, Lubnan pada November 1999. Tulisan Shaykh Samīr dan Abū Houdhayfah kemudiannya diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia dan diedarkan di Indonesia dan Malaysia dengan tajuk *Mewaspadai Bahaya Golongan Sesat* yang diterbitkan pada tahun 2002 dan *Mewaspadai Ajaran-Ajaran Sesat di Luar Ahlussunnah wal Jama'ah* yang diterbitkan pada tahun 2006.

Selain dari Syahamah, di Indonesia juga berlaku konflik antara Tarekat Ḥaqqānī dan golongan *pesantren* serta para *Habāib* di Indonesia (Makhasin 2015). Kritikan terhadap Shaykh Nāẓim, Shaykh Hishām dan tarekatnya berlaku dengan beberapa pihak seperti yang disebut oleh Luthfi Makhasin dalam tesis Ph.D beliau. Antara yang disebut ialah Habib Munzir Musawa yang mengkritik pengamalan Tarekat Ḥaqqānī yang dikatakan menyimpang daripada ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Habib Munzir turut mendakwa bahawa Shaykh Nāẓim, Shaykh Hishām dan tarekatnya berwenang dengan hubungan antara lelaki dan wanita kerana menganjurkan majlis zikir dengan percampuran antara keduanya (Makhasin 2015).

Habib Luthfi bin Yahya, Ketua Umum Jam'iyyah Ahlith Thariqah Al-Mu‘tabarah An-Nahdliyyah (JATMAN), Wahfiudin, Koordinator Tarekat Qādiriyyah Naqshābandiyyah Jakarta (TQN) dan Lukman Hakim, Timbalan Tarekat Shāzuliyyah Pesulukan Thoriqot Agung (PETA) turut mengkritik Shaykh Nāẓim, Shaykh Hishām dan tarekatnya dalam isu dakwaan terhadap karamah yang melampau. Mereka juga mengkritik dakwaan bahawa Shaykh Nāẓim adalah satu-satunya wali yang masih hidup di dunia, dakwaan bahawa Shaykh Nāẓim adalah Sultan al-Awliyaa’ dan pemegang terakhir sanad Tarekat Naqshābandī (Makhasin 2015).

Masih lagi di Indonesia, dalam sebuah majalah bernama *al-Kisah* yang popular di Indonesia, terbitan edisi 15-28 Jun 2009, siri 12, menyatakan kritikan KH Syarifudin Amsir, salah seorang pemimpin tertinggi Pengurus Besar Nahdlatul Ulama (PBNU) terhadap Shaykh Nāẓim dan tarekatnya. Beliau mengkritik mengenai dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa Imām Mahdī a.s akan muncul sewaktu hidupnya. Turut mengkritik dari kalangan PBNU ialah KH Azis Masyhuri, Pengerusi Rimbawan Muda Indonesia (RMI) menerusi bukunya *Ensiklopedia 22 Aliran Tarekat dalam Tasawuf* yang dilancarkan pada Jun 2012 (Makhasin 2015).

Tidak ketinggalan di Malaysia, walaupun Shaykh Nāẓim mempunyai hubungan rapat dengan Kerabat diRaja Perak, Shaykh Nāẓim dan tarekatnya difatwakan sebagai sesat dan menyalahi pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Kali ke-48, 3 April 2000, para mufti bersetuju menyatakan:

> “a. Tariqat Naqshābandīah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Shaykh Nāẓim bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat.
>
> b. Semua negeri dikehendaki memfatwa dan mewartakan bahawa Tariqat Naqshābandīah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Shaykh Nāẓim diharamkan dan tidak boleh diamalkan oleh umat Islam kerana ia bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.”

Beberapa negeri di Malaysia turut mewartakan fatwa ini seperti Wilayah Persekutuan dan Kedah Darul Aman.

Hal ini mengundang keinginan penulis untuk mengkaji pemikiran akidah beliau yang melatari gagasan tarekat yang dipimpin oleh beliau. Pemikiran akidah ini akan dinilai secara adil terutama dalam isu-isu akidah merangkumi ketuhanan, kenabian dan *Ghaybiyyāt* di mana secara dasarnya penulis akan menggunakan kajian pustaka sebagai wadah utama penulisan ini. Penulis telah meneliti sebab-sebab mengapa ajaran Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī difatwakan sebagai menyeleweng dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 48 pada Tahun 2000, antara sebab utama ialah kerana ajaran beliau dikatakan mempercayai akan kekuatan wali yang boleh memberi kesan kepada ibadah haji seseorang setiap tahun. Tanpa wali-wali ini berkumpul sewaktu musim haji, maka ibadah haji seluruh manusia tidak lengkap. Begitu juga, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 48 pada Tahun 2000 melihat bahawa ajaran ini meyakini kuasa mutlak khalifah tarekat, pengamalan suluk yang bercanggah, pengagungan terhadap kubur dan lain-lain.

Selain itu, terdapat beberapa karya utama yang telah dihasilkan Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī yang mana jika diteliti dalam karya-karya beliau seperti *Mercy Oceans*, beliau menyatakan bahawa semua agama adalah sama pada pandangan Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Al-Qubrūsī juga menerapkan nilai ajaran bahawa arahan daripada guru tarekat merupakan arahan Allah SWT memandangkan kehendak guru adalah kehendak Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Al-Qubrūsī turut mendakwa bahawa makhluk itu bersifat Azali sebagaimana Allah SWT tanpa permulaan bagi kewujudannya (al-Qubrūsī 1980). Turut dinyatakan juga dalam tulisan beliau bahawa Allah mempunyai anggota muka dan di akhirat, orang beriman akan melihat muka Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Hasil penelitian terhadap pegangan-pegangan ini membawa kepada persoalan, apakah pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī? Apakah pegangan beliau dalam masalah ketuhanan, kenabian dan *Ghaybiyyāt*? Persoalan ini merupakan dasar yang melatari objektif kajian yang kedua.

Penulis mendapati bahawa aliran tarekat yang dibawa oleh al-Qubrūsī ini telah difatwa sesat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 3 April 2000, Majlis Fatwa Negeri Kedah Darul Aman pada 12 Disember 2002, Majlis Fatwa Negeri Melaka pada 29 September 2011 dan Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan pada

2002. Juga didapati satu surat yang ditulis tangan oleh Mantan Mufti Negeri Sembilan, SS Dato' Haji Mohd Murtadza bin Haji Ahmad Mufti juga menyatakan bahawa aliran al-Qubrūsī ini terkeluar daripada landasan Ahli Sunnah Waljamaah. Selain itu, terdapat fatwa daripada Mufti daripada negara Daghestan (tempat asal Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī, guru kepada al-Qubrūsī) yang menyatakan bahawa aliran al-Qubrūsī ini terputus rantaian sanad tarekat kepada Naqshābandī yang asli. Semua fatwa-fatwa yang terhasil ini adalah merujuk kepada pemikiran akidah yang dibawa oleh al-Qubrūsī dalam aliran tarekatnya. Persoalannya, benarkah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan pemikiran akidahnya tersasar daripada aliran Ahli Sunnah Waljamaah? Apakah manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi perbandingan terhadap pemikiran al-Qubrūsī? Persoalan ini melatari objektif kajian ketiga bagi mendapat gambaran sebenar akidah Ahli Sunnah Waljamaah sebelum penilaian dilakukan terhadap pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī.

Pemikiran akidah yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī mempunyai pengaruh di Malaysia, ini boleh dilihat menerusi fatwa-fatwa yang dikeluarkan terhadap ajaran beliau. Jika tiada pengaruh, masakan terdapat fatwa-fatwa yang dikeluarkan terhadap beliau oleh beberapa Jabatan Mufti Negeri di Malaysia. Namun begitu, walaupun terdapat fatwa-fatwa yang berautoriti menjelaskan bahawa aliran al-Qubrūsī tersasar daripada landasan Ahli Sunnah Waljamaah, ajaran beliau masih tetap berkembang seiring dengan perkembangan zaman dengan kehadiran anak murid al-Qubrūsī iaitu Shayikh Hisham al-Kabbānī pada 2012, 2013 dan 2014. Hal ini masih berlaku kerana ada yang mempertikaikan dan mengatakan Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam telah menarik balik fatwa mengenai Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī. Di antara mereka yang mempertikaikan fatwa ini adalah berhujahkan bahawa Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam tidak memahami isi-isi dan pengamalan yang terkandung dalam ajaran Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan menghukumnya secara zahir sahaja.

Pertikaian-pertikaian ini akhirnya membawa kepada tindakan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Hj. Husin untuk membuat satu sidang media pada 20 April 2015 menjelaskan bahawa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis

Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 48 pada Tahun 2000 terhadap ajaran Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī adalah dikekalkan di mana ia bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam.

Penulis memandang bahawa perlu adanya suatu kajian mendalam terhadap pemikiran akidah yang ditelusuri oleh Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan membandingkannya dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Perbandingan yang dibuat adalah tertumpu kepada pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan manhaj akidah yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh Ahli Sunnah Waljamaah. Kajian ini membentuk suatu kefahaman dan penghujahan yang konkrit dan telus terhadap isu-isu yang melatari pemikiran akidah yang diketengahkannya sama ada menepati kehendak Ahli Sunnah Waljamaah atau bercanggah. Apakah beliau mematuhi prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah? Sekiranya didapati tersasar, sejauh manakah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan pemikiran akidahnya tersasar daripada aliran Ahli Sunnah Waljamaah? Persoalan ini melatari objektif kajian yang terakhir.

Kesimpulannya, hasil daripada sorotan-sorotan masalah di atas, penulis memilih tajuk Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī Menurut Ahli Sunnah Waljamaah bagi merungkai, memperinci dan menjawab persoalan-persoalan yang timbul berkaitan dengan kenyataan Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī yang merupakan representasi pemikiran akidahnya. Pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī merupakan fokus kajian penulis, di mana penulis sebaik mungkin akan membandingkan apa yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dalam karya-karya utamanya dengan apa yang diputuskan oleh ulama-ulama Ahli Sunnah Waljamaah daripada aliran al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah dalam karya-karya rujukan utama Ahli Sunnah Waljamaah.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Penulis akan merungkaikan beberapa permasalahan dalam kajian yang diketengahkan ini dengan beberapa persoalan seperti berikut:

i. Siapakah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī?

ii. Apakah pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī?

iii. Apakah manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah?

iv. Sejauh manakah pematuhan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī terhadap manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada persoalan di atas, objektif kajian antara lain adalah seperti berikut:

i. Mendedahkan secara ringkas mengenai profil Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī, tempat lahir, tahun lahir, pendidikan, guru dan anak muridnya;

ii. Mengkaji pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dalam karya-karyanya dan menjadikannya sebagai fokus kajian;

iii. Menghurai secara ringkas manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam isu ketuhanan, kenabian dan *Ghaybiyyāt*; dan

iv. Menganalisis dan menilai kepatuhan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī terhadap prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan kepada beberapa skop utama supaya ia tidak tersasar daripada objektif-objektif yang dinyatakan seperti berikut:

i. Dari aspek tokoh yang dikaji, kajian hanya menumpukan kepada keperibadian al-Qubrūsī dan bukan selainnya dalam membicarakan isu-isu bertemakan pemikiran akidah semata-mata.

ii. Dari aspek pemikiran yang dikaji, kajian hanya menumpukan kepada menggali dan mencari, seterusnya menghurai mengenai prinsip-prinsip akidah yang melatari pemikiran akidah al-Qubrūsī dalam karya-karya beliau.

iii. Dari aspek isu yang dikaji, kajian akan merungkai isu-isu akidah yang diketengahkan oleh al-Qubrūsī dalam karya-karya beliau mengenai ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara pokok akidah yang lain, dan kemudian membuat penilaian ke atas isu-isu tersebut dengan mengaplikasikan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah sebagai fokus utama analisis berdasarkan kepada karya-karya rujukan utama Ahli Sunnah Waljamaah.

iv. Dari aspek karya yang dikaji, penulis hanya meneliti karya-karya Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī yang didapati di pasaran sama ada dalam bentuk salinan keras mahupun salinan lembut. Berikut merupakan karya-karya yang menjadi subjek kepada kajian ini dan hanya terbatas kepada karya-karya ini sahaja:

1. *Mercy Oceans*
2. *Mercy Oceans (Book Two)*
3. *Mercy Oceans' Rising Sun*
4. *Mercy Oceans' Emeralds of Eden*
5. *Defending Truth*
6. *Rubies of Resplendence*
7. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1*
8. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 2*
9. *Liberating The Soul: A Guide For Spiritual Growth Volume 5*
10. *99 Drops From Endless Mercy Oceans (Selected Speeches by Syeikh Nazim)*
11. *Love*
12. *Bridge to Eternity*

Karya-karya yang dinyatakan merupakan karya asli Shaykh Nāẓim, meskipun ia adalan salinan semula ucapan atau pengajian yang disampaikan oleh beliau, namun ia diperakui oleh beliau. Malah penulis telah meneliti karya-karya ini di

mana ada diantaranya diberi kata pengantar oleh Shaykh Nāẓim sendiri dan ada yang diberi kata pengantar oleh anak murid Shaykh Nāẓim. Malah sebahagian besar karya-karya ini mempunyai hakcipta atas nama Shaykh Nāẓim sendiri. Sebahagian karya-karya ini ada yang boleh didapati dalam laman sesawang rasmi Naqshābandī Ḥaqqānī iaitu tarekat pimpinan Shaykh Nāẓim sendiri. Begitu juga penulis tidak mendapati sebarang penafian rasmi daripada mereka terhadap karya-karya ini. Setelah penulis membaca keseluruhan karya-karya ini, penulis mendapati terdapat kesinambungan yang banyak antara setiap karya.

v. Dari aspek rujukan karya perbandingan, ia daripada kalangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah dari karya berbahasa arab dan melayu, yang terdahulu dan terkemudian antaranya seperti:

1. *Al-Fiqh al-Akbar*
2. *Al-ʻAqīdah al-Tohāwiyyah*
3. *Al-ʻAqīdah al-Nasafīyyah*
4. *Jawharah al-Tauhīd*
5. *Umm al-Barāhīn*
6. *Hidāyat al-Mutafakkirīn*
7. *Sullam al-Mubtadī*
8. *Irshād al-ʻIbād ila Sabīl al-Rashād*
9. *Hidāyat al- Ṣibyān fī Maʻrifat al-Islām wa al-Imān*
10. *Bidāyat al-Mubtadī wa ʻUmdat al-Awlād*

vi. Dari sudut batasan masa, kajian ini terbatas setakat penelitian penulis sehingga tahun 2019.

vii. Selain itu, penulis tidak terlalu memfokuskan kepada perbandingan persamaan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī pada perbahasan kerana perkara yang mempunyai persamaan ini lazimnya tidak menimbulkan persoalan. Bagaimanapun, persamaan ini dijelaskan juga dalam bab tiga. Dalam bab empat, penulis banyak membataskan kajian terhadap sudut perbezaan antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara dasarnya, penulis menggariskan lima kepentingan dalam kajian yang dihasilkan ini seperti berikut:

i. Kajian ini menyediakan ringkasan profil mengenai Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī merupakan pemimpin kepada gerakan al-Ḥaqqānī yang terkenal di Amerika Syarikat, Eropah Asia Barat dan Asia Tenggara;

ii. Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan terhadap isu-isu berhubung kait dengan pemikiran akidah al-Qubrūsī yang telah difatwakan bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Fatwa ini berkisar pertembungan-pertembungan yang berlaku di antara pemikiran akidah al-Qubrūsī dan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah secara dasarnya, sekaligus menimbulkan persoalan dan rasa ingin tahu di kalangan masyarakat mengenai hakikat sebenar pemikiran akidah al-Qubrūsī ini;

iii. Kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada kajian seterusnya yang lebih mendalam supaya maklumat yang tepat dan jitu dapat disalurkan kepada badan-badan berautoriti dalam hal ehwal agama di Malaysia iaitu Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam membuat pertimbangan untuk mengekalkan fatwa sedia ada atau menarik fatwa tersebut kembali.

iv. Kajian ini melihat kepada dasar permasalahan yang membabitkan isu-isu pokok akidah serta natijah perpecahan umat khusunya di Malaysia disebabkan perselisihan yang berlaku berhubung isu tersebut, sebagai contoh, kurang rasa hormat masyarakat terhadap institusi fatwa kerana ketiadaan maklumat yang jelas mengenai asas fatwa yang membahaskan isu ini. Analisis yang dihasilkan dalam kajian ini diharapkan dapat menjadi lampu suluh kepada masyarakat Islam dalam memilih manhaj tarekat (sekiranya berkehendak) berdasarkan kaedah yang telah ditelusuri oleh jumhur umat ini; dan

v. Kajian ini diharapkan memberi sumbangan akademik kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia terutama Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah berhubung penulisan dalam bidang akidah khususnya perbahasan mengenai kaedah dan jalan terbaik dalam menghurai isu-isu akidah yang cuba diketengahkan oleh sebahagian aliran yang disandarkan kepada institusi tarekat.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Bagi menghasilkan kajian yang benar-benar berkualiti dan mematuhi standard yang digunapakai, maka metodologi kajian merupakan suatu aspek yang sangat penting. Ini bagi memastikan keseluruhan kerangka dan prosedur kajian yang dijalankan adalah tersusun sehingga peringkat akhir kajian merangkumi kesimpulan dan natijahnya. Metodologi kajian yang digunakan juga bertindak sebagai indikator atau kayu ukur bagi menentukan keabsahan kajian, kekuatan data yang dikumpul dan hasil penemuan kajian. Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan metodologi pola kualitatif. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Penganalisaan Data.

1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah ini melibatkan beberapa prosedur dan proses seperti pencarian data, pengumpulan data serta merekod data-data berkaitan dengan fokus serta skop kajian yang dijalankan. Metodologi ini digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting yang boleh digunapakai dalam kajian. Memandangkan data-data yang dikumpulkan oleh penulis mestilah bersifat autentik, maka kajian ini hanya memfokuskan kepada pemilihan sumber-sumber bersifat primer tanpa mengenepikan sumber sekunder yang berkaitan. Penulis akan memilih beberapa karya utama Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī seperti *Mercy Oceans*, *Mercy Oceans (Book Two), 99 Drops From Endless Mercy Oceans* dan selainnya.

Penulis turut menggunakan metodologi ini untuk mengumpul data yang berkait dengan subjek yang dikaji oleh penulis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara dasarnya, antara dokumen yang menjadi perhatian penulis ialah buku, ensaiklopedia, disertasi, tesis, artikel jurnal, kertas kerja bercetak sama ada yang

diterbitkan atau yang tidak diterbitkan dan sebagainya. Maklumat-maklumat yang bakal diperolehi tersebut akan dirakamkan di dalam bab kedua, ketiga dan keempat. Sumber yang berbentuk lisan atau artifak adalah tidak diperlukan kerana kajian ini hanyalah memerlukan penilaian terhadap pemikiran akidah Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dan ulama Ahli Sunnah Waljamaah sahaja. Oleh yang demikian, penulis turut mencari karya-karya akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang akan digunakan bagi menganalisis pemikiran akidah Shaykh Nāẓim.

1.8.2 Kaedah Penganalisaan Data (Kritikan Sumber)

Setelah memperolehi dan merekodkan data primer dan sekunder, proses penganalisaan data merupakan satu peringkat yang penting dalam kajian ini. Penulis akan melakukan penilaian krikital terhadap data-data primer dan sekunder yang diperolehi bagi menentukan bahawa data yang diperolehi adalah signifikan. Penulis turut melakukan analisis terhadap data yang diperolehi bagi mendapatkan maklumat terperinci dan komprehensif terhadap al-Qubrūsī dan pemikiran akidahnya. Antara metodologi yang digunakan penulis untuk menganalisis data adalah seperti berikut:

a. Metodologi Induktif

Metodologi ini merupakan kaedah menganalisis data dan maklumat yang bersifat khusus untuk mencapai satu kesimpulan yang berbentuk umum. Demikian itu, penulis akan merumuskan secara umum beberapa data khusus telah dianalisis. Penulis akan melihat pada zahir permasalahan di mana ajaran al-Qubrūsī telah difatwakan sebagai bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam, namun begitu kesimpulan ini adalah tersangat umum. Maka penulis bertanggungjawab mencari perincian-perincian yang membawa kepada kesimpulan umum ini.

Metodologi ini juga akan dijadikan asas bagi menyokong atau menolak kajian yang dijalankan oleh penulis. Kaedah ini akan dilaksanakan pada keseluruhan kajian terutama menganalisis manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah dalam menilai pemikiran akidah al-Qubrūsī khususnya isu-isu akidah

dalam karya beliau. Sebagai contoh, al-Qubrūsī disimpulkan oleh beberapa institusi fatwa sebagai menyeleweng, setelah kajian dilakukan, maka akan dilihat apakah benar kesimpulan yang telah difatwakan itu. Satu kesimpulan umum berkenaan perkara-perkara tersebut akan dibentuk dari data-data khusus yang telah direkodkan oleh penulis dalam bab tiga dan empat.

b. Metodologi Deduktif

Metodologi ini merupakan kaedah penghuraian masalah secara terperinci berasaskan kepada sebuah kerangka teori atau *theoretical framework*. Kaedah ini menganalisa data dan maklumat yang bersifat umum untuk mencapai satu kesimpulan yang khusus. Gagasan pemikiran akidah al-Qubrūsī tidak didapati secara khusus dalam mana-mana karya beliau. Penulis akan mengekstrak pemikiran akidah al-Qubrūsī dan seterusnya membentuknya kembali menjadi suatu gagasan pemikiran akidah yang lebih tersusun. Demikian itu, penulis menggunakan metodologi ini secara khusus dalam membentuk pemikiran akidah al-Qubrūsī khususnya isu-isu akidah dalam karya beliau. Sebagai contoh, kenyataan al-Qubrūsī berkait dengan sifat-sifat Allah SWT membawa kepada kesimpulan bahawa beliau mempunyai kecenderungan kepada fahaman menjisimkan Allah SWT.

c. Metodologi Komparatif

Metodologi ini merupakan suatu proses membuat perbandingan serta penilaian terhadap beberapa data dan fakta yang direkodkan dalam sesuatu penyelidikan. Ia bertujuan bagi mencari persamaan dan perbezaan dua unsur atau lebih yang serupa dalam data yang direkodkan. Dalam kajian ini, ia juga merupakan aktiviti utama dalam penganalisaan data. Ia digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini terutama sewaktu berinteraksi, menilai-banding serta menganalisis fakta-fakta yang secara umumnya terdapat perselisihan padanya antara pemikiran akidah al-Qubrūsī dan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Metodologi perbandingan ini akan menzahirkan kesimpulan yang lebih autentik dalam menyimpul dan mengulas pemikiran akidah dalam karya al-Qubrūsī. Ia juga membantu dari mengelakkan kajian ini bersifat bias terhadap pemikiran akidah al-Qubrūsī. Semua bentuk persamaan dengan Ahli Sunnah Waljamaah akan dibentang terlebih dahulu dalam bab tiga dan seterusnya apa yang

dianggap sebagai perbezaan itu akan dibentang dan dianalisis menggunapakai metodologi ini sepenuhnya di dalam bab empat.

1.9 KERANGKA TEORI DAN KONSEP

Penulis membentuk kerangka teori adalah bermula dengan melihat kepada sumber-sumber terbinanya pemikiran akidah. Lazimnya dalam pengkajian berkaitan dengan Islam, tidak dapat tidak sumber asasnya ialah al-Quran, hadith dan ijmak. Hal ini sesuai dengan firman-Nya (Surah Al-Hāqqah 69: 51):

وَإِنَّهُ لَحَقُّ الْيَقِينِ

Maksudnya:

> “Dan sesungguhnya al-Quran itu adalah kebenaran yang diyakini (dengan seyakin-yakinnya).”

Manakala bagi menjelaskan keabsahan hadith pula, Allah SWT berfirman (Surah Al-Hashr 59: 7):

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

> “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahnya).”

Kehujahan ijmak pula diambil dari sabdaan Nabi:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ، وَيَدُ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ)[17]

[17] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Fitan*, *Bāb Mā jā' fī Luzūm al-Jamā'ah*. No. Hadith 2168.

Maksudnya:

> Daripada Ibn ‘Umar r.a bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT tidak akan menghimpunkan umatku dalam kesesatan, dan bantuan Allah SWT adalah bersama al-Jama‘ah”

Selain yang di atas, dalam ilmu akidah terdapat suatu jenis pendalilan iaitu *‘aqlī* atau pendalilan akal yang akan menyokong kebenaran sumber-sumber asas. Allah SWT berfirman (Surah al-Mulk 67: 10):

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

Maksudnya:

> “Dan mereka berkata sekiranya kami mendengarkan atau memikirkan (peringatan itu) nescaya tidaklah kami termasuk penghuni-penghuni Neraka yang menyala-nyala.”

Sumber-sumber yang digunakan ini akan membentuk suatu *worldview* atau pandangan semesta seseorang dan dalam konteks kajian ini ialah pemikiran akidah seseorang.


Bagaimanapun, bukan semua orang mampu untuk mengekstrak dalil-dalil di atas melainkan mereka yang benar-benar mahir dan diperlengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu berkaitan. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti teks-teks yang terkandung dalam karya-karya ulama Ahli Sunnah Waljamaah sama ada dari kalangan *salaf* seperti *Fiqh al-Akbar* karangan Imām Abū Ḥanīfah al-Nuʿmān b. Thābit dan *Akidah al- Ṭaḥāwiyyah* karangan Imam Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad al-Ṭaḥāwī, mahupun *khalaf* daripada ulama bermanhaj Ahli Sunnah Waljamaah yang mengikuti Imām Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī dan Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī seperti karya-karya Bahasa Arab karangan Imam al-Baihaqī, al-Nawawī, al-Ghazālī, al-Suyūṭī, Ibn ‘Asākir, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, al-Qurṭūbī, al-Subkī, dan ramai lagi. Tidak lupa juga karya dalam Bahasa Melayu yang dikarang oleh Syeikh Wan Dawud bin Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris al-Fatani, Syeikh Hussein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Thayyib bin Mas'ud dan ramai lagi.

Seterusnya penulis akan meneliti karya-karya Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī untuk melihat apakah pemikiran akidah yang ditelusuri oleh beliau. Hal ini kerana Shaykh

Nāẓim tidak mempunyai sebarang karya yang spesifik mengetengahkan apakah pemikiran akidah yang diketengahkan oleh beliau kepada pengikut-pengikut tarekatnya. Penulis akan meneliti isu-isu yang terkait dengan ketuhanan, kenabian dan hal-hal ghaib.

Setelah itu, kerangka teori ini akan membandingkan di antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī dengan Ahli Sunnah Waljamaah daripada sudut persamaan dan perbezaan. Ini merangkumi penggunaan dalil, rukun Islam dan Iman, serta isu-isu yang mendalam mengenai ketuhanan, kenabian dan hal-hal ghaib. Justeru itu, beberapa tema perbincangan akan melatari kajian ini iaitu [1] Pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī, [2] Manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah [3] Perbandingan di antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī dan Ahli Sunnah Waljamaah.


Hasilnya satu kerangka seperti di Rajah 1 dapat dibina menggunakan model CIPP (*Context-Input-Proses-Product*) yang diolah oleh Stufflebeam (2003) yang juga dikenali sebagai penilaian yang berorientasikan penambahbaikan Stufflebeam (*Stufflebeam's Improvement-Oriented Evalluation*). Asas model ini menggunakan kempat-empat dimensi iaitu konteks-input-proses-produk atau kombinasi dari mana-mana dimensi tersebut secara berurutan.



Rajah 1.1: Kerangka teori perbandingan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī dengan Ahli Sunnah Waljamaah

Manakala bagi kerangka konsep pula, penulis meletakkan asasnya seperti di Rajah 2. Kerangka konsep ini menjelaskan bahawa penulis akan meneliti karya-karya Shaykh

Nāẓim Al-Qubrūsī untuk melihat pemikiran akidah beliau dari aspek ketuhanan, kenabian dan *Ghaybiyyāt* dan setelah itu penulis juga meneliti karya-karya ulama Ahli Sunnah Waljamaah dari kalangan *salaf* dan *khalaf* bagi mendapatkan konsep pemikiran akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Setelah membuat perbandingan, maka hasilnya akan membentuk pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī berdasarkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.



Rajah 1.2: Kerangka konsep pemikiran akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī menurut Ahli Sunnah Waljamaah

1.10 DEFINISI OPERASI TAJUK

Secara dasarnya 'Pemikiran Akidah' tidak mempunyai takrifan yang khas. Hal ini kerana definisi yang sering digunakan ialah '*Religious Thought*' atau 'Pemikiran Agama' oleh beberapa tokoh sarjana seperti Gibb H.A.R (1972), Muhammad Noor Nabi (1962). Bagaimanapun telah ada beberapa kajian yang menggunakan tajuk / tema yang sama iaitu 'Pemikiran Akidah' seperti Dr. Abdull Rahman Mahmood (2006), Mohd Faizul Azmi (2013), Mohd Umar Mohamed Salleh (2011), Dr. Mohd Haidhar Kamarzaman (2017) dan lain-lain. Dapatlah disimpulkan, 'Pemikiran Akidah' merujuk kepada bentuk dan gagasan pemikiran mengenai keyakinan yang diasaskan atau ditelusuri oleh seseorang tokoh yang boleh didapati daripada ucapan atau tulisan tokoh tersebut.

'Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī' merujuk kepada nama tokoh yang dikaji yang lahir pada 21 April 1922 di Cyprus. Penulis akan menumpukan usaha untuk mengkaji

pemikiran akidah yang dibawa oleh beliau di bawah gagasan Tarekat Naqshābandī Ḥaqqānī.

'Menurut Ahli Sunnah Waljamaah' adalah merujuk kepada perbandingan pemikiran akidah yang digagaskan oleh Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Ahli Sunnah Waljamah dalam tajuk ini merujuk kepada susunan akidah Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī yang mempelopori Mazhab Ali Sunnah Waljamaah dalam bidang akidah. Ia juga meliputi akidah golongan salaf yang terdahulu sebelum kedua-dua tokoh ini.

1.11 SOROTAN LITERATUR

Bagi tujuan kajian literatur, penulis membahagikan kepada tiga tema utama iaitu: (i) kajian biografi yang didapati dalam lapangan keilmuan secara langsung terhadap Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī mahupun yang tidak langsung, (ii) kajian atau karya yang membicarakan mengenai pemikiran akidah atau isu-isu berkaitan dengan beliau, dan (iii) kajian berlatar belakangkan perbandingan terhadap pemikiran akidah tokoh-tokoh tertentu terutama yang menyandarkan teras aliran mereka kepada tarekat dan tasawuf.

Al-Qubrūsī dikenali umum sebagai tokoh kesufian yang membawa aliran Ḥaqqānī yang dinisbahkan kepada Naqshābandiyyah. Gerakan beliau masyhur di Amerika Syarikat dan Eropah di mana pusat gerakan beliau tertumpu di kebanyakan tempat di sana. Bagaimanapun, terdapat juga pusat gerakan beliau di sekitar Asia Tenggara yang dipanggil *Zāwiyyah* seperti di Malaysia dan Singapura. Nama al-Qubrūsī amat jarang dibicarakan di kalangan ulama akidah memandangkan amat sedikit beliau memperkatakan mengenai isu-isu akidah melainkan apa yang terdapat dalam beberapa karya utama beliau. Hasil sorotan penulis terhadap kajian biografi menemukan bahawa terdapat beberapa tesis peringkat doktor falsafah dan sarjana yang ditulis mengenai al-Qubrūsī dan gerakannya al-Ḥaqqānī.

Alikber Alikberov dari Institute of Oriental Studies, Russian Academy of Sciences, Moscow dalam artikel beliau *Sufism and Sufi Brotherhoods in The Caucasus* (Alikberov 2002) membincangkan mengenai pengaruh kesufian di Kepulauan Kaukasia

di mana terdapat beberapa aliran tarekat muktabar seperti Naqshābandiyyah, Qādiriyyah dan Syāzuliyyah yang dipelopori turun temurun oleh ulama-ulama etnik Avar, Chechen dan Kumyk. Semua aliran ini merupakan yang diamalkan oleh penduduk Kepulauan Kaukasia termasuklah Daghestan. Majoriti mereka beraliran Mazhab Imām Shāfiʻī (w. 204H) dalam *fiqh* dan Mazhab Imām Ashʻarī (w. 324H) dalam akidah. Daghestan merupakan tempat asal guru kepada aliran al-Ḥaqqānī yang diasaskan oleh al-Qubrūsī iaitu al-Daghestānī. Penulis artikel menyatakan bahawa aliran al-Ḥaqqānī dibawa oleh al-Qubrūsī di Kepulauan Kaukasia bermula sekitar awal 90-an di kawasan Utara. Bagaimanapun, aliran al-Ḥaqqānī tidak mendapat tempat di sana. Namun, secara umumnya, menurut pandangan penulis artikel, aliran yang diasaskan oleh al-Qubrūsī ini mempunyai kelebihan iaitu yang pertama; beliau merupakan anak murid kepada al-Daghestānī dan yang kedua; beliau bukanlah aliran al-Naqshābandiyyah yang asli, beliau telah mencampur adukkan aliran beliau dengan al-Muhammadiyyah dan ini boleh menarik perhatian orang ramai. Artikel turut menyatakan bahawa al-Qubrūsī menjalin baik hubungan dengan masyarakat Syiah terutama dalam ideologi mengenai kemunculan Imām Mahdī a.s.

Selain itu Andrew Vidich (Vidich 2004) dalam disertasi Ph.D beliau bertajuk *A Living Sufi Saint: Shaykh Muhammad ʻAdil al-Haqqani and the Naqshābandīyya Method of Self-Transformation* mengkaji mengenai kesan dan pengaruh kesufian dalam proses transformasi diri seseorang manusia yang kotor jiwa kepada seseorang yang baik dengan menyertai aliran al-Ḥaqqānī. Aliran al-Ḥaqqānī menurut kajian beliau banyak membantu menyelesaikan masalah sosial melalui pendekatan kerohanian bahkan boleh menyucikan pesakit rohani sebagaimana hospital mental boleh merawat pesakit mental. Selain itu, Artikel oleh Elizabeth Sirriyeh bertajuk *Sufi Thought and Reconstruction* (Elizabeth Sirriyeh 2004) menyatakan bahawa aliran al-Ḥaqqānī mendapat tempat di kalangan masyarakat imigran Amerika Syarikat dan juga Eropah kerana pengaruh kesufian yang ada dalam tarekat al-Ḥaqqānī.

Simon Stjernholm (Stjernholm 2005) dalam disertasi sarjananya bertajuk *The Struggle for Purity: Naqshabandi-Haqqani Sufism in Eastern London* mengkaji mengenai gerakan al-Ḥaqqānī yang dipelopori oleh al-Qubrūsī di London di mana gerakan al-Ḥaqqānī dilihat memainkan peranan terhadap masyarakat Islam berbilang

bangsa yang tinggal di London dari serata negara termasuk Malaysia, Palestin, Turki, Singapura dan lain-lain. Gerakan al-Ḥaqqānī di London, menurut penulis, tidak mencerminkan asal gerakan kesufian ini iaitu dari Cyprus, bahkan al-Qubrūsī berjaya menjadikan al-Ḥaqqānī sebagai satu budaya di London. Pengikut al-Ḥaqqānī mengikuti majlis zikir yang dianjurkan, menunggang kuda dan memanah sebagai rutin, bahkan menjadikan silat sebagai salah satu daripada seni mempertahankan diri oleh al-Ḥaqqānī di London. Al-Qubrūsī mahupun orang kanannya Hishām Kabbānī, yang menurut penulis, cuba membawa semangat kerohanian dan kepada semua agama dan kerana itu mereka mudah diterima di London. Penulis juga secara tidak langsung menceritakan mengenai penolakan al-Ḥaqqānī terhadap gerakan al-Wahhābiyyah di London. Memandangkan disertasi ini bersifat kajian sosial, maka penulis mengenengahkan bahawa al-Ḥaqqānī di London berjaya membawa *purity* dalam kesesakan gejala sosial yang bertebaran di bumi London. Disertasi ini tidak membincangkan mengenai isu-isu ketuhanan yang terkait dengan al-Ḥaqqānī.

Sean Foley pula dalam pengenalan karyanya berjudul *The Arab Gulf States: Beyond Oil and Islam* (Foley 2010) ada menceritakan mengenai pertemuan beliau bersama al-Qubrūsī di mana beliau telah dijemput untuk duduk bersama al-Qubrūsī untuk sesi perbualan ringkas. Selepas berakhir perbualan, kata Foley, para pengikut al-Qubrūsī ramai-ramai menghampiri beliau menyentuh bahu dan belakang. Bahkan mereka turut menyentuh barangan beliau kerana menyangka bahawa al-Qubrūsī telah menyentuh beliau. Keadaan ini berlaku kerana pengikut al-Qubrūsī cuba mengambil barakah kesan daripada sentuhan al-Qubrūsī ke atas Foley. Beliau turut menyatakan bahawa al-Qubrūsī dan aliran Naqshābandī menolak Arab Saudi kerana mereka merupakan pusat Wahhābiyyah dan mereka menolak aliran Wahhābiyyah.

Hanisah binte Abdullah Sani (Hanisah 2010) dalam tesis sarjananya *The Rise and Role of Tariqa Among Muslims in Singapore – The Case of The Naqshābandī Haqqani* memperincikan peranan aliran al-Ḥaqqānī yang diasaskan oleh al-Qubrūsī dalam membentuk sebahagian kecil jati diri sosio-politik masyarakat Melayu-Islam di Republik Singapura. Kajian ini juga menjelaskan mengenai beberapa ciri aliran al-Ḥaqqānī seperti perincian mengenai jenis-jenis *Zāwiyyah* yang diadakan, martabat-martabat tertentu pengikut aliran al-Ḥaqqānī dan kaedah baiah mengikuti arus semasa

seperti melalui atas talian. Dalam kajian ini, penulis turut mendedahkan bagaimana penerimaan masyarakat dunia terhadap kesufian secara umum selepas peristiwa serangan 9/11 yang popular. Penulis turut menyatakan bahawa selepas peristiwa ini, Kabbānī[18] iaitu murid kanan yang juga menantu kepada al-Qubrūsī mengecam golongan al-Wahhābiyyah secara terang-terangan. Bagaimanapun dalam tesis ini, penulisnya tidak menghuraikan secara lanjut mengenai pemikiran ketuhanan Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī.

Berlainan dengan tesis Ph.D dan sarjana yang ditulis, beberapa karya dalam bentuk buku dan artikel turut ditemui oleh penulis mengenai al-Qubrūsī. Hassan Abu Hanieh sebagai contoh, dalam karyanya (Hassan Abu Hanieh 2011) berjudul *Sufism and Sufi Orders: God's Spiritual Paths Adaptation and Renewal in the Context of Modernization*. Karya ini secara dasarnya menceritakan mengenai hampir keseluruhan aliran tarekat kesufian yang memainkan peranan dalam pembentukan masyarakat sebelum dan selepas era kemodenan di Jordan. Penulis turut membuat argumentasi terhadap golongan Wahhābiyyah yang disebut sebagai Salafi-Jihadi dalam karyanya. Berlainan dengan Wahhābiyyah yang sering membawa elemen kekerasan, aliran kesufian lebih menumpukan kepada pembentukan jati diri masyarakat Jordan. Dalam karyanya ini turut membentangkan secara terperinci mengenai setiap aliran kesufian yang terdapat di sana seperti Syāzuliyyah, Qādiriyyah, Rifā'iyyah dan Naqshābandiyyah. Antara pecahan Naqshābandiyyah yang diterangkan ialah aliran yang dibawa oleh al-Qubrūsī iaitu al-Ḥaqqānī. Beliau menjelaskan mengenai biodata al-Qubrūsī secara ringkas dan pengasasan aliran al-Ḥaqqānī yang tercetus selepas al-Qubrūsī berguru dengan al-Daghestānī. Beliau turut menceritakan perkembangan aliran ini sehingga ke Eropah dan Amerika Syarikat termasuk di Tanah Arab merangkumi Jordan. Aliran al-Ḥaqqānī di Jordan diteruskan oleh 'Abd al-Salām Shamsī di kawasan Jabal Amman.

Tambahan dari itu, Zulkarnain Ahmad Hatta (Zulkarnain 2013) dalam tesis Ph.D beliau bertajuk *Relationship between religious practices and adaptation of immigrant Sufi Muslims in the United States* menyokong kenyataan Andrew Vidich

[18] Beliau Hisham al-Kabbānī merupakan menantu serta orang kanan al-Haqqānī yang bertanggungjawab membuka beberapa cawangan aliran al-Haqqānī di Amerika Syarikat.

(2004) dan Elizabeth Sirriyeh (2004) bahawa sebahagian besar imigran-imigran Muslim yang berhijrah ke Amerika Syarikat akan mengikuti aliran-aliran tarekat dan antara tarekat kesufian yang mendapat tempat di kalangan mereka ialah aliran al-Ḥaqqānī.

Menelurusi kajian-kajian atau literatur yang membicarakan mengenai pemikiran akidah al-Qubrūsī, penulis mendapati terdapat beberapa individu yang telahpun menulis dan membahas beberapa isu akidah juga hal syariat yang terkait dengan beliau. Antara yang dijumpai ialah karya Shaykh Samīr al-Qāḍī, yang berasal dari Lubnan, merupakan anak murid kepada Shaykh ʻAbd Allāh al-Hararī. Shaykh Samīr dalam karangannya yang diterbitkan pada tahun 1998 bertajuk *The Unveiling of Nāẓim al- Qubrūsī's Misguidance and The Irrefutable Proof that Nāẓim al-Qubrūsī Negates Islam* mengkritik Shaykh Nāẓim daripada beberapa sudut, seperti isu silsilah Shaykh Nāẓim yang didakwa sebagai terputus, isu Shaykh Nāẓim bersalaman dengan wanita bukan mahram, isu-isu mengenai kenyataan Shaykh Nāẓim dalam akidah dan sebagainya. Selain daripada itu, Riad Nachef – Islamic Affairs melalui insan bernama Abū Houdhayfah ʻAlī Fichet bin Rujjār bin Maurice al-ʻUrdumāniyy al-Faransiyy juga turut mengemukakan kritikan terhadap Shaykh Nāẓim sebagaimana kritikan Shaykh Samīr dalam karangannya *Exposure of Nāẓim al-Qubrūsī and Guidance for the Wanderers* yang tidak dinyatakan tahun cetakannya. Tulisan Shaykh Samīr dan Abū Houdhayfah kemudiannya diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia dan diedarkan di Indonesia dan Malaysia dengan tajuk *Mewaspadai Bahaya Golongan Sesat* yang diterbitkan pada tahun 2002 dan *Mewaspadai Ajaran-Ajaran Sesat di Luar Ahlussunnah wal Jama'ah* yang diterbitkan pada tahun 2006. Terjemahan ini dilaksanakan oleh Syabab Ahli Sunnah Waljamaah Indonesia (Syahamah), sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh anak murid kepada Shaykh Dr. Salīm ʻAlwān, Pengerusi Darul Fatwa, Australia yang juga merupakan anak murid kepada Shaykh ʻAbd Allāh al-Hararī.

1.12 KESIMPULAN

Hasil dari tinjauan penulis terhadap literatur-literatur di atas, dari sudut tematiknya, penulis mendapati bahawa tidak ada penulisan dan perbincangan yang menganalisis dengan terperinci mengenai pemikiran akidah yang dibawa al-Qubrūsī dalam karya-

karyanya sama ada di Malaysia mahupun di luar negara melainkan sedikit daripada karangan anak murid Shaykh ‘Abd Allāh al-Hararī. Kajian yang lepas banyak tertumpu kepada gerakan tasawwuf, praktik tasawwuf, metod dakwah dan kesan dakwah.

Pengkaji melihat terdapat beberapa sudut kajian boleh ditambah baik dari beberapa aspek, yang mana dilihat masih belum dikaji atau kurang dikaji berbanding aspek-aspek yang lainnya, antaranya adalah:

Pertamanya, pengkajian yang lebih mendalam terhadap riwayat hidup al-Qubrūsī terutamanya daripada sudut rehlah keilmuan. Ini bagi melihat autoriti beliau dalam bidang keilmuan yang pelbagai dan tidak terhad kepada bidang tasawwuf semata-mata. Sebagai tambahan, jaringan politik beliau yang banyak mengembara ke luar negara untuk mengembangkan ajaran tarekat beliau juga perlu dikaji.

Seterusnya sudut kedua yang boleh dikaji ialah pemikiran akidah beliau. Ini kerana beliau diiktiraf sebagai antara tokoh yang berpengaruh bagi umat Islam dan ini akan memberi kesan atau implikasi akidah kepada mereka yang mengikuti ajarannya. Berdasarkan kepada pengumpulan data yang telah dilakukan oleh pengkaji, tidak ditemui pengkajian mengenai aspek akidah al-Qubrūsī.

Yang terakhir dari sudut perbandingan pemikiran akidah beliau dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Di Malaysia, sebagaimana dinyatakan sebelum ini, aliran al-Ḥaqqānī yang dipelopori al-Qubrūsī telah pun difatwakan di peringkat Persekutuan dan sebahagian negeri sebagai bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa terdapat keperluan mendesak supaya kajian mengenai pemikiran akidah al-Qubrūsī dan membandingkannya dengan manhaj akidah yang dipelopori oleh Ahli Sunnah Waljamaah supaya dapat menjelaskan secara terperinci mengenai pemikiran akidah al-Qubrūsī.

Berdasarkan kepada kelompangan kajian yang dilihat di dalam tinjauan literatur ini, maka pengkaji menjustifikasikan bahawa tajuk “*Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*” adalah tajuk sesuai yang agak penting

untuk dikaji bagi mengisi kekurangan kajian-kajian yang lepas agar kajian ini dapat memenuhi keperluan dan kefahaman masyarakat mengenai latar belakang Shaykh Nāẓim Al-Qubrūsī, pemikiran akidah beliau, dan juga perbandingan di antara akidah beliau dan juga aliran Ahli Sunah Waljamaah

Kajian ini seterusnya diharap agar dapat diketengahkan di kalangan masyarakat supaya dapat merungkai kesamaran mengenai pemikiran al-Qubrūsī dalam akidah. Hasil kajian ini juga diharap dijadikan rujukan bagi institusi fatwa peringkat Persekutuan dan negeri supaya dapat mengkaji semula atau memperkukuh fatwa sedia ada mengenai aliran al-Ḥaqqānī yang diasaskan al-Qubrūsī yang dilihat berkembang pesat di Malaysia.

BAB II

BIOGRAFI SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ

2.1 PENGENALAN

Gerakan atau aliran tasawuf bukanlah suatu yang asing di bumi Nusantara. Perkembangan Islam di bumi Nusantara ini sering dikaitkan dengan aliran tasawuf yang mendominasi gerakan dakwah oleh para Ulama sama ada dari Tanah Arab mahupun Benua India. Antara aliran tasawuf yang bertapak di bumi Nusantara ini ialah Rifā'iyyah, Qādiriyyah dan Naqshābandiyyah. Aliran ini telah melahirkan ramai ulama yang berjasa dalam penyebaran Islam dan meneguhkan akidah umat Islam di kalangan masyarakat. Maka tidak hairan jika dikatakan bahawa aliran tasawuf dan tarekat amat mendapat tempat di hati masyarakat bumi Nusantara seperti di Malaysia. Menurut Badlihisham Mohd Nasir dan Othman Haji Talib, perkembangan semula Islam di Malaysia pada 70-an telah meletakkan semula aliran tarekat dan tasawuf dalam hati masyarakat Malaysia. Ini dibuktikan dengan kemasukan aliran tarekat tasawuf yang lain seperti Shāzuliyyah, Shatariyyah, Muhammadiyyah dan selainnya. Tidak kurang juga mereka yang menisbahkan diri mereka dengan aliran tarekat tasawuf namun membawa idealogi dan pendekatan yang sesat sehingga difatwakan sesat daripada ajaran Islam sebenar oleh Jabatan Mufti dari pelbagai negeri dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Antara aliran yang berteraskan tarekat tasawuf yang masyhur dan difatwakan sebagai menyimpang ialah jemaah al-Arqam[1] yang menisbahkan diri mereka kepada

[1] Gerakan Dakwah Jemaah Darul Al-Arqam merupakan gerakan agama di Malaysia yang diasaskan oleh Ashaari Muhammad, ia juga dikenali sebagai Jamaah Aurad Muhammadiah dan telah mengembangkan pengaruhnya dikalangan berbagai lapisan masyarakat Islam di seluruh Malaysia ini. Ajaran-ajaran Al-Arqam mendapat sambutan sebilangan masyarakat yang menganggapnya sebagai sebuah badan dakwah yang unggul sebelum ia dianggap sesat dan diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada Ogos 1994.

Muhammadiyyah. Pengamalan Aurad Muhammadiyyah oleh jemaah ini telah diharamkan secara kesepakatan para Mufti pada ketika itu.

Namun secara keseluruhannya, tasawuf dan tarekat memainkan peranan penting dalam membentuk norma dan budaya sesebuah masyarakat terutama di Malaysia. Antara aliran yang boleh dikatakan masyhur dan mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia ialah Naqshābandiyyah sehingga lahir banyak kumpulan yang menisbahkan diri mereka kepada Naqshābandiyyah. Di antara mereka ini ialah sebuah kumpulan yang menisbahkan diri mereka kepada Naqshābandiyyah dengan tambahan nama iaitu Naqshābandiyyah Ḥaqqānīyyah nisbah kepada pengasasnya Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī al-Ḥaqqānī. Aliran ini begitu masyhur sehingga kini dan banyak menganjurkan program berbentuk keagamaan di Malaysia yang dihadiri masyarakat awam mahupun pemimpin-pemimpin negara.

2.2 NAMA, TARIKH LAHIR DAN TEMPAT LAHIR

Tidak banyak sumber primer yang boleh didapati yang menerangkan secara terperinci mengenai Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī. Menurut dapatan oleh Sulistiana (2008), Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī dilahirkan di Cyprus di sebuah bandar berdekatan dengan pantai yang bernama Larnaka. Beliau dilahirkan pada hari Ahad 21 April 1922 bersamaan dengan 26 Syaaban 1341H. Dikatakan bahawa beliau merupakan seorang yang berketurunan Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlanī daripada sebelah ayah, manakala daripada sebelah ibu, beliau mempunyai susur galur kepada Shaykh Jalaluddin al-Rumī, yang mana kedua-duanya merupakan tokoh kesufian yang sangat masyhur yang mengasaskan aliran Tarekat al-Qādiriyyah dan Tarekat Mevlevi atau al-Mawliah/al-Mawlawiyyah. Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī juga dikatakan berdarah *al-Ḥasanī* dan *al-Ḥusaynī* iaitu cucu-cucu Rasulullah SAW melalui kedua-dua susur galur ini.

2.3 PENDIDIKAN DAN GURU

Yayasan Haqqani Indonesia (Sulistiana 2008) menyatakan bahawa Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī telah mendapat pendidikan awal daripada datuknya yang bernama Muḥammad Nāẓim. Beliau sering mengikuti datuk beliau yang mengamalkan tarekat Qādiriyyah. Beliau dilihat sering menyendiri di Masjid berdekatan dengan makam Ummu Hiram

yang dikatakan salah seorang sahabat Nabi SAW. Beliau didapati mempunyai kebolehan untuk menasihati orang ramai sejak daripada kecil lagi. Sedari kecil, ayah beliau telah menghantar beliau mendapatkan pendidikan akademik di sekolah aliran biasa, namun pada malam hari beliau menumpukan pendidikan Shaykh Nāẓim dalam bidang keagamaan. Pendidikan menengah beliau tamat di Cyprus dan kemudiannya pada tahun 1940 beliau menyambung pelajaran di University of Istanbul dan mendapat Ijazah MA dalam bidang teknik kimia. Menurut Choiriyyah (2009), Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī sering mendapat gred dan keputusan yang sangat cemerlang dalam pembelajarannya, bahkan beliau dikenali sebagai antara mereka yang genius.

Antara guru agama awal beliau ialah Shaykh Jamāl al-Dīn al-Lasūnī. Beliau mempelajari ilmu syariah dan Bahasa Arab daripada gurunya ini bahkan mendapat Ijazah (autoriti) daripadanya. Guru spiritual pertama beliau bernama Shaykh Sulayman Arzurūmī yang mengajarkannya mengenai tarekat al-Qādiriyyah dan al-Mawlawiyyah (Choiriyyah 2009). Dalam umur yang muda, beliau telah pun memimpin majlis tarekat al-Qādiriyyah dan al-Mawlawiyyah pada setiap Khamis dan Jumaat. Dikatakan seluruh Cyprus mengenali akan kemampuan beliau dalam bidang keagamaan dan spiritual, malah beliau mampu menyelesaikan masalah rumit dalam cara yang mudah.

Sewaktu beliau berada di Istanbul, beliau sering dijumpai berada dalam Masjid Sultan Ahmad. Setelah lama berada di sana, Shaykh Nāẓim kemudian bermimpi mendapat izin daripada Sulayman Arzurūmī untuk berbaiah dengan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī. Hasil daripada mimpi tersebut, beliau kemudian bertemu dan berbaiah kepada Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī yang merupakan guru kepada Shaykh Sulayman Arzurūmī sendiri. Perjalanan beliau ingin bertemu Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī bukanlah mudah, bahkan beliau dikatakan sempat menuntut dengan beberapa guru lain sebelum bertemu dengan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī.

Sebelum bertemu dengan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī, beliau terlebih dahulu melangkah ke Syria. Beliau telah mengunjungi beberapa tempat seperti Damsyik dan Aleppo dan akhirnya Homs. Di Homs, beliau bermukim selama satu tahun di sebuah masjid yang berdekatan dengan Makam Khalid al-Walid salah seorang sahabat Nabi SAW dan panglima tentera Islam yang masyhur. Di Homs ini beliau

mempelajari beberapa cabang ilmu seperti syariah, hadith, al-Quran dan lain-lain di bawah bimbingan guru-guru Tarekat al-Naqshābandī seperti Shaykh Muḥammad ʻAlī ʻUyūn al-Sūd, Shaykh ʻAbd al-ʻAzīz ʻUyūn al-Sūd yang merupakan Mufti Homs, Shaykh ʻAbd al-Jalīl Murad dan Shaykh Saʻīd al-Subaī (Sulistiana 2008). Pada menjelaskan kisahnya di sana, Shaykh Nāẓim dirakamkan pernah berkata:

> "Kemudian aku berkelana ke Hama di mana ia seperti Aleppo, sebuah kota yang lama. Aku cuba untuk ke Syam namun ia mustahil. Perancis yang telah pun menawan Syam sedang bersedia menerima kemaraan puak Inggeris. Jadi aku mengambil keputusan untuk ke Homs, di mana terletaknya makam Khalīd bin al-Walīd r.a seorang sahabat Nabi SAW. Aku menziarahi makamnya dan kemudiannya aku ke masjid dan melakukan solat. Seorang pelayan datang kepadaku lalu berkata: ((aku bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW pada malam kelmarin dan bersabda dalam mimpinya itu: 'seorang daripada cucuku akan datang ke sini keesokannya maka ambil beratlah akan keperluannya' dan kemudian Baginda menyatakan bagaimana rupa kamu. Sekarang aku mengetahui bahawa kamulah orangnya.)) Aku sangat terkesan dengan penceritaannya. Aku menerima jemputannya. Dia memberikanku sebuah bilik berdekatan dengan masjid, di situ aku menetap selama setahun. Aku tidak keluar dari bilik itu melainkan untuk menunaikan solat dan menghadiri majlis dua orang ulama Homs yang terkemuka yang mengajarkan tajwid, tafsir, hadith dan *fiqh*. Mereka ialah Shaykh Muḥammad ʻAlī ʻUyūn al-Sūd, Shaykh ʻAbd al-ʻAzīz ʻUyūn al-Sūd yang merupakan Mufti Homs. Aku juga mengikuti pengajaran spiritual daripada dua ulama Naqshābandī iaitu Shaykh ʻAbd al-Jalīl Murād dan Shaykh Saʻīd al-Subaī. Hatiku begitu meronta untuk ke Syam. Memandangkan peperangan sedang memuncak, aku mengambil keputusan untuk ke Tripoli dan dari situ aku ke Beirut dan langsung menuju ke Syam melalui jalan yang selamat"

Shaykh Nāẓim sampai di Tripoli pada tahun 1944. Di sana beliau sempat melazimi seorang guru yang dikenali dengan nama Shaykh Munīr al-Mālik yang dikatakan merupakan Mufti Tripoli. Shaykh Munīr ini merupakan ketua semua aliran tarekat yang berada di Tripoli. Pertemuan Shaykh Nāẓim dengan Shaykh Munir juga istimewa memandangkan Shaykh Munīr juga menyatakan bahawa beliau mendapat khabar mengenai kedatangan Shaykh Nāẓim ke Tripoli melalui jalan mimpi bertemu Rasulullah SAW. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Shaykh Nāẓim sendiri:

> "Aku tinggal bersama Shaykh Munīr al-Mālik selama sebulan. Kemudian beliau menguruskan persiapan aku untuk ke Homs dan dari Homs seterusnya ke Damsyik. Aku sampai di Damsyik pada hari Jumaat 1945 bersamaan 1365H iaitu pada awal permulaan kalendar Hijrah. Aku mengetahui bahawa Shaykh ʻAbd Allāh tinggal di sebuah bandar yang bernama Hayy al-Maidan berdekatan

> dengan makam Sayyidunā Bilāl al-Habashī r.a dan makam-makam keturunan Rasulullah SAW, iaitu suatu zaman silam di mana monumen-monumen peninggalan masih banyak, yang mereka di situ tahu di mana rumah Shaykh ‘Abd Allah. Kemudian dalam bayangan aku melihat sebuah-sebuah rumah secara spesifik. Aku tidak tahu mana satu rumah Shaykh ‘Abd Allah. Datang satu bayangan seketika, ketika aku berdiri di pertengahan jalan, bahawa Shaykh ‘Abd Allāh keluar dari rumahnya dan memanggilku untuk masuk ke dalam. Bayangan itu kemudian hilang namun aku tidak melihat seorang pun yang berada di jalanan. Sekitar jalan tersebut kosong akibat daripada pengeboman oleh Perancis dan Inggeris. Semua orang berada dalam ketakutan, bersembunyi dalam rumah masing-masing. Aku berseorangan berada di atas jalan. Aku hanya mengikut gerak hati untuk menuju ke suatu pintu. Aku melihat sehingga aku menjumpai pintu tersebut. Tatkala aku ingin mengetuk pintu rumah tersebut, Shaykh Abd Allah membuka pintu tersebut. Dia berkata: ((Selamat datang anakku Nāẓim Effendi)) Penampilannya yang amat berlainan telah menarik perhatianku. Aku tidak pernah melihat orang seumpamanya sebelum ini. Cahaya terpancar daripada wajah dan dahinya. Kehangatan datang dari hatinya dan daripada senyuman menawan di atas wajahnya. Beliau membawaku ke atas, melangkah naik ke biliknya lalu berkata: ((Kami sememangnya sedang menanti kedatanganmu))”

Keseluruhan kisah spiritual ini dirakamkan oleh Shaykh Hishām dalam buku karangannya *The Naqshābandī Sufi Way: History And Guidebook Of The Saints Of The Golden Chain*. Pertemuan dengan Shaykh ‘Abd Allāh Al-Daghestānī disifatkan sebagai perjalanan spiritual beliau oleh anak muridnya Shaykh Hishām Kabbānī dalam kata pengantarnya terhadap buku *Sufi Wisdom Series: Liberating The Soul, A Guide For Spiritual Growth Volume 5* (al-Qubrūsī 2006). Shaykh ‘Abd Allāh Al-Daghestānī disifatkan sebagai “Grand Shaykh” oleh beliau. Dikatakan bahawa Shaykh ‘Abd Allāh Al-Daghestānī inilah yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan beliau daripada keduniaan ke arah dunia kesufian. Shaykh ‘Abd Allāh Al-Daghestānī ini juga merupakan guru kepada figura yang terkenal iaitu Gurjieff[2] seorang ahli falsafah daripada Armenia dan J. G. Bennett[3] seorang tokoh spiritual yang mengagumi Gurjieff.

---

[2] Nama penuhnya ialah George Ivanovich Gurdjieff yang merupakan seorang ahli falsafah terkenal di dunia Barat. Beliau lahir pada 13 Januari 1866 di Armania dan meninggal dunia pada 29 Oktober 1949 di Perancis. Dikatakan bahawa beliau juga terpengaruh dengan falsafah kesufian yang diketengahkan oleh al- Daghestānī.

[3] Nama penuhnya ialah John Godolphin Bennett. Beliau merupakan seorang ahli dalam dunia psikologi dan falsafah. Lahir pada 8 Jun 1897 dan meninggal dunia 13 December 1974. Beliau merupakan anak didik Gurdjieff.

Dalam menyifatkan perjalanan Shaykh Nāẓim yang dianggap istimewa ini, Choiriyyah (Choiriyyah 2009) menyebut bahawa Shaykh Nāẓim sangat gembira apabila Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī menyambut kedatangannya. Bahkan, tidak mengambil masa yang lama, keesokan harinya setelah kehadiran Shaykh Nāẓim, Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī langsung memberikan ijazah kepada Shaykh Nāẓim dalam Tarekat Naqshābandī. Ditambah lagi dengan penyataan yang begitu takjub bahawa saat Shaykh Nāẓim membaiah, mata Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī berubah-ubah warnanya dengan maksud interpretasi seperti berikut:

i. Kuning yang membawa makna makam *al-Qalb* (hati) di mana Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī mengalirkan segala jenis pengetahuan luaran yang berkaitan dengan keperluan manusia seharian.

ii. Merah yang membawa makna makam *al-Sirr* (rahsia).

iii. Putih yang membawa makna makam *Sirr al-Sirr* (rahsia bagi segala rahsia) di mana ia merupakan makam khas bagi para Shaykh tarekat Naqshābandiyyah untuk bersama dengan Sayyidunā Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a.

iv. Hijau yang membawa makna makam *al-Khafa* (spiritual).

v. Hitam yang membawa makna makam *al-Akhfa* (paling spiritual) di mana menurut Shaykh Hishām Kabbānī sebagaimana dipetik oleh Choiriyyah, Shaykh ‘Abd Allāh Daghestānī menghantar Shaykh Nāẓim ke makam paling rahsia langsung menuju ke Hadrat Allah SWT dan kemudiannya kembali sedar.

Lanjutan daripada pertemuan ini, maka Shaykh Nāẓim telah dihantar oleh Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī ke Cyprus untuk menjadi khalifah tarekatnya di sana bagi menyebarkan dakwah. Dalam jangka masa yang lama, Shaykh Nāẓim kemudian kembali ke Damsyik dan menikahi salah seorang anak Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī yang bernama Hajah Aminah ‘Ādil dan daripada pernikahan ini beliau memperoleh dua anak lelaki dan dua anak perempuan masing-masing bernama Abū Muḥammad (Muḥammad ‘Ādil), Bahā’ al-Dīn, Naziḥā dan Ruqayyā (Sulistiana 2008).

Kemudiannya, Shaykh Nāẓim juga dikatakan mendapat arahan daripada Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī untuk ke makam Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlanī iaitu pengasas bagi tarekat al-Qādiriyyah untuk mendapatkan ijazah tarekat ini secara *barzakhī* (menurut Choiriyyah) yakni secara spiritual. Ajaibnya lagi, dalam pengkisahan ini, pengijazahan ini berlangsung secara istimewa dengan dihadiri oleh sekalian nabi sebagaimana disebut Shaykh Nāẓim (Choiriyyah 2009):

> “Aku melihat Nabi Muhammad SAW beserta 124,000 nabi-nabi lain, 124,000 sahabat-sahabatnya, 7007 awliya’-awliya’ Naqshābandī, 313 Qutub dan Ghawts, semuanya memberi selamat kepadaku. Mereka mengalirkan dalam hatiku ilmu spiritual mereka. Aku mewarisi dari mereka tarekat-tarekat Naqshābandī dan empat puluh tarekat-tarekat lainnya”

Kisah yang sama diceritakan oleh Shaykh Hishām dalam bukunya *Classical Islam and The Naqshābandī Sufi Tradition* (Kabbānī 2004).

Melihat kepada perjalanan ilmiah beliau di atas, boleh penulis simpulkan bahawa Shaykh Nāẓim bukanlah seorang *mujtahid*[4] yang layak untuk mengeluarkan ijtihad terhadap sesuatu hukum-hakam. Ini kerana *mujtahid* mestilah memiliki syarat-syarat yang ketat yang melayakkan beliau untuk berijtihad. Namun begitu, beliau dilihat mempunyai guru-guru yang mempunyai sandaran dalam bidang tarekat. Justeru, ini memungkinkan beliau layak untuk memimpin sebuah ajaran tarekat sebagaimana beliau dikenali sekarang.

2.4 ANAK MURID

Shaykh Nāẓim diangkat menjadi Khalifah bagi tarekat Naqshābandiyyah pimpinan Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī selepas kematian Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī sendiri pada 30 September 1973. Sejak daripada itu, tarekat ini dikenali dengan nama Naqshābandiyyah Ḥaqqānī (Sulistiana 2008). Di Cyprus, setelah dihantar oleh Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī, Shaykh Nāẓim memulakan dakwahnya terhadap masyarakat

[4] Mujtahid ialah mereka yang telah sampai darjat tertinggi dengan memenuhi syarat-syarat tertentu untuk berijtihad. Antara syarat utama untuk seseorang layak berijtihad adalah seperti dia telah mahir dengan al-Quran dan Hadith dengan mengetahui makna-maknanya secara mendalam, mengetahui dalil-dalil yang menjadi sandaran hukum-hakam seperti *qiyas*, mengetahui hukum-hakam yang telah diijmakkan secara terperinci agar ijtihadnya tidak menyanggah ijmak, mengetahui *nasikh* dan *mansukh*, mahir ilmu usul *fiqh*, mengetahui *asbab nuzul* dan *wurud* serta lain-lain lagi (Khalāf 1995).

di sana. Beliau mengajarkan Islam dan tarekat Naqshābandiyyah. Sewaktu beliau di Cyprus, Turki masih lagi dikuasai oleh golongan sekular yang dipimpin oleh Kamal Ataturk. Agama Islam dimodenisasikan oleh Kamal sehingga azan hanya boleh dilaungkan dalam Bahasa Turki (Hamid Nassaj 2015).

Keadaan ini tidak menjadikan Shaykh Nāẓim lemah dalam menyebarkan dakwahnya. Bahkan beliau dikatakan tetap melaungkan azan dalam Bahasa Arab sehingga perkara ini sampai kepada para penguasa dan beliau akhirnya ditangkap dan dipenjara. Keadaan ini berlanjutan sehingga pemerintahan Turki beralih kuasa ke tangan Adnan Menderes pada tahun 1950 (Karakas 2007). Setelah daripada itu, Shaykh Nāẓim telah dibebaskan dan mendapat sokongan oleh pemerintah bagi menyebarkan dakwahnya. Kebebasan kepada beliau bererti beliau mempunyai peluang untuk menyebarkan dakwahnya bukan sahaja di Turki, malah ke serata Eropah, Amerika dan Asia.

Shaykh Nāẓim meluaskan dakwahnya di serata dunia bermula pada tahun 1974. Ketika itu nama beliau telah pun dikenali sekitar Cyprus sebagai Shaykh Qubrūsī atau Shaykh Nāẓim Yesilbas yang membawa erti "Shaykh yang berserban hijau" (Sulistiana 2008). Menurut Sulistiana, ribuan manusia telah memeluk agama Islam di atas tangan Shaykh Nāẓim. Perjalanan dakwah beliau setelah itu berlangsung selama 40 tahun dan lebih bagi menyebarluaskan ajaran tarekat beliau. Beliau turut melangsungkan dialog dengan pelbagai agama, bahkan beliau berdialog dengan pemuka-pemuka Yahudi, Kristian dan New Age sehingga tidak sedikit juga dari kalangan mereka ini yang memeluk agama Islam (Sulistiana 2008).

Di antara ramai anak-anak murid yang mengikuti ajaran Shaykh Nāẓim, terdapat beberapa anak murid utama beliau yang ditugaskan untuk menyebarkan dakwah dan ajaran Naqshābandī pimpinan beliau. Mereka ini dilantik sebagai khalifah bagi tarekat Ḥaqqānī di kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Shaykh Nāẓim. Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa terdapat dua orang yang telah dilantik menjadi khalifah dan merupakan murid utama Shaykh Nāẓim iaitu Shaykh Hishām Kabbānī yang lahir pada tahun 1945 dan Shaykh ʻAdnān Kabbānī yang lahir pada tahun 1947 (Sulistiana 2008). Sebahagian pengkaji berpandangan bahawa terdapat tiga orang khalifahnya iaitu

adik beradik Kabbānī dan anak Shaykh Nāẓim sendiri iaitu Muḥammad ‘Ādil. Manakala sebahagian pengkaji lain mendapati terdapat lima orang iaitu tiga orang yang disebut di atas termasuk dua lagi iaitu Shaykh Abd al-Karīm dan Shaykh Ahmad Amerudin (Makhasin 2015).

Jalinan hubungan Shaykh Nāẓim dengan keluarga Kabbānī pada tahun 1960 ini menguatkan lagi pengaruh Shaykh Nāẓim terutamanya di Tripoli, Lubnan di mana keluarga Kabbānī ini merupakan keluarga yang dihormati. Keluarga Kabbānī mempunyai kekuatan politik bahkan, datuk kepada dua orang anak murid Shaykh Nāẓim ini ialah bekas Mufti Besar Lubnan iaitu Shaykh Muḥammad Rashid Kabbānī (Makhasin 2015). Shaykh Hishām Kabbānī ditugaskan oleh Shaykh Nāẓim untuk menjadi khalifahnya dan menyebarkan tarekat pimpinannya di beberapa buah negara seperti Argentina, Kanada, Eropah, Jerman, Belanda dan Indonesia. Beliau banyak mengikuti Shaykh Nāẓim dalam menyebarkan tarekat ini ke serata dunia. Antara perjalanan beliau yang paling bersejarah ialah pada tahun 2001 di mana Shaykh Nāẓim melancarkan “Naqshabandi Haqqani Eastern World Tour of The Muslim World”. Jelajah ini bermula daripada Istanbul seterusnya ke Uzbekistan, Jepun, Singapura, Indonesia, Malaysia, Sri Lanka dan berakhir di Pakistan. Dalam jelajah ini, Shaykh Nāẓim beserta dua anak lelakinya dan Shaykh Hishām berjaya menghampiri segenap lapisan masyarakat daripada yang berstatus tinggi sehingga lapisan biasa (al-Qubrūsī 2006). Demikian itu, Shaykh Nāẓim juga berjaya menjalin hubungan rapat dengan beberapa kerabat diRaja dalam beberapa siri jelajahnya seperti Turgut Ozal, Presiden Turki, Rauf Denktas, pemimpin Turki Cypriot, DYMM Sultan Hasanal Bolkiah, Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hamengkubuwono X, Yogyakarta dan DYM Raja Dato’ Seri Ashman Shah, Kerabat diRaja Perak Darul Ridzuan (al-Ḥaqqānī 2012).

Hubungan Shaykh Hishām dan Shaykh Nāẓim ini begitu rapat sehingga beliau diambil oleh Shaykh Nāẓim sebagai menantu. Shaykh Hishām telah mengahwini anak Shaykh Nāẓim yang bernama Naziha dan mereka dikurniakan 3 orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Keluarga Shaykh Hishām ini menetap Fenton, Michigan. Hal ini kerana, negara pertama yang diperintahkan oleh Shaykh Nāẓim kepada Shaykh Hishām untuk melaksanakan perjalan dakwahnya adalah di Amerika Syarikat pada tahun 1991, bermula di California. Maka tidak hairanlah keluarga Shaykh Hishām

menjadikan Amerika Syarikat sebagai negara untuk mereka bermastatutin. Bahkan Shaykh Hishām dilantik sebagai salah seorang daripada khalifah tarekat pimpinan Shaykh Nāẓim ini adalah sewaktu beliau di Amerika Syarikat (Yayasan Haqqani Indonesia t.th). Shaykh Hishām dan keluarga mendapat status pelarian daripada Amerika Syarikat pada tahun beliau memulakan misinya sesuai dengan arahan Shaykh Nāẓim pada tahun 1991 (Makhasin 2015)

Shaykh Hishām juga bukan merupakan calang-calang orang. Pendidikan beliau dalam peringkat tinggi bermula dengan bidang kimia di American University of Beirut. Beliau juga mendalami bidang kedoktoran di University of Louvain, Belgium. Beliau juga mempunyai ijazah sarjana muda dalam Syariah di Damsyik, Syria yang dikatakan daripada Universiti Al-Azhar cawangan Damsyik, Syria[5]. Beliau juga mendapat bimbingan daripada Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī pada akhir tahun 1960 (Makhasin 2015) dan Shaykh Nāẓim secara langsung selama 30 tahun (Sulistiana 2008). Beliau turut mempunyai perniagaan klinik perubatan milik beliau sendiri yang terletak di Jeddah, Arab Saudi (Makhasin 2015).

Shaykh Hishām juga merupakan insan yang berperanan penting dalam menyebarluaskan pengaruh tarekat ini di Indonesia atas arahan Shaykh Nāẓim pada tahun 1997. Di sana beliau telah melantik 4 orang khalifahnya pula dengan persetujuan Shaykh Nāẓim iaitu Kiyai H. Taufiqurrahman al-Subky (Pekalongan), Al Habib Lutfi bin Yahya (Jawa Tengah), K.H.Q Ahmad Syahid (Jawa Barat) dan Ustaz H. Wahfiuddin (Jakarta). Zawiyah Haqqānī yang pertama ditubuhkan oleh Shaykh Hishām di Indonesia ialah di Kampung Melayu, Jakarta pada tahun 2000 (Sulistiana 2008). Natijah daripada kembara Shaykh Hishām ini, puluhan ribu masyarakat Indonesia membaiah tarekat ini. (Yayasan Haqqani Indonesia t.th). Sewaktu di Indonesia, Shaykh Hishām memperkenalkan Tarian *Simāʻ* yang dikatakan daripada Shaykh Jalaluddin al-Rumī, seorang tokoh sufi terkemuka kepada masyarakat Indonesia dan diterapkan dalam zikir tarekat aliran Ḥaqqānī ini pada tahun 2005 (Choiriyyah 2009). Tarian *Simāʻ* yang diperkenalkan ini adalah suatu kaedah spiritual bagi membakar setiap sesuatu

[5] Berdasarkan penelitian penulis mendapati tiada cawangan Al-Azhar di Damsyik, Syria sebagaimana dinyatakan oleh Makhasin, 2015. Penulis juga telah merujuk beberapa carian biodata dalam karangan Shaykh Hishām, namun hanya menjumpai bahawa beliau mendpat ijazah Syariah di Damsyik, Syria tanpa menyatakan dari mana-mana universiti.

selain daripada kekasih yang dicintai yang menurut mereka ialah Allah SWT (Chittick 2002).

Boleh dikatakan, Shaykh Hishām ini merupakan penyambung legasi Shaykh Nāẓim sehingga beliau diberikan gelaran tertinggi oleh Shaykh Nāẓim dengan dua gelaran iaitu *Madad al-Ḥaq Ḥujjat Allāh Mukhliṣ* yang membawa erti Penolong Kebenaran Hujah Agama Allah yang Ikhlas dan *Quṭb al-Mutaṣarrif* yang membawa erti Penjaga Dunia yang Mulia (Makhasin 2015). Shaykh Hishām merupakan orang yang mempunyai hubungan spritual, guru dan murid, bahkan kekeluargaan dengan Shaykh Nāẓim. Beliau ialah insan yang bertanggungjawab menulis dan menyusun semula ajaran Shaykh Nāẓim untuk disebarkan ke seluruh dunia.

Selain daripada Shaykh Hishām, Shaykh ʻAdnān Kabbānī turut memainkan peranan besar dalam menyebarkan aliran tarekat pimpinan Shaykh Nāẓim ini. Shaykh ʻAdnān diberi arahan oleh Shaykh Nāẓim untuk menjadi khalifah dan berdakwah di Timur Tengah, Syria dan Malaysia (Sulistiana 2008). Shaykh ʻAdnān dikatakan pernah menjadi Ketua bagi Persatuan Ulama Islam Lubnan dan menjadi Mufti Besar Lubnan. Shaykh ʻAdnān terdahulunya telah pun diberi tanggungjawab yang besar oleh Shaykh Nāẓim sebagai khalifah di negara Shaykh ʻAdnān sendiri iaitu di Wilayah Tripoli, Lubnan pada lewat tahun 1970 (Makhasin 2015). Shaykh ʻAdnān pernah menziarahi Malaysia beberapa kali antaranya pada tahun 2010 dan 2016 untuk memimpin majlis Maulidur Rasul bagi pengikut tarekat Ḥaqqānī di Malaysia.

Namun di Lubnan, terdapat satu lagi kumpulan tarekat kesufian yang mendominasi dan mempunyai ramai pengikut, lantaran kumpulan ini menentang kerajaan yang sekular serta mana-mana golongan anti sufi. Kumpulan ini ialah Association of Islamic Charitable Projects atau masyhurnya dikenali sebagai al-Ahbāsh. Al-Ahbāsh dipelopori oleh seorang pemimpin spiritual yang disegani, beraliran tarekat Rifāʻiyyah dan Qādiriyyah, iaitu Shaykh ʻAbd Allāh al-Hararī yang wafat pada 1429H (Makhasin 2015). Kewujudan al- Ahbāsh ini mengurangkan populariti tarekat yang dipimpin oleh Shaykh Nāẓim di Lubnan.

Selain daripada dua adik beradik Kabbānī ini, tidak banyak maklumat yang diketahui mengenai tiga lagi khalifah bagi Shaykh Nāẓim yang masing-masing memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya iaitu Shaykh Muḥammad ‘Ādil, anak kepada Shaykh Nāẓim sendiri yang dikekalkan oleh Shaykh Nāẓim di wilayah asalnya Cyprus, Shaykh ‘Abd al-Karīm, bekas pemimpin gerakan *Turkish Cypriot* yang memimpin tarekat ini di New York sejak dari lewat 1970 dan Shaykh Ahmad Ameeruddin yang memimpin tarekat ini di Kanada. Selain daripada lima anak murid ini, mereka yang menjadi khalifah tarekat ini seperti di Indonesia, bukanlah dilantik secara langsung oleh Shaykh Nāẓim, bahkan mereka dilantik oleh Shaykh Hishām atau Shaykh ‘Adnān di pelbagai daerah dan negara.

2.5 SILSILAH TAREKAT NAQSHĀBANDĪ ḤAQQĀNĪ

Daripada sudut tarekat dan kesufian, aliran utama yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim ialah Naqshābandī yang kemudiannya disandarkan langsung kepada namanya Ḥaqqānī lalu menjadi Naqshābandī Ḥaqqānī. Perkara ini bukanlah suatu perkara yang luar biasa dalam dunia tarekat dan kesufian. Sebagai contoh, dalam aliran Naqshābandī, terdapat beberapa nama yang disandarkan kepada tarekat Naqshābandī ini, Naqshābandī Mujaddidīyyah disandarkan kepada seorang tokoh Naqshābandī yang bernama Sayyid Ahmad al-Fārūqī, Naqshābandī Khālidīyyah disandarkan kepada tokoh Naqshābandī Sayyid Khālid al-Baghdādī, Naqshābandī Daghestānī disandarkan kepada guru Shaykh Nāẓim sendiri, Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī manakala yang terkini, Naqshābandī Ḥaqqānī yang disandarkan kepada nama Shaykh Nāẓim sendiri (Choiriyyah 2009).

Dasar-dasar tarekat bagi aliran Naqshābandī ini dibentuk oleh pendiri asal tarekat ini iaitu Shaykh Muḥammad Bahā’ al-Dīn yang wafat pada tahun 791H. Kalimah Naqshābandī itu diambil sempena keadaan Shaykh Bahā’ al-Dīn yang sentiasa berzikir kepada Allah sehingga kalimah Allah itu terukir dalam hatinya. Ini dijelaskan oleh Shaykh Najm al-Dīn al-Kurdī bahawasanya kalimah Naqshābandī itu terbentuk daripada dua kosa kata utama Bahasa Arab iaitu kalimah “*Naqsh*” dan “*Band*”. Menurut Shaykh Najm al-Dīn, kalimah “*Naqsh*” ini membawa erti sebuah ukiran atau gambar atau bentuk yang terpapar. Manakala kalimah “*Band*” pula membawa maksud sebuah layar atau bendera yang besar (Sulistiana 2008). Kalimah Naqshābandī ini boleh

dikatakan sebagai simbolik lafaz Allah yang sentiasa terzahir dalam hati Shaykh Bahā' al-Dīn saat beliau berzikir mengingati Allah.

Sebuah tarekat dalam dunia Islam, tidak dapat tidak mestilah mempunyai mata rantaian atau silsilah yang bersambung kepada Nabi Muhammad SAW. Sebuah tarekat yang tidak mempunyai silsilah atau rantaian sanad ini tidak akan diperakui sebagai sebuah tarekat yang muktabar, bahkan ia tertolak dan tidak berhasil menyucikan jiwa. Hal ini kerana, tarekat dalam tasawuf ialah merupakan salah satu jalan penyucian jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam keindahan beribadah (Rivay Siregar 2002).

Bahkan tarekat yang tiada asal silsilahnya ini bukanlah warisan oleh Nabi Muhammad SAW (Abu Bakar Acheh 1995). Martin Van Bruinessen pada menjelaskan mengenai silsilah ini, menurut beliau silsilah ialah garis nama yang bersambung keguruannya antara satu sama lain, biasanya ditulis dalam Bahasa Arab dan diberikan kepada murid sesebuah tarekat apabila tamat perguruan (Bruinessen 1995). Rantaian ini bukan sahaja membuktikan bahawa tarekat yang diperolehi daripada seseorang guru itu sah malah ia merupakan simbol keaslian dalam tradisi Islam (Makhasin 2015). Oleh yang demikian, rantaian ini adalah amat diperlukan dalam menilai sesuatu tarekat itu sebagai muktabar atau tidak dalam dunia Islam.

Shaykh Hishām menyatakan bahawa silsilah Naqshābandī Ḥaqqānī yang dikemukakan oleh beliau adalah *Silsilah Rantai Emas Naqshabandi Haqqani* (Kabbānī t.th). Silsilah yang dikemukakan oleh Shaykh Hishām menunjukkan kesinambungan Ḥaqqānī dengan tarekat Naqshābandī ini bermula daripada pengasas tarekat ini sehingga kepada Sayyidunā Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a yang mengambilnya daripada Rasulullah SAW. Berikut merupakan silsilah awal tarekat Naqshābandī sebelum nama tarekat ini dkhususkan kepada Naqshābandī yang disandarkan kepada Shaykh Bahā' al-Dīn:

(1) Nabi Muhammad SAW (wafat 632M)
(2) Sayyidunā Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a (wafat 634M)
(3) Sayyidunā Salmān al-Farīsī r.a (wafat 655M)

(4) Sayyidunā Qāsim bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a (wafat 687M)
(5) Sayyidunā Jaafār al-Sādiq r.a (wafat 765M)
(6) Abū Yāzid al-Bistāmī (wafat 784M)

Rantaian yang pertama ini tidak lagi dikhususkan kepada Naqshābandiyyah. Bahkan pada ketika ini, dikenali sebagai tarekat Tayfūriyyah yang disandarkan kepada Abū Yāzid al-Bistāmī yang nama asalnya adalah Tayfūr bin Isa bin Shuryān / Surushān (H.Suteja 2016). Seterusnya silsilah ini bersambung melalui:

(7) Abū Hasan al-Kharaqānī (wafat 1034M)
(8) Abū ʻAlī al-Farmadzī (wafat 1084M)

Menurut Leonard Lewishon, pada ketika ini, tidak ada pengkhususan nama tarekat kepada mana-mana nama individu (Lewishon 2003). Bagaimanapun, sebagaimana dinyatakan di atas, pada ketika hayat Abū Yāzid al-Bistāmī telah pun disandarkan silsilahnya kepada namanya. Seterusnya silsilah ini bersambung kepada:

(9) Abū Yaʻkūb Yūsuf al-Hamadānī (1109 – 1140M)
(10) Nabi Khidir a.s
(11) ʻAbd al-Khāliq al-Ghujdawānī (wafat 1220M)

Pada silsilah ini, terdapat dua perbezaan yang didapati di mana pada catatan oleh Sri Mulyati, ʻAbd al-Khāliq al-Ghujdawānī mengambil tarekat ini daripada Abū Yaʻkūb Yūsuf al-Hamadānī (Sri Mulyati et.al 2005) tanpa kewujudan Nabi Khidir a.s. Abū Yaakub Yūsuf al-Hamadānī ini merupakan guru yang dipanggil *khwajagan*, dalam silsilah ini beliau merupakan insan pertama yang berketurunan Asia dan seterusnya diturunkan kepada enam lagi *khwajagan* berketurunan Asia. Bagaimanapun, pada catatan oleh Shaykh Hishām, terdapat perantaraan Nabi Khidir a.s dalam silsilah Ḥaqqānī di mana ʻAbd al-Khāliq al-Ghujdawānī mengambil tarekat Naqshābandī daripada Nabi Khidir a.s secara spiritual yang kemudiannya bersambung dengan Abū Yaakub Yūsuf al-Hamadānī (Kabbānī 2004). Tambah Shaykh Hishām, kewujudan Nabi Khidir dalam rantaian ini menunjukkan bahawa Naqshābandī Ḥaqqānī mempunyai keistimewaan yang tiada dalam rantaian Naqshābandī yang lain, keistimewaan ini

kerana Shaykh Nāẓim merupakan keturunan bagi dua tokoh sufi yang popular iaitu Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlanī dan Jalāl al-Dīn al-Rumī. Kerana itu silsilah mereka ialah silsilah emas menurut Shaykh Hishām. Seterusnya silsilah Naqshābandī bersambung kepada:

(12) Ārif al-Riwakrī (wafat 1259M)
(13) Mahmūd al-Anjīr al-Faghnāwī (wafat 1272M)
(14) ‘Azizān ‘Alī al-Ramitānī (wafat 1321M)
(15) Muḥammad Bābā al-Sammāsī (wafat 1354M)
(16) Sayyid Amīr / Amīr Sayyid Kulal al-Bukhārī (wafat 1371M)

Bermula daripada Abū Yaakub Yūsuf al-Hamadānī sehingga Sayyid Amīr Kulal, tarekat ini popular dengan nama *Khwajaganiyah* (Makhasin 2015). Ini kerana ketujuh-tujuh orang dalam rantaian ini menggunapakai gelaran *khwajagan* yang bermaksud guru (Sulistiana 2008). Kemudian akhirnya silsilah ini bersambung kepada pengasas Naqshābandī:

(17) Shaykh Muḥammad Bahā’ al-Dīn al-Naqshābandī (1318 – 1389M)

Menurut Leonard, setelah daripada tarekat ini disandarkan kepada Naqshābandī, maka tarekat ini telahpun tersusun, maka sekalian baiah atau perjanjian antara murid dan guru dalam kesufian tidak hanya terbentuk sebagai perjanjian semata-mata, malah silsilah turut menjadi penting untuk dijaga selepas baiah (Lewishon 2003). Tarekat Naqshābandī yang disusun oleh Shaykh Bahā’ al-Dīn ini kemudiannya semakin mendapat perhatian, ia bukan sekadar sebuah tarekat yang mempunyai hubungan guru dan murid atas dasar zikir, malah tarekat ini telah menjadi sebuah gerakan dan organisasi. Terdapat ibu pejabat yang dipanggil *khanaqah* yang mana, cawangan-cawangan iaitu khanaqah kecil mesti mematuhi arahan pentadbiran daripada pusat. Lanjutan daripada silsilah ini, tarekat ini kemudiannya hanya disandarkan kepada nama Naqshābandī sebagaimana lanjutan silsilah berikut:

(18) ‘Alā’ al-Dīn al-Bukhārī al-‘Attār (1400M)
(19) Yaakub al-Charkhī (wafat 1447M)

(20) ‘Ubaid Allāh al-Ahrār (1404 – 1490M)

(21) Muḥammad al-Zāhid (wafat 1515M)

(22) Darwīsh Muḥammad (wafat 1549M)

(23) Muḥammad Khwaja al-Amkanākī (wafat 1599M)

(24) Muḥammad al-Bāqi bi Allāh (1563 – 1603M)

(25) Aḥmad al-Fārūqī al-Sirhindī (1564 – 1624M)

Bermula dari Ahmad al-Fārūqī al-Sirhindī ini, tarekat ini terpecah kepada jalur yang dikenali sebagai Naqshābandī Mujaddidī. Seterusnya silsilah bersambung kepada:

(26) Muḥammad al-Ma‘sūm (1586 – 1668M)

(27) Muḥammad Sayf al-Dīn al-Fārūqī al-Mujaddidī (1645 – 1685M)

(28) Sayyid Nūr Muḥammad al-Badawānī (1664 – 1722M)

(29) Shams al-Dīn Ḥabībullāh (1700 – 1781M)

(30) ‘Abd Allāh al-Dahlawī (1745 – 1824M)

(31) Khalīd al-Baghdādī (1776 – 1827M)

Jalur Naqshābandī Al-Khālidī adalah bermula daripada Khālid al-Baghdādī yang menurut Sulistiana, pecahan kepada jalur tertentu ini hanyalah bersifat kepada kepelbagaian teknik dan doktrin (Sulistiana 2008). Seterusnya silsilah bersambung kepada:

(32) Ismail Muḥammad al-Shirwānī

(33) Ismail Muḥammad al-Shirwānī (1787 – 1839M)

(34) Khāṣ Muḥammad Shirwānī (1786 – 1844M)

(35) Muḥammad Efendi al-Yarāghī (1777 – 1848M)

(36) Jamāl al-Dīn al-Ghumūqī al-Ḥusaynī (1788 – 1869M)

(37) Abū Ahmad al-Surūghī (1789 – 1882M)

(38) Abū Muḥammad al-Madanī (1835 – 1913M)

(39) Sharaf al-Dīn al-Daghestānī (1875 – 1936M)

(40) Shaykh ‘Abd Allāh Fāiz al-Daghestānī (1891 – 1973M)

(41) Shaykh Muḥammad Nāẓim ‘Ādil al-Ḥaqqānī (1922 – 2014M)

Bermula daripada Shaykh Nāẓim ini, maka jalur Naqshābandī terpecah lagi kepada pecahan yang dinamakan Naqshābandī Ḥaqqānī. Shaykh Hishām yang mengemukakan silsilah ini (Kabbānī t.th) dalam kitabnya berulang kali menyebut bahawa Shaykh Nāẓim merupakan orang yang terakhir dalam silsilah Naqshābandī yang disebut sebagai "Silsilah Rantai Emas Naqshābandī Ḥaqqānī". Makhasin dalam tesis doktor falsafahnya menyebut bahawa terdapat pertikaian di kalangan ulama tarekat terhadap silsilah ini kerana Shaykh Hishām meletakkan Nabi Khidir a.s sebagai salah seorang guru spiritual di mana perkara ini tidak didapati dalam silsilah Naqshābandī yang lain melainkan Naqshābandī Ḥaqqānī (Makhasin 2015). Ini dikuatkan lagi kenyataan Shaykh Hisham bahawa silsilah ini bersifat *uwaisī*, nisbah kepada Uwais al-Qarnī, seorang *Tabi'īn* yang hidup di zaman Nabi SAW yang menurut Shaykh Hishām menerima keislaman daripada Nabi SAW secara *barzakhī* (Bruinessen 1995).

2.6 AJARAN NAQSHĀBANDĪ ḤAQQĀNĪ

'Abd al-Khāliq al-Ghujdawānī sering disebut oleh pengikut Naqshābandī Ḥaqqānī sebagai orang yang meletakkan asas dalam Tarekat Naqshābandī. Jika dilihat pada silsilah yang telah dibincangkan sebelum ini, pendiri Naqshābandī, Shaykh Muḥammad Bahā' al-Dīn mengambil tarekat ini secara *barzakhī* dari al-Ghujdawānī. Terdapat lapan asas yang diletakkan oleh al-Ghujdawānī sebagai aturan tarekatnya yang kemudian menjadi pedoman Tarekat Naqshābandī (Netton 2000). Lapan asas tersebut dalam Bahasa Parsi ialah:

i. *Husy Dār Dam* (situasi sedar saat pernafasan);
ii. *Nazār Bār Qadam* (situasi memerhatikan langkah);
iii. *Safar Dān Watan* (situasi perjalanan seperti di kampung halaman);
iv. *Khalwat Dār Anjuman* (situasi sepi dalam keramaian);
v. *Yard Kard* (situasi mengingati dan menyebut);
vi. *Bazghāst* (situasi memperbaharui);
vii. *Niqah Dahsyt* (situasi mewaspadai); dan
viii. *Yaddast* (situasi mengingati kembali).

Shaykh Muḥammad Bahā' al-Dīn kemudian menambah lagi tiga asas dalam pembentukan asas Tarekat Naqshābandī seperti berikut:

i. *Wuqūf Zamānī* (situasi memeriksa penggunaan waktu);
ii. *Wuqūf Adadī* (situasi memeriksa jumlah zikir); dan
iii. *Wuqūf Qalbī* (situasi memelihara hati).

Sebelas asas ini menjadi asas dalam Tarekat Naqshābandī dalam pelaksanaan zikir mereka sama ada secara sendirian mahupun secara berkumpulan yang dipimpin oleh guru. Zikir dalam dunia Tarekat Naqshābandī ada dua metodologi iaitu:

i. *al-Jahr* (secara kuat dan keras); dan
ii. *al-Khāfī* (secara diam dan rahsia).

Pelaksanaan zikir secara al-Jahr ini dipraktikkan secara khusus oleh Mahmūd al-Anjīr al-Faghnāwī sehingga zaman Amīr Sayyid Kulal al-Bukhārī . Bagaimanapun, Shaykh Muḥammad Bahā' al-Dīn kemudiannya mempraktikkan zikir secara *al-Khāfī* yang menurut beliau impak zikir ini sebenarnya lebih hebat berbanding al-Jahr (Choiriyyah 2009). Zikir secara *al-Khāfī* ini dipratikkan oleh Shaykh Muḥammad Bahā' al-Dīn kerana mengambil contoh daripada peristiwa Nabi Muhammad SAW dan Sayyidunā Abū Bakr r.a sewaktu berada dalam Gua *Thur* di mana pada ketika itu, Abū Bakr r.a melaksanakan zikir secara *al-Khāfī* bagi mengelak dikesan oleh musuh. Terdapat dua zikir asas dalam Tarekat Naqshābandī sebagai amalan bagi menyucikan hati (Bruinessen 1995). Dua zikir tersebut ialah:

i. Zikir *Ism al-Dhāt* (iaitu zikir dengan menyebut nama Allah SWT); dan
ii. Zikir *Nafī wa Itsbāt* (iaitu Tahlil dengan mengucap لا اله الا الله).

Zikir *Ism al-Dhāt* ini dilaksanakan sama ada secara *al-Jahr* atau *al-Khāfī*, dengan menyebut nama Allah SWT secara berulang-ulang. Manakala zikir *Nafī wa Itsbāt* diprakrikkan bagi mengingati keesaan Allah SWT sebagai Tuhan. Dua zikir ini hanya merupakan asas dalam Tarekat Naqshābandī. Dilaporkan terdapat lebih kurang 200 jenis zikir yang diamalkan oleh pengikut Naqshābandī dari segenap aliran di 41

buah negara (Makhasin 2015). Tambahan bagi dua zikir ini, terdapat zikir yang diamalkan sebagai penutup bagi sekalian zikir dalam tarekat ini. Zikir yang dimaksudkan ialah zikir *Khatam Khwajagan*. *Khwajagan* sebagaimana dijelaskan sebelum ini bererti sekalian guru dalam Tarekat Naqshābandī manakala *khatam* ialah kalimah Bahasa Arab yang bererti penutup. Zikir ini dianggap sebagai tiang bagi sekalian zikir dalam Tarekat Naqshābandī (Bruinessen 1995). Zikir ini asalnya diperolehi oleh ʻAbd al-Khāliq al-Ghujdawānī daripada Sayyidunā Abū Bakr r.a (Sri Mulyati et.al 2005) daripada Rasulullah SAW secara *barzakhī*. Dikatakan, Abū Bakr r.a memanggil sekalian pemimpin Naqshābandī di alam ruh lalu mewariskan zikir ini kepada ʻAbd al-Khāliq al-Ghujdawānī (Choiriyyah 2009).

Zikir *Khatam Khwajagan* ini merupakan sejenis zikir yang kompleks. Zikir ini kebiasaanya hanya dilakukan sekali seminggu iaitu pada malam Jumaat. Terkandung dalam zikir ini, dimulai dengan mengucapkan *Istighfār* memohon pengampunan daripada Allah, kemudian berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW serta memuji Baginda SAW. Kemudian alunan zikir yang pelbagai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci al-Quran (Makhasin 2015). Asas bagi zikir ini ialah "*Hu*" yang merujuk kepada zikir bagi roh manusia, kemudian disusuli dengan "*Ḥaq*" yang merujuk kepada zikir penyucian jiwa, manakala yang terakhir ialah ucapan "*Ḥay*" yang merujuk kepada zikir fizikal tubuh badan. Setelah selesai zikir-zikir ini, barulah disusuli dengan tahlil (Choiriyyah 2009).

Mengalami perkembangan pada abad ke-20, amalan Tarekat Naqshābandī ini kemudiannya mengalami sedikit perubahan di bawah pimpinan Shaykh Nāẓim. Pelaksanaan zikir-zikir ini asasnya adalah sama dengan Tarekat Naqshābandī yang asal. Shaykh Nāẓim lebih cenderung mempraktikkan zikir secara al-Jahr di bawah kepimpinan beliau. Shaykh Nāẓim membahagikan tingkatan zikir kepada pengikut beliau kepada tiga fasa:

i. Zikir *Mubtadī* (peringkat permulaan);
ii. Zikir *Mustaʻid* (peringkat persediaan); dan
iii. Zikir *Ahl al-Aẓīm* (peringkat tertinggi).

Zikir *Ahlu al-Aẓīm* ini dilaksanakan bagi menghidupkan hati yang paling dalam, disebut sebagai al-Asrār dalam Bahasa Arab.

Dalam metodologi zikir oleh Shaykh Nāẓim, pengikut tarekatnya dipinta supaya *murāqabah* iaitu supaya dapat menyatukan hati dengan Allah SWT serta para guru dalam Naqshābandī. Shaykh Nāẓim amat menekankan *murāqabah* ini sebagai hubungan spiritual agar pengikut Naqshābandī Ḥaqqānī tetap berhubung dengan Allah dan guru-guru Naqshābandī dalam Silsilah Rantai Emas Naqshābandī Ḥaqqānī. Tambahan daripada *murāqabah* ini, Shaykh Nāẓim juga menekankan elemen cinta. Menurut Shaykh Nāẓim, cinta adalah tiang utama berbanding iman, kerana tanpa cinta tidak akan ada iman (Sulistiana 2008).

Dalam rantaian Naqshābandī, Shaykh Nāẓim melalui tarekat pimpinannya memperkenalkan tarian dan muzik dalam pelaksanaan zikir. Kebiasaan zikir yang dilakukan oleh Naqshābandī Ḥaqqānī ini adalah secara berkumpulan di zawiyah di serata tempat. Tarian yang diperkenalkan oleh tarekat pimpinan Shaykh Nāẓim ialah Tarian *Simāʻ* (Choiriyyah 2009). Tarian *Simāʻ* ini dikatakan asalnya adalah pengamalan daripada Jalāl al-Dīn al-Rūmī yang mengasaskan Tarekat Mevlevi. Ini tidak menghairankan memandangkan, telah diterangkan sebelum ini bahawa Shaykh Nāẓim pada zaman mudanya memimpin Tarekat Mevlevi. Penerapan Tarian *Simāʻ* ini dilakukan secara berputar (*whirling*) yang diiringi muzik. Menurut Sulistiana, muzik yang mengiringi tarian ini dikenali sebagai *haḍrah* di mana ia adalah manesfetasi daripada kecintaan yang bukan dibuat-buat untuk menuju kepada makam fana (Sulistiana 2008).

Asal-usul tarian ini, ada yang mendakwa ia adalah daripada praktis Sayyidunā Abū Bakr r.a. apabila beliau diberitahu oleh Nabi SAW bahawa beliau akan mengikuti Hijrah Baginda SAW dan dijanjikan Syurga, maka Sayyidunā Abū Bakr r.a menari dengan arah lawan jam kerana kegembiraan (Makhasin 2015). Kemudian al-Rūmī mempraktikkan tarian ini sebagai manifestasi terhadap sahabatnya Shams. Hubungan al-Rūmī begitu erat dengan Shams sehingga hubungan ini sukar untuk dipisahkan. Kecintaan mereka ibarat Laila dan Majnun. Hanya mereka yang mengerti cinta mereka. Shams atau nama penuhnya Shams Tabrīz adalah seorang insan yang sangat misteri.

Pertemuan al-Rumī dan Shams berlaku pada 1244M, di mana tidak diketahui latar belakang sebenar siapakah Shams. Al-Rūmī akhirnya ditinggalkan Shams dan akibat daripada mabuk kepayang cinta terhadap sahabatnya, terbentuklah Tarian *Simā'* ini (Choiriyyah 2009).

Dalam pengamalan, Shaykh Nāẓim serta jemaah pimpinannya amat mengagumi al-Rūmī. Tarian *Simā'* diperkenalkan dalam Naqshābandī Ḥaqqānī sehingga menjadi salah satu ritual wajib mereka. Tarian *Simā'* ini diperkenalkan bagi menarik minat golongan muda yang lazimnya menyukai hiburan agar dapat mengalihkan tumpuan mereka dari hiburan keduniaan kepada hiburan berbentuk kesufian dengan praktis tarian serta muzik. Ini terbukti apabila Shaykh Hishām memperkenalkan Naqshābandī Ḥaqqānī di Indonesia, beliau turut memanfaatkan Tarian *Simā'* ini sehingga mengundang ribuan anak muda Indonesia untuk mengikut Naqshābandī Ḥaqqānī. Beliau mengetengahkan Tarian *Simā'* ini agar semangat berzikir sentiasa membara sehingga dapat menghasilkan cinta. Bahkan Tarian *Simā'* ini sebenarnya bukan sahaja dipraktikkan oleh khalayak Muslim sahaja, bahkan penganut agama lain turut mempraktiskan tarian ini sebagai ritual (Choiriyyah 2009).

Menurut William C Chittick, Tarian *Simā'* sentiasa diiringi alat muzik utama seperti rebana dan rebab. Tarian *Simā'* ini akan membawa pelakunya kepada cinta dan mengenang kembali saat manusia di hari alastu di mana Allah SWT mengambil perjanjian daripada setiap manusia bahawa kesemuanya mengaku Allah SWT adalah Tuhan Pencipta (Chittick 2002). Semasa Tarian *Simā'* dilakukan, yang lazimnya diiringi lantunan muzik, mereka turutan menyanyikan *naat*[6] yang berbentuk selawat. Asal-usul perkataan *naat* adalah daripada Bahasa Urdu. *Naat* yang biasa dilantunkan oleh mereka ialah *naat* khusus bernama *Naat al-Sharīf* yang dikarang oleh Buhuriz Mustafa Itri, terkadang *Naat* ini, dalam praktis Mevlevi di Turki, ia dibacakan dalam Bahasa Turki (Sri Mulyati et.al 2005).

Bagaimanapun, praktis Tarian *Simā'* dalam Naqshābandī Ḥaqqānī adalah sedikit berbeza dengan Mevlevi. Tarian *Simā'* biasanya dilaksanakan secara istimewa

[6] *Naat* merupakan nyanyian atau lagu yang menyerupai syair berisi puji-pujian dan selawat kepada Nabi s.a.w, lazimnya dikarang dan dinyanyikan dalam Bahasa Urdu.

bersama zikir *Khatam Khwajagan*. Zikir ini menurut Tarekat Mevlevi dan Tarekat Ḥaqqānī, mestilah dilaksanakan dalam keadaan berwuduk. Bagi pengamal Tarekat Ḥaqqānī, zikir ini dilakukan dengan kaedah-kaedah tertentu. Pelaksanaan zikir ini, menurut Choiriyyah dalam tesis sarjananya, yang telah mengikuti sendiri pelaksanaan zikir ini, ia diadakan sebanyak sekali seminggu saat matahari menjelang terbenam. Para pengikut akan membuat bulatan dengan dipimpin oleh seorang guru. Pelaksanaan zikir ini diadakan dalam ruangan tertutup beserta cahaya lampu yang malap bagi menggalakkan peserta majlis untuk fokus kepada zikir yang ingin dilaksanakan (Choiriyyah 2009).

Menurut Sulistiana, zikir ini dilaksanakan sebanyak dua kali seminggu di Indonesia, seiring dengan pertambahan pengikut selepas kedatangan Shaykh Hishām pada tahun 2000 (Sulistiana 2008). Luhtfi Makhasin juga menyatakan bahawa beliau yang turut mengikuti sesi zikir seperti ini, sering tertanya-tanya mengenai apakah perasaan sebenar beliau saat mengikuti sesi zikir ini, maka beliau berkongsi pandangan bersama dengan beberapa individu yang turut mengikuti sesi zikir ini, menurut mereka, perasaan mereka ialah bersemangat, gembira, selesa dan tenang (Makhasin 2015).

Mengenai Zikir *Khatam Khwajagan* yang turut dilaksanakan oleh Tarekat Ḥaqqānī pula, ia mempunyai dua versi, iaitu versi pendek dan versi panjang seperti berikut:

Versi pendek sebagaimana dinyatakan oleh Lutfi Makhasin ialah (Makhasin 2015):

i. Niat mendapat Redha Allah;
ii. Mengucap dua kalimah syahadah sebanyak tiga kali;
iii. Mengucap istighfar sebanyak 25 kali;
iv. Doa guru;
v. Membaca *Rabiṭah Sharīf*;
vi. Membaca Surah *al-Fātiḥah* sebanyak tujuh kali;
vii. Membaca selawat sebanyak 10 kali;
viii. Membaca Surah *al-Inshirah* sebanyak 7 kali;
ix. Membaca Surah *al-Ikhlās* sebanyak 11 kali;

x. Membaca Surah *al-Fātiḥah* sebanyak tujuh kali;
xi. Membaca selawat sebanyak 10 kali; dan
xii. Membaca al-Quran atas arahan guru dan beberapa wirid untuk dihadiahkan kepada Nabi Muhammad SAW dan seluruh Shaykh dalam Tarekat Naqshābandī.

Versi panjang pula sebagaimana disebut oleh Choiriyyah adalah seperti berikut (Choiriyyah 2009):

i. Niat mendapat redha Allah;
ii. Mengucap dua kalimah syahadah sebanyak tiga kali;
iii. Mengucap istighfar sebanyak 70 kali;
iv. Doa guru;
v. Membaca *Rabiṭah Sharīf*;
vi. Membaca Surah *al-Fātiḥah* sebanyak tujuh kali;
vii. Membaca selawat sebanyak 100 kali;
viii. Membaca Surah *al-Inshirah* sebanyak 79 kali;
ix. Membaca Surah *al-Ikhlās* sebanyak 1001 kali;
x. Membaca Surah *al-Fātiḥah* sebanyak tujuh kali;
xi. Membaca selawat sebanyak 100 kali; dan
xii. Membaca al-Quran atas arahan guru dan beberapa wirid panjang untuk dihadiahkan kepada Nabi Muhammad SAW dan seluruh Shaykh dalam Tarekat Naqshābandī.

Praktik zikir ini pula mestilah dilakukan oleh semua murid dengan beberapa syarat tertentu (Fuad Said 1999) iaitu:

i. Suci daripada hadas kecil dan besar;
ii. Suci daripada najis;
iii. Pelaksanaan mestilah dalam ruangan khas dan tertutup;
iv. Khusyuk dan menghadirkan Ihsan dalam hati;
v. Kehadiran dalam majlis mendapat izin guru terlebih dahulu;
vi. Pintu ruang pelaksanaan mestilah bertutup;

vii. Memejamkan mata sepanjang majlis;

viii. Fokus dengan hati terhadap zikir supaya tidak lalai kepada Allah SWT; dan

ix. Duduk secara *Tawarruq* iaitu posisi ketika Tahiyyat Akhir dalam solat, namun dilakukan secara terbalik.

Selain daripada praktis yang disebut, Tarekat Ḥaqqānī juga turut menganjurkan siri-siri ceramah dan kuliah berkisar nasihat kepada para pengikutnya di zawiyah-zawiyah mereka seluruh dunia. Kebanyakan siri kuliah oleh Shaykh Nāẓim akan dicatat dan direkodkan secara bertulis dan dibukukan oleh pengikutnya dengan persetujuan olehnya. Secara dasarnya, selain daripada praktis Tarian *Simā'*, zikir-zikir yang diamalkan dalam Tarekat Ḥaqqānī ini tiada beza dengan Tarekat Naqshābandī yang lain sebagaimana yang dijelaskan dalam Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005.

2.7 KERAMAT DAN KEISTIMEWAAN

Tidak banyak yang diketahui mengenai keramat Shaykh Nāẓim melainkan beberapa yang telah disebut sebelum ini seperti perjalanan spiritual yang diceritakan oleh Shaykh Nāẓim sewaktu beliau mencari gurunya Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī, seperti mimpi, kasyaf atau pandang tembus (*vision*) yang berlaku ke atas beliau, baiah yang dilakukan secara *barzakhī* bersama dengan para nabi dan para wali Naqshābandī. Menurut para murid Tarekat Ḥaqqānī, ini merupakan alamat bahawa Shaykh Nāẓim ialah seorang wali kerana mimpi dan kasyaf tidak berlaku melainkan kepada seorang wali, apatah lagi Shaykh Nāẓim mendapat mimpi dan kasyaf bertemu dengan Nabi Muhammad SAW (Hanisah 2010).

Shaykh Nāẓim bukan sahaja didakwa sebagai satu-satunya wali yang masih hidup oleh para muridnya (Farrer 2009), bahkan dianggap sebagai mujaddid zaman ini (Stjernholm 2005). Tambahan daripada dakwaan sebagai wali dan mujaddid oleh Shaykh Hishām (Hanisah 2010), Luthfi Makhasin turut merekodkan bahawa di sisi anak murid Shaykh Nāẓim, beliau ialah orang yang berautoriti untuk memberikan fatwa dan ijtihad serta Shaykh Nāẓim boleh menjadi perantaraan (wasilah) di antara Allah dan

hamba-Nya (Makhasin 2015). Selain daripada kisah perjalanan spritual beliau, antara keramat Shaykh Nāẓim yang disebut oleh anak muridnya ialah:

i. Boleh menyembuhkan orang yang sakit, antara yang dikisahkan oleh Luthfi Makhasin ialah pertemuan beliau dengan Alan yang menceritakan bahawa sakit kronik isterinya sembuh dengan bantuan Shaykh Nāẓim (Makhasin 2015);

ii. Boleh meramal peristiwa masa hadapan, seperti yang diceritakan oleh Mustafha Mas'ūd kepada Luthfi Makhasin bahawa Shaykh Nāẓim telah meramal gempa bumi akan berlaku di Padang dan Yogyakarta pada tahun 2004. Tambahan dari ini, Luthfi turut menceritakan bahawa Pudjo Basuki yang berjumpa dengan Shaykh Nāẓim awal tahun 2004, beliau telah meramal Tsunami akan berlaku di Acheh dan ia benar-benar berlaku (Makhasin 2015);

iii. Boleh mendapatkan perkhabaran seakan wahyu, di mana suatu ketika Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa Imām Mahdī a.s akan datang, saat itu Imām Mahdī a.s akan bertakbir sebanyak tiga kali dan semua teknologi akan musnah dan tidak boleh digunakan (Makhasin 2015);

iv. Boleh mendapatkan material kewangan dan kehidupan menggunakan formula rahsia sehingga pemimpin-pemimpin tertinggi Tarekat Ḥaqqānī di Indonesia boleh mempunyai kehidupan mewah (Makhasin 2015);

v. Boleh membantu mendapatkan semula barang yang hilang atau dirampas, seperti yang diceritakan oleh Samson Nasarudin kepada Luthfi Makhasin bahawa beliau berjaya mendapatkan semula barangan niaganya yang ditipu oleh rakan niaga dengan bantuan Shaykh Nāẓim melalui zikir (Makhasin 2015);

vi. Boleh meramalkan hari kiamat akan berlaku. Menurut Hanisah Sani, beliau mencatatkan bahawa Shaykh Nāẓim pernah meramalkan tarikh hari kiamat pada tarikh tertentu, namun apabila tiba hari yang diramalkan, kiamat tidak berlaku. Peristiwa ini menyebabkan ramai pengikut Tarekat Ḥaqqānī meninggalkan tarekat ini. Namun sebahagiannya masih kekal kerana diberi alasan bahawa

kiamat itu tidak berlaku kerana Shaykh Nāẓim telah berdoa supaya kiamat ditangguhkan (Hanisah 2010).

2.8 KARYA DAN PENULISAN

Terdapat banyak karya yang ditemui oleh penulis mengguna pakai nama Shaykh Nāẓim. Penulis berjaya mendapatkan 15 karya yang disandarkan kepada nama Shaykh Nāẓim iaitu:

1. *Mercy Oceans: The Teachings of Maulana Abdullah al-Faizi ad-Daghestānī;*

Buku ini merupakan antara buku yang terawal didapati, yang disandarkan kepada nama Shaykh Nāẓim. Tertulis di muka buku ini bahawa pengarangnya adalah Shaykh Nāẓim. Ia diterbitkan pada tahun 1980. Tiada dinyatakan nama penerbit dan tempat asal buku ini, bahkan tiada International Standard Book Number (ISBN) didaftarkan bagi buku ini.

Terdapat petikan yang menunjukkan bahawa ia bukan tulisan tangan Shaykh Nāẓim sendiri, namun ia adalah salinan daripada ucapan-ucapan rasmi Shaykh Nāẓim dalam sesi pengajian bersama anak-anak muridnya pada musim sejuk tahun 1980. Petikan adalah seperti berikut:

> "These are the teachings of our grandshaykh, Maulana Abdullah al-Faizi ad-Daghestānī (May Allah be pleased with him), as told us by our shaykh, Muhammed Nāẓim 'Ādil al-Qibrisi (May Allah be pleased with him)..."

Maksudnya:

> "Ini merupakan ajaran-ajaran yang diajarkan oleh Shaykh besar kita, Maulana Abdullah al-Faizi ad-Daghestānī (Semoga Allah meredhainya), sebagaimana yang diberitahuan kepada kita oleh Shaykh kita, Muhammed Nāẓim 'Ādil al-Qibrisi (Semoga Allah meredhainya)..."

Tiada penafian yang dijumpai oleh penulis terhadap keaslian dan kesahihan buku ini. Buku ini juga boleh didapati dalam versi pdf di laman sesawang Tarekat Ḥaqqānī yang rasmi. Terkandung dalam buku ini, ajaran-ajaran yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim dari gurunya Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī di dalam Tarekat Ḥaqqānī.

2. *Mercy Oceans (Book Two): The Teachings of Maulana Abdullah al-Faizi ad-Daghestānī an-Naqshābandī;*

Buku ini adalah rentetan daripada penerbitan *Mercy Oceans: The Teachings of Maulana Abdullah al-Faizi ad-Daghestan*. Ia juga diterbikan pada tahun 1980. Buku ini didokumentasi di The Cyprus Library: Centre for the Registration of Books and Serials dengan ISBN 978-9963-40-001-0. Buku ini diterbitkan secara rasmi oleh Spohr Publishers Limited, Dali/Nicosia, Cyprus pada tahun 2007 dan diulang cetak pada tahun 2008. Hak cipta adalah milik Shaykh Nāẓim, membuktikan ia disalin dan diterbit dengan izin Shaykh Nāẓim. Juga seperti jilid 1, ia bukanlah tulisan tangan Shaykh Nāẓim sendiri sebagaimana petikan di muka hadapan buku:

> "The Teachings of Mevlana Sheikh Abdullah Ad-Daghistani An Naqshābandī May Allah Sanctify His Blessed Soul: As expounded upon by our Master Mevlana Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Ḥaqqānī An-Naqshband"

Maksudnya:

> "Ajaran-ajaran oleh Mawlana Sheikh Abdullah Ad-Daghistani An Naqshābandī Daghestānī (Semoga Allah meredhainya rohnya), sebagaimana yang diperjelaskan oleh Guru kita Mawlana Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Ḥaqqānī An-Naqshband"

Sama seperti jilid 1, tiada penafian yang dijumpai oleh penulis terhadap keaslian dan kesahihan buku ini. Buku ini juga boleh didapati dalam versi pdf di laman sesawang Tarekat Ḥaqqānī yang rasmi.

3. *Mercy Ocean's Divine Sources;*

Sebuah buku kesinambungan *Mercy Oceans*, salinan semula ucapan-ucapan Shaykh Nāẓim dengan keizinan Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī pada musim panas 1983 di England dan Jerman, serta musim sejuk 1984 di Cyprus. Buku ini dicetak pada tahun 2015 dan Hak Cipta ialah milik Shaykh Nāẓim. Maklumat penerbitannya, penerbit ialah Haqq-Baba Printers, Lahore, Pakistan, tiada ISBN. Sebarang persoalan, alamat surat-menyurat ialah kepada: Sheikh Nāẓim, Lefke, Mersin, 10, Turkey. Tertulis:

> "This book may not reproduced in whole or part, by mimeograph or any other means , without the express written permission of Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Qubrus"

Maksudnya:

> "Buku ini tidak boleh diulang cetak seluruhnya atau sebahagiannya secara mimeograf atau selainnya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Qubrus"

Kenyataan ini menguatkan bahawa Shaykh Nāẓim maklum mengenai penerbitan dan isi kandungan buku ini.

4. ***Mercy Ocean's Rising Sun;***

Salah satu buku yang merupakan kesinambungan daripada *Mercy Oceans*, juga merupakan salinan semula ucapan-ucapan Shaykh Nāẓim sewaktu musim panas 1985 dan musim sejuk 1986 di Cyprus dengan keizinan daripada Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī. Maklumat penerbitan yang didapati ialah penerbitnya Sebat Offset Printers, Konya, Turki, muka hadapan dilukis oleh Ahmed Winter. Tiada ISBN. Sebarang surat-menyurat adalah kepada Shaykh Nāẓim sendiri di alamat: Sheikh Nāẓim, c/o Baysal Gulboy, P.O Box 80, Gine-Mersin 10/Turkey. Nombor telefon disertakan: 81-52769. Jelas dinyatakan dalam buku ini bahawa Hak Cipta ialah Shaykh Nāẓim dan sebarang petikan daripada buku ini yang dibawa keluar mestilah mendapat izin Shaykh Nāẓim, sebagaimana tertulis:

> "This book may not reproduced in whole or part, by mimeograph or any other means, without the express written permission of Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Qubrus"

Maksudnya:

> "Buku ini tidak boleh diulang cetak seluruhnya atau sebahagiannya secara mimeograf atau selainnya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Sheikh Nāẓim 'Ādil Al-Qubrus"

Kenyataan ini menguatkan bahawa Shaykh Nāẓim maklum mengenai penerbitan dan isi kandungan buku ini.

5. *Mercy Ocean's Emerald of Eden: Lectures of Sufi Grandsheik;*

Juga satu buku kesinambungan daripada siri *Mercy Oceans*, yang merupakan kandungan ucapan Shaykh Nāẓim yang terpilih untuk dibukukan. Ucapan-ucapan dikutip di Sri Lanka pada tahun 1986-1990, di mana ucapan ini juga atas keizinan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī sebagaimana termaktub di muka hadapan. Maklumat penerbitannya, Hak Cipta ialah Shaykh Nāẓim sendiri, penerbitnya Peacock Printers, Colombo, Sri Lanka, diterbitkan pada tahun 1991, tiada ISBN. Sebarang surat-menyurat adalah kepada Shaykh Nāẓim sendiri di alamat: Sheikh Nāẓim, Lefke, Mersin, 10, Turkey. Tertulis:

> "This book may not reproduced in whole or part, by mimeograph or any other means, without the express written permission of Sheikh Nāẓim ʻĀdil Al-Qubrus"

Maksudnya:

> "Buku ini tidak boleh diulang cetak seluruhnya atau sebahagiannya secara mimeograf atau selainnya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Sheikh Nāẓim ʻĀdil Al-Qubrus"

Kenyataan ini menguatkan bahawa Shaykh Nāẓim maklum mengenai penerbitan dan isi kandungan buku ini.

6. *The Divine Kingdom;*

Buku yang memuatkan koleksi ucapan Shaykh Nāẓim pada tahun 1985, diberi kata pengantar oleh Shaykh Hishām. Diterbitkan pada tahun 1994 pertubuhan rasmi Tarekat Ḥaqqānī kendalian Shaykh Hishām iaitu "The Haqqani Islamic Trust for New Muslims" di Amerika Syarikat. ISBN 0-934905-28-2 dan diedarkan oleh KAZI Publications, Inc., Chicago.

7. *Rubies of Resplendence;*

Buku yang juga mengandungi koleksi ucapan Shaykh Nāẓim di Sri Lanka pada tahun 1986. Diterbitkan oleh muridnya pada tahun 2001 dengan izin daripada Shaykh Nāẓim sendiri sebagaimana dinyatakan pada muka hadapan:

> "Edited & Printed with the permission Of Moulana Sheik Nāẓim by Mureeds in Sri Lanka"

Maksudnya:

> "Diedit dan dicetak dengan keizinan Moulana Sheik Nāẓim oleh murid-murid di Sri Lanka"

Tiada Hak Cipta dinyatakan. Kenyataan ini menguatkan bahawa Shaykh Nāẓim maklum mengenai penerbitan dan isi kandungan buku ini, juga tiada sebarang penafian dijumpai terhadap isi kandungan dan penerbitan buku ini.

8. *Sufi Wisdom Series: In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1;*

Buku ini terkandung ucapan-ucapan Shaykh Nāẓim yang disalin oleh pertubuhan rasmi Tarekat Ḥaqqānī di Amerika Syarikat, di bawah pimpinan Shaykh Hishām iaitu Naqshabandi Ḥaqqani Sufi Order yang beralamat di Naqshabandi Haqqani Sufi Order, 17195, Silver Parkway #206, Fenton MI, 48430, USA. Maklumat penerbitannya, diterbitkan sendiri oleh Naqshabandi Haqqani Sufi Order, ISBN 1-930409-05-2, diterbitkan pada tahun 2002. Buku ini diterbitkan oleh pertubuhan rasmi Tarekat Ḥaqqānī di USA dan tiada sebarang penafian dijumpai terhadap isi kandungan dan penerbitan buku ini.

9. *Sufi Wisdom Series: In The Mystic Footsteps of Saints Volume 2;*

Merupakan siri kedua bagi buku *Sufi Wisdom Series: In The Mystic Footsteps of Saints*. Diterbitkan pada tahun 2002 dengan ISBN 1-930409-09-5 oleh Naqshabandi Haqqani Sufi Order.

10. *Essential Sufism Series:Love, Sufi Teachings and Spiritual Practices*

Sebuah kompilasi ucapan Shaykh Nāẓim berkaitan cinta, kata pengantar diberikan oleh Shaykh Nāẓim sendiri pada November 2003 di Lefke, Cyprus. Maklumat penerbitannya, penerbit ialah Publidisa, Malaga, Sepanyol. Diterbitkan pada 2008 dengan Hak Cipta atas nama Shaykh Nāẓim sendiri.

11. *Bridge to Eternity;*

Buku yang mengandungi kompilasi ucapan Shaykh Nāẓim pada tahun 1999 di Afrika Selatan yang disalin semula oleh Khairiyyah Siegel. Maklumat penerbitannya, penerbit ialah pertubuhan rasmi Tarekat Naqshābandī Muḥammadi di Afrika Selatan iaitu Naqshabandi-Muhammadi South Africa, Cape Town, Afrika Selatan. Hak Cipta Terpelihara bagi pertubuhan ini. Diterbitkan pada tahun 2012. Gambar muka hadapan oleh Bixby Bridge, Daniel Danbom, Quicksilver.com dan tulisan khat oleh Ibrahim Abu Touq. Tiada sebarang penafian dijumpai terhadap isi kandungan dan penerbitan buku ini.

12. *Defending Truth;*

Sebuah buku yang ditulis dengan kerjasama Shaykh Nāẓim dan Thyra Quensel pada tahun 1997. Maklumat penerbitan, penerbit ialah Zero Productions, London, diterbitkan pada tahun 1997. Hak Cipta Thyra Quensel. ISBN 1-898863-18-0.

13. *Sufi Wisdom Series: Liberating The Soul, A Guide For Spiritual Growth Volume 5;*

Buku yang mengandungi koleksi ucapan Shaykh Nāẓim, diberikan kata pengantar oleh Shaykh Hishām. Penulis hanya mendapati jilid 5 sahaja bagi siri ini. Maklumat penerbitannya, penerbit ialah Islamic Supreme Council of America, Hak Cipta Naqshabandi Sufi Order of America, salah satu pertubuhan rasmi Tarekat Ḥaqqānī pimpinan Shaykh Hishām di Amerika Syarikat. Diterbitkan pada tahun 2006. ISBN 1-930409-33-8.

14. ***2000 Sohbats 1979 – 2013;* dan**

Sebuah buku yang mengandungi koleksi ucapan Shaykh Nāẓim daripada tahun 1979-2013 yang disalin oleh anak-anak muridnya,tiada maklumat penerbitan yang didapati daripada buku ini. Buku dimuat turun daripada laman sesawang www.sufismus-online.de yang diakses pada 6 Mac 2017.

15. ***99 Drops From Endless Mercy Oceans;***

Buku ini mengandungi koleksi ucapan-ucapan Shaykh Nāẓim yang disandarkan nama penulisnya kepada Shaykh Nāẓim. Tiada maklumat penerbitan yang didapati daripada buku ini. Buku dimuat turun daripada laman sesawang www.sufismus-online.de yang diakses pada 6 Mac 2017.

Mungkin terdapat banyak lagi karya-karya yang dikarang atau dinisbahkan kepada Shaykh Nāẓim, namun apa yang penulis senaraikan ialah karangan Shaykh Nāẓim yang didapati oleh penulis. Tinjauan penulis dalam carian di laman sesawang, terdapat lebih kurang 30 atau lebih karya Shaykh Nāẓim yang semuanya berkisar mengenai kesufian menurut alirannya. Sebahagiannya boleh didapati di pasaran, manakala selebihnya mungkin boleh didapati di Cyprus, Turki, tempat asal Shaykh Nāẓim. Bagi tujuan kajian ini, memadai penulis memerhati dan membaca karya-karya di atas untuk menggali dan mengenalpasti pemikiran akidah Shaykh Nāẓim.

2.9 KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa peranan Shaykh Nāẓim dalam mencorak dunia tarekat menerusi legasi Tarekat Ḥaqqānī mempunyai kesan yang begitu besar terdapat umat Islam di seluruh dunia. Perjalanan kehidupan beliau sewaktu muda sehinggalah kematian beliau, mempunyai 1001 cerita, penuh dengan mistik dan keajaiban. Bermula daripada kecil beliau telah didedahkan dengan pelbagai tarekat oleh datuk beliau dan beberapa orang guru.

Pendidikan beliau yang cemerlang dalam akademik membataskan beliau untuk mendalami keagamaan secara mendalam. Hal ini boleh dilihat kepada jumlah guru-guru

keagamaan beliau dalam pelbagai bidang seperti tauhid, syariah, *fiqh* dan sebagainya. Dalam ramai guru yang beliau pernah mengambil ilmu daripada mereka, beliau memilih untuk bersama dengan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī sehingga menjadi orang yang bertanggungjawab menyebarkan tarekat Naqshābandīah Al-Aliyyah yang kemudiannya dikenali dengan nama Tarekat Naqshābandīah Ḥaqqānī. Selain itu, beliau juga tidak melengkapi syarat untuk berijtihad sehingga melayakkan beliau digelar sebagai *mujtahid*. Hal ini kerana syarat untuk menjadi *mujtahid* adalah terlalu ketat sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Pengaruh beliau tidak terhenti dengan kematian beliau, malah ajarannya terus berkembang dengan peranan anak kandungnya Muḥammad ʻĀdil serta dua anak murid utamanya iaitu Hishām Kabbānī dan ʻAdnān Kabbānī. Masing-masing mempunyai peranan meneruskan legasinya ke serata dunia, timur dan barat, tidak terkecuali di Malaysia. Shaykh Nāẓim bukanlah seorang pengkarya yang mengarang puluhan kitab. Karya-karya yang ditemui oleh penulis adalah merupakan salinan semula ucapan-ucapan beliau dalam siri-siri penjelajahan beliau menyebarkan ajaran beliau. Salinan ini dilaksanakan oleh beberapa pencatat yang kemudiannya mencetaknya dengan keizinan beliau sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa beliau bersetuju terhadap kandungan karya ini dan memperakuinya sebagai intipati ajaran beliau.

Sepanjang sejarah kehidupan beliau, ada yang memuji beliau dan tidak kurang yang mengkritik beliau, bahkan menghukum beliau dan ajarannya sebagai bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Kritikan-kritikan begini, terutaman terhadap pemikiran akidah beliau memerlukan satu penilaian yang adil dengan melihat kepada tinggalan-tinggalan beliau seperti karya dan ucapan beliau sewaktu hidup. Adakah benar kritikan yang dikemukakan terhadap beliau ini benar kerana kritikan yang diterima oleh beliau menyatakan pemikiran akidah beliau bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Justeru dalam bab seterusnya, penulis akan cuba mengetengahkan pemikiran akidah yang dibawa Shaykh Nāẓim menerusi karya-karya beliau sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini dengan menyusun kembali pemikiran akidahnya.

BAB III

PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ

3.1 PENGENALAN

Pegangan akidah seseorang individu yang menjadi ikutan merupakan suatu perkara yang utama perlu dinilai secara tuntas. Ia dijadikan sandaran untuk mengenalnya dengan lebih mendalam. Ini kerana Islam menganjurkan supaya memilih orang yang dijadikan ikutan itu dengan melihat kepada ajaran akidah yang dibawa olehnya. Hal ini senada dengan Ibn Sīrīn dalam satu nasihatnya yang telah berkata (al-Baghdādī t.th):

إن هذا العلم دين فانظروا عمن تأخذونه

Maksudnya:

> "Sesungguhnya ilmu ini adalah agama, maka perhatikanlah daripada siapa kamu mengambil agamamu"

Daripada perkataan Ibn Sīrīn ini dapatlah penulis menyimpulkan bahawasanya mengenal pasti akidah orang yang dijadikan sebagai ikutan adalah amat penting. Implikasi bersahabat dan menjadikan seseorang individu sebagai ikutan dapat mencorakkan peribadi seseorang dalam hal-hal keagamaan, apatah lagi dapat membentuk pegangan akidah seseorang dalam hal keimanannya sebagaimana sabda Nabi SAW:

الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ[1]

[1] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Zuhd ʻan Rasūl Allāh Ṣalla Allah ʻalayh wa Sallam*. No. Hadith 2378.

Maksudnya:

> “Agama seseorang itu adalah atas agama sahabatnya, maka perhatikanlah dengan siapa dia bersahabat”

Sejak zaman-berzaman, ramai ulama secara terbuka menilai seseorang individu yang masyhur berdasarkan kepada akidah pegangannya. Sekiranya pegangan seseorang itu bertepatan dengan akidah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan majoriti umat, maka orang tersebut akan dimasyhurkan sebagai orang yang boleh dijadikan ikutan, namun sekiranya sebaliknya, maka orang tersebut akan dijelaskan mengenai kekhilafannya supaya tidak dijadikan ikutan serta bagi menjaga maslahat akidah masyarakat awam.

Contohnya, dalam periwayatan hadith terdapat satu ilmu bagi mengenal pasti jika seseorang perawi hadith itu diterima periwayatannya atau tidak, ilmu ini dinamakan sebagai *al-Jarh wa al-Ta‘dīl*. Aplikasi ilmu ini ialah menilai mengenai beberapa kriteria penting mengenai seseorang perawi hadith sama ada periwayatannya diterima atau tidak. Antara kriteria utama penilaiannya ialah mengenal pasti pemikiran atau pegangan akidah perawi tersebut. Menurut Ibn Hajr al-‘Asqalānī sekiranya akidah seorang perawi adalah bidaah yang rosak serta bercanggah dengan apa yang disepakati oleh majoriti umat atau disebut sebagai Ahli Sunnah Waljamaah, maka berkemungkinan besar periwayatan hadithnya olehnya akan tertolak (al-Siddīqī 1997). Hal ini juga berlaku jika seseorang itu dihukum sebagai fasiq dalam pengamalan dirinya mahupun akidahnya (al-Shahrāzurī 1985).

Jika ditilik dalam dunia keilmuan Islam, ramai tokoh-tokoh yang namanya masyhur, bahkan mempunyai kitab yang diwarisi sehingga ke hari ini. Kitabnya diulang cetak oleh pelbagai syarikat untuk disebarkan dan menjadi bahan rujukan. Namun, pada hakikatnya, kitab atau karyanya itu, jika diperhati, telah lama ditolak oleh ulama sezamannya mahupun ulama pada zaman selepasnya. Sebagai contoh, al-Zamakhsyārī, namanya masyhur sebagai seorang ahli tafsir, beliau mempunyai karya tafsirnya sendiri yang menjadi bacaan ramai manusia. Bagaimanapun tafsir karangannya ini telah ditolak oleh ramai ulama kerana terkandung dalam tafsirnya itu pelajaran-pelajaran yang mempromosikan akidah Mu‘tazilah serta diselitkan kisah-kisah *Isrā’iliyyāt*.

Tidak ketinggalan juga seorang tokoh Mu‘tazilah yang masyhur iaitu al-Jubba’ī, bapa tiri kepada Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, ditolak dan ditentang sekeras-kerasnya oleh al- Ash‘arī walaupun pada awal kehidupan al- Ash‘arī, beliau berada di atas pegangan bapa tiri beliau. Al- Ash‘arī bukan sahaja ditolak melalui perdebatan bahkan al-Ash‘arī turut mengarang karya-karya yang menolak pegangan al-Jubba‘ī yang berlandaskan kepada Mu‘tazilah.

Ibn Sīnā yang masyhur dalam dunia perubatan, karyanya menjadi rujukan seluruh dunia, sama ada ilmuwan Islam mahupun Barat, tetap tidak lepas daripada menerima kritikan oleh ramai ulama seperti Imām al-Ghazālī. Imām Al-Ghazālī mengarang sebuah kitab berjudul *Tahāfut al-Falāsifah* bagi menolak beberapa tokoh seperti al-Farābī dan Ibn Sīnā akibat kecenderungan akidah mereka terhadap falsafah Greek dan Yunani. Kecenderungan mereka ini dizahirkan dalam karya-karya mereka yang membincangkan mengenai ketuhanan. Imām al-Ghazālī dalam *Tahāfut al-Falāsifah* memberi kritikan yang keras sehingga menghukum Ibn Sīnā sebagai terkeluar daripada Islam akibat dari pandangan-pandangannya dalam akidah yang bercanggah dengan akidah yang dibawa oleh Nabi SAW dan majoriti umat.

Ibn Taimiyyah yang masyhur dengan karyanya *Majmū‘ al-Fatāwā* juga dikritik dengan keras oleh ulama sezamannya seperti Taqiyyuddin al-Subkī dan Ibn Hayyān al-Andalūsī. Kisah mengenai penolakan ulama sezamannya terhadapnya juga boleh didapati dalam catatan Ibn Batūtah yang menceritakan pengalaman beliau sewaktu berada di Syam. Ibn Taimiyyah yang cenderung kepada akidah *tajsīm* dan *tashbīh* akhirnya dipenjara sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir di dalam penjara akibat daripada hukuman yang dikenakan terhadap pegangan akidahnya.

Al-Dhahabī yang merupakan anak murid beliau turut mengkritik beliau dalam satu surat terbuka kepada beliau. Ibn Batūtah dalam catatannya malah mengungkapkan bahawa Ibn Taimiyyah ini ialah “seorang yang mempunyai sesuatu pada akalnya” dan “akalnya lebih besar dari kepalanya”. Bukan setakat ulama sezamannya, bahkan ulama terkemudian tidak putus-putus mengarang kitab mengkritik beliau dan pegangan akidahnya supaya dijauhi oleh orang ramai. Antara mereka yang mutakhir yang

mengarang kitab mengkritiknya ialah Shaykh Sa‘īd Fūdah dan Shaykh ‘Abd Allāh al-Hararī.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa seorang sufi, apa lagi seorang tokoh yang berpengaruh dalam dunia berteraskan kesufian, tidak akan lari daripada kenyataan yang terkait dengan akidah, terutamanya mengenai ketuhanan. Ini kerana matlamat kesufian itu sendiri ialah keyakinan dan keimanan yang tinggi terhadap Pencipta alam iaitu Allah SWT. Dakwah seorang sufi adalah mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT, tidak menyembah sesuatu selain-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Menyekutukan Allah SWT bererti menjadikan Allah SWT sebanding dengan makhluk, atau menjadikan makhluk sebanding dengan Allah SWT. Sedang kedua-duanya adalah mustahil bagi hak Allah SWT. Ini sebagaimana difahami dari kenyataan seorang tokoh sufi, Sayyid Ahmad al-Rifaī (al-Hararī 2008):

غاية معرفة بالله الإيقان بوجوده تعالى بلا كيف ولا مكان

Maksudnya:

> “Kemuncak mengenal Allah SWT ialah meyakini bahawa Allah Taala itu wujud-Nya tiada mempunyai rupa bentuk dan tiada Dia bertempat”

Oleh yang demikian, melihat kepada ketekunan ulama-ulama mengkaji dan meneliti akidah seseorang tokoh, penulis turut terpanggil untuk mengkaji dan meneliti pemikiran dan pegangan akidah Shaykh Nāẓim yang masyhur sebagai tokoh sufi diketengahkan dalam karya-karyanya. Penilaian terhadap seseorang itu mestilah tidak bersifat terburu-buru dan semberono bagi mengelakkan hukuman secara membuta tuli, dan ini ditegah dalam Islam. Shaykh Nāẓim yang telah pun dilihat sumbangan-sumbangannya seantero dunia, tidak boleh dinafikan bahawa beliau mungkin telah memainkan peranan yang besar terhadap pola kehidupan seseorang. Justeru penulis akan menekuni karya-karya beliau untuk melihat mengenai kenyataan atau pendapat Shaykh Nāẓim dalam hal-hal berkaitan akidah dalam bab ini.

Berdasarkan pemerhatian penulis, Shaykh Nāẓim tidak ketinggalan dalam mempromosikan pandangan akidahnya dalam karya-karyanya. Kebanyakan kenyataan yang boleh didapati dalam karya-karya tersebut ialah dalam bentuk salinan semula ucapan-ucapan Shaykh Nāẓim. Juga didapati karyanya ditulis mengikut topik-topik tertentu berbentuk nasihat dan galakan berzikir. Bagaimanapun, menerusi kenyataan-kenyatan yang diucapkan oleh beliau yang disalin semula dalam karya tersebut, terdapat beberapa topik yang secara langsung menyentuh mengenai akidah sama ada dalam ketuhanan mahupun kenabian dan lain-lain.

Bagi melihat pemikiran akidah beliau, penulis akan meneliti 12 karya beliau dan mencari kenyataan-kenyataan beliau mengenai akidah sekaligus mempericikannya dalam secara terperinci dan tersusun. Karya-karya itu ialah:

i. *Mercy Oceans*
ii. *Mercy Oceans (Book Two)*
iii. *Mercy Oceans' Rising Sun*
iv. *Mercy Oceans' Emeralds of Eden*
v. *Defending Truth*
vi. *Rubies of Resplendence*
vii. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1*
viii. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 2*
ix. *Liberating The Soul: A Guide For Spiritual Growth Volume 5*
x. *99 Drops From Endless Mercy Oceans (Selected Speeches by Syeikh Nazim)*
xi. *Love*
xii. *Bridge to Eternity*

Penulis seterusnya akan menjadikan metodologi perbahasan akidah oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah sebagai garis panduan bagi peletakan setiap kenyataan-kenyataan Shaykh Nāẓim dalam isu-isu akidah ini, seterusnya menyusunnya mengikut tema-tema perbahasan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah dan menjadikannya sebagai satu pemikiran akidah yang tersusun bagi Shaykh Nāẓim.

3.2 PERSOALAN UMUM AKIDAH DALAM PEMIKIRAN SHAYKH NĀẒIM

Dalam persoalan umum ini akidah ini, penulis akan melihat pemikiran Shaykh Nāẓim dalam akidah secara umum merangkumi penggunaan dalil, perbahasan ringkas Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Ia bagi mengenal pasti secara sepintas lalu bagaimana pegangan Shaykh Nāẓim terhadap perkara-perkara asas berkaitan akidah dalam karya-karya beliau. Bagi membina sesebuah pemikiran dalam akidah, penggunaan dalil adalah amat diperlukan. Dalam Islam, penggunaan dalil yang disepakati oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah ialah *‘aqlī* dan *naqlī* merangkumi al-Quran, hadith dan ijmak (Al-Asfarāyinī 1940). Berikut adalah penggunaan dalil oleh Shaykh Nāẓim dalam membentuk pemikiran akidah beliau:

a. *‘Aqlī*

Akal merupakan anugerah yang Allah SWT kurniakan ke atas hamba-hamba-Nya. Akal yang sejahtera tidak akan bercanggah dengan hujah-hujah yang didatangkan oleh al-Quran dan hadith. Demikian penggunaan akal ini disebut oleh Allah SWT (Surah al-A‘rāf 7: 185):

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَنْ يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ
أَجَلُهُمْ ۖ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

> “Patutkah mereka [membutakan mata] tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan [memikirkan] bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya kalamullah al-Quran) itu mereka mahu beriman?”

Menerusi karya-karya yang ditulis oleh beliau, jelas sekali bahawa beliau banyak menggunakan pendalilan akal dalam banyak kenyataan beliau. Sebagai contoh, Shaykh Nāẓim sewaktu membantah golongan yang menisbahkan sekutu bagi Allah SWT seperti anak dan isteri, maka Shaykh Nāẓim membantah dengan keras perkara ini dengan menggunakan akal sebagai dalil pembuktian bahawa Allah SWT tidak mempunyai sekutu seperti anak dan isteri. Beliau menyatakan bahawa seseorang itu

dengan menggunakan akalnya akan dapat berfikir, jika seseorang itu dapat melaksanakan semua urusan perniagaannya secara berseorangan dengan berjaya, adakah orang tersebut memerlukan rakan kongsi? Sudah tentu tidak kerana ia tidak berfaedah. Maka Shaykh Nāẓim berhujah dengan kenyataannya ini, lalu menyebut, jika seorang manusia yang lemah pun, ada beberapa situasi tidak berhajat kepada rakan kongsi, maka apa lagi Allah SWT yang Maha Berkuasa, sudah tentu langsung tidak berhajat kepada rakan kongsi (al-Qubrūsī 2002.b). Kata beliau:

> "For example, if a man establishes a business and is easily able to finance and run it himself, will he seek a partner? No, that would be useless. And so, if you can recognize that even a weak creature never accepts a partner when none is called for, who can you ascribe as partner or partners to Allah Almighty? Who could be a partner to the Lord of the universe, the Lord of all, who has endless power and created everything? How can He accept a partner, a son, a wife or a daughter?"

Maksudnya:

> "Sebagai contoh, sekiranya seorang menubuhkan suatu perniagaan dan mudah baginya untuk membiayai dan menguruskan perniagaannya sendiri, adakah dia akan mencari rakan kongsi? Tidak, itu adalah sia-sia. Dan demikian, jika kamu boleh berfikir bahawa makhluk yang lemah juga tidak memerlukan rakan kongsi saat dia mampu, bolehkah kamu menjadikan sekutu (rakan kongsi) bagi Allah yang Maha Agung? Siapa yang boleh menjadi sekutu bagi Allah, Tuhan semesta alam, Tuhan sekalian makhluk, yang mempunyai kuasa tidak terbatas dan menciptakan setiap sesuatu? Bagaimana dia boleh menerima sekutu, anak lelaki, isteri atau anak perempuan?"

Apabila beliau membicarakan mengenai kesufian melalui kefahaman beliau, beliau menyatakan bahawa seseorang manusia, apabila telah mencapai status *Rabbani*, maka Allah SWT akan memakaikan orang tersebut dengan sifat-sifat Allah SWT (*God dresses him in His own attributes*) dan menjadikannya sebagai khalifah Allah SWT. Jelas perkataan beliau ini hanya berpandukan akal. Beliau berkata (al-Qubrūsī 2002.b):

> "When one reaches the level of Rabbani, God dresses him in His own attributes and makes him deputy."

Maksudnya:

> "Apabila seseorang sampai kepada tingkatan Rabbani, Tuhan akan memakaikannya dengan sifat-Nya sendiri dan akan menjadikannya khalifah"

Dalam halaman yang sama, beliau juga menyebut bahawa Allah SWT akan mengurniakan sifat kehendak yang ia adalah sifat Allah SWT, bukan sifat kehendak manusia. Contoh yang lain, Shaykh Nāẓim dalam karyanya *Love*, sebuah buku yang menghimpunkan perbicaraannya mengenai cinta, beliau menyatakan bahawa lelaki diciptakan oleh Allah SWT sebagai mewakili sifat *kamāl* Allah SWT, manakala wanita diciptakan sebagai mewakili sifat *jamāl* Allah SWT (al-Qubrūsī 2008). Kenyataan ini juga terbit daripada akal beliau tanpa sebarang nukilan dan sandaran kepada sumber wahyu. Kata beliau:

> "Men represent the perfection (*kamāl*) of Allah Almighty, and women represent the Beauty (*jamāl*) of Allah Almighty. The completeness for both is when there are together"

Maksudnya:

> "Lelaki adalah mewakili kesempurnaan (*kamāl*) Allah SWT dan wanita adalah mewakili kecantikan (*jamāl*) Allah SWT. Lengkapnya kedua ini apabila mereka bersatu"

Shaykh Nāẓim turut menggunakan hujah akal bagi menjelaskan mengenai hubungan makhluk dengan Pencipta. Shaykh Nāẓim menerangkan bahawa jika seseorang tidak mengimani Tuhan, bagaimana dia boleh menjadi orang yang baik, sedangkan jika seseorang tidak mengimani akan Tuhan yang mempunyai kuasa mengatasi sesuatu maka sudah tentu dia akan menjadi seorang yang sangat dahsyat (al-Qubrūsī 1997).

Shaykh Nāẓim turut menghubungkan keilmuan dengan akal apabila beliau menyebut bahawasanya setiap bidang keilmuan, sudah pasti akhirnya akan membawa kepada pengakuan wujudnya Allah SWT. Beliau memberikan contoh dalam ilmu matematik, sudah tentu seseorang yang pakar matematik akan sampai pada suatu konklusi bahawa lautan ilmu matematik ini sangat luas, maka sudah tentu ada Pencipta yang menciptakan lautan maklumat ini (al-Qubrūsī 1997). Kata beliau:

> "Every branch of positive knowledge has to reach the point which will enable people to see the existence of the Creator"

Maksudnya:

> "Setiap cabang keilmuan yang baik hendaklah sampai kepada suatu titik di mana memperbolehkan manusia melihat kewujudan Pencipta"

Selain itu, Shaykh Nāẓim turut membincangkan penggunaan akal dalam penentuan antara baik dan buruk. Beliau menjelaskan bahawa jika seorang manusia tidak dapat membezakan antara baik dan buruk, bermaksud manusia tersebut adalah setaraf dengan binatang (al-Qubrūsī 2002). Difahami dari kenyataannya ini bahawa fungsi akal ialah membezakan yang baik dan buruk jika ia digunakan pada tempatnya yang betul.

b. *Naqlī*

Berhubung dengan penggunaan dalil *naqlī*, ia terkait dengan al-Quran, hadith dan juga ijmak. Melihat kepada kehujahan al-Quran sebagai sumber utama dalam Islam, Shaykh Nāẓim meyakini perkara ini dan beliau menisbahkan al-Quran sebagai ibu (sumber) kepada segala buku yang ada di dunia ini (al-Qubrūsī 1991). Shaykh Nāẓim mengakui bahawa beliau mempunyai autoriti untuk mentafsirkan al-Quran dan hadith daripada gurunya yang memberi perakuan secara bertulis. Begitu juga gurunya berautoriti yang mengambil dari guru sebelumnya hinggalah kepada Rasulullah SAW. Shaykh Nāẓim turut menolak golongan seperti Wahhābiyyah yang dianggap tidak pandai mentafsirkan al-Quran, manakala di sisi Shaykh Nāẓim, para wali adalah orang berautoriti mentafsirkan al-Quran (al-Qubrūsī 2001).

Bagi menunjukkan kebolehan beliau mentafsirkan al-Quran, beliau menjelaskan bahawa bagi setiap huruf al-Quran, terdapat 24,000 makna yang berbeza bagi setiap huruf. Sebagai contoh, huruf Alif sahaja mempunyai 24,000 makna (al-Qubrūsī 2001). Dalam kenyataan lain, Shaykh Nāẓim berpendapat bahawa lima huruf pertama Surah Maryam itu sendiri sudah mencakupi seluruh makna al-Quran, tambahnya lagi, ayat pertama Surah al-Raḥmān menunjukan al-Quran itu terkandung kod-kod rahsia (al-Qubrūsī 2001).

Berhubung dengan penggunaan al-Quran sebagai dalil dalam akidah, Shaykh Nāẓim dalam karyanya dilihat banyak menyandarkan hal-hal terkait dengan akidah kepada terjemahan literal ayat al-Quran tanpa mendatangkan teks Bahasa Arab langsung daripada al-Quran. Bahkan beliau menolak takwil apabila berinteraksi dengan ayat *Mutashābihāt*. Sebagai contoh Shaykh Nāẓim mengisbatkan bahawa Allah SWT beserta para malaikat akan mara membawa cahaya (al-Qubrūsī 2001), beliau berkata:

> "For example, the Holy Quran says Waja'a Rabbuka Wal Malaku Saffa – it means that Allah Almighty who is your Lord is coming with His Angels with Lights"

Maksudnya:

> "Sebagai contoh, al-Quran menyebut Waja'a Rabbuka Wal Malaku Saffa – ini bererti Allah SWT yang merupakan Tuhan kamu datang dengan para malaikat-Nya dengan membawa cahaya"

Shaykh Nāẓim juga ada menyifatkan Allah SWT tanpa menukilkan sebarang teks Bahasa Arab al-Quran mahupun teks Maksudnya. Namun jika diperhatikan pada sifat-sifat yang disandarkan tersebut, ia merupakan terjemahan langsung atau literal bagi ayat-ayat al-Quran yang bersifat *Mutashābihāt*. Sebagai contoh beliau berkata (al-Qubrūsī 1980):

> "Allah's eyes are on you. You must imagine, in your heart, that Allah's eyes are with you"

Maksudnya:

> "Mata Allah SWT melihat kamu.. Kamu mesti membayangkan, dalam hati kamu, bahawasanya mata Allah SWT bersama kamu"

Di sini Shaykh Nāẓim menisbahkan bagi Allah SWT '*eyes*' yang boleh difahami ia mata secara terjemahan literalnya.

Selain mata, Shaykh Nāẓim juga membawa terjemahan al-Quran yang menunjukkan bahawa Allah SWT dekat secara jarak hakiki dengan manusia, lebih dekat dari urat tengkuk. Ia berdalilkan firman Allah SWT (Surah Qāf 50: 16):

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ

Maksudnya:

> "Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya"

Dengan terjemahan ini, Shaykh Nāẓim membina akidahnya bahawa Allah SWT bersatu dengan manusia dengan menyatakan:

> "a unity beyond duality, for He is All in All"

Maksudnya:

> "Satu kesatuan mengatasi keduaan, Dialah semuanya di dalam semua"

Begitu juga Shaykh Nāẓim saat memetik mengenai kisah penciptaan Nabi Adam a.s daripada air dan tanah (al-Qubrūsī 2008), Allah SWT telah memerintahkan para malaikat untuk sujud kepada Nabi Adam a.s di sini Shaykh Nāẓim berpandangan bahawa Allah SWT memerintahkan para malaikat untuk sujud kepada Nabi Adam a.s kerana Allah SWT telah memanifestasikan nama-nama-Nya yang agung dalam jasad Nabi Adam a.s. Shaykh Nāẓim berkata (al-Qubrūsī 2002.a):

> "All the Holy Names of Allah that were to be manifested by all of His descendants"

Maksudnya:

> "Semua nama Allah yang suci dimanifestasikan oleh semua khalifah-Nya"

Walaupun dilihat Shaykh Nāẓim hanya menggunakan penterjemahan ayat al-Quran secara literal, sekurang-kurangnya ada sandaran terhadap apa yang beliau nukilkan. Namun untuk berbahas mengenai apa disebut oleh beliau menerusi karyanya, maka itu perlu dibuat perbandingan yang lebih mendalam dengan apa yang disebut oleh ulama lain dalam bab yang seterusnya.

Sebagaimana al-Quran, Shaykh Nāẓim mengakui kehujahan hadith sebagai sumber kedua, malah beliau mengagungkan hadith dengan menyamatarafkan

kemuliaan hadith sama seperti al-Quran kerana Nabi SAW tidak akan berkata melainkan apa yang telah Allah SWT wahyukan kepada Baginda SAW. Hadith ialah penjelasan bagi al-Quran (al-Qubrūsī 1980). Dalam masalah penerimaan hadith sebagai hujah dalam akidah, menurut Shaykh Nāẓim untuk mengetahui sesebuah hadith itu *ṣahīh* atau tidak adalah memadai jika ia diriwayatkan oleh orang alim yang terpercaya seperti Imām al-Ghazālī. Meskipun ada yang mengkritik beberapa hadith yang diriwayatkan oleh Imām al-Ghazālī sebagai *ḍa'īf*, namun di sisi Shaykh Nāẓim ia adalah *ṣahīh* kerana Imām al-Ghazālī merupakan ulama besar yang tersohor.

Penerimaan hadith oleh Shaykh Nāẓim adalah sangat mudah, hanya memadai berdasarkan tilikan hati seseorang, jika seseorang itu mempercayai seseorang yang lain sebagai terpercaya maka hadith yang diriwayatkannya boleh diterima tanpa mempertikaikannya. Berbeza dengan wali, wali boleh mengetahui hadith itu *ṣahīh* jika yang meriwayatkannya itu terpancar cahaya apabila dia berucap, maka itu ialah hadith, kerana hadith itu cahaya dari Nabi SAW. Menurut beliau lagi, seseorang tidak akan dipertanggungjawabkan jika hadith yang didengari olehnya itu salah atas dasar beradab dengan sesuatu perkataan yang dianggap sebagai hadith. Shaykh Nāẓim memperakui bahawa inilah mazhabnya dan para wali boleh melihat cahaya yang terbit dari sesuatu perkataan jika ia hadith (al- Qubrūsī 1980). Kata beliau:

> "to whom Allah Almighty has given light, are different. They may listen to a man and see if light is coming from his speech, then they may know if his words are correct. Also when Awliya are reading, they may see those hadiths which are exact, shining from the page. They are the words of Prophet."

Maksudnya:

> "bagi mereka yang Allah SWT berikan cahaya, mereka berbeza. Mereka apabila mendengar daripada seseorang, mereka boleh lihat jika ada cahaya keluar dari perkataannya, dari situ mereka tahu perkataannya benar atau tidak. Begitu juga para wali apabila membaca, mereka akan melihat jika hadith itu *ṣahīh* maka akan bersinar dari helaian kertas itu. Maka itulah hadith Nabi SAW."

Shaykh Nāẓim juga amat mudah menerima sesuatu perkataan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sebagai hadith dan menganggap ini sebagai adab. Jika ada seseorang memberitahu suatu perkataan dan kemudiannya menisbahkan perkataan itu sebagai hadith, maka Shaykh Nāẓim akan menerimanya sebagai hadith kerana adab.

Malah beliau secara terbuka mengkritik ulama-ulama yang mengklasifikasikan hadith kepada *ṣahīh*, *ḍa'if* dan lain-lain. Beliau menisbahkan ulama-ulama ini sebagai berminda sempit (al-Qubrūsī 2001). Kata beliau:

> "With their small minds they say that this Hadees is true and this Hadees is false. They say that certain Hadees is weak and therefore it cannot be accepted. How can they say this. It is not Adab to say such a thing."

Maksudnya:

> "Dengan minda sempit mereka, mereka kata hadith ini *ṣahīh*, hadith ini *mauḍū'*. Mereka kata hadith ini *ḍa'īf* dan kerana itu tidak diterima. Bagaimana mereka berkata seperti ini? Ini bukan adab untuk mengatakan yang demikian."

Selain itu Shaykh Nāẓim ada menamakan Allah SWT sebagai *Hidden Treasure* berdalilkan terjemahan sebuah hadith yang disandarkan kepada Rasulullah SAW (al-Qubrūsī 2002.a):

> "I was a Hidden Treasure and i wanted to be known, so i created this whole creation that it may know me"

Maksudnya:

> "Aku ialah Khazanah Tersembunyi dan Aku ingin dikenali, maka aku ciptakan sekalian makhluk supaya mereka mengenali Aku"

Beliau dilihat memahami makna sebuah hadith hanya berdasarkan kefahaman literal semata-mata. Antara contoh lain, beliau menyebut mengenai sebuah *hadith qudsi* bahawasanya, seseorang apabila telah mencapai tahap wali, maka Allah SWT sendiri akan menjadi matanya, telinganya dan tangannya (al-Qubrūsī 2002.a). Dalam kenyataannya yang lain, beliau turut menggunakan satu terjemahan literal sebuah hadith riwayat al-Bukhārī dan Muslim untuk membentuk kefahaman akidahnya. Shaykh Nāẓim berkata (al-Qubrūsī 2001):

> "When you walk in steps towards Allah Almighty, He runs towards you"

Maksudnya:

> "Apabila kamu berjalan beberapa langkah menuju Allah yang Maha Agung, Dia akan berlari menujumu"

Matan hadith adalah seperti berikut:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: "أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي، فَإِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي، وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَإٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَإٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِشِبْرٍ تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا، وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا، وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً[2]

Makna literalnya hadith ini ialah apabila seorang hamba selangkah mendekati Allah SWT, maka Allah SWT akan mendekatinya sebanyak sehasta dan begitulah seterusnya sehingga terjemahan literal akan membawa kepada fahaman bahawa Allah SWT akan lari mendekati hambanya. Selain daripada terjemahan-terjemahan hadith di atas, Shaykh Nāẓim juga ada menukilkan sebuah perkataan yang disandarkan sebagai hadith Nabi SAW iaitu (al-Qubrūsī 1980):

“When you know yourself, you will know your lord”

Maksudnya:

“Apabila kamu kenal dirimu, kamu akan kenal Tuhanmu”

Demikianlah secara ringkas kaedah penggunaan hadith di sisi Shaykh Nāẓim sebagai hujah dalam pengisbatan akidah beliau.

Bagaimanapun mengenai penggunaan ijmak sebagai dalil, setelah meneliti kenyataan Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya, penulis mendapati tiada nukilan ijmak yang dikemukakan oleh Shaykh Nāẓim dalam kenyataan-kenyataan akidahnya. Walaupun tiada nukilan ijmak, terdapat beberapa perkara yang beliau sebut, selari dengan ijmak. Contohnya, beliau menyatakan bahawa tidak boleh bertanya mengenai tempat dan masa bagi Allah SWT kerana Allah SWT yang mencipta tempat dan masa, justeru Allah SWT tidak bertempat dan bermasa (al-Qubrūsī 2012). Selain dari itu, terdapat banyak juga kenyataan beliau yang sepakat dengan ijmak seperti pengisbatan mengenai sifat-sifat Allah SWT, nama-nama Allah SWT, sifat-sifat Nabi dan selainnya.

[2] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wā al-Tawbah wa al-Istighfār*, *Bāb al-Ḥath ‘alā Dhikr Allāh*. No. Hadith 4961.

Selain daripada itu, persoalan umum akidah juga berkisar mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Tiga tunjang ini merupakan teras kepada kesempurnaan seseorang mukmin. Senada dengan ini, jika dilihat dalam karya-karya Shaykh Nāẓim, beliau ada menyebut secara sepintas lalu bahawa manusia jangan tertipu dengan dunia dan perlu berpegang teguh dengan ketiga-tiganya iaitu Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan (al-Qubrūsī 1997). Kata Shaykh Nāẓim:

> "Dont be cheated in your beliefs, in your religion, in your Islam, Iman and Ihsan"
>
> Maksudnya: "Jangan tertipu dalam kepercayaan kamu, dalam agama kamu, dalam Islam kamu, Iman dan Ihsan"

Sebagaimana diketahui dalam syarak, Rukun Islam ialah:

i. Mengucap dua kalimah syahadah (mengakui ketuhanan Allah SWT dan kenabian Muhammad SAW);
ii. Menunaikan solat fardu lima waktu;
iii. Menunaikan puasa di bulan Ramadhan;
iv. Menunaikan zakat bagi mereka yang wajib zakat ke atasnya; dan
v. Menunaikan fardu haji bagi yang berkemampuan.

Shaykh Nāẓim ada menyatakan bahawa hak Allah SWT yang terbesar ke atas hamba-Nya ialah mengucapkan dua kalimah syahadah. Dengan dua kalimah syahadah ini, maka dosa-dosa manusia akan terhapus (al-Qubrūsī 1980). Dua kalimah syahadah ini merupakan kunci bagi syurga Allah SWT (al-Qubrūsī 2001) sebagaimana nukilannya:

> "We know that these Holy words are the keys to paradise"

Maksudnya:

> "Kita tahu bahawa kalimah-kalimah yang suci ini merupakan kunci ke Syurga"

Bagaimanapun, menurut Shaykh Nāẓim, Nabi SAW diperintah oleh Allah SWT untuk menyeru manusia mengucapkan syahadah yang pertama sahaja, dan ini sudah mencukupi. Jika seseorang tidak mengucapkan syahadah yang kedua, maka hanya Allah SWT yang berhak menghakimi mereka. Syahadah kedua hanyalah untuk mereka yang memohon syafaat Nabi SAW di hari akhirat kelak (al-Qubrūsī 2001), beliau berkata:

> "Muhammad, may peace be upon him, was first of all ordered by Allah to teach people to say these words La Ilaha Illallah. That was the first command. "Let them say these words and forever declare My Unity and My Existence. Thats is enough. Even if they don't declare Muhammad ur rasoolullah, I will make judgement for them"

Maksudnya:

> "Muhammad SAW, adalah yang pertama diperintah Allah SWT untuk mengajar manusia menyebut La Ilaha Illallah. Itulah perintah pertama. "Biarkan mereka sebut perkataan ini dan memperakui kesatuanKu dan kewujudanKu. Itu memadai. Walaupun mereka tidak memperakui Muhammad itu Rasuulullah. Biar aku yang menghakimi mereka."

Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya jelas mengakui bahawa beliau mengimani Allah SWT sebagai Pencipta alam. Beliau mengimani bahawa Allah SWT ialah Tuhan yang Maha Agung. Dalam karyanya *Mercy Oceans*, beliau menyebut (al-Qubrūsī 1980):

> "A believer must act with love. Love for Allah Almighty."

Maksudnya:

> "Seorang yang beriman mestilah berkelakuan dengan kasih sayang. Kasih sayang terhadap Allah yang Maha Agung"

Penyataan seperti ini menjelaskan bahawa beliau sendiri mengimani Allah SWT dan dalam masa yang sama menyeru manusia untuk mengimani dan mencintai Allah SWT. Shaykh Nāẓim menjelaskan mengenai hubungan antara makhluk dengan Allah SWT ialah hubungan Pencipta dengan hamba-hamba-Nya, dan Pencipta sudah tentu tidak serupa dengan hamba-Nya (al-Qubrūsī 2002.b). Shaykh Nāẓim memperkukuh

kenyataannya bahawa Allah SWT sahaja yang berhak disembah, dipuja, dipuji dan dihormati sebenar-benarnya, beliau berkata:

> "He is the Only One Who has absolute rights to get every kind of worship, glorification, praise and respect. Only He"

Maksudnya:

> "Dialah yang Maha Esa yang mempunyai hak paling utama untuk menerima penyembahan, pengagungan, pujian dan kehormatan, hanya Dia"

Berhubung dengan kenabian Muhammad SAW, beliau mengimani kenabian Muhammad SAW. Beliau meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada sekalian manusia, sekalian bangsa dan merupakan penutup segala nabi (al-Qubrūsī 2012). Kisah kelahiran Nabi SAW dan seterusnya diutuskan oleh Allah SWT sewaktu berumur 40 tahun diceritakan oleh Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 1991).

Shaykh Nāẓim turut menceritakan bagaimana Nabi SAW berdakwah selama 13 tahun untuk menyeru manusia beriman kepada Allah SWT dan membina asas kekuatan Islam sebelum Baginda SAW berhijrah ke Madinah (al-Qubrūsī 1980). Petunjuk utama bagi umat ini ialah Nabi Muhammad SAW (al-Qubrūsī 2012). Nabi Muhammad SAW dikurniakan pelbagai sifat dan ciri keistimewaan oleh Allah SWT. Di akhirat kelak, Nabi Muhammad SAW akan disediakan suatu tempat yang dimuliakan (*Maqām Mahmūd*) (al-Qubrūsī 1991).

Dalam karyanya, beliau juga banyak menukilkan kisah mengenai Nabi Muhammad s.aw. seperti mengenai kedatangan Jibril a.s untuk membelah dada Nabi SAW saat umur Baginda SAW 7 tahun dan sebelum menempuh peristiwa Israk dan Mikraj (al-Qubrūsī 1997). Beliau turut menceritakan mengenai akhlak terpuji Nabi Muhammad SAW terhadap para isteri Baginda SAW (al-Qubrūsī 1980) seraya menukilkan firman Allah SWT (Surah al-Qalam 68: 4):

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

> "Dan bagi kamu (wahai Muhammad) akhlak yang terpuji"

Kemudian beliau juga menukilkan kefahaman dari ayat al-Quran bahawa Allah SWT telah menyifatkan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat sekalian alam, Shaykh Nāẓim menambah bahawa pengikut Nabi Muhammad SAW yang sebenar juga adalah rahmat sekalian alam (al-Qubrūsī 1980). Walaupun beliau meyakini Nabi SAW adalah rahmat, namun beliau menyatakan bahawa Allah SWT telah menyatakan kepada Nabi Muhammad SAW bahawa terdapat lautan rahmat sangat luas dalam Surah al-Fātihah itu sehingga jika diketahui maka sudah tentu manusia tidak lagi diperintahkan untuk menyembah, solat dan ibadah lain. Dengan keyakinan ini, beliau menyebut jika seseorang bukan Islam, kemudian dia membaca Surah al-Fatihah, maka itu akan membawanya kepada keimanan. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "He who reads fatiha will take enough Rahma from one reading to last his whole life. Even if he is unbeliever, one reading will bring him to iman, perhaps at last moment of his life.. Allah said to Muhammad (peace be upon him) the second time, "O my Prophet! I am sending to you, from My Mercy Oceans of Fatiha, only onewave; one wave only from the Mercy Oceans in My Divine Presence! If you knew the whole Mercy Oceans belonging to Fatiha, you would not order your nation to pray, worship or anything else; for that Mercy from Fatiha would be enough! But no one knows the wideness of My Mercy Oceans!"

Maksudnya:

> "Dia (siapa sahaja) yang membaca al-Fatihah akan mendapat rahmat yang cukup sehingga akhir hayatnya. Sekalipun dia orang tidak beriman, satu bacaan (al-Fatihah) akan membawanya dalam iman, barangkali di saat akhir hayatnya.. Allah berkata kepada Muhammad SAW buat kali yang kedua: "Oh Nabi-Ku! Aku mengutuskan kepadamu, dari Lautan Rahmat Fatihah-Ku, hanya satu gelombang; satu gelombang sahaja dari Lautan Rahmat-Ku dalam Kewujudan-Ku! Jika engkau mengetahui akan seluruh Lautan Rahmat-Ku adalah dimiliki Fatiha, pasti engkau tidak akan mengarahkan umatmu untuk solat, ibadah atau selainnya; hanya dengan rahmat Fatiha sudah mencukupi! Tetapi tiada orang yang tahu betapa luasnya Lautan Rahmat-Ku" "

Di sini, beliau menukilkan juga perkataan seolah-olah *hadith qudsī*, namun setelah penulis menyemaknya kembali dengan kitab-kitab hadith, tiada nukilan hadith daripada Rasulullah SAW yang dijumpai. Malah kenyataan ini sangat bercanggah kerana seolah-olah Allah SWT memerintahkan suatu yang sia-sia kepada umat Nabi SAW daripada keimanan dan ibadah lain sedangkan menurut beliau *al-Fātiḥah* sahaja sudah mencukupi. Kefahaman seperti ini membawa konklusi bahawa dua kalimah syahadah

tidak lagi diperlukan untuk menjustifikasikan keimanan seseorang, malah memadai dengan bacaan *al-Fātiḥah* semata-mata.

Setelah itu, Shaykh Nāẓim turut meyakini kefarduan solat lima waktu dan menyatakan bahawa seseorang perlu melaksanakan solat dengan mengamalkannya mengikut apa yang diajar oleh Nabi SAW sebagaimana Nabi SAW memerintahkannya dalam hadith supaya menunaikan solat sebagaimana tatacara Baginda SAW melakukan solat. Antara sunnah Baginda SAW dalam solat ialah memakai serban, menurut Shaykh Nāẓim, barangsiapa memakai serban dalam solat akan diberikan 10,000 ganjaran kebaikan (al-Qubrūsī 1980). Menurut Shaykh Nāẓim lagi, solat lima waktu yang diperintahkan oleh Allah SWT adalah supaya orang beriman dapat membuang kejahatan sifat ego mereka. Selain dari solat lima waktu, perlulah ditambah dengan amalan solat sunat lain seperti sunat tasbih (al-Qubrūsī 2001).

Berhubung dengan puasa di bulan Ramadhan dan menunaikan zakat, tidak banyak dijumpai kenyataan beliau mengenainya. Namun memadai dengan satu kenyataan Shaykh Nāẓim bahawa beliau meyakini kewajipan puasa di bulan suci iaitu Ramadhan dan menunaikan zakat (al-Qubrūsī 2012). Begitu juga mengenai haji, Shaykh Nāẓim mengimani kefarduan haji sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Beliau menisbahkan ibadat haji yang ditunaikan oleh umat Islam pada tahun 1999 adalah merupakan Hajj Akbar dan barangsiapa menunaikannya diberi 70 kali ganda pahala kerana hari Arafah pada tahun tersebut jatuh pada hari Jumaat. Haji ini juga terbaik kerana ia merupakan yang terakhir bagi kurun 19 masihi (al-Qubrūsī 2012).

Lanjutan daripada itu, menurut Shaykh Nāẓim, Rukun Islam ini disusun oleh Allah SWT dengan dimulai mengimani Allah SWT dan berakhir dengan menziarahi Allah SWT. kerana Allah SWT menunggu-nunggu hamba-Nya untuk menziarahi-Nya. Jika orang itu istimewa, dia akan mendengar Allah SWT menjawab salam yang diberikan kepada Kaabah (al-Qubrūsī 2012) sebagaimana kata beliau:

> "Grandsheikh said that a real Hajji is the one who goes and says: "As-salaamu alaikum ya Baitullah", and hears: "Wa alaikum salaam ya Abdi, oh My servant".. This is for special servants"

Maksudnya:

> "Guru besar berkata bahawa Haji sebenar ialah yang pergi ke sana dan berkata: "Assalamualaikum wahai Baitullah" dan dia mendengar: "Waalaikumussalam ya abdi, wahai hambaKu".. Ini adalah untuk hamba istimewa"

Sekalian Rukun Islam ini mestilah disempurnakan oleh orang yang beriman. Shaykh Nāẓim menegaskan bahawa agama Islam yang diutuskan Allah SWT adalah untuk mengajar manusia supaya manusia berbeza dengan binatang. Hanya Islam yang menyelamatkan manusia daripada taraf binatang menjadi kepada taraf malaikat (al-Qubrūsī 2001).

Meskipun beliau berpegang dengan Rukun Islam ini, dalam masa yang sama terdapat beberapa kenyataan Shaykh Nāẓim bahawa beliau mengiktiraf Pluralisme. Sebagai contoh beliau menyatakan dalam *Defending Truth*, bahawa para manusia ini boleh jadi berpegang kepada mana-mana agama dan kepercayaan atau bangsa, namun semuanya mestilah mengikuti "*Truth*" yakni kebenaran. Kemudian beliau membandingkan kebenaran itu seumpama madu yang dibawa oleh pelbagai lebah, hanya kerana kesombongan, manusia mengubah kebenaran, kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "We must come to Truth which is like honey, when you put it bees will come from all sides. All religions have declared Truth"

Maksudnya:

> "Kita mesti datang kepada kebenaran, yang mana seumpama madu, jika kita letakkannya, lebah-lebah akan datang dari segenap sudut. Semua agama membawa kebenaran"

Memberi contoh bagi kenyataan ini, Shaykh Nāẓim menyebut mengenai Buddha, yang mana menurut beliau bahawa Buddha itu juga mengajak manusia kepada Allah SWT dengan cara meditasi. Buddha mengajak manusia melangkaui masa dan tempat untuk sampai kepada Allah SWT (al-Qubrūsī 1991).

> "Buddha was only a servant of his Lord, Allah Almighty. Buddha always meditating and asking to guide people towards this Divine Presence of Allah Almighty"

Maksudnya:

> "Buddha hanyalah hamba kepada Tuhannya, Allah SWT. Buddha selalu bermeditasi dan memohon untuk menunjukkan manusia ke arah kehadiran Allah SWT"

Menurut beliau, semua agama mengajarkan manusia cara sebenar untuk menyembah Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Dalam karya *Mercy Oceans* ini, beliau menjelaskan kenyataannya ini bahawa semua penganut agama-agama (beliau nisbahkan agama-agama yang suci) beriman bahawa Allah SWT adalah Pencipta (al-Qubrūsī 1980). Kata beliau semua pengikut agama ini mempercayai Allah SWT sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 2012):

> "All believers in God, the Lord of Heavens, Allah Almighty – the Jews, Christians and Muslims – must come together"

Maksudnya:

> "Semua yang mengimani Tuhan, Tuhan kepada Syurga, Allah SWT – Yahudi, Kristian dan Muslim – mesti datang bersama"

Beliau mempercayai bahawa Allah SWT tidak mengenakan paksaan dalam beragama (al-Qubrūsī 2012) berdalilkan ayat al-Quran (Surah al-Baqarah 2: 256):

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

> "Tiada paksaan dalam agama"

Hal ini juga mungkin kerana kefahamannya bahawa agama-agama ini terbit daripada zuriat Nabi Ibrahim a.s, di mana lahir 3 agama iaitu Judaism, Kristian dan Islam. Judaism dan Kristan dari generasi Ishak a.s manakala Islam lahir dari generasi Ismail a.s (al-Qubrūsī 2008).

Kenyataan ini dikuatkan lagi oleh beliau bahawa di sisi Allah SWT, tiada beza jika seseorang itu Muslim, Kristian, Yahudi atau Buddha, yang paling utama di sisi Allah SWT ialah jika seseorang telah mendapat darjat Ḥaqqānī dan seterusnya Rabbani

sehingga Allah SWT memakaikannya dengan sifat Allah SWT sendiri dan menjadikannya sebagai khalifah Allah SWT, di mana katanya (al-Qubrūsī 2002.a):

> “It means nothing to Allah that you were known in this life as a Muslim, Christian, Jew or Buddhist, but He will be concerned with whether you deserved the title of Ḥaqqānī.. When one reaches the level of Rabbani, God dresses him in His own attributes and makes him deputy”

Maksudnya:

> “Ia tidak bermakna apa-apa kepada Allah SWT, apa sahaja kamu dikenali di dunia sebagai Muslim, Kristian, Yahudi atau Buddha, akan tetapi yang diambil berat ialah sama ada kamu layak untuk dipanggil Ḥaqqānī.. Apabila seseorang sampai di peringkat Rabbani, Tuhan akan memakaikannya dengan sifat-Nya sendiri dan akan menjadikannya khalifah”

Tambahan lagi, menurut Shaykh Nāẓim yang menukilkan kata gurunya Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī bahawa kita mestilah menghormati agama semua orang (al-Qubrūsī 1980).

Selain itu, di sisi Shaykh Nāẓim jalan keimanan bagi seseorang yang bukan Islam ialah melalui tarekat Naqshābandī. Jika seseorang bukan Islam mengikuti tarekatnya, maka dia telah dikira sebagai beriman. Ini hanya khusus untuk Naqshābandī, manakala tarekat lain tidak mampu berbuat demikian. Kata beliau (al-Qubrūsī 1991):

> “Therefore Naqshābandī tariqat is the way for all Non-Muslims as Iman (faith) for them”

Maksudnya:

> “Oleh kerana itu, tarekat Naqshābandī adalah jalan untuk orang bukan Islam sebagai keimanan bagi mereka”

Juga antara contoh terdekat bahawa beliau mengiktiraf agama lain ialah beliau mengiktiraf negara England dan kerajaan monarkinya adalah diredhai Allah SWT. Malah beliau mendoakan rahmat buat Permaisuri Elizabeth dan Putera Charles kerana mereka orang yang terpercaya (al-Qubrūsī 1997). Shaykh Nāẓim turut memperakui di hadapan pengikutnya bahawa Putera Charles berada atas jalan kebenaran. Lebih

memeranjatkan lagi beliau mendakwa Putera Charles adalah daripada keturunan Nabi Muhammad SAW (al-Qubrūsī 1997).

Berhubung hal Rukun Iman pula, diketahui dalam syarak bahawa Rukun Iman ialah enam iaitu:

i. Beriman kepada Allah SWT;
ii. Beriman kepada para malaikat;
iii. Beriman kepada para nabi dan rasul;
iv. Beriman kepada Kitab-Kitab;
v. Beriman kepada hari Akhirat; dan
vi. Beriman kepada Qaḍā’ dan Qadar.

Sebagaimana telah dijelaskan dalam Rukun Islam, tidak syak bahawa secara dasarnya, Shaykh Nāẓim memperakui ketuhanan Allah SWT. Beliau menyebut bahawa Allah SWT adalah Rabb al-‘Alamīn iaitu Tuhan sekalian alam (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa manusia telah mengaku bahawa Allah SWT adalah Tuhan semasa sebelum dilahirkan ke dunia lagi, iaitu di hari Alastu[3]. Kata Shaykh Nāẓim, tanpa ajaran spiritual oleh Sayyidunā Abū Bakr r.a, nescaya manusia tidak akan mampu menjawab “Bahkan lagi” saat ditanya oleh Allah SWT. Shaykh Nāẓim menjelaskan lagi, semua manusia mempunyai bahagian dari keimanan Abū Bakr r.a, sekalipun yang paling lemah imannya. Seseorang guru (shaykh) telah mengenal anak murid tarekatnya sejak dari hari Alastu ini lagi (al-Qubrūsī 2012).

Selain beriman kepada ketuhanan Allah SWT, keimanan terhadap malaikat juga adalah suatu kewajipan dalam kehidupan setiap Muslim. Jumlah malaikat terlalu ramai sehingga tidak terbilang. Menurut sebahagian ulama, antara nama-nama malaikat yang disebut dalam al-Quran dan hadith beserta dengan tugas masing-masing ialah:

i. Jibril (sebagai ketua malaikat dan menyampaikan wahyu);

---

[3] Saat semua manusia berada di alam roh dan mereka dikumpulkan. Kemudian Allah SWT bertanya kepada mereka yang mafhumnya: “Bukankah Aku Tuhan kamu semua?” maka mereka menjawab “Bahkan lagi”. Saat itu semua makhluk memperakui ketuhanan Allah SWT. Hal ini sebagaimana disebut di dalam al-Quran, Surah al-A’rāf 7: 172 : أَلَسْتَ بِرَبِّكُمْ قَالُواْ بَلَى شَهِدْنَاأَن تَقُولُواْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّاعَنْ هَذَاغَافِلِينَ

ii. Mikail (menyampaikan rezeki)
iii. Israfil (meniup sangkakala)
iv. Izrail (mencabut nyawa)
v. Munkar (menyoal dalam kubur)
vi. Nakir (menyoal dalam kubur)
vii. Raqib (mencatat amalan)
viii. Atid (mencatat amalan)
ix. Ridhuan (menjaga syurga)
x. Malik (menjaga neraka)

Shaykh Nāẓim telah menyebut mengenai nama-nama malaikat ini di dalam karya-karyanya. Shaykh Nāẓim menukilkan perkataan gurunya Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī bahawa Allah SWT telah menugaskan dua malaikat iaitu Raqib dan Atid untuk mencatat amalan manusia. Kata beliau, satu malaikat berada di sisi kanan mencatat amalan baik, manakala satu lagi berada di pihak kiri mencatat amalan buruk (al-Qubrūsī 1980). Beliau menyebut mengenai tugas malaikat Izrail ialah mencabut nyawa. Shaykh Nāẓim juga menyebut mengenai malaikat Jibril dan tugasnya menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW (al-Qubrūsī 1986).

Beliau juga menamakan Izrail sebagai posmen yang akan membawa roh manusia bertemu Allah SWT (al-Qubrūsī 2012). Shaykh Nāẓim tidak menyebut mengenai Munkar dan Nakir secara spesifik, namun beliau menyebut bahawa semua manusia akan disoal oleh malaikat yang menjaga kubur (al-Qubrūsī 2012). Sekalipun tidak semua nama para malaikat disebut oleh beliau, namun dengan penyebutan beberapa nama malaikat, bolehlah disimpulkan bahawa Shaykh Nāẓim mengimani para malaikat.

Rentetan daripada beriman kepada Allah SWT dan para malaikat, beriman kepada para nabi dan rasul merupakan sesuatu yang termasuk dalam kewajipan ke atas seseorang hamba. Para nabi dan rasul, semuanya adalah utusan Allah SWT. Semua mereka menyeru manusia supaya menyembah Allah SWT yang Maha Esa dan melarang manusia dari mensyirikkan Allah SWT. Jumlah para nabi dan rasul itu terlalu ramai. Sebahagian besar ulama menyebut bahawa para rasul itu jumlah mereka 313 orang

manakala para nabi ialah 124,000 orang. Nama-nama mereka yang telah diijmakkan bahawa mereka ini adalah nabi dan rasul ialah seramai 25 orang sebagaimana yang disebut dalam al-Quran iaitu:

i. Adam a.s
ii. Idris a.s
iii. Nuh a.s
iv. Hud a.s
v. Soleh a.s
vi. Ibrahim a.s
vii. Luth a.s
viii. Ismail a.s
ix. Ishaq a.s
x. Yaakub a.s
xi. Yusuf a.s
xii. Ayub a.s
xiii. Syuaib a.s
xiv. Musa a.s
xv. Harun a.s
xvi. Zulkifli a.s
xvii. Dawud a.s
xviii. Sulaiman a.s
xix. Ilyas a.s
xx. Ilyasa‘ a.s
xxi. Yunus a.s
xxii. Zakariya a.s
xxiii. Yahya a.s
xxiv. Isa a.s
xxv. Muhammad SAW

Berhubung dengan keimanan terhadap para nabi dan rasul di atas, Shaykh Nāẓim mengimani bahawa Allah SWT mengutuskan nabi pada setiap generasi untuk menolong manusia mengawal kejahatan dan kesombongan (al-Qubrūsī 1997). Shaykh

Nāẓim dalam karyanya *Mercy Ocean* menyebut jelas bahawa beliau mengimani bahawa jumlah para nabi itu 124,000 bermula dengan Adam a.s dan berakhir dengan Muhammad SAW (al-Qubrūsī 1980; al-Qubrūsī 1991). Daripada 124,000 ini, 313 daripadanya adalah rasul (al-Qubrūsī 2008). Bagaimanapun, Shaykh Nāẓim berpendapat bahawa secara hakikinya Nabi Muhammad SAW adalah nabi yang pertama dan Baginda SAW adalah makhluk pertama yang dicipta oleh Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim memetik sebuah terjemahan hadith Nabi Muhammad SAW:

> "I was prophet when Adam (peace be upon him) was yet a piece of clay"

Maksudnya:

> "Aku telah menjadi nabi semenjak Adam a.s masih lagi dalam sebentuk tanah liat"

Shaykh Nāẓim meriwayatkan kisah Nabi Adam a.s, saat Baginda a.s diperintahkan oleh Allah SWT supaya tidak mendekati sebatang pohon di dalam syurga dan memakan darinya, maka Baginda a.s telah melanggar perintah Allah SWT dan mendengar bisikan syaitan, Baginda a.s memilih untuk tidak patuh kepada Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa Adam a.s adalah khalifah pertama yang diutuskan Allah SWT ke muka bumi dan Baginda a.s diberikan ilmu dan kuasa rahsia supaya dapat menguasai alam semesta (al-Qubrūsī 2001; al-Qubrūsī 2012). Kata Shaykh Nāẓim, apabila Nabi Adam a.s dicipta oleh Allah SWT, Allah SWT menurunkan hujan masalah ke atas Adam a.s selama 40 tahun. Kemudiannya Allah SWT menurunkan hujan keghairahan selama satu tahun ke atas Nabi Adam a.s sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 2002):

> "He caused a rain of trouble to sprinkle on him for forty years, then He caused a rain of ecstasy to shower upon him for one year"

Maksudnya:

> "Allah SWT menurunkan hujan masalah ke atasnya selama 40 tahun dan hujan keghairahan selama setahun"

Meskipun mengimani bahawa Adam a.s adalah manusia, nabi dan khalifah yang pertama (al-Qubrūsī 2001), Shaykh Nāẓim turut mengetengahkan pendapatnya bahawa sebelum kewujudan Nabi Adam a.s, telah ada Adam yang lain, bukan satu, namun ramai Adam telah ada sebelum Nabi Adam a.s. Bahkan selepas ketiadaan generasi ini kelak, akan ada Adam lain dan manusia lain yang akan berulang-ulang kejadiannya, namun kewujudan mereka bukan di bumi ini semata-mata kerana Allah SWT mempunyai banyak alam yang diciptakan-Nya, kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 1980).

> "But before our father's period, so many Adams have been created, no one knows how many except Allah Almighty"

Maksudnya:

> "Akan tetapi sebelum zaman bapa kita, telah banyak Adam yang dicipta, tiada yang tahu jumlahnya melainkan Allah SWT"

Shaykh Nāẓim juga menyebut nama para nabi yang lain seperti Musa a.s, Isa a.s (al-Qubrūsī 1986). Penyataan nama-nama ini menunjukkan bahawa Shaykh Nāẓim mengimani mereka sebagai para nabi Allah SWT. Bahkan Shaykh Nāẓim turut menolak kenyataan golongan Kristian yang mempertuhankan Nabi Isa a.s dengan berkata (al-Qubrūsī 1997):

> "Who gave lordship to Jesus? Did Allah? Where is it written? He is saying that he is servant"

Maksudnya:

> "Siapakah yang memberi ketuhanan kepada Isa a.s? Adakah Allah SWT yang memberi? Di mana tertulis perkara itu? Isa a.s sendiri mengatakan bahawa dia ialah hamba"

Selain dari itu, Shaykh Nāẓim turut menyebut mengenai Nabi Nuh a.s yang mana Baginda dikurniakan umur yang sangat panjang oleh Allah SWT selama 950 tahun (al-Qubrūsī 2002.b). Beliau menceritakan kisah Nabi Nuh a.s yang membina bahtera yang besar dan dipersendakan oleh kaumnya. Akhirnya Allah SWT menurunkan bala bah yang besar ke atas muka bumi sehingga menenggelamkan seluruhnya kecuali mereka yang berada atas bahtera Nuh a.s (al-Qubrūsī 1986; al-Qubrūsī 2002).

Tambahan daripada ini, Shaykh Nāẓim menukilkan kisah Nabi Musa a.s yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk ke bukit Tursina (al-Qubrūsī 1986). Shaykh Nāẓim juga ada menukilkan kisah kononnya Nabi Musa a.s pernah dituduh berzina dengan seorang perempuan yang telah diupah oleh Korah (pada anggapan penulis yang dimaksudkan ialah Qarun) iaitu sepupu Nabi Musa a.s, namun akhirnya Allah SWT membuktikan Nabi Musa a.s tidak bersalah dengan menenggelamkan Korah dalam bumi (al-Qubrūsī 2002.b).

Shaykh Nāẓim juga menceritakan mengenai kisah Nabi Sulaiman a.s yang dikurniakan Allah SWT kenabian dan kerajaan, bahkan Nabi Sulaiman a.s turut dikurniakan kemampuan untuk menguasai para jin serta memahami bahasa binatang (al-Qubrūsī 1986; al-Qubrūsī 2002.a). Kisah Nabi Sulaiman a.s dan Ratu Balqis dari Sabā' juga dirakamkan dalam karyanya *Mercy Oceans* di mana beliau menceritakan bagaimana singgahsana Balqis dibawa kepada Nabi Sulaiman a.s hanya dalam sekelip mata sahaja (al-Qubrūsī 1980). Kisah ayah Nabi Sulaiman a.s iaitu Nabi Dawud a.s juga dihikayatkan oleh Shaykh Nāẓim apabila beliau menceritakan mengenai kisah penyelesaian masalah oleh Nabi Dawud a.s yang berlainan dengan buah fikiran Nabi Sulaiman a.s (al-Qubrūsī 1991).

Shaykh Nāẓim juga meriwayatkan kisah Nabi Ibrahim a.s yang dibakar hidup-hidup, lalu memohon pertolongan dari Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Tambah Shaykh Nāẓim, terdapat seekor semut yang ingin membantu Nabi Ibrahim a.s walaupun pertolongannya hanya kecil, namun ia besar di sisi Allah SWT (al-Qubrūsī 2001). Berhubung dengan Nabi Ibrahim a.s ini, Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Nabi Ibrahim a.s pernah melalui fasa kebingungan dalam mencari jalan kebenaran. Ini mengakibatkan Nabi Ibrahim a.s jatuh cinta dengan matahari, bulan dan bintang dengan menganggap mereka sebagai Tuhan. Namun kemudian itu, setiap perkara ini berlalu hilang silih berganti, maka Nabi Ibrahim a.s membuat konklusi bahawa perkara-perkara ini tidak layak dicintai yakni disembah menurut tafsiran Shaykh Nāẓim ini (al-Qubrūsī 2008). Daripada zuriat Nabi Ibrahim a.s ini lahirlah 3 agama kata Shaykh Nāẓim, iaitu Judaism, Kristian dan Islam. Judaism dan Kristan dari generasi Ishak a.s manakala Islam lahir dari generasi Ismail a.s.

Kisah Nabi Yusuf a.s juga dirakamkan oleh Shaykh Nāẓim dalam karyanya. Beliau menceritakan mengenai kisah bagaimana Nabi Yusuf a.s sewaktu dipenjarakan, Baginda a.s telah didatangi oleh dua orang yang bertanya mengenai tafsiran mimpi keduanya. Maka Nabi Yusuf a.s sebelum menafsirkan mimpi keduanya, Baginda a.s telah menerangkan bahawa Baginda a.s merupakan anak kepada seorang nabi dan cucu kepada seorang nabi - difahami daripada ini ialah Nabi Yaakub a.s dan Nabi Ishak a.s (al-Qubrūsī 1997). Menurut Shaykh Nāẓim, ada suatu ketika Nabi Yaakub a.s dan adik-beradik Nabi Yusuf a.s mereka melakukan rukuk dan sujud kepada Nabi Yusuf a.s kerana hormat kepada Baginda a.s yang telah menjadi penguasa (al-Qubrūsī 2001).

Kisah Nabi Isa a.s yang dilahirkan oleh Maryam a.s tanpa berbapa juga dirakamkan oleh Shaykh Nāẓim dalam karyanya. Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa Nabi Isa a.s diutuskan adalah untuk memulihkan orang Yahudi yang telah tersasar dari ajaran Nabi Musa a.s. Namun Yahudi tetap menolak Nabi Isa a.s dan mempertikaikan Baginda dengan pelbagai soalan dan alasan (al-Qubrūsī 2012).

Saat beliau meraikan sambutan ‘Āshurā’ (10 Muharram), beliau merakamkan kisah-kisah dunia Islam yang berlaku pada hari ‘Āshurā’, antaranya berlabuhnya kapal Nabi Nuh a.s di atas Bukit Judi, Nabi Ibrahim a.s diselamatkan dari api Namrud, Nabi Musa a.s diselamatkan dari Firaun, Nabi Yunus a.s terselamat dari perut ikan Nun, Nabi Sulaiman a.s diberi kerajaan, Nabi Ayub a.s kembali sihat dan diberi kekayaan serta Nabi Isa a.s diangkat ke langit (al-Qubrūsī 2012). Kisah-kisah dan nama-nama para nabi yang disebut oleh Shaykh Nāẓim menunjukkan bahawa beliau mengimani Rukun Iman yang ketiga ini.

Seterusnya, Shaykh Nāẓim turut menyatakan keimanannya secara syumul terhadap semua kitab-kitab suci yang Allah SWT turunkan ke atas para nabi, di mana semua kitab-kitab ini merupakan sumber maklumat yang kita perlukan (al-Qubrūsī 1997). Beliau mengimani bahawa jumlah kitab itu sekaliannya adalah 104 buah (al-Qubrūsī 1980). Dalam karyanya *Defending Truth*, Shaykh Nāẓim ada menyebut mengenai keempat-empat kitab ini dengan berkata (al-Qubrūsī 1997):

> “This is why we believe in all the Holy Books: the New Testament, the Old Testaments, Psalms, Thora and The Holy Quran”

Maksudnya:

> “Inilah sebab kenapa kita beriman dengan sekalian kitab suci: the New Testament, the Old Testaments, Zabur, Taurat dan al-Quran yang suci”

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, dan bahawasanya al-Quran itu merupakan petunjuk kepada sekalian manusia. Beliau berkata:

> “It was revealed as a guide to all mankind, not to just people living at the time of Holy Prophet in Mecca and Medina”

Maksudnya:

> “Telah diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi sekalian manusia, bukan hanya kepada manusia yang hidup di zaman Nabi Muhammad SAW saat mereka di Mekah dan Madinah”

Menurut beliau, al-Quran juga sentiasa relevan sepanjang masa walaupun untuk mereka yang hidup di masa-masa akan datang (al-Qubrūsī 1986). Beliau meyakini bahawasanya selaras dengan perutusan Nabi Muhammad SAW yang merupakan nabi terakhir, maka al-Quran juga merupakan kitab yang terakhir dengan menisbahkan al-Quran sebagai *Last Testament*. Begitu juga, Shaykh Nāẓim turut menyebut mengenai kesinambungan al-Quran dengan Taurat yang diturunkan ke atas Nabi Musa a.s. Antara contoh yang diberikan mengenai kesinambungan ini ialah kisah mengenai Nabi Nuh a.s dan bahteranya (al-Qubrūsī 1986). Jelas Shaykh Nāẓim lagi bahawa al-Quran yang merupakan kitab yang terakhir tidak akan berubah sehingga hari kiamat sebagaimana perubahan yang dibuat terhadap kitab-kitab yang terdahulu daripada al-Quran (al-Qubrūsī 2012).

Shaykh Nāẓim amat mengagumi Surah al-Fātihah sehingga beliau menyatakan bahawa al-Fatihah ini merupakan surah paling penting. Al-Fatihah mengandungi sekalian kitab-kitab termasuk seluruh al-Quran, demikian itu orang Islam diperintah membaca Al-Fatihah dalam setiap solat. Malah jika seseorang mengkhatamkan 7 kali khatam al-Quran namun meninggalkan bacaan al-Fatihah, maka pahalanya tidak sama

dengan orang yang membaca sekali al-Fatihah. Kerana itu beliau juga berkata bahawa jika seorang kafir membaca al-Fatihah perbuatan ini akan membawanya kepada iman di penghujung usianya sebagaimana katanya (al-Qubrūsī 1980):

> "He who reads fatiha will take enough Rahma from one reading to last his whole life. Even if he is unbeliever, one reading will bring him to iman, perhaps at last moment of his life"

Maksudnya:

> "Dia (siapa sahaja) yang membaca al-Fatihah akan mendapat rahmat yang cukup sehingga akhir hayatnya. Sekalipun dia orang tidak beriman, satu bacaan (al-Fatihah) akan membawanya dalam iman, barangkali di saat akhir hayatnya"

Shaykh Nāẓim menyebut lagi bahawa al-Quran ialah sebuah kitab suci yang terkandung dalamnya semua perkara (al-Qubrūsī 2001). Selain itu Shaykh Nāẓim turut menyatakan bahawa Injil yang dibawa oleh Nabi Isa a.s ada menceritakan mengenai kedatangan Nabi Muhammad SAW pada akhir zaman. Bukan sahaja Injil, malah semua kitab yang diturunkan ke atas para nabi ada menceritakan mengenai kedatangan Nabi Muhammad SAW (al-Qubrūsī 1980).

Shaykh Nāẓim juga ada menukilkan mengenai kisah para sahabat yang melakukan pembacaan terhadap kitab-kitab terdahulu seperti kitab Taurat dan Injil, namun Nabi SAW melarang perbuatan sahabat tersebut dan menyuruh mereka hanya memfokuskan kepada ajaran al-Quran kerana ajaran Taurat dan Injil telah dimansuhkan oleh Allah SWT dan hanya dkhususkan untuk umat Nabi Musa a.s dan Nabi Isa a.s (al-Qubrūsī 2001). Menurut beliau lagi, semua yang ada dalam Islam, tidak ada suatu pun yang diambil dari Taurat mahupun Injil kerana menurutnya, Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah asli yang bukan dari agama Kristian atau Judaisme (al-Qubrūsī 2012).

Mengenai keimanan terhadap Hari Akhirat dan perkara yang terkait dengannya, secara dasarnya Shaykh Nāẓim mengimani akan hari kiamat, syafaat Nabi SAW, mahsyār, ḥisāb dan sebagainya (al-Qubrūsī 1991) yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab ini di bahagian yang lain.

Yang terakhir dalam Rukun Iman, didapati bahawa Shaykh Nāẓim mengimani Qaḍā’ dan Qadar. Beliau menyatakan bahawa Rukun Iman yang keenam ialah beriman kepada Qaḍā’ dan Qadar, iaitu meyakini bahawa Allah SWT jua yang memberi, Dia jua yang mengambil kembali. Semua perkara adalah daripada Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa semua yang berlaku di alam ini telah ditetapkan oleh Allah SWT. Bagaimanapun, manusia mempunyai pilihan untuk memilih yang baik atau buruk, halal atau haram. Manusia tidak tahu apa yang telah ditakdirkan untuknya. Manusia akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang menjadi pilihannya (al-Qubrūsī 1980).

Tambah Shaykh Nāẓim lagi, hatta tempat tinggal seseorang, nafas yang dihirup, telah pun ditetapkan oleh Allah SWT. Setiap pergerakan manusia juga adalah dengan ciptaan oleh Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim mensyarahkan bahawa orang yang beriman mesti mengimani bahawa segala yang baik dan buruk itu adalah daripada Allah SWT, jika berlaku yang tidak baik maka manusia perlu bersabar atas ketentuan Allah SWT (al-Qubrūsī 2012).

Berhubung dengan persoalan Ihsan, Shaykh Nāẓim menafsirkan makna Ihsan sebagai keikhlasan menjadi hamba Allah yang beriman. Setiap orang yang beriman mesti meyakini Allah SWT sentiasa melihatnya kerana Allah SWT sentiasa berada bersama dengannya walau di mana dia berada seumpama kerajaan memerhatikan rakyatnya. Orang beriman perlu menghalakan dirinya untuk menunaikan tanggungjawab terhadap Allah SWT terlebih dahulu sebelum mengambil hal dunia. Allah SWT melihat kepada hati orang yang beriman, bukan semata-mata solat, puasa dan sebagainya (al-Qubrūsī 2012).

Tanpa ikhlas, maka umat Islam akan menjadi lemah dan mudah diinjak oleh orang-orang bukan Islam. Tanpa ikhlas, orang Islam tidak akan memperoleh kuasa (al-Qubrūsī 1991). Shaykh Nāẓim juga menambah bahawa orang yang bukan Islam sekalipun, jika dia memuji Islam seperti Putera Charles yang memuji Islam, maka dia dikira mempunyai iman dan ihsan sebagaimana katanya (al-Qubrūsī 1997):

> "But Prince Charles, like a hero of Truth, accept Truth and praises Islam. Whoever praises Islam must undoubtedly have Islam and Ihsan and Iman in his heart"

Maksudnya:

> "Akan tetapi Putera Charles, seperti hero kebenaran, menerima kebenaran dan memuji Islam. Sesiapa sahaja yang memuji Islam maka mestilah tidak diragui bahawa dia mempunyai keislaman, ihsan dan iman dalam hatinya."

Di sini kelihatan amat mudah untuk Shaykh Nāẓim memperakui keislaman dan ihsan seseorang. Memadai dengan pujian terhadap Islam telah menjadikan seseorang itu Muslim dan Muhsin di sisi Shaykh Nāẓim.

3.3 PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM

Bagi melihat pemikiran akidah Shaykh Nāẓim, maka penulis telah membahagikannya kepada tiga kluster atau bahagian iaitu:

i. Pemikiran akidah Shaykh Nāẓim berkaitan ketuhanan;
ii. Pemikiran akidah Shaykh Nāẓim berkaitan kenabian; dan
iii. Pemikiran akidah Shaykh Nāẓim berkaitan *Ghaybiyyāt* atau *Sam'iyyāt*.

1.3.1 Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Berkaitan Ketuhanan

Persoalan ketuhanan disebut ialah perkara berkaitan mengesakan Allah SWT pada zat, sifat dan af[c]āl Allah SWT. Isu yang melibatkan ketuhanan ini diletakkan pada martabat tinggi dalam perbahasan akidah seseorang. Ini kerana para ulama sejak dari zaman salaf seperti Imām Abū Ḥanīfah (w. 150H), apabila membahaskan mengenai akidah, pasti akan dimulakan dengan hal berkaitan ketuhanan. Persoalan ketuhanan ini juga dikenali sebagai ilmu tauhid, iaitu ilmu yang membicarakan mengenai keesaan Allah SWT. Ini dikuatkan dengan kenyataan Imām Abū Ḥanīfah dalam kenyataannya (al-Qāri t.th.a):

إِنَّ اللهَ وَاحِدٌ لا مِنْ طَرِيْقِ الْعَدَدِ وَلَكِنْ مِنْ طَرِيْقِ أَنَّهُ لا شَرِيْكَ لَهُ فِي الأُلُوْهِيَّةِ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah itu Wāḥid bukan dari sudut bilangan, namun Dia Wāḥid dari sudut menafikan syirik bagi-Nya pada ketuhanan".

Berhubung dengan ini, Shaykh Nāẓim mentakrifkan tauhid sebagai kesatuan manusia dengan Allah SWT, iaitu apabila manusia tidak lagi memandang kewujudan dirinya maka dia akan bersatu dengan Allah SWT (al-Qubrūsī 2012). Perutusan Rasulullah SAW ke muka bumi ini berdasarkan pandangan Shaykh Nāẓim adalah untuk mengajak kepada manusia supaya mengakui kewujudan Allah SWT dan bersatu dengan Allah SWT (al-Qubrūsī 1991). Dengan penafsiran tauhid sebagai kesatuan manusia dengan Allah SWT, maka perlu dilihat dengan lebih mendalam mengenai perincian perbahasan mengenai ketuhanan yang dibahaskan oleh Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya.

Berhubung persoalan Zat Allah SWT, Shaykh Nāẓim berpandangan bahawa bahawa Allah SWT merupakan kewujudan yang ulung (*Transcendent Being*) yang tidak dapat diduga dan digapai oleh makhluk. Manusia hanya boleh mencintai Allah SWT bukan mengetahui hakikat Allah SWT (al-Qubrūsī 2008).

Mengenai nama-nama Allah SWT, Shaykh Nāẓim mengakui bahawa Allah SWT memiliki nama-nama yang tidak terhitung bilangannya (al-Qubrūsī 1997). Malah Shaykh Nāẓim menukilkan kenyataan gurunya Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī bahawa nama-nama Allah SWT terlalu banyak seperti jumlah-jumlah atom yang berada dalam alam ini. Bahkan menurut keduanya, Allah SWT telah memanggil Nabi Muhammad SAW sebanyak 12,000 kali untuk mengajarkan Baginda SAW mengenai nama-nama-Nya, kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 1980):

> "He called Muhammad (peace be upon him) twelve thousand times to teach him these beautiful names.."

Maksudnya:

> "Dia telah memanggil Muhammad SAW sebanyak 12,000 kali untuk mengajarkannya nama-nama yang indah ini.."

Mengenai 99 nama-nama Allah SWT yang disebut di alam al-Quran mahupun hadith, Shaykh Nāẓim ada menulis sekalian 99 nama-nama Allah SWT yang mulia ini dalam setiap muka surat bukunya yang berjudul *Rubies of Resplendence*. Antara nama-nama Allah SWT yang disebut dalam karya Shaykh Nāẓim yang lain adalah seperti *al-Raḥmān* dan *al-Sabr* (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim meyakini bahawa hanya Allah SWT bersifat dengan sifat pemaaf dan pengampun yang sempurna. Ini adalah merujuk kepada nama Allah SWT, *al-Ghafūr* dan *al-Tawwāb* (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim juga ada menyebut mengenai nama Allah SWT, *al-Mujīb* yang membawa erti yang mengabulkan (al-Qubrūsī 1980).

Shaykh Nāẓim turut meyakini, hanya Allah SWT yang Maha memberi rezeki kepada hamba-Nya, Dialah yang bernama *al-Razzāq* (al-Qubrūsī 1980). Nama Allah SWT *al-Ghayb* ditafsirkan oleh Shaykh Nāẓim sebagai yang tidak nampak iaitu *Invisible* (al-Qubrūsī 2001). Dalam menafsirkan nama Allah *al-Ḥamīd* dan *al-Majīd*, Shaykh Nāẓim menyebut maksudnya ialah Allah SWT memakaikan zat-Nya dengan sifat terpuji dan teragung. Allah tidak berhajat kepada makhluk-Nya untuk memuji dan menyanjung-Nya (al-Qubrūsī 2001).

Nama Allah *al-Wadūd* sebagaimana yang disyarahkan oleh Shaykh Nāẓim ialah Allah SWT mencintai semua manusia, kerana itu Allah SWT menciptakan manusia dan menanamkan kasih sayang Ilahi dalam diri mereka. Tanpa kasih sayang Ilahi, maka manusia tidak akan diciptakan (al-Qubrūsī 2012). Al-Wadūd ini jelas Shaykh Nāẓim lagi, maknanya ialah Allah SWT yang datang kepada manusia semua dengan kasih sayang sebagaimana beliau berkata (al-Qubrūsī 2008):

"Al-Wadūd means.."The one coming to us with love"

Maksudnya:

"*Al-Wadūd* maknanya.."Yang datang kepada kita dengan cinta"

Antara nama lain bagi Allah SWT yang disebut ialah *al-Khāliq* iaitu Maha Mencipta. Shaykh Nāẓim mensyarahkan bahawa makna daripada nama ini ialah Allah SWT mencipta setiap sesuatu dan Allah SWT mengetahui mengenai sekalian ciptaan-Nya (al-Qubrūsī 1991). Shaykh Nāẓim mengatakan bahawa Allah SWT bersifat dengan

cemburu berdalilkan nama Allah SWT *al-Ghayyūr*. Beliau menterjemahkannya sebagai "*The Jealous God*" (al-Qubrūsī 2008).

Shaykh Nāẓim beriktikad bahawa hanya Allah SWT yang Maha Memelihara sekalian para hamba-Nya (al-Qubrūsī 2002.a), ini merujuk kepada nama Allah SWT, *al-Hāfiz*. Nama "*The Light*" iaitu *al-Nūr* bagi Allah SWT menurut beliau tidak boleh ditakrifkan sebagai cahaya sebagaimana yang difahami oleh manusia sebagai cahaya, ia adalah salah satu dari nama Allah SWT (al-Qubrūsī 2002.b). Setelah diteliti karya-karyanya seperti yang dinyatakan, maka diketahui bahawa Shaykh Nāẓim mengimani akan 99 nama-nama Allah SWT.

Selain daripada 99 nama Allah SWT yang jelas disebut oleh al-Quran dan hadith, Shaykh Nāẓim juga didapati menamakan Allah SWT dengan beberapa nama menurut kefahamannya sendiri. Berikut adalah nama-nama yang diberikan oleh Shaykh Nāẓim dalam beberapa karyanya seperti:

a. Pereka (*Designer*)

Shaykh Nāẓim menamakan Allah SWT sebagai "*Designer*" iaitu pereka apabila beliau menyebut (al-Qubrūsī 2012):

"He is the creator of the coming days and the Designer of everyday's program"

Maksudnya:

"Dialah Pencipta hari yang akan datang, dan Dialah Pereka program setiap hari"

b. Stesen Kuasa (*Power Station*)

Shaykh Nāẓim menamakan Allah sebagai stesen utama kuasa bagi makhluk dengan berkata (al-Qubrūsī 1980):

"Allah is the main power station for all creatures."

Maksudnya:

"Allah SWT ialah Stesen Kuasa utama bagi setiap makhluk"

c. Kurator (*Curator*)

Shaykh Nāẓim menamakan Allah SWT sebagai kurator bagi menjelaskan Allah SWT tahu mengenai keperluan hamba-hamba-Nya. Kata beliau (al-Qubrūsī 1991):

> "A Curator knows where everyone is present. This Curator (Almighty Allah) knows all the needs of His servants.."

Maksudnya:

> "Kurator akan tahu di mana setiap sesuatu berada. Kurator ini (Allah SWT) tahu mengenai keperluan semua hamba-Nya"

Selain daripada nama-nama Allah SWT, Shaykh Nāẓim turut membincangkan mengenai sifat-sifat Allah SWT. Antara perbincangan sifat-sifat Allah SWT yang penulis dapat simpulkan daripada karya-karya Shaykh Nāẓim ialah:

a. *Al-Wujūd*

Kefahaman Shaykh Nāẓim terhadap sifat *Wujūd* Allah SWT diertikan dengan *waḥdat al-wujūd*. Menurut beliau, yang wujud dengan sebenar-benar wujud, wujud yang hakiki ialah Allah SWT. Allah telah sedia ada tanpa makhluk, kemudian Allah SWT menciptakan makhluk dengan alasan yang tertentu. Makhluk ini kemudiannya akan tiada kembali, ini kerana makhluk yang asalnya dicipta Allah SWT akan kembali bersatu dengan Allah SWT dalam *Oceans of Unity*. Yang hanya wujud secara hakiki adalah Allah SWT. Beliau turut membahaskan mengenai *Mumkin al-Wujūd*, yang mana kefahaman beliau ialah ia bererti suatu kemungkinan dengan sesuatu alasan pada kewujudan sesuatu. Tambah beliau, kewujudan Allah SWT adalah mutlak, Allah SWT tidak memerlukan sebab untuk kewujudannya (al-Qubrūsī 2001). Tambah beliau lagi, Nabi Muhammad SAW dan para rasul lain diperintahkan supaya menyeru manusia mengakui kewujudan Allah SWT dan mengakui kesatuan dengan Allah SWT sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 1991; al-Qubrūsī 2002.b):

> "But the ultimate goal is beyond even the intimacy of I and Thou. A unity beyond duality, for He is All in All"

Maksudnya:

> “Akan tetapi tujuan utama (mendapatkan redha Allah SWT) ialah mengatasi keintiman Aku dan Kamu. Ia ialah kesatuan mengatasi keduaan, baginya Dia adalah semua dalam semua”

Keyakinan Shaykh Nāẓim mengenai sifat ini adalah bersalahan dengan Ahli Sunnah Waljamaah yang mana akan dibahaskan oleh penulis dalam bab yang seterusnya.

b. ***Al-Qidam***

Beliau meyakini bahawa Allah SWT bersifat dengan keazalian, yakni *al-Qidam* iaitu tiada permulaan bagi kewujudan Allah SWT. Allah SWT tidak dilahirkan oleh sesiapa (al-Qubrūsī 2008). Meskipun begitu, beliau meyakini bahawa manusia juga bersifat keazalian yang wujud bersama-sama dengan Allah SWT. Beliau menyatakan bahawa jasad manusia yang berada di alam ini hanyalah fotograf, hakikatnya manusia bersama dengan Allah SWT secara azali (al-Qubrūsī 1980). Sebelum manusia dihidupkan, manusia ini telah sedia ada bersama dengan Allah SWT (al-Qubrūsī 2012).

Selain dari itu, Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW wujud bersama dengan Allah SWT pada azali. Menurut beliau, Muhammad SAW telah sedia ada bersama Allah SWT, kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “Who was in the Divine Presence that Allah was speaking to, who was He addressing? He was Muhammad (peace be upon him). Muhammad (peace be upon him) was His servant and His prophet in eternal existence.”

Maksudnya:

> “Siapakah yang bersama dengan Allah SWT pada azali yang Allah berbicara dengannya? Dialah Muhammad SAW. Muhammad SAW adalah hamba-Nya dan nabi-Nya pada kewujudan yang azali”

Tidak setakat itu sahaja, Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa meskipun Allah SWT itu tidak berlalu baginya masa dan tempat, beliau turut meyakini manusia juga tiada bermasa dan bertempat dan menyembah Allah SWT sejak azali (al-Qubrūsī 1980). Bagi Shaykh Nāẓim, tidak berlalu masa bagi Allah SWT itu ialah masa makhluk, kerana bagi Allah SWT ada masa tersendiri bagi-Nya iaitu satu hari masa Allah SWT

bersamaan seribu tahun masa manusia (al-Qubrūsī 2008). Malah tambah beliau lagi, Allah SWT itu sendiri adalah masa, kata beliau:

> "in a holy tradition the Lord said: "The children of Adam curse time, and I am Time..""

Maksudnya:

> "dalam tradisi suci Tuhan berfirman: "anak Adam menyumpah masa sedangkan Aku adalah masa""

c. ***Al-Baqā'***

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa zat Allah SWT dan sifat-sifat-Nya adalah tiada penghujung dan akan abadi (al-Qubrūsī 2001). Allah SWT sentiasa kekal dan tiada kematian bagi Allah SWT. Kata beliau (al-Qubrūsī 2008):

> "Glorified is the Ever-living (Lord), for whom there is no Death"

Maksudnya:

> "Keagungan ialah (untuk) Tuhan yang sentiasa hidup, yang tiada kematian bagi-Nya"

d. ***Mukhālafatuhu li al-Hawādith***

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa Allah SWT sebagai Pencipta sudah tentu tidak serupa dengan hamba-Nya (al-Qubrūsī 2002.b). Shaykh Nāẓim menyebut dengan jelas bahawa seseorang hamba tidak boleh membayangkan Allah SWT (al-Qubrūsī 2008). Tambah Shaykh Nāẓim, tiada sesuatu yang seumpama dengan Allah SWT sama ada makhluk tersebut dari alam syurga atau dari dunia sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 2008):

> "there is neither partner nor any equal in the Heavens or the Earth"

Maksudnya:

> "tiada bagi Allah SWT sekutu atau sebanding dengan-Nya di Syurga atau Dunia.

e. *Qiyāmuhu bi Nafsihi*

Beliau juga menyebut mengenai sifat *Qiyāmuhu bi Nafsihi* Allah SWT dalam karyanya. Beliau berkata (al-Qubrūsī 1980):

> "Allah has no need anything"

Maksudnya:

> "Allah SWT tidak berhajat kepada sesuatu"

Perkataan ini membawa erti bahawa Allah SWT tidak berhajat kepada sesuatu. Shaykh Nāẓim menambah bahawa semua manusia sudah pasti berhajat kepada Allah SWT (al-Qubrūsī 1997). Jelas beliau lagi, Allah SWT yang menciptakan setiap sesuatu, maka Allah SWT tidak berhajat kepada sesuatupun (al-Qubrūsī 2012). Hatta, semua ibadah yang manusia lakukan, Allah SWT tidak berhajat kepada ibadah makhluk-Nya (al-Qubrūsī 1991; al-Qubrūsī 2008).

Allah SWT menciptakan masa dan tempat, maka kata Shaykh Nāẓim tidak boleh bertanya mengenai tempat dan masa bagi Allah SWT kerana Allah SWT yang mencipta tempat dan masa, justeru Allah SWT tidak berhajat kepada tempat dan masa (al-Qubrūsī 2012). Namun kenyataan beliau sendiri bercanggah apabila beliau menjelaskan bahawa Allah SWT itu sendiri berada dalam masa dan tempat, namun Dia tidak bermasa dan bertempat, Dia berada dalam semuanya, bila-bila masa, di mana-mana dan tembus setiap sesuatu, kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "He is in time and He is in space. But there is no time with Allah Almighty and there is no space with Allah Almighty. Everytime, everywhere and through everything He is All in All"

Maksudnya:

> "Dia berada dalam lingkungan masa dan Dia berada dalam lingkungan ruang. Akan tetapi tiada masa dengan Allah SWT dan tiada tempat dengan Allah SWT. Setiap masa, di mana-mana dan menembusi sesuatu, Dia adalah Semua dalam Semua"

Tambah beliau lagi, saat umat Islam solat menghadap Kaabah, maka hakikatnya Allah SWT berada dalam Kaabah untuk dilihat oleh mereka, kerana jika mereka sujud kepada Kaabah semata-mata maka itu ialah syirik (al-Qubrūsī 2001).

f. *Al-Waḥdāniyyah*

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Allah SWT itu esa (al-Qubrūsī 2008, 2002.a). Beliau menyatakan bahawa Allah SWT yang Esa menciptakan manusia, kemudian menanamkan dalam diri manusia kasih sayang Ilahi iaitu *His Divine Love* (al-Qubrūsī 2012). Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa alam semesta yang sangat luas ini sudah tentu ada Pencipta yang Maha Berkuasa yang menciptakannya, dan Pencipta tersebut sudah tentu Esa tiada duanya sebagaimana dikatanya (al-Qubrūsī 1991; al-Qubrūsī 2002.b):

> "you can see that ultimately all of them is controlled by just One Supreme Power. It is impossible to have Two Supreme Powers"

Maksudnya:

> "kamu boleh lihat bahawa semuanya dikawal oleh hanya satu zat yang Maha Berkuasa. Adalah mustahil untuk mempunyai dua yang Maha Berkuasa"

Keyakinan mengenai keesaan Allah SWT ini adalah bertepatan dengan Ahli Sunnah Waljamaah, namun begitu ada kenyataan lain daripada Shaykh Nāẓim yang mendakwa bahawa *Wahdāniyyah* ini dengan makna kesatuan (al-Qubrūsī 1991; al-Qubrūsī 2002.b) sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sifat *al-wujūd*.

g. *Al-Qudrah*

Menurut Shaykh Nāẓim, menciptakan bererti menjadikan sesuatu itu tampak terzahir. Makhluk-makhluk ini tersembunyi di dalam *Oceans of Power* atau lautan kuasa Allah SWT. Apabila Allah SWT menciptakan, bererti Allah SWT mengeluarkan makhluk-makhluk ini dari persembunyian dan membuatkan mereka terzahir. Kelak mereka akan kembali ke lautan tersebut (al-Qubrūsī 1980).

Memandangkan Allah SWT ialah Pencipta, maka makhluk yang dicipta ini ialah sifat Allah SWT kata Shaykh Nāẓim. Asal makhluk ini adalah bersama dengan Allah SWT sejak azali (al-Qubrūsī 2002.b). Shaykh Nāẓim beriktikad bahawa hanya Allah SWT yang mempunyai kuasa mutlak, dan Allah SWT juga yang mengurniakan kuasa-kuasa kepada hamba-Nya. (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menukilkan juga perkataan gurunya al-Daghestānī bahawa setiap yang baik dan buruk adalah berlaku dengan ciptaan Allah SWT, dan jika seseorang meyakini ini, maka imannya adalah benar sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "We must believe that all actions, whether from goodness, or from badness, are from Him Almighty. If we truly believe this, we shall reach the real faith"

Maksudnya:

> "Kita mesti mengimani bahawa semua perbuatan, sama ada baik atau buruk adalah daripada ciptaan Dia SWT. Jika kita benar-benar mengimani ini, maka kita akan mencapai iman yang sebenar"

Tambah Shaykh Nāẓim, Allah SWT yang Maha Berkuasa, boleh untuk mengubah sesuatu perkara dalam sesaat sahaja (al-Qubrūsī 2002.a). Jelas Shaykh Nāẓim lagi, hanya Allah SWT yang boleh memakaikan seseorang dengan pakaian Sultan (al-Qubrūsī 1997). Dalam karya yang sama, menurut Shaykh Nāẓim, jika Allah SWT mahu menjadikan sekalian alam yang ada ini ke dalam suatu atom yang kecil, nescaya Allah SWT berkuasa untuk melakukannya (al-Qubrūsī 1997). Shaykh Nāẓim menyeru supaya manusia mengimani bahawa Allah SWT adalah yang memberikan rezeki kepada hamba-Nya (al-Qubrūsī 1980).

Tambah Shaykh Nāẓim, Allah SWT yang mempunyai kuasa sempurna, berkuasa menciptakan alam ini, malah Allah SWT yang mentadbir alam ini dengan sempurna tanpa cela (al-Qubrūsī 1991). Jasad makhluk dan perbuatan makhluk adalah ciptaan Allah SWT sekaliannya (al-Qubrūsī 2002.a). Sebab atau alasan bagi kejadian perkara yang *Mumkin al-Wujūd* di sisi Shaykh Nāẓim adalah kerana Allah SWT bersifat dengan Irādah. Kerana Allah SWT berkehendak untuk makhluk ini wujud, maka wujudlah sekalian makhluk (al-Qubrūsī 2001).

h. *Al-Irādah*

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa tiada yang berlaku di alam semesta ini tanpa kehendak Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa Allah SWT tidak akan menolak permintaan hamba-Nya sekalipun mereka itu orang yang tidak beriman. Bagaimanapun, dalam kenyataan di muka surat yang sama, beliau bercanggah dengan kenyataan awalnya, di mana beliau meyakini boleh jadi Allah SWT tidak mengabulkan permintaan hamba-Nya (al-Qubrūsī 1980). Sekalian makhluk, kata Shaykh Nāẓim, telah diprogramkan oleh Allah SWT dengan Irādah-Nya. Nafas manusia, langkah manusia dan sebagainya telah diprogramkan oleh Allah SWT. Meskipun seseorang itu berdoa, dan kemudian keadaannya berubah, maka itu juga telah berada dalam ketetapan Allah SWT sebagaimana katanya (al-Qubrūsī 1991):

> "Sometimes we may be able to change something which is programmed for us (by asking for Divine help) but this changing ia also mentioned in our programme"

Maksudnya:

> "Kadang-kadang kita mampu untuk mengubah sesuatu yang telah diprogramkan untuk kita (dengan memohon bantuan Allah SWT) akan tetapi perubahan ini hakikatnya juga telah ditetapkan dalam program kita"

Berhubung sifat ini, Shaykh Nāẓim ada menambah bahawa Allah SWT akan mengurniakan kuasa dan Irādah-Nya kepada hamba-Nya apabila mencapai makam yang tinggi sebagaimana katanya (al-Qubrūsī 2012):

> "When someone is given that will-power, he may say "Be" and it is going to be; Kun fa yakun.."

Maksudnya:

> "Apabila seseorang diberikan Irādah ini, dia boleh berkata "jadilah" maka akan jadilah perkara itu; Kun fa yakun.."

i. *Al-'Ilm*

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa Allah SWT bersifat dengan sifat ilmu yang sempurna. Tiada suatu pun yang terselindung daripada Allah SWT (al-Qubrūsī 1997).

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Allah SWT mengetahui semua perkara dan Dia mengetahui siapa yang Dia mahu untuk ciptakan sebagai khalifah iaitu Nabi Muhammad SAW (al-Qubrūsī 2001). Menurut Shaykh Nāẓim, Allah SWT menguji hamba-Nya dengan ujian adalah untuk mengetahui siapakah di kalangan hamba-Nya yang bersabar, katanya (al-Qubrūsī 1980):

> "Our Grandshaykh tells us that Allah Almighty tries His servants to see if they will be patient"

Maksudnya:

> "Guru besar kita memberitahu bahawa Allah SWT menguji hamba-Nya untuk melihat jika mereka akan bersabar"

j. ***Al-Hayy***

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Allah SWT sentiasa hidup dan kekal abadi selamanya (al-Qubrūsī 2008).

k. ***Al-Samā'***

Penulis tidak menjumpai kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai sifat *Samā'* bagi Allah SWT. Namun kenyataannya dalam perbahasan sifat Irādah Allah SWT bahawa Allah SWT boleh jadi mengabulkan permintaan hamba-Nya atau tidak, secara tidak langsung menunjukkan bahawa Allah SWT mendengar doa hamba-Nya. Ini meletakkan Shaykh Nāẓim meyakini Allah SWT bersifat dengan *Samā'*.

l. ***Al-Baṣar***

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa Allah SWT bersifat dengan *Baṣar* iaitu Allah SWT Maha Melihat. Menurut beliau, Walaupun manusia sedang tidur, Allah SWT sentiasa jaga dan melihat hamba-Nya terutamanya waktu fajar. Jika seorang hamba bangun untuk beribadah pada ketika itu, maka Allah SWT akan berkata (al-Qubrūsī 2001):

> "My servant is worshipping Me, respecting Me and loving Me"

Maksudnya:

> "HambaKu menyembahKu, menghormatiKu dan menyintaiKu"

m. *Al-Kalām*

Menurut Shaykh Nāẓim, *Kalām* Allah SWT adalah berbahasa. Hal ini dijelaskan bila mana beliau mengatakan bahawa akan datang suatu zaman, manusia akan kembali kepada jalan Allah SWT, maka mereka akan bertutur dengan 'bahasa Ilahi'. Buat masa sekarang, manusia menunggu datangnya satu guru besar yang akan mengajar bahasa Allah SWT tersebut kepada manusia, katanya (al-Qubrūsī 1980):

> "we are waiting for a big teacher to come and teach Allah's language with divine power!"

Maksudnya:

> "kita sedang menunggu seorang guru besar untuk mengajar bahasa Allah SWT dengan kuasa Ilahi"

Tambah beliau lagi, Allah SWT berbicara kepada manusia melalui perantaraan para nabi dan kitab-kitab suci. Kitab-kitab suci ini adalah *Kalām* Allah SWT dan perkataan-perkataan Allah SWT. Menurut beliau lagi, Nabi Muhammad SAW itu adalah penterjemah *Kalām* Allah SWT (al-Qubrūsī 2001).

Selain daripada tiga belas sifat yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa sifat lain yang telah beliau menisbahkannya bagi hak Allah SWT iaitu:

a. Mata (*Eye*)

Shaykh Nāẓim menisbahkan mata bagi Allah SWT tatkala beliau mensyarahkan mengenai sabar. Menurut beliau mata Allah SWT sentiasa melihat kamu dengan berkata (al-Qubrūsī 1980):

> "If man has hold of patience, all goodness is with him. Allah's eyes are on you"

Maksudnya:

> "Jika seseorang itu bersabar, maka segala kebaikan bersamanya, mata Allah SWT sentiasa melihat kamu"

Perkataan ini masih boleh difahami dengan makna pandangan, namun ada perkataan yang sama diungkapkan oleh Shaykh Nāẓim dalam karyanya *Bridge to Eternity* bahawa seseorang perlu mengimaginasikan bahawa mata Allah SWT sentiasa ada bersama seseorang, melihat apa yang dilakukan, kata beliau (al-Qubrūsī 2012):

> "You must imagine, in your heart that Allah's eyes are with you"

Maksudnya:

> "Kamu mesti membayangkan dalam hati kamu bahawa mata Allah SWT sentiasa bersama kamu"

b. Muka (*Face*)

Shaykh Nāẓim mengimani bahawa Allah SWT mempunyai muka atau wajah yang hakiki. Kenyataan ini dibina berdasarkan kenyataan gurunya Shaykh 'Abd Allāh al-Daghestānī bahawa Allah SWT mempunyai wajah yang hakiki, namun imaginasi dan deskripsi wajahnya tidak diketahui. Malah beliau turut menyimpulkan, objektif utama manusia ialah untuk bersama dengan kehadiran Allah SWT dan melihat wajah Allah SWT. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "We believe there is a Face of Allah Almighty, but a description of His Face is not imagination"

Maksudnya:

> "Kita mengimani Allah SWT mempunyai muka, namun bagaimana deskripsinya tidak diketahui dan tidak boleh diimaginasikan"

Dalam karya yang sama, beliau menyatakan bahawa ada hadith yang menyebut, ada syurga yang tiada taman, tiada istana, namun penduduknya melihat muka Allah SWT tersenyum. Menurutnya, sesiapa yang beramal dan tidak mengharapkan syurga, mereka ini mengharapkan melihat muka Allah SWT dan setelah melihat muka Allah SWT, mereka akan lupa semua perkara lain sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "only Allah's face smiling on the inhabitants. He who asks not for paradise but only to look on Allah's Divine Face.."

Maksudnya:

> "hanya muka Allah SWT yang senyum kepada penduduk (syurga). Dia (hamba) yang tidak meminta syurga namun hanya memohon supaya melihat muka Allah SWT.."

c. Tangan (*Hand*)

Selain daripada anggota muka, Shaykh Nāẓim turut mensifatkan Allah SWT dengan anggota tangan yang hakiki. Dalam menjelaskan kefahaman beliau mengenai kewujudan Allah SWT dan kewujudan makhluk, maka beliau menyatakan bahawa manusia sebagai makhluk Allah SWT seumpama bayang-bayang dari tangan Allah SWT, apabila bergeraknya tangan Allah SWT, maka makhluk itulah yang bergerak sebagai bayang-bayangnya. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "All creation is as a shadow of the hand of Allah. When the hand moves, the shadow moves"

Maksudnya:

> "Semua ciptaan ialah umpama bayang tangan Allah SWT. Apabila tangan-Nya bergerak, maka bayang akan turut bergerak"

Dalam kenyataan yang lain, saat mensyarahkan mengenai kelebihan bersama dalam suatu majlis kerana Allah SWT, Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa saat mereka yang duduk dalam majlis seperti ini, maka tangan Allah SWT menaungi mereka dengan perlindungan (al-Qubrūsī 1980). Secara metafora, Shaykh Nāẓim turut menggambarkan bahawa jika seseorang manusia bersifat dengan pemaaf dan sentiasa membawa kedamaian, maka segala kebaikannya ini, ganjarannya terletak di atas bahu Allah SWT. Beliau berkata (al-Qubrūsī 1980):

> "Allah says: if you are bringing peace, your reward is on My shoulder"

Maksudnya:

> "Allah berfirman: jika kamu membawa keamanan, ganjaran kamu terletak atas bahu Aku"

d. Kecantikan dan Kesempurnaan

Shaykh Nāẓim juga sebagaimana yang disebut sebelum ini bahawa beliau menisbahkan kecantikan (*jamāl*) yang hakiki bagi Allah SWT dengan menyatakan bahawa wanita adalah ciptaan Allah SWT dan merupakan manisfestasi daripada sifat *jamāl* Allah SWT. Tambahan dari ini, Shaykh Nāẓim menyatakan apabila hati seseorang manusia telah suci, maka cahaya dari kecantikan Allah SWT yang abadi akan memancar dari hati yang suci (al-Qubrūsī 1986). Cahaya ini merupakan makanan sebenar bagi rohani manusia (al-Qubrūsī 2012). Selain dari sifat *jamāl* yang telah disebutkan, Shaykh Nāẓim turut meyakini bahawa jiwa raga lelaki ialah kesempurnaan Allah SWT manakala jiwa raga wanita adalah keterampilan kecantikan (*beauty*) Allah SWT (al-Qubrūsī 2008). Beliau berkata (al-Qubrūsī 1980):

> "The souls of men are the perfection of Allah, while the souls of women are the appearance of the beauty of Allah."

Maksudnya:

> "Jiwa-jiwa lelaki adalah kesempurnaan Allah SWT manakala jiwa-jiwa wanita adalah kecantikan Allah SWT."

e. Bangga dan Gembira

Shaykh Nāẓim mengatakan bahawa saat seorang hamba mengucapkan zikir *lā ilāha illā Allāh* maka Allah SWT akan berasa gembira kerana zikir ini merupakan yang paling afdhal. Allah SWT akan bangga memuji hamba ini kepada para malaikat. Kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 2001):

> "This Zikr makes Allah Almighty happy. He would say with pride to His angels.."

Maksudnya:

> "Zikir ini akan membuatkan Allah SWT gembira. Dia akan berkata dengan bangganya kepada para malaikat-Nya.."

f. Bergerak

Menurut Shaykh Nāẓim, Allah SWT akan bergerak datang bersama para malaikat beserta cahaya. Namun tidak diketahui bagaimana Allah SWT datang bersama malaikat, adakah Allah SWT berupa bentuk atau tidak, maka itu tidak boleh ditanya bagi hak Allah SWT. Katanya (al-Qubrūsī 2001):

> "For example, the Holy Quran says *Waja'a Rabbuka Wal Malaku Saffa* – it means that Allah Almighty who is your Lord is coming with His Angels with Lights"

Maksudnya:

> "Sebagai contoh, al-Quran menyebut *Waja'a Rabbuka Wal Malaku Saffa* – ini bererti Allah SWT yang merupakan Tuhan kamu datang dengan para malaikat-Nya dengan membawa cahaya"

g. Cinta

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa *love* atau cinta merupakan salah satu daripada sifat Allah SWT. Kerana sifat cinta ini, maka Allah SWT sangat bertoleransi dengan manusia. Beliau berkata (al-Qubrūsī 2002.b):

> "but He loves us and therefore shows us so much tolerance"

Maksudnya:

> "akan tetapi Dia menyintai kita dan kerana itu Dia menunjukkan toleransi yang banyak kepada kita"

h. Ego

Menurut beliau, golongan yang menyembah berhala itu kurang cerdik kerana menyembah benda yang diciptakan sendiri oleh mereka, sedangkan mereka itu hakikatnya ialah hamba Allah SWT, Tuhan yang ego. Kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 2002.b):

> "And all the while we are in reality no better – devotees of the ego god"

Maksudnya:

> "Dan dalam semua ketika, kita berada dalam realiti yang tidak lebih baik – orang yang setia kepada Tuhan yang ego"

i. Unik

Manusia ini sekaliannya unik kerana berlainan bentuk dan sifat. Sifat unik ini adalah kerana manusia diberikan perkongsian sifat unik Allah SWT. Allah sendiri bersifat dengan unik. Kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 2002.b):

> "Uniqueness is an attribute of our Lord"

Maksudnya:

> "Keunikan ialah sifat bagi Tuhan kita"

j. Cemburu

Shaykh Nāẓim mengatakan bahawa Allah SWT bersifat dengan cemburu berdalilkan nama Allah SWT *al-Ghayyur*. Kata beliau (al-Qubrūsī 2008):

> "Allah Almighty is "*Al-Ghayyur*", "The Jealous God""

Maksudnya:

> "Allah SWT adalah *al-Ghayyur*, Tuhan yang cemburu"

Selain daripada itu, terdapat beberapa perkara yang terkait dengan ketuhanan ada dinyatakan oleh beliau dalam karyanya seperti berikut:

a. Keyakinan Allah SWT Boleh Meresap Dalam Makhluk (*Ḥulūl*)

Shaykh Nāẓim menyebut bahawasanya hati merupakan salah satu daripada singgahsana kerajaan Allah SWT. Menurut beliau, hati ini hakikatnya bukanlah organ semata-mata, hati ini adalah singgahsana di mana Allah SWT muncul di dalamnya menerusi sifat-sifat ketuhanan-Nya, malah bukan sahaja dalam hati, Allah SWT berada di mana-mana dalam makhluk-Nya. Shaykh Nāẓim mendefinisikan, apabila seseorang mencapai

makam fana, maka diri manusia akan binasa dan Allah SWT akan muncul dalam diri mereka ini, kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 2012):

> "You will experience Fana.. you will vanish, and He will appear in you. Those are the people about whom the Prophet said: "When you look to them, you look to Allah"

Maksudnya:

> "Kamu akan merasai fana.. kamu akan musnah, dan Dia akan muncul dalam kamu. Inilah manusia yang Nabi SAW sebut: "Apabila kamu melihat kepada mereka, kamu melihat Allah SWT"

Fana menurut tafsiran Shaykh Nāẓim ialah (al-Qubrūsī 2002.a):

> "Real existence in the Ocean of Unity of Allah"

Maksudnya:

> "Kewujudan yang hakiki dalam lautan kesatuan dengan Allah SWT"

Kerana itu beliau boleh menyatakan bahawa sifat Allah SWT akan termanifestasi dalam diri manusia tersebut. (al-Qubrūsī 2002.b), kata beliau:

> "Our Lord has given us through that essence wonderful and unique characteristics, made each and everyone of us a manifestation of His Divine attributes of Himself"

Maksudnya:

> "Tuhan kita telah memberikan kepada kita melalui pati karakteristik keindahan dan keunikan, menjadikan setiap satu dari kita adalah manifestasi daripada sifat-Nya"

Manifestasi ini turut dijelaskan lagi sebagai implan, iaitu Allah SWT mengimplan sifat-sifat-Nya dalam diri manusia (al-Qubrūsī 2002.b):

> "He Almighty has implanted in each person one of His divine attributes, which is his key to opening his relationship with his Lord"

Maksudnya:

> "Dia SWT telah mengimplankan ke dalam setiap orang, satu daripada sifat-Nya, ia merupakan kunci untuk membuka hubungan dengan Tuhannya"

Menjelaskan mengenai keadaan meresap ini, Shaykh Nāẓim mengumpakan air teh dan gula. Apabila gula telah meresap masuk ke dalam teh, maka tiada beza di antara teh dan gula kerana keduanya telah bersama. Allah sentiasa menjemput manusia untuk bersama dengan kesatuan ini. Kata beliau (al-Qubrūsī 2008, 2002.b):

> "The Lord has beckoning us to enter that Ocean of Unity while we are yet in this life, to dissolve as sugar dissolve in tea. When the sugar dissolves you can no longer say, "This is sugar and this is tea""

Maksudnya:

> "Tuhan kita menyeru kita supaya masuk ke dalam Lautan Kesatuan dengannya meskipun kita masih lagi di kehidupan ini, untuk meresap seumpama gula meresap dalam teh. Apabila gula telah meresap kamu tidak lagi boleh berkata, "ini gula dan ini teh""

Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa antara mereka yang pernah diresapi Allah SWT ialah Shaykh ʻAbd al-Qādir al-Jīlanī (al-Qubrūsī 2002.b).

b. Keyakinan Allah SWT Boleh Bersatu Dengan Makhluk (*waḥdat al-wujūd / Ittiḥād*)

Shaykh Nāẓim turut meyakini bahawa manusia boleh bersama dengan Allah SWT dalam *Unity Ocean of Allah* (al-Qubrūsī 2008). Beliau meyakini bahawa ada suatu lautan kesatuan yang abadi di mana di situ terletaknya ruang untuk manusia bersama dengan kewujudan Allah SWT. Untuk mencapai ini, mestilah seseorang itu bersama dengan guru tarekat al-Ḥaqqānī. Seseorang itu akan bersatu dengan Nabi sa.w terlebih dahulu sebelum bersatu dalam Lautan Kesatuan dengan Allah SWT. Kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "Our tariqat is based on associations with the sheikh. When you are with him, come into him, melt within his reality and join him in unity. Through that unity you are in unity with Prophet which will lead you to the Unity Oceans of Allah Almighty"

Maksudnya:

> "Tarekat kita adalah berteraskan hubungan dengan guru. Apabila kamu berada dengannya, kamu masuk ke dalamnya, mencair dengan realitinya dan menyertainya dalam kesatuan. Melalui kesatuan tersebut, kamu berada dalam kesatuan dengan Nabi SAW yang akan memandu kamu ke Lautan Kesatuan dengan Allah SWT"

Kesatuan yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim merangkumi tiga jenis kesatuan iaitu kesatuan perbuatan (*Unity of Actions*), kesatuan nama (*Unity of His Holy Names*) dan kesatuan sifat (*Unity of His Holy Attributes*). Kesatuan ini akan berhimpun di dalam *Unity Ocean of Allah* (al-Qubrūsī 1986). Beliau menyebut:

> "We are being trained by our Lord to recognize the Unity of Actions, so that we can come to understand the Unity of His Holy Names, which leads us to the knowledge of the Unity of His Holy Attributes; that knowledge will prepare us for that ultimate dive into the Unity Oceans of Allah Almighty's existence – essence"

Maksudnya:

> "Kita telah dilatih oleh Tuhan kita untuk memperakui kesatuan perbuatan Allah SWT, dengan itu kita boleh fahami kesatuan nama Allah SWT, yang mana akan memandu kita kepada pengetahuan mengenai kesatuan sifat Allah SWT; pengetahuan itu akan membuatkan kita bersedia untuk terjun ke dalam Lautan Kesatuan bersama kewujudan Allah sw.t"

Sebagai penguat kenyataannya, beliau menyebut dalam karya *Mercy Oceans* bahawa Allah SWT dan makhluk-Nya bersama-sama, ini kerana hanya Allah SWT sahaja kewujudan yang hakiki manakala yang lain hanyalah umpama bayang-bayang (al-Qubrūsī 1980). Dalam kesatuan ini, seseorang itu tidak lagi mempunyai masalah, tiada lagi kesedihan, tiada lagi putus harapan, Allah SWT akan mengurniakannya kuasa, seseorang itu bila dia berkata "jadilah" maka perkara tersebut akan jadi dalam kesatuan ini (al-Qubrūsī 2001). Keyakinan bersatu dengan Allah SWT ini ditakrifkan juga sebagai kefahaman *baqa'* oleh Shaykh Nāẓim, menurut beliau inilah sebagai *Maqām al-Tawḥīd*. Katanya lagi (al-Qubrūsī 2002.a):

> "Baqa or permanence, is to be with Him always. In such a station your personality does not appear, what appears only divine existence. You have been dressed in divine Unity. That is the "station of Unity", "Maqam at Tawhid""

Maksudnya:

> “Baqā‘ atau ‘kekekalan, ialah untuk bersama dengan-Nya selalu. Dalam tahap ini personaliti kamu tidak akan tampak zahir, yang tampak hanyalah kewujudan Ilahi. Kamu telah dipakaikan dengan kesatuan Ilahi. Itulah “tahap Kesatuan”, Maqam al-Tawḥīd”

Kefahaman *Unity* oleh Shaykh Nāẓim ini dikuatkan lagi dengan pengakuan Shaykh Nāẓim akan pegangannya terhadap *Waḥdat al-wujūd* yang *Pantheism*. Dalam kefahamannya ini, dia mengingkari pula bahawa makhluk ini adalah bayang-bayang kewujudan Allah SWT sebagaimana yang beliau nyatakan dalam karyanya yang lain. Malah beliau mendatangkan kefahaman bahawa makhluk umpama imej pantulan bagi zat Allah SWT. Seolah-olah apabila Allah SWT berada di hadapan cermin, maka akan terhasil refleksi imej Allah SWT. Makhluk ini ialah imej yang terhasil daripada refleksi tersebut. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> “How can you say that there is a shadow existence to Allah Almighty. It is only like an appearance on a mirror. Do you think that the one who is reflected in a mirror is real? No! It cannot be real. The reflection of His existence belongs also to Him when He is in front of mirror, and when He turns away there is nothing in it. The whole existence of Mankind is like this image in a mirror”

Maksudnya:

> “Bagaimana kamu boleh katakan bahawa ada bayangan bagi kewujudan Allah SWT. Ia adalah seumpama imej pada cermin. Adakah kamu fikir sesuatu yang merupakan refleksi dalam cermin itu asli? Tidak! Ia tidak mungkin asli. Refleksi kewujudan-Nya juga adalah milik-Nya apabila Dia berada di hadapan cermin, dan apabila Dia berpaling, tiada apa di dalamnya. Sekalian kewujudan manusia ini seumpama imej ini di dalam cermin”

Refleksi Allah SWT yang paling sempurna pula kata Shaykh Nāẓim ialah para Nabi (al-Qubrūsī 2002.b).

Selain daripada penjelasan ini, Shaykh Nāẓim juga mengumpamakan manusia sebagai sinaran matahari sahaja. Asal kejadian manusia itu ialah bersama dengan Allah SWT. Tiada pergerakan yang berlaku pada manusia saat bersama dengan Allah SWT kerana ia di luar masa dan tempat maka tiada pergerakan yang terhasil (al-Qubrūsī 2012). Menurut Shaykh Nāẓim, untuk mendapat kehidupan yang abadi ini maka

hendaklah seseorang itu beramal dengan zikir-zikir Naqshābandī Ḥaqqānī (al-Qubrūsī 2001).

Kesatuan ini juga diumpamakan sebagai ketertarikan seorang lelaki terhadap perempuan. Lelaki dan wanita, Allah SWT menciptakan keduanya dengan rupa dan bentuk yang berlainan, yang mana kerana ini, lelaki dan wanita tertarik untuk membuat hubungan kesatuan (hubungan kelamin). Maka manusia hendaklah menjadi seperti lelaki atau wanita, yang tertarik untuk bersatu. Manusia mestilah mempunyai kehendak untuk bersatu dengan Allah SWT., kata beliau (al-Qubrūsī 2002.a):

> "Indeed the very physical structure of males and females is a sign that each must seek unity – and all of our souls, be we male or female, are seeking to merge with the unity of Allah"

Maksudnya:

> "Sesungguhnya struktur fizikal lelaki dan perempuan ialah petanda bahawa keduanya mencari kesatuan – dan semua jiwa kita, lelaki atau perempuan, semuanya mencari-cari untuk bergabung dengan kesatuan bersama Allah SWT"

c. Keyakinan Allah SWT Boleh Bersama Dengan Makhluk

Shaykh Nāẓim mencipta satu terma baru dalam membahaskan pemikiran akidahnya iaitu "*Tanazzulāt Subhānī*" yang beliau sendiri tafsirkan sebagai penurunan Allah SWT ke tingkatan makhluk-Nya. Demikian beliau menjelaskan keyakinan ini bahawa Allah SWT boleh didapati bersama-sama dengan makhluk-Nya pada setiap tingkatan makhluk, hatta sekecil-kecil semut. Katanya (al-Qubrūsī 1986, 2002.a):

> "You may find Him Almighty with His creatures on every level. If He were not with an ant, and knew not the conditions in which that ant lives and what are its needs, He could not by definition be the Lord of Ant"

Maksudnya:

> "Kamu boleh berjumpa dengan-Nya bersama ciptaan-Nya pada setiap tingkatan. Sekiranya dia tidak bersama dengan semut, dan tidak tahu bagaimana keadaan semut menjalani kehidupan dan apakah yang semut perlu, maka secara definisniya Dia tidak boleh dipanggil Tuhan kepada semut"

Shaykh Nāẓim turut menggalakkan supaya umat Islam terutama pengikutnya supaya berdoa pada sepertiga malam dan memohon supaya Allah SWT datang untuk berada dekat dengannya. Kata beliau (al-Qubrūsī 2002.a):

> "Who turns to his Lord in the night will find Him near"

Maksudnya:

> "Sesiapa yang berpaling untuk mengahadap Tuhannya di malam hari akan mendapati Tuhan berada berhampiran"

Begitu juga, Shaykh Nāẓim turut meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW bersama dengan Allah SWT. Beliau menyatakan, saat bersama dengan para sahabat sekalipun, Nabi SAW bersama dengan Allah SWT pada siang dan malam. Beliau menyifatkan keberadaan Nabi SAW bersama Allah SWT sebagai "in the Divine Presence" (al-Qubrūsī 1980). Kata beliau (al-Qubrūsī 2002.b):

> "The existence of Muhammad, peace be upon him, in the the Divine Presence is an aspect of Unity"

Maksudnya:

> "Kewujudan Muhammad SAW dalam hadrat Ilahi merupakan salah satu aspek kesatuan"

Selain dari itu, Shaykh Nāẓim ada membahagikan roh itu kepada 3 jenis roh, iaitu roh, roh kepada roh, dan roh kepada roh kepada roh. Menurut beliau, roh yang ketiga ini telah bersama Allah SWT sejak azali tanpa tempat dan masa, sedia ada menyembah Allah SWT, menurut beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "The third spirit was in the Divine Presence.. Those spirits belong to Divine stations, it is out of time and space"

Maksudnya:

> "Roh yang ketiga berada dalam hadrat Ilahi.. Roh-roh ini kepunyaan tahap Ilahi, ia di luar batasan masa dan tempat"

Shaykh Nāẓim menambah lagi, manusia mendekati Allah SWT bukan dengan jasad mereka, malah untuk bertemu dengan Allah SWT, jasad akan melemah manakala roh

akan menjadi kuat sehingga dapat mendekati kehadiran Allah SWT (al-Qubrūsī 2012).

Berhubung dengan pegangan beliau terhadap perkara ini, beliau menguatkan kenyataan beliau dengan berpendapat adanya dunia spiritual yang berada di luar konteks masa dan tempat, maka manusia perlu berusaha untuk membebaskan jiwanya daripada penjara masa dan tempat supaya dapat menuju ke dunia spiritual ini, katanya (al-Qubrūsī 2001):

> "The Spiritual World is beyond time and space. Therefore we know that there is no time and no space in the Spiritual World"

Maksudnya:

> "Dunia spiritual adalah di luar lingkungan masa dan ruang. Oleh kerana itu kita tahu bahawa tiada masa dan tiada ruang dalam dunia spiritual"

d. Keyakinan Bahawa Manusia Bersifat Dengan Sifat Ketuhanan

Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa Allah SWT menjadikan manusia ini sebagai ciptaan yang mulia, sebagai khalifah di muka bumi, manusia boleh mencapai tahap tertinggi sebagai khalifah adalah kerana manusia merupakan manifestasi bayangan daripada sifat-sifat Allah SWT yang sempurna. Keyakinan ini mirip ajaran Ināyat Khān yang menerapkan konsep manifestasi seperti ini (Nozira binti Salleh & Faudzinaim 2017). Kenyataannya seperti berikut:

> "What is the great secret Shaykh within man that he must discover to attain this rank? It is to understand that you are a manifestation of one of our Lord's endless Divine Attributes. Each person manifests a distinct attribute, no matter how many billions of people appear and disappear from this earth, each one manifests a unique aspect of the Divine Reality.."

Maksudnya:

> "Apakah rahsia besar Shaykh yang dia mesti teroka untuk capai tahap ini? Rahsia ialah memahami bahawa kamu ialah manifestasi salah satu dari sifat ketuhanan. Setiap kamu adalah manifestasi satu sifat, tidak kira berapa banyak bilion manusia muncul dan hilang dari dunia ini, setiap seorang adalah manifestasi satu aspek realiti ketuhanan"

Bukan sahaja makhluk ini adalah manifestasi, malah Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa personaliti yang ada pada setiap manusia ialah pancaran dari nama dan sifat Allah SWT (al-Qubrūsī 2002.a). Menguatkan lagi kenyataannya ini apabila beliau memetik perkataan gurunya Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī dalam karyanya *Mercy Oceans* bahawa manusia yang berstatus wali mempunyai sifat-sifat Allah SWT yang sempurna. Kenyataannya seperti berikut (al-Qubrūsī 2007):

> “Our Grandsheykh was speaking about Awliya: “Who are saints?” They have attributes of Allah Almighty”

Maksudnya:

> “Guru besar kita pernah menyebut mengenai para wali: “Siapakah para wali?” Mereka mempunyai sifat-sifat Allah SWT yang agung”

Di sisi Shaykh Nāẓim, selain dari wali, pemerintah atau sultan juga adalah merupakan bayangan Allah di muka bumi ini. Kerana itu, Islam tidak berpaksikan demokrasi. Islam berpaksikan kepada kesultanan (al-Qubrūsī 2012).

3.3.2 Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Berkaitan Kenabian

Persoalan kenabian ini merupakan persoalan syumul yang merangkumi nama-nama nabi, sifat-sifat nabi dan sebagainya. Keimanan kepada para nabi ini dituntut dengan jelas dalam al-Quran, Allah SWT berfirman (al-Baqarah 2: 285):

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لا نُفَرِّقُ بَيْنَ
أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

> “Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman, semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasulnya”. mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali”.

Secara umumnya, Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa sekalian para nabi diutuskan untuk menyeru manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kejahatan (al-Qubrūsī 2001). Tugas para nabi, kata Shaykh Nāẓim ialah untuk mengajarkan manusia tarekat kerana tanpa tarekat, maka syariat itu tiada gunanya (al-Qubrūsī 2001). Shaykh Nāẓim berpendapat bahawa para nabi itu diutuskan daripada kalangan manusia dan bukannya malaikat adalah kerana manusia akan lebih mudah memahami cara manusia sedangkan malaikat tidak mempunyai nafsu dan kesombongan. Jika malaikat yang diutuskan sebagai nabi, sudah tentu malaikat tidak akan faham manusia (al-Qubrūsī 2001). Tujuan utama para nabi diutuskan menurut beliau adalah untuk membawa jalan menuju ke kehadiran Allah SWT (al-Qubrūsī 2001). Menguatkan lagi kenyataan beliau, dalam karya lain, beliau berkata (al-Qubrūsī 1980):

"The way of prophets is to reach the divine presences"

Maksudnya:

"Jalan para nabi ialah untuk mencapai kehadiran Allah SWT"

Berhubung dengan sifat-sifat para Nabi dan Rasul, berikut adalah apa yang telah disebut oleh beliau:

a. ***Ṣiddīq***

Penulis tidak menjumpai sebarang kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai sifat ini secara khusus. Namun dalam perbahasan hari kiamat dan akhirat, Shaykh Nāẓim mengimani mengenai perkara-perkara berkaitan dengan perbahasan tersebut. Ini menunjukkan Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW benar dalam setiap apa yang disampaikan, kerana banyak perkara berkaitan dengan hari kiamat dan akhirat dijelaskan melalui lidah para nabi termasuk Nabi Muhammad SAW.

b. ***Amānah***

Penulis tidak menjumpai sebarang kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai sifat ini.

c. *Tablīgh*

Shaykh Nāẓim menyebut mengenai sifat ini secara jelas. Beliau meyakini bahawa sekalian 124,000 orang para nabi ini diutuskan Allah SWT untuk menyeru dan menyampaikan bagaimana manusia menyembah Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Tambah Shaykh Nāẓim, sekalian para nabi diutuskan untuk membetulkan kesalahan manusia, setiap kali manusia berada dalam kesalahan, maka Allah SWT akan mengutuskan nabi untuk memperbetulkan kesalahan tersebut. Kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 1980):

"Allah Almighty sent them a prophet to keep them on right way"

Maksudnya:

> "Allah SWT mengutuskan kepada mereka seorang nabi untuk sentiasa memastikan mereka atas jalan yang benar"

d. *Fatānah*

Penulis tidak menjumpai sebarang kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai sifat ini.

Walaupun penulis tidak menjumpai perbahasan yang banyak oleh Shaykh Nāẓim mengenai sifat-sifat nabi di atas, penulis tidak membuat konklusi bahawa beliau tidak mengimani sifat-sifat tersebut. Ini kerana memadai Shaykh Nāẓim menyatakan keimanan terhadap para nabi seperti yang telah dibahaskan sebelum ini, maka jelas bahawa beliau turut mengimani sifat-sifat nabi secara *ijmāl*.

Selain dari itu, Shaykh Nāẓim ada menerangkan mengenai beberapa sifat lain bagi nabi seperti:

a. Hamba Allah Sebenar

Shaykh Nāẓim menyebut bahawa sekalian para nabi dan wali Allah SWT itulah hamba Allah SWT yang sebenar-benar hamba. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980).

"All prophets and saints are real servants of Allah Almighty"

Maksudnya:

> “Semua para nabi dan wali adalah hamba Allah SWT yang sebenarnya”

b. Pemaaf

Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa sifat pemaaf merupakan sifat para nabi yang perlu ada dalam diri setiap manusia (al-Qubrūsī 1980):

> “The act of forgiveness cannot be lost to a man; it is the character of prophets”

Maksudnya:

> “Perbuatan memaafkan tidak boleh hilang dari diri manusia; ia adalah sifat para nabi”

c. Pemimpin Spiritual Ummah

Menurut Shaykh Nāẓim, semua para nabi adalah pemimpin bagi umat manusia dalam bab spiritual (al-Qubrūsī 2002.a).

> “The prophets of God have always been the leaders of spiritually illumined people on earth”

Maksudnya:

> “Para nabi Allah SWT sentiasa menjadi pemimpin spiritual manusia di atas muka bumi”

Selain daripada yang di atas, Shaykh Nāẓim turut menjadikan beberapa sifat baik yang ada pada binatang sebagai sifat para nabi dan wali, antara ialah Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa para nabi itu pasti bersifat dengan tiga sifat binatang iaitu keldai, anjing dan khinzir. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “These three characters of animals (donkey, dog and pig) are for prophets and awliya”

Maksudnya:

> “Tiga karakteristik binatang-binatang ini (keldai, anjing dan khinzir) adalah untuk para nabi dan wali”

Beliau memperincikan seperti berikut:

i. Keldai; kerana keldai memikul bebanan dengan sabar. Demikian para nabi bersifat dengan sifat ini kerana sabar memikul amanah Allah SWT.

ii. Anjing; kerana anjing sangat setia kepada tuannya. Demikian para nabi sentiasa setia dengan keimanan mereka.

iii. Khinzir; kerana khinzir hanya kotor pada luaran, bukan dalaman. Demikian para nabi sanggup dihina dan dilontar dengan kejian, namun dalaman mereka mulia.

Syarah beliau lagi, jika tidak bersifat dengan tiga sifat ini, maka seseorang ini bukanlah nabi. Dalam karyanya yang sama, beliau turut menyebut nukilan dari gurunya al-Daghestānī bahawa terdapat 12 sifat anjing yang para nabi dan para wali bersifat dengannya iaitu (al-Qubrūsī 1980):

i. Tidak melupakan kebaikan
ii. Tidak marah
iii. Rendah diri
iv. Patuh
v. Cukup dengan kecil dan sedikit
vi. Benar
vii. Terpercaya
viii. Setia
ix. Zuhud
x. Kurang tidur
xi. Sabar
xii. Syukur

Menurut Shaykh Nāẓim, bagi Nabi Muhammad SAW, terdapat beberapa sifat khusus yang ada pada Baginda SAW berbanding dengan para nabi yang lain sebagaimana diperincikan seperti berikut:

a. Rahmat Sekalian Alam

Shaykh Nāẓim mempercayai bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan nabi yang membawa rahmat bila mana beliau menyebut bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan "*Prophet of Mercy*" (al-Qubrūsī 1986).

b. Mengetahui Perkara Sebelum dan Selepas

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Baginda SAW dikurniakan Allah SWT pengetahuan mengenai perkara yang berlaku sebelum dan selepas. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

"He has been given the knowledge of past times and future times"

Maksudnya:

"Dia telah diberikan pengetahuan tentang masa lalu dan akan datang"

c. Marah Dengan Kemarahan Ilahi

Shaykh Nāẓim menisbahkan kemarahan Nabi Muhammad SAW terhadap sesuatu perkara bukanlah kemarahan yang ada pada insan biasa, malah kemarahan itu adalah bersifat kemarahan Ilahi (divine anger), kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

"But the Prophet's (on whom he peace) anger was Divine Anger"

Maksudnya:

"Akan tetapi kemarahan Nabi SAW adalah kemarahan Ilahi"

d. Mempunyai Sifat Kesempurnaan

Shaykh Nāẓim menyebut bahawasanya Nabi Adam a.s mengetahui bahawasanya akan datang dari cucunya kelak seorang nabi iaitu Muhammad SAW yang paling mulia, paling terhormat, paling dicintai, paling dirahmati oleh Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW itu bersifat dengan sifat kesempurnaan yang dikurniakan oleh Allah SWT (al-Qubrūsī 2001).

e. Merupakan Cahaya Yang Diturunkan Dari Generasi Nabi ke Generasi

Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa cahaya Nabi Muhammad SAW itu diperturunkan dari generasi ke generasi dan ia asalnya dibawa oleh Nabi Adam a.s di dahinya, kemudian diperturunkan ke Nabi Idris a.s dan seterusnya hingga Nabi Ismail a.s. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "Adam (alai) carried the Noor of Seyyadina Muhammad, on whom be peace, on his forehead. This Noor passed to Idrees (alai) and from him to Nooh (alai) and from him to Ibrahim (alai) and from him to Ismali (alai) and in this manner his Noor was expected to pass from father to son and for it to appear in the form of Seyyadina Muhammad"

Maksudnya:

> "Adam a.s membawa Nūr Muhammad SAW di atas dahinya. Nur ini kemudiannya berpindah ke Idris a.s kemudia ke Nuh a.s kemudian ke Ibrahim a.s kemudia ke Ismail a.s dan dalam cara ini, Nurnya berpindah dari ayah ke anak sehingga terbentuk Muhammad SAW"

Tambah Shaykh Nāẓim, Iblis dilaknati oleh Allah SWT kerana tidak mematuhi perintah Allah SWT supaya sujud kepada Adam a.s dan *Nūr Muḥammad* ini (al-Qubrūsī 2001).

f. Kebersamaan Dengan Allah SWT Secara Hakiki

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa Allah SWT bersama dengan Nabi Muhammad SAW dan para wali secara hakiki walaupun setelah kematian. Ini kerana hanya jasad yang mati, manakala roh Nabi SAW dan wali ada bersama dengan Allah SWT. Menziarahi makam-makam mereka adalah seumpama menziarahi Allah SWT, kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "His Spiritual Body, his real being, is going to be with Allah Almighty, and will be obeying Him forever. Therefore visiting their Ziyarams (tombs) is like visiting Allah Almighty"

Maksudnya:

> "Tubuh spiritualnya, hakikat kewujudannya, akan bersama dengan Allah SWT, dan dia akan menyembah Allah SWT selamanya. Oleh yang demikian, menziarahi makam mereka seumpama menziarahi Allah SWT"

g. Mempunyai Ilmu Rahsia

Shaykh Nāẓim menukilkan kisah penurunan pertama daripada Surah Maryam di mana saat Jibril a.s membacakan كهيعص maka Nabi SAW menjawab aku sudah tahu. Ini kerana Allah SWT ialah guru kepada Nabi SAW yang mengajar langsung ilmu rahsia, sedangkan Jibril a.s hanyalah pembawa wahyu Allah SWT. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "The Prophet, on whom be peace, replied that he, Gibreel, was only a transmitter of the Revelation and that is Allah Almighty who was his teacher. This was Secret Knowledge that belonged to the Prophet"

Maksudnya:

> "Nabi SAW membalas kepada Jibril a.s, bahawa dia hanyalah pembawa wahyu sedangkan Allah SWT adalah guru nabi. Inilah ilmu rahsia yang menjadi milik Nabi SAW"

Selain dari membicarakan sifat-sifat para Nabi, ternyata bahawa Shaykh Nāẓim turut memperakui kewujudan mukjizat yang Allah SWT kurniakan kepada para nabi dan rasul sebagai bukti kenabian apabila berhadapan dengan manusia. Bagi Nabi Muhammad SAW, menurut Shaykh Nāẓim, mukjizat terbesar Nabi SAW adalah peristiwa Israk dan Mikraj (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim juga ada menukilkan mukjizat Nabi Musa a.s yang mana kata Shaykh Nāẓim tongkatnya bertukar menjadi naga. Menurut Shaykh Nāẓim naga ini mampu mengalahkan ular yang terhasil dari sihir para tukang sihir Firaun yang berjumlah 250,000 orang. Ini membuktikan kenabian Nabi Musa a.s yang dikurniakan mukjizat oleh Allah SWT (al-Qubrūsī 2002.a).

Shaykh Nāẓim berpandangan bahawa golongan Yahudi sekarang telah meninggalkan dan menolak ajaran spiritual yang dibawa oleh Nabi Musa a.s dalam agama Yahudi iaitu Judaism (al-Qubrūsī 2012). Mukjizat Nabi Sulaiman a.s juga ada dinyatakan oleh Shaykh Nāẓim di mana Nabi Sulaiman a.s turut dikurniakan kemampuan untuk menguasai para jin serta memahami bahasa binatang (al-Qubrūsī 1986). Shaykh Nāẓim juga meriwayatkan kisah Nabi Ibrahim a.s yang dibakar hidup-hidup, lalu memohon pertolongan dari Allah SWT dan Allah SWT menjadikan api tidak membakar Nabi Ibrahim a.s (al-Qubrūsī 1980).

Dengan nukilan sedikit oleh Shaykh Nāẓim mengenai mukjizat-mukjizat ini, maka penulis menyimpulkan bahawa Shaykh Nāẓim meyakini akan adanya mukjizat bagi para nabi untuk menyokong risalah yang dibawa oleh mereka daripada Allah SWT.

Yang terakhir, Shaykh Nāẓim meyakini bahawa manusia boleh melihat Nabi Muhammad SAW menerusi mimpi, dan jika melihat Nabi SAW menerusi mimpi, maka itu adalah dikeranakan seseorang itu masih mempunyai sifat ego dan sombong yang menjadi hijab. Kerana jika seseorang itu tiada ego dan sombong, maka dia akan dapat melihat Nabi SAW secara jaga (al-Qubrūsī 1980).

Selain mengenai kenabian, penulis juga memasukkan keyakinan beliau dalam hal kewalian dalam fasal ini kerana Shaykh Nāẓim melalui karya-karyanya tidak ketinggalan membincangkan hal-hal berkaitan dengan kewalian. Justeru penulis menyusun pemikiran Shaykh Nāẓim berhubung hal ini berdasarkan kepada kenyataan beliau dalam karya-karyanya. Shaykh Nāẓim memperakui bahawa Allah SWT akan mengurniakan kewalian daripada kalangan umat Nabi SAW (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim berpandangan bahawa terdapat 4 jenis wali yang dilantik Allah SWT iaitu (al-Qubrūsī 1980):

i. *Quṭb al-Bilād* yang wilayahnya adalah seluruh negara di dunia;

ii. *Quṭb Irshād* yang menghantar setiap manusia ke destinasinya;

iii. *Quṭb Aqṭāb* yang mengawal semua wali *quṭb* dan roh spritualnya berada di dalam Kaabah;

iv. *Quṭb Muṣarrif* yang merupakan khazanah, wali tahap ini ada kuasa untuk berbuat semua perkara yang selari dengan kehendak Allah SWT.

Kewalian, tambah Shaykh Nāẓim lagi adalah tingkatan tertinggi dalam pengkelasan manusia. Shaykh Nāẓim mempercayai bahawa semua para wali kini tersembunyi kerana manusia tidak lagi mahu mendengar nasihat mereka. Bukan sahaja wali, malah para ulama. Manusia lebih suka mendengar bisikan hawa nafsu mereka.

Akhir zaman ini, hanya Imām Mahdī a.s sahaja yang mampu memperbetulkan manusia (al-Qubrūsī 1980).

Sebagaimana para nabi, menurut Shaykh Nāẓim bahawa para wali juga mempunyai sifat-sifat tersendiri. Dalam karya-karya beliau, antara sifat wali yang disebut oleh beliau ialah:

a. Dikurniakan Cahaya Ilahi dan Kuasa Ilahi

Menurut Shaykh Nāẓim, para wali ini dikurniakan cahaya Ilahi dan kuasa Ilahi dalam mata mereka yang boleh membakar kejahatan. Oleh yang demikian, kata beliau, wali boleh melihat kepada sesiapa sahaja, lelaki atau perempuan kerana memang mereka diperintahkan demikian. Tiada larangan untuk mereka berbuat demikian, bahkan pandangan mereka kepada lelaki dan perempuan ini menjadi suatu kewajipan, kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "They have in their eyes a divine light, a divine power that burns away badness in those people upon whom they look. Because of this divine quality, they may look everywhere, at men or women. It has been ordered for them to look. There is no prohibiton for them. Therefore, their looking is 'wajib'"

Maksudnya:

> "Mereka mempunyai cahaya Ilahi dalam mata mereka, kuasa Ilahi yang membakar kejahatan dalam manusia yang mereka lihat. Oleh kerana kualiti Ilahi ini, mereka boleh melihat ke mana-mana, lelaki atau perempuan. Ia telah diperintahkan untuk mereka melihat. Tiada larangan ke atas mereka. Oleh yang demikian, pandangan mereka itu adalah wajib"

Tambah Shaykh Nāẓim lagi, para wali, masing-masing mempunyai mata hati yang Allah SWT kurniakan. Mata hati ini disebut sebagai *Divine Vision*, para wali melihat dengan menggunakannya dan mereka nampak golongan (yang dinisbahkan sebagai) Namrud yang terlalu ramai pada hari ini (al-Qubrūsī 2001). Antara nama yang dinukilkan oleh Shaykh Nāẓim yang katanya mempunyai kuasa ini ialah Abū Ahmad al-Ṣughūrī. Beliau menjadi wali *quṭb* selama 37 tahun. Pandangannya boleh tembus ke setiap makhluk (al-Qubrūsī 1991).

b. Mengimani Lima Perkara Utama

Sifat-sifat utama bagi para wali menurut Shaykh Nāẓim yang menukilkan perkataan gurunya al-Daghestānī ialah (al-Qubrūsī 1980):

i. Mengimani Allah SWT dan kehidupan azali
ii. Mengimani kitab-kitab suci
iii. Mengimani para nabi dan rasul
iv. Mengimani Syurga dan Neraka
v. Mengimani hari Akhirat

c. Hati Dipenuhi Kasih Sayang

Di antara sifat wali lagi, menurut Shaykh Nāẓim ialah hati mereka penuh dengan kasih sayang. Kerana hati yang penuh kasih sayang ini akan membawa keimanan kepada beriman kepada Allah SWT. Malah Shaykh Nāẓim meyakini, orang yang tidak mempunyai kasih sayang, maka jika dia kata dia mengimani Allah SWT, maka orang itu bukan orang beriman, kerana tiada iman tanpa kasih sayang (al-Qubrūsī 1980). Menurut beliau, semua nabi dan wali penuh dengan kasih sayang dan memandang manusia sebagai hamba Allah SWT dengan kasih sayang (al-Qubrūsī 1980)

d. Mempunyai Sifat-Sifat Allah SWT

Shaykh Nāẓim memetik perkataan gurunya Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī dalam karyanya *Mercy Oceans (Book Two)* mengenai sifat wali, maka al-Daghestānī menyatakan bahawa manusia yang berstatus wali mempunyai sifat-sifat Allah SWT yang sempurna. Kenyataannya seperti berikut (al-Qubrūsī 2007):

> "Our Grandsheykh was speaking about Awliya: "Who are saints?" They have attributes of Allah Almighty"

Maksudnya:

> "Guru besar kita pernah menyebut mengenai para wali: "Siapakah para wali?" Mereka mempunyai sifat-sifat Allah SWT yang agung"

e. Mempunyai Kuasa Ajaib dan Spiritual

Shaykh Nāẓim menukilkan perkataan gurunya al-Daghestānī bahawa mereka berdua (Shaykh Nāẓim dan Shaykh ʻAbd Allāh al-Daghestānī) adalah wali yang mempunyai kuasa ajaib, mereka berdua ialah stesen kuasa yang mampu membawa manusia ke jalan yang benar menuju ke syurga (al-Qubrūsī 1980).

Menurut Shaykh Nāẓim, siapa sahaja yang menentangnya maka dia menentang Nabi SAW, maka dia tidak akan dikurniakan kuasa lagi. Orang yang mahu berbaiah dengan Shaykh Nāẓim tahu mengenai kuasa rahsia yang diperturunkan oleh Nabi SAW kepadanya melalui silsilah tarekat Naqshābandī (al-Qubrūsī 2001). Menurut beliau, ketua sufi mestilah mempunyai kuasa spiritual yang mana dengan kuasa tersebut, dia akan melihat manusia, dia akan tahu tahap kemampuan seseorang itu. Jika seseorang mahu melakukan sesuatu, maka dia mestilah meminta bantuan dari Shaykh Nāẓim, maka Shaykh Nāẓim akan membantunya dengan kuasa spiritual ini. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "If you are intended to do something you must ask me to help you and then my Spiritual Support will be with you"

Maksudnya:

> "Jika kamu mahu berbuat sesuatu, kamu mestilah mohon pertolongan aku dan kemudiannya Bantuan Spiritual aku akan bersamamu"

Bercakap mengenai kuasa spiritual ini, menurut Shaykh Nāẓim lagi, wali yang telah mencapai tahap khalifah Allah SWT, mereka mempunyai lautan kuasa yang Allah SWT kurniakan supaya mereka boleh menzahirkan karamah dan keajaiban. Ini bagi membuktikan kepada manusia bahawa merekalah khalifah Allah SWT. Mereka ini menguasai dunia bukan dengan kuasa fizikal, namun dengan kuasa dan ilmu rahsia yang diambil dari Nabi SAW (al-Qubrūsī 2001).

Seseorang manusia itu dia perlu bersama dengan gurunya untuk memperoleh kuasa yang tiada penghujung ini. Ini kerana kuasa ini bersambung secara rantaian dari seorang guru kepada seorang guru sehingga kepada Nabi Muhammad SAW dan seterusnya kuasa Nabi SAW ini bersambung kepada Allah SWT (al-Qubrūsī 2012).

Shaykh Nāẓim menyebut lagi bahawa semua imam tarekat pada masa kini mempunyai kuasa dan menggunakan kuasa ini melalui tarekat Naqshābandī sahaja, termasuklah Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī. Mereka saling berhubung dengan seorang Sultān Awliyā’ yang tidak disebut namanya (al-Qubrūsī 1991).

f. Mempunyai Aroma Spiritual

Pada pandangan Shaykh Nāẓim, setiap wali memiliki aroma spiritual tersendiri sebagaimana setiap bunga mempunyai bau dan aroma yang berbeza. Seorang murid yang meningkat kadar spiritualnya pasti akan dapat mengecapi aroma gurunya, jika dia mencium aroma tersebut, tahulah dia bahawa gurunya ada bersamanya. Bahkan, mereka boleh mengenal pasti semua bau para wali dan mereka akan melihat dunia yang tidak dapat dilihat orang lain. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> “For every Saint there is a Spiritual Scent. Each Saint has a special kind of smell just as each flower has a distinct kind of smell”

Maksudnya:

> “Setiap wali itu ada bagi mereka aroma spiritual. Setiap wali berbeza aromanya sebagaimana aroma bunga juga berbeza antara satu sama lain”

g. Kebersamaan Dengan Allah Secara Jasad dan Roh

Sebagaimana yang telah disebut dalam perbahasan mengenai sifat khusus Nabi Muhammad SAW di sisi Shaykh Nāẓim, beliau turut menyatakan dalam karyanya bahawa Allah SWT bersama dengan para nabi dan wali secara jasad dan roh mereka (al-Qubrūsī 2001). Hal ini ada persamaan dengan orang yang berkeyakinan makhluk bersatu dengan Allah SWT.

h. Mengetahui Kod Rahsia al-Quran

Menurut Shaykh Nāẓim, para wali seperti beliau yang berstatus tinggi, apabila mereka berbicara, mereka akan berbicara dengan ilmu rahsia al-Quran. Mereka dikurniakan Allah SWT mengenai ilmu ini, mereka mengetahui kod-kod rahsia al-Quran. Namun

hanya wali berstatus tinggi sahaja yang mempunyai ilmu ini. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001):

> "We also been given the Secret Knowledge about this Secret Code but it is not for ordinary people. It may be for high level Saints and not even for ordinary Saints"

Maksudnya:

> "Kami juga diberikan ilmu rahsia mengenai kod rahsia ini, akan tetapi ia bukan untuk manusia biasa. Ia mungkin untuk wali yang berstatus tinggi, dan bukan untuk wali yang berstatus biasa"

i. Mempunyai Kuasa Lipat Alam

Kata Shaykh Nāẓim, alam ciptaan Allah SWT ini tersangatlah luas, melangkaui jutaan malah bilion tahun cahaya untuk menggapainya bagi manusia biasa. Namun bagi seorang wali yang mempunyai kuasa sipiritual, mereka boleh merentasi alam ini dalam masa kurang dari seminit malah dalam sesaat, mereka boleh menjejak merata-rata dalam alam ini. Kuasa ini diperolehi dari Nabi Muhammad SAW, yang mana kuasa ini lebih pantas dari cahaya, menurutnya (al-Qubrūsī 2001):

> "We talk about millions and billions of light years but that distance is really nothing for a Saint who has been given spiritual power and authority to reach up to millions or billions of light years in less then a minute or even a second. He is able to travel such distances and even place his foot on it"

Maksudnya:

> "Kita berbicara mengenai jutaan dan billion tahun cahaya akan tetapi jarak ini tidak bererti kepada wali yang diberikan kuasa spiritual dan keizinan untuk mencapai jutaan atau billion tahun cahaya dalam tempoh kurang dari seminit atau boleh jadi sesaat. Dia mampu untuk menggapai jarak-jarak ini bahkan meletakkan kakinya di atas tempat tersebut"

j. Mempunyai Hubungan Spiritual Dengan Nabi SAW

Menurut Shaykh Nāẓim, para wali sentiasa berhubung dengan Rasulullah SAW secara spiritual. Bila mana mereka memerlukan untuk bersama dengan Nabi SAW, maka Nabi SAW akan hadir bersama mereka. Kata beliau (al-Qubrūsī 1991):

> "Perfect Awliyas (Saints) are always in connection with Rasoolullah (Sal). Anytime they want such a connection they should find themselves immediately in the Holy Presence of Rasoolullah (Sal)"

Maksudnya:

> "Para wali yang sempurna selalu mempunyai hubungan dengan Rasulullah SAW. Bila-bila masa mereka mahu hubungan ini, mereka akan dapati dengan segera berada dengan kehadiran Rasulullah SAW"

k. Mempunyai Kasyaf

Shaykh Nāẓim mengakui adanya kasyaf bagi wali. Sebagai contoh, Shaykh Nāẓim ada menceritakan mengenai kisah pembunuhan Sayyidunā 'Alī r.a. Shaykh Nāẓim berpendapat bahawa Sayyidunā 'Alī r.a saat sebelum dibunuh, beliau telah pun mengetahui perkara tersebut, namun Sayyidunā 'Alī r.a tidak mahu menyanggah takdir Allah SWT., maka beliau merelakan dirinya dibunuh. Hal ini berlaku kerana menurut Shaykh Nāẓim, Sayyidunā 'Alī r.a mengetahui mengenai pembunuhan dirinya ialah kerana beliau seorang wali dan mempunyai kasyaf. Kasyaf ini disyarahkan oleh Shaykh Nāẓim bahawa hijab pandangan hati Sayyidunā 'Alī r.a telah dibuka dan beliau boleh tembus pandang melihat kepada *Luh Mahfuz*. Katanya (al-Qubrūsī 1991):

> "Yes Hazrath Ali had reached to a level of Kashf where the veils of the heart were taken away and he could look at the Preserved Tablet (lawhul mahfooz)"

Maksudnya:

> "Ya Sayyidunā 'Alī r.a telah sampai kepada tahap kasyaf di mana hijab hati telah diangkat dan beliau boleh melihat terus kepada Luh Mahfuz"

3.3.3 Pemikiran Akidah Shaykh Nāẓim Berkaitan *Ghaybiyyāt*

Hal-hal *Ghaybiyyāt* atau *Sam'iyyāt* merupakan perkara-perkara akidah terkait dengan khabar-khabar yang tidak boleh diketahui melalui akal semata-mata. Ia bersifat khusus hanya kepada perkara-perkara yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui al-Quran dan hadith. Antara perkara yang dibincangkan dalam *Ghaybiyyāt* ialah mengenai para malaikat, hari kiamat, hari akhirat dan yang berkaitan dengannya. Shaykh Nāẓim dalam karya-karya banyak menyebut mengenai perkara-perkara ini.

a. Malaikat

Sebagaimana telah dijelaskan dalam perbahasan Rukun Iman, secara umumnya Shaykh Nāẓim mengimani para malaikat Allah SWT.Terdapat beberapa sifat malaikat yang disebut oleh Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya. Antara sifat malaikat yang disebut oleh Shaykh Nāẓim ialah malaikat merupakan makhluk yang dicipta dari cahaya. Malaikat sentiasa mentaati Allah SWT. Malaikat mempunyai banyak kuasa yang Allah SWT kurniakan seperti boleh sampai kepada sesuatu dengan kelajuan sekelip mata. Malaikat ada akal dan tiada nafsu. Para malaikat juga tidak tidur (al-Qubrūsī 2008).

Menurut Shaykh Nāẓim, manusia dikurniakan pilihan di mana manusia bebas untuk memilih sesuatu perkara, manakala para malaikat tidak dikurniakan Allah SWT kebebasan untuk memilih (al-Qubrūsī 1997). Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa malaikat tidak seperti manusia yang mempunyai keperluan fizikal (al-Qubrūsī 2001). Tambah Shaykh Nāẓim, malaikat mempunyai kekuatan yang luar biasa kerana para malaikat sentiasa berzikir kepada Allah SWT tanpa rasa letih. Zikir ini ialah makanan para malaikat. Zikir inilah yang memberikan kekuatan kepada malaikat. Kata beliau (al-Qubrūsī 2008):

> "Try to give more time everyday to prayers and dhikr. Angels glorify their Lord without tiring; it is their food"

Maksudnya:

> "Cuba memperbanyakkan masa pada setiap hari untuk solat dan berzikir. Para malaikat memuji Tuhan mereka tanpa penat; kerana zikir ialah makanan malaikat"

b. Peristiwa Israk dan Mikraj

Shaykh Nāẓim mengimani peristiwa Israk dan Mikraj berdasarkan kenyataannya bahawa Nabi SAW telah diperjalankan oleh Allah SWT pada waktu malam, terus melalui 7 lapisan syurga dan seterusnya berjumpa dengan Allah SWT (al-Qubrūsī 1986). Malah, Shaykh Nāẓim menisbahkan bagi Allah SWT sebagai "Divine Presence" yakni kemunculan Allah SWT secara hakiki, saat Nabi SAW melalui peristiwa Mikraj. Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW dipertontonkan oleh Allah

SWT akan setiap keindahan, namun Nabi Muhammad SAW tidak terpegun malah Nabi Muhammad SAW hanya melihat kepada Allah SWT. Kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "Muhammad was shown every beauty on the Night Journey, but his eyes never looked at anything but His Lord"

Maksudnya:

> "Muhammad telah diperlihatkan semua kecantikan pada malam Mikraj, namun matanya langsung tidak melihat kepada semua ini bahkan hanya melihat Tuhannya"

Shaykh Nāẓim menyamakan kemuliaan yang diterima Nabi Muhammad SAW untuk merasai perjalanan Israk Mikraj ini dengan kemuliaan yang diterima oleh Ratu Elizabeth. Menurut beliau lagi, semua manusia boleh mendapat kemuliaan ini dengan meninggalkan hawa nafsu, pasti mereka dapat bertemu dengan Allah SWT yang dinisbahkan sebagai "Divine Presence". Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "and the Prophet (peace be upon him) went as ordered, just as dignitary is received by the Queen of England"

Maksudnya:

> "dan Nabi SAW pergi (ke Mikraj) sebagaimana diperintahkan, sebagaimana kemuliaan yang diterima oleh Ratu England"

Menurut beliau lagi, Mikraj bukanlah untuk Nabi SAW semata-mata. Mikraj juga disediakan untuk mereka dari kalangan umat Nabi SAW. Buraq sentiasa menunggu untuk mereka yang mengikut jalan Nabi SAW. Kata Shaykh Nāẓim bahawa Nabi SAW bertanya kepada Jibril a.s, adakah Mikraj ini khusus untuknya, maka beliau menukilkan kononnya Jibril a.s menjawab (al-Qubrūsī 1991):

> "It is for your Ummah also and there are Buraqs waiting for them also. Those who are following you may also join after you"

Maksudnya:

> "Ia (Mikraj) adalah untuk umatmu juga, ada Buraq-Buraq yang menunggu mereka juga. Sesiapa yang mengikuti jalanmu boleh bersama merasa Mikraj selepas kamu"

c. Alam Barzakh (Nikmat dan Azab Kubur)

Soal kubur dan perkara berkaitan dengan alam barzakh seperti nikmat dan azab kubur adalah merupakan perkara yang dimaklumi secara daruri dalam agama. Ia merupakan ijmak para ulama. Melihat kepada kenyataan Shaykh Nāẓim dalam karyanya, beliau jelas meyakini bahawa manusia akan disoal di dalam kubur kelak oleh malaikat yang menjaga kubur, kata beliau (al-Qubrūsī 2012):

> "we will have to give an answer to The Angels of Grave.."

Maksudnya:

> "kita akan memberikan jawapan kepada malaikat yang menjaga kubur"

Shaykh Nāẓim mengimani adanya azab kubur apabila menjawab soalan anak muridnya mengenai keadaan umat Nabi Nuh a.s yang ingkar terhadap Allah SWT. (al-Qubrūsī 1980).

d. Kebangkitan (*Al-Ba'th*)

Shaykh Nāẓim menyebut mengenai hari kebangkitan dalam karyanya *Mercy Oceans*, bahawa manusia akan dibangkitkan setelah Allah SWT menurunkan hujan air mani lelaki selama 40 hari sehingga bumi tenggelam dengan air mani lelaki ini dengan kedalaman 70 hasta. Air mani ini kemudian akan bersenyawa dengan satu sel kecil yang Allah SWT kekalkan selepas kematian manusia, yang mana sel ini seumpama ovum wanita. Setelah tiupan sangkakala kedua, manusia akan dibangkitkan dari kubur-kubur mereka. Kata Shaykh Nāẓim (al-Qubrūsī 1980):

> "This rain is the sperm of men. For forty days it will rain and soak into the ground.. This one cell will be like the eggcell of women, and it will be fertilized by this rain"

Maksudnya:

> "Hujan ini ialah air mani lelaki. Selama 40 tahun ia akan menghujani bumi dan akan meresap ke dalam tanah.. Satu sel lagi seumpama ovum wanita, ia akan bersenyawa dengan hujan mani ini"

Dalam mensyarahkan mengenai apa yang berlaku kepada kaum Nabi Nuh a.s kepada anak muridnya, Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa Allah SWT menghancurkan jasad-jasad mereka ini, namun roh mereka ini berenang-renang dalam lautan rahmat (*mercy* ocean) Allah SWT. dan roh ini mencadi suci dan bebas. Kelak di hari akhirat, mereka akan dibangkitkan dengan jasad yang lain, bukan jasad yang melakukan dosa di muka bumi (al-Qubrūsī 1980).

e. *Maḥshar* dan *Al-Ḥashr*

Shaykh Nāẓim mengimani kewujudan padang mahsyar yang mana ia merupakan bumi yang telah diratakan Allah SWT selepas tiupan sangkakala yang akan mematikan semua kehidupan atas muka bumi. Tiada gunung-ganang, malah batu turut akan menjadi debu. Keadaan ini berterusan sehingga 40 tahun sebelum manusia dibangkitkan. Manusia seterusnya akan dihimpunkan di tanah rata yang di Damsyik. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "Then, from all directions, the people will be gathered on one plain for the judgement. That will be on the plain of Damascus"

Maksudnya:

> "Kemudian, dari semua arah, manusia akan berkumpul atas suatu tanah rata untuk dihisab. Itu akan berlaku di tanah rata di Damsyik"

f. *Ḥisāb*

Menurut Shaykh Nāẓim, setelah dibangkitkan dan dihimpunkan, seterusnya manusia akan dihisab oleh Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Manusia akan ditanya mengenai tubuh badan yang merupakan amanah kurniaan Allah SWT di hari akhirat kelak. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> "On the Judgement Day we will be asked, first, how we kept our bodies"

Maksudnya:

> "Pada Hari Perhitungan kita akan ditanya, pertama, bagaimana kita menjaga tubuh badan kita"

g. *Mizān*

Menurut Shaykh Nāẓim, Mizān akan berlaku dan ia akan dilaksanakan di atas tapak bukit Qasum, sebuah kawasan di Syria. Tambah beliau, guru beliau Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī berkata, saat manusia ditimbang amalan, *Kursi* Allah SWT (yang dinisbahkan oleh beliau sebagai singgahsana Allah SWT) akan berada di atas suatu tapak perkuburan dua orang isteri Nabi SAW di Damsyik, Syria. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “Al-Kursi (the throne of our Lord) will be on the site where today are the graves of two Prophet’s wives in Damascus”

Maksudnya:

> “*Al-Kursi* (singgahsana Allah SWT) akan berada di suatu tempat iaitu sekarangnya terletaknya kubur dua isteri Nabi di Damsyik”

h. *Ṣirāt*

Penulis tidak menjumpai perbahasan mengenai titian *ṣirāt* yang dikemukakan oleh Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya.

i. *Ḥauḍ*

Penulis juga tidak menjumpai perbahasan mengenai *ḥauḍ* atau kolam minuman milik Nabi Muhammad SAW oleh Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya ini.

j. Syurga dan Nikmatnya

Shaykh Nāẓim mengimani bahawasanya syurga itu ada 7 tingkat (al-Qubrūsī 1997). Menurut Shaykh Nāẓim lagi, di dalam syurga kelak, Allah SWT telah menyediakan bagi setiap orang mukmin, ruangan-ruangan khas untuk mereka mengambil habuan yang tidak ada akhirnya (al-Qubrūsī 1980). Namun dalam kenyataan lain, Shaykh Nāẓim mendakwa syurga itu tiada jumlahnya, kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> “There are countless Paradises for those who accept Truth and accept to be His servants”

Maksudnya:

> “Di sana ada syurga yang tiada jumlahnya bagi mereka yang menerima kebenaran dan menerima untuk menjadi hamba-Nya”

Menurut beliau lagi, Allah SWT akan memasukkan jutaan, bahkan bilion manusia ke dalam syurga. Bukan sahaja yang Muslim, bahkan jika Allah SWT mengampunkan, maka semua yang mempercayai (*believers*) akan masuk syurga. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “He may forgive all sins.. It is for every believer not just for Muslims”

Maksudnya:

> “Dia boleh sahaja mengampunkan semua dosa.. Ia adalah untuk semua yang mempercayai (believer) bukan untuk Muslim semata-mata”

Setiap orang mempunyai 7 nama yang berbeza. Ini adalah kemuliaan yang Allah SWT berikan kepada manusia, nama ini digunapakai untuk 7 tingkatan syurga yang berbeza. Manusia akan diseru menggunakan nama yang berbeza di setiap lapisan (al-Qubrūsī 1991).

Antara perkara yang Allah SWT jadikan di dalam syurga kelak, menurut apa yang dinukilkan Shaykh Nāẓim daripada gurunya ialah, tiada lagi sifat cemburu sesama mereka (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menyebut bahawa ada sebahagian nikmat yang Allah SWT sediakan di dalam syurga tidak dapat disifatkan oleh manusia. Wanita yang beriman, apabila mereka masuk ke dalam syurga, mereka akan lebih cantik dari para bidadari (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa tujuan utama tarekat yang dipimpin beliau adalah untuk membawa manusia ke syurga dan menjauhi api neraka (al-Qubrūsī 2012).

k. Neraka dan Azabnya

Mengenai neraka, Shaykh Nāẓim turut mengimani kewujudan neraka. Beliau menyebut bahawa Allah SWT berfirman akan memasukkan jutaan bahkan bilion manusia ke dalam api neraka. Kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

“He also says that millions and billions will enter Hell”

Maksudnya:

“Dia juga berfirman bahawa jutaan dan billion akan masuk ke dalam neraka”

l. Melihat Allah

Menurut Shaykh Nāẓim, melihat Allah SWT tidak terhad di hari Akhirat semata-mata, malah seseorang boleh melihat Allah SWT dengan melihat kepada Nabi SAW kerana Allah SWT sentiasa bersama dengan Nabi SAW secara hakiki. Sehingga beliau mentafsirkan firman Allah SWT (Surah al-Hadīd 57: 4, Surah al-Hujurāt 49: 7):

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ

Maksudnya:

“Dia bersama kamu dengan ilmu-Nya di mana sahaja kamu berada”

وَاعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ

Maksudnya:

“Ketahuilah bahawa ada di kalangan kamu itu Rasulullah”

Menurut beliau, dua ayat ini menunjukkan Allah SWT berada bersama Nabi SAW secara hakiki di mana-mana (al-Qubrūsī 2001). Kata Shaykh Nāẓim lagi, Allah SWT berada di mana-mana dalam makhluk-Nya, dalam batu-batu, dalam gunung-ganang juga dalam pokok-pokok (al-Qubrūsī 2001).

m. Tanda-Tanda Hari Kiamat

Tidak banyak tanda-tanda atau peristiwa-peristiwa yang akan berlaku sebelum hari kiamat yang diceritakan oleh Shaykh Nāẓim dalam karya-karyanya. Antara yang dijumpai oleh penulis ialah:

i. Kemunculan Imām Mahdī a.s

Shaykh Nāẓim mengakui bahawa dunia sekarang berada dalam kebinasaan akibat daripada sistem demokrasi yang menggantikan sistem khalifah setelah kejatuhan Uthmaniyyah serta ditambah dengan dunia ini dikuasai Freemason. Maka perkara ini akan berterusan sehingga munculnya Imām Mahdī a.s Kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "This will continue until Mehdi comes"

Maksudnya:

> "Ini akan berterusan (dunia dikuasai Freemason) sehingga Imām Mahdī a.s datang"

Shaykh Nāẓim mensyarahkan bahawa Imām Mahdī a.s merupakan keturunan ke-40 Nabi Muhammad SAW dari jalur al-Ḥasan dan al-Ḥusain. Beliau dilahirkan di antara tahun 1930 dan 1940 di Wadi Fatima. Ibu bapanya tinggal berdekatan dengan Jeddah. Beliau ada tanda seperti bintang di pipi kanan dan tangannya panjang mencecah lutut (al-Qubrūsī 2012).

Imām Mahdī a.s, menurut Shaykh Nāẓim akan menyucikan dunia daripada syirik, kufur dan setiap perkara yang bertentangan dengan Islam (al-Qubrūsī 1997). Tambah beliau, Imām Mahdī a.s akan bersama dengan 12,000 orang tentera yang gagah, yang tidak berpaling dari wajah Allah (*Face of Allah*). Mereka ini semuanya adalah keturunan Sayyidunā 'Alī r.a. Imām Mahdī a.s dan tenteranya akan muncul dari gerbang Damsyik daripada arah Amman (al-Qubrūsī 1980). Jelas Shaykh Nāẓim, 12,000 orang tentera ini ialah para wali Allah SWT sebagaimana kata beliau (al-Qubrūsī 2012):

> "You were lucky that this year Mehdi a.s and his Caliphs and Ministers, all these Grand Awliya, Saints, were present on the Day of Arafat – 12,000 Awliya with Mehdi a.s"

Maksudnya:

> "Kamu sangat beruntung kerana tahun ini Imām Mahdī a.s dan khalifahnya dan menterinya, semua wali besar dan wali biasa, telah muncul di Hari Arafah – 12,000 wali bersama Imām Mahdī a.s"

Kemunculan Imām Mahdī a.s sebagaimana yang dijelaskan oleh Shaykh Nāẓim, telah pun berlaku iaitu buat kali pertama pada tahun 1960. Tidak semua orang tahu kemunculan ini melainkan 12,000 orang wali yang telah memberi baiah dalam sesi khusus. Sesiapa yang tidak dapat hadir secara fizikal, mereka melaksanakan baiah dalam mimpi mereka terhadap Imām Mahdī a.s (al-Qubrūsī 2012).

Menyatakan kedatangan Imām Mahdī a.s, Shaykh Nāẓim meramalkan bahawa kedatangan Imām Mahdī a.s akan berlaku sebelum tahun 2000 di mana saat itu semua teknologi telah musnah (al-Qubrūsī 2012) dan setelah berlangsungnya perang dunia ketiga (al-Qubrūsī 2001). Lebih spesifik lagi, Shaykh Nāẓim meramalkan Imām Mahdī a.s akan muncul sewaktu musim Hajj Akbar sebagaimana dijelaskan sebelum ini (al-Qubrūsī 2012). Imām Mahdī a.s akan bersama dengan Nabi Isa a.s selama 7 tahun sebelum meninggal dunia (al-Qubrūsī 2012). Saat itu, Imām Mahdī a.s juga meraikan gerombolan haji dari Barat iaitu pengikut Shaykh ‘Abd Allāh al-Daghestānī dan gembira dengan kehadiran mereka (al-Qubrūsī 2012). Menurut beliau lagi, Imām Mahdī a.s akan bersama dengan Shaykh bagi tarekat Naqshābandī yang terakhir, kata beliau (al-Qubrūsī 1991):

> “During the coming of Mahdī (alai) there shall also be with him the last Sheik of Naqshābandī Order”

Maksudnya:

> “Saat kedatangan Mahdī a.s, akan ada bersamanya Shaykh terakhir Tarekat Naqshābandī”

Shaykh Nāẓim turut menukilkan perkataan gurunya saat bertemu dengan seorang paderi bahawasanya golongan Kristian turut menanti kemunculan Imām Mahdī a.s (al-Qubrūsī 1980). Shaykh Nāẓim menyatakan juga bahawa gurunya al-Daghestānī pernah bersama dalam satu majlis dengan Imām Mahdī a.s dan mengambil nasihat daripadanya, kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “Our Grandshaykh is speaking about Mahdī, the keeper of this time (peace be upon him). Grandshaykh was sitting in Mahdī’s assembly, and listening to his words: “O my brother, Shaykh Abdullah!”

Maksudnya:

> "Guru besar (al-Daghestānī) kita menceritakan mengenai Mahdī a.s, penjaga era kini. Guru besar pernah duduk dalam perhimpunan bersama Mahdī a.s dan mendengar bicaranya. Mahdī a.s memanggilnya: "Wahai saudaraku, Shaykh Abdullah!"

Terdapat juga ramalan yang lain di mana Shaykh Nāẓim yang amat menyukai Putera Charles telah meramalkan pada tahun 2000, Putera Charles akan menjadi Raja England dan menjadi Sultan / Khalifah Islam, katanya (al-Qubrūsī 1997):

> "We are grateful to Allah that the King of England in the year 2000, Crown Prince Charles, will be a Sultan of Islam"

Maksudnya:

> "Kita bersyukur kepada Allah SWT di mana Raja England pada tahun 2000, Putera Mahkota Charles akan menjadi Sultan kepada agama Islam"

ii. Kemunculan Dajjāl

Menurut Shaykh Nāẓim, Dajjāl akan muncul pada akhir zaman saat dunia benar-benar telah tenat akibat daripada pengaruh Freemason yang menguasai dunia dari bawah tanah (*underground*) iaitu secara rahsia. Golongan Freemason ini akan bersama-sama dengan Dajjāl apabila Dajjāl muncul selama 40 hari di pengakhiran dunia.

Tambah beliau lagi, hanya Putera Charles yang akan kecewa dengan golongan Freemason ini kerana di sisi Shaykh Nāẓim, Putera Charles adalah pembela kebenaran. Kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "Only Prince Charles is fed up with their control and says: "I must be free!". Defenders of Truth are trying to be free from them"

Maksudnya:

> "Hanya Putera Charles yang kecewa dengan kawalan mereka (Free Mason) dan berkata: "Aku mesti bebas!". Pembela-pembela kebenaran sedang berusaha untuk bebas daripada mereka ini"

Dajjāl yang sebenar kata Shaykh Nāẓim akan muncul selepas Imām Mahdī a.s membawa panjinya dari Istanbul. Dajjāl dan pengikutnya akan datang dari Khurasan dan menuju ke Jerusalem. Dajjāl akan mengelilingi bumi selama 40 hari dengan mengaku sebagai Tuhan. Menurut Shaykh Nāẓim lagi, Dajjāl mempunyai 30 khalifahnya yang sedang menanti kemunculan Dajjāl. Namun, buat masa sekarang Dajjāl dirantai di suatu pulau yang tidak diketahui. Antara sifat Dajjāl adalah bermata satu. Dajjāl tidak dapat masuk ke dalam Damsyik kerana Damsyik dipelihara oleh 700 malaikat, 700 jin dan 700 wali dari pelbagai tingkatan (al-Qubrūsī 2012).

iii. Turunnya Nabi Isa a.s

Shaykh Nāẓim menyatakan setelah pemerintahan Imām Mahdī a.s, Nabi Isa a.s akan turun pada akhir zaman untuk menyempurnakan pembersihan dunia daripada segala perkara yang buruk, saat itu akan berlaku kedamaian yang sebenar (al-Qubrūsī 1997). Nabi Isa a.s diramalkan akan muncul pada kurun ini (ramalan dibuat Shaykh Nāẓim ini adalah pada 1997) dan akan memerintah mengikuti syariat Nabi Muhammad SAW dan kemudian setelah itu, dunia ini akan seumpama syurga selama 40 tahun, dipenuhi dengan kebaikan seperti keadilan, kehormatan dan lain-lain, kata beliau (al-Qubrūsī 1997):

> "The next century will only be for True Ones. It will start with the coming of Jesus. No one can change that. He will follow the Sharia of Muhammad and for 40 years this world will be like Paradise"

Maksudnya:

> "Kurun selepas ini hanya untuk yang benar. Ia akan bermula dengan kedatangan Isa a.s. Tiada siapa dapat mengubahnya. Dia akan mengikuti syariat Muhammad SAW dan selama 40 tahun, bumi ini akan seumpama syurga"

Menurut Shaykh Nāẓim, umat Islam kini menanti-nanti Nabi Isa a.s turun daripada syurga (bukan dari langit kedua sebagaimana yang disepakati ulama). Nabi Isa a.s akan turun dari syurga ke Damsyik, Syria selepas 40 hari kemunculan Dajjāl. Baginda a.s akan turun di Masjid Omayyad, di sisi kubah timur di mana Nabi Yahya a.s dikebumikan. Dua malaikat akan mengiringi Nabi Isa a.s.. Untuk mengenalnya, Nabi Isa a.s akan memakai serban hijau, mempunyai muka yang cantik putih kemerahan,

jambangnya berwarna merah, Baginda a.s akan dibasahi peluh dan ditangannya ada sebilah pedang. Baginda a.s akan membunuh Dajjāl dan kemudiannya Baginda a.s akan memerintah bumi dengan makmur selama 40 tahun. (al-Qubrūsī 2012).

iv. Kemunculan Ya‘jūj dan Ma‘jūj

Shaykh Nāẓim mempercayai kewujudan Ya‘jūj Ma‘jūj yang merupakan salah satu bangsa manusia, telah dikurung oleh Zulkarnain di sebalik tembok. Shaykh Nāẓim menjelaskan bahawa Allah SWT kemudiannya menjadikan gunung-gunung ais untuk melindungi tembok tersebut di mana manusia tidak boleh mencapainya. Saat kemunculan Ya‘jūj dan Ma‘jūj, mereka akan memakan apa sahaja dan meminum dari sungai dan tasik. Kemunculan mereka ini akan berlangsung sehingga Hari Kiamat, kata beliau (al-Qubrūsī 1980):

> “Allah Almighty has put great mountains of ice.. unproachable. These imprisoned nations, the Gog and Magog people, by Allah’s will shall be released at the coming of a new star of great heat”

Maksudnya:

> “Allah SWT telah meletakan gunung-gunung ais yang besar.. tidak boleh dicapai. Mereka yang terpenjara ini ialah Ya‘jūj dan Ma‘jūj, dengan kehendak Allah SWT mereka akan keluar pada ketika datangnya bintang baru yang sangat panas”

3.4 KESIMPULAN

Dalam karya-karya beliau, dapat dikesan bahawasanya akidah yang dibawa oleh beliau kebanyakannya adalah tidak selari dengan apa yang dirumuskan oleh Ahli Sunnah Waljamaah, terutama hal-hal yang berkait dengan ketuhanan. Beliau cenderung untuk mencampur adukkan perbahasan ketuhanan beliau dengan akidah yang dibawa oleh golongan *ḥulūl* dan *ittiḥād* serta ditambah dengan keyakinan menjisimkan dan menyamakan Allah SWT dengan makhluk-Nya. Hal ini dilihat kerana beliau sendiri bukan seorang yang berautoriti dalam membicarakan hal-hal berkaitan akidah. Ini boleh dilihat apabila penggunanaan dalil dalam pengisbatan akidah oleh beliau juga amatlah lemah. Beliau banyak berpandukan kepada terjemahan al-Quran dan hadith termasuk


hadith yang di dalam kategori *Mauḍū'*, kemudian beliau menyimpulkannya secara zahir terjemahaan semata-mata.

Berhubung hal kenabian, beliau cenderung untuk berpegang bahawa Adam a.s bukanlah manusia yang pertama, bahkan di sisi beliau telah wujud Adam lain sebelum Adam a.s dan akan ada Adam yang lain setelah binasanya manusia yang wujud sekarang. Beliau turut berkeyakinan bahawa Muhammad SAW adalah Nabi yang pertama sebelum Adam a.s berpandukan kepada *Hadith Jābir* semata-mata. Terdapat beberapa kenyataan beliau yang merendahkan martabat kenabian seperti mensifatkan Nabi dengan sifat-sifat binatang (dengan menyebut nama binatang seperti khinzir). Dalam hal yang lain, beliau tidak canggung untuk menisbahkan sifat ketuhanan kepada Nabi Muhammad SAW.

Berhubung hal yang terkait dengan *Ghaybiyyāt*, meskipun beliau mengimani perkara yang terkait dengannya, namun terdapat beberapa perkara yang bercanggah terutama dalam bab ramalan beliau mengenai kemunculan al-Mahdī dan Nabi Isa a.s serta kedatangan Dajjāl. Beliau juga meramalkan bila akan berlakunya hari kiamat. Selain itu, beliau turut meramalkan bahawa kononnya Putera Charles akan menjadi pemimpin umat Islam dan pada Tahun 2000 akan berlakunya Perang Dunia Ketiga.

Dalam penerimaan terhadap agama lain, adalah didapati bahawa beliau bersikap liberal dan plural saat beliau menyamakan penganut agama lain sebagai pengikut kebenaran dan akan mendapat syurga. Beliau juga keterlaluan dengan mandakwa jika orang bukan Islam menjadi pengikut tarekatnya, ini akan menjanjikan syurga buat mereka. Dalam kenyataan yang lain, beliau menyatakan bahawa agama-agama lain seperti Kristian dan Buddha adalah agama kebenaran seperti Islam. Pada pandangan peribadi penulis, kecelaruan dan kekeliruan dalam hal akidah sebagaimana yang diketengahkan oleh Shaykh Nāẓim perlu dijelaskan secara perbandingan dengan karya-karya ulama Ahli Sunnah Waljamaah yang hidup sebelum zamannya dan semasa zamannya. Ini kerana isu akidah bukanlah suatu isu yang boleh dipandang ringan dan mudah. Sedangkan dalam isu-isu *fiqh* dan muamalat seperti penipuan dalam urusan jual beli, Nabi SAW ada memerintahkan supaya orang beriman memperingatkan manusia jika terdapat penipuan, maka apatah lagi dalam urusan akidah yang lebih utama. Oleh

yang demikian, penulis akan membandingkan setiap isu yang timbul dalam pemikiran akidah Shaykh Nāẓim ini dengan pandangan-pandangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah yang muktabar dalam bab seterusnya supaya ia lebih jelas dan terperinci sekaligus mendapat gambaran yang menyeluruh.



BAB IV

MANHAJ DAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH

4.1 PENGENALAN

Setelah meneliti karya-karya Shaykh Nāẓim dan mengekstrak kenyataan-kenyataan beliau dalam akidah, maka wujud keperluan untuk membandingkannya dengan manhaj dan pegangan yang telah ditelusuri oleh Ahli Sunnah Waljamaah. Ini bagi melihat dengan lebih mendalam dan teliti mengenai pemikiran akidah Shaykh Nāẓim, adakah ia bertepatan dengan garis panduan Ahli Sunnah Waljamaah atau ia bercanggah dengan apa yang dibawa oleh generasi ulama sebelum atau semasa kehidupannya.

Terlebih dahulu, secara ringkasnya, penulis telah pun menggunakan manhaj perbahasan Ahli Sunnah Waljamaah dalam meletakkan kenyataan-kenyataan akidah Shaykh Nāẓim supaya ia lebih tersusun bagi mengenal dengan lebih jauh lagi, apakah pemikiran akidah beliau. Dalam bab ini, penulis akan memperkenalkan apakah akidah yang dibawa oleh Ahli Sunnah Waljamaah dengan mengemukakan isi-isi dan gambaran dasar yang dibawa oleh mereka. Penulis akan membincangkan secara sepintas lalu manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah menggunapakai tema yang sama sebagaimana yang dilakukan oleh penulis terhadap pemikiran akidah Shaykh Nāẓim. Penulis tidak akan membahaskan secara terperinci bagi satu-satu subtopik, memadai penulis menerangkan berdasarkan apa yang diterangkan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah dengan ringkas.

4.2 SIAPAKAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH

Kalimah Ahli Sunnah Waljamaah bukanlah satu kalimah yang wujud secara kendiri pada zaman Rasulullah SAW mahupun pada zaman *salaf al-ṣāliḥ*. Kalimah ini wujud

secara cerakin di mana terdapat tiga perkataan yang memberi maksud yang berbeza di antara satu sama lain. Kalimah tersebut ialah:

a. *Ahl*

Kalimah ini membawa maksud keluarga, pengikut atau golongan (al-Sayid 1987). Dari sudut terminologi, ia bermaksud mereka yang mengikut atau berpegang dengan sesuatu kalimah yang disandarkan kepada perkataan *Ahl* tersebut, seperti *Ahl al-madhhab* ia merujuk kepada mereka yang berpegang dengan mazhab tersebut (Majlis Agama Islam Selangor 2012).

b. *Al-Sunnah*

Penafsiran makna *al-Sunnah* ialah berbeza mengikut bidang-bidang keilmuan. *Al-Sunnah* menurut istilah ulama hadith ialah setiap perkataan, perbuatan atau *taqrir* Rasulullah SAW. Manakala menurut ulama *fiqh* pula, *al-Sunnah* merujuk kepada perkara yang diambil dari Rasulullah SAW yang terkait dengan lima hukum tertentu iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Secara dasarnya makna *al-Sunnah* itu sendiri merujuk kepada jalan yang ditempuh. Ini sebagaimana disebut oleh Ibn Manzur sesuai dengan hadith Nabi SAW (Zakaria Stapa 2015). Jika digabung kedua makna ini bererti jalan yang ditempuh oleh Nabi SAW dan para sahabatnya yang selamat daripada syubhat dan hawa nafsu (Said Abū Jaib 1988). Haji Hasyim Asy‘ari pula menyatakan bahawa (Hasyim Asy‘ari 1997):

> "al-Sunnah seperti yang telah dikatakan oleh Abū al-Baqā’ didalam kitab *al-Kulliyyāt*, karangannya, secara literalnya adalah jalan, meskipun (jalan tersebut) tidak diredhai. Manakala al-Sunnah menurut istilah syarak adalah; nama bagi jalan dan perilaku yang diredhai di dalam agama yang ditempuhi oleh Rasulullah SAW atau orang-orang yang dapat menjadi teladan dalam beragama seperti para sahabat r.a, berdasarkan sabda Nabi SAW, Ikutilah sunnahku dan sunnah Khulafā’ al-Rāshidīn sesudahku".

c. *Al-Jamā‘ah*

Penafsiran *al-Jamā‘ah* adalah sering dirujuk kepada hadith Nabi SAW:

ثَلَاثٌ لَا يُغِلُّ عَلَيْهِمْ قَلْبُ الْمُؤْمِنِ: إِخْلَاصُ الْعَمَلِ، وَالنَّصِيحَةُ لِوَلِيِّ الْأَمْرِ، وَلُزُومُ الْجَمَاعَةِ، فَإِنَّ دَعْوَتَهُمْ تَكُونُ مِنْ وَرَائِهِ[1]

Maksudnya:

> "Tiga perkara yang dapat membersihkan hati seseorang mukmin daripada sifat yang tidak baik, iaitu ikhlas dalam beramal, naihat yakni berbuat baik kepada penguasa [pemerintah] dan selalu mengikuti (beriltizam/melazimi) al-Jamā'ah (kebanyakan kaum Muslimin) kerana doa mereka akan selalu mengikuti mereka".

Hadith di atas, ulama menafsirkan *al-Jamā'ah* dengan makna kebanyakan atau *Sawād al-A'ẓam* berpandukan kepada hadith Nabi SAW:

عن أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : إِنَّ أُمَّتِي لَا تَجْتَمِعُ عَلَى ضَلَالَةٍ ، فَإِذَا رَأَيْتُمُ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ[2]

Maksudnya:

> "Dari Anas bin Malik radiyallahu`anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya umatku tidak akan bersepakat pada kesesatan. [Oleh sebab itu,] apabila kamu melihat terjadinya sesuatu perselisihan, maka hendaklah kamu ikuti kelompok yang majoriti".

Setelah meneliti tiga perkataan yang dicerakinkan, maka apabila digabungkan ketiga-tiga perkataan ini, dapat disimpulkan bahawa Ahli Sunnah Waljamaah ialah mereka yang mengikuti dan melazimi sunnah Nabi SAW, yang terikat dengan hukum syariat yang lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram, mereka ialah majoriti kaum Muslimin sebagaimana yang dinyatakan Rasulullah SAW dalam hadithnya. Sedari dulu para ulama telah meneliti dan mengkaji secara mendalam untuk menyimpul dan mengkhususkan, siapakah golongan Ahli Sunnah Waljamaah yang dimaksudkan di atas? Ulama telah membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Waljamaah ialah dua golongan iaitu golongan yang terdiri dari kelompok 3 kurun terawal Islam yang disebut sebagai *Salaf* sebagaimana hadith Nabi SAW:

[1] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, *Kitāb Manāsik al-Hāj, Bāb al-Khuṭbah Yawm al-Nahr*. No. Hadith 3075.

[2] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb Sawād al-A'ẓam*. No. Hadith 3950.

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ[3]

Maksudnya:

> "Sebaik-baik manusia adalah kurunku, kemudian kurun selepasnya dan kemudian kurun selepasnya."

Manakala kelompok kedua ialah *khalaf* iaitu mereka yang datang selepas kurun *salaf* dan mereka ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Murtaḍá al-Zabīdī (al-Zabīdī 1989):

إِذَا أُطْلِقَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ فَالْمُرَادُ بِهِمْ الأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيْدِيَّةُ

> Maksudnya: "Apabila disebut Ahli Sunnah Waljamaah, maka maksudnya ialah golongan pengikut Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī"

Perkara yang sama disebut oleh Ibn Abidin (Ādil Ahmad 'Abd al-Mawjūd et.al 1994):

قَوْلُهُ (عَنْ مُعْتَقَدْنَا) أَيْ عَمَّا نَعْتَقِدُ مِنْ غَيْرِ الْمَسَائِلِ الْفَرْعِيَّةِ مِمَّا يَجِبُ اعْتِقَادُهُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ بِلا تَقْلِيْدِ أَحَدٍ، وَهُوَ مَا عَلَيْهِ أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ وَهُمْ الأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيْدِيَّةُ، وَهُمْ مُتَوَافِقُوْنَ إلا فِيْ مَسَائِلَ يَسِيْرَةٍ أَرْجَعَهَا بَعْضُهُمْ إِلَى الْخِلافِ اللَّفْظِيِّ كَمَابَيَّنَ فِيْ مَحَلِّهِ

Maksudnya:

> "Katanya (muhashshi): Berkenaan apa yang kami iktikadkan iaitu apa yang kami iktikadkan menyentuh bukan masalah-masalah cabang (iaitu masalah berkaitan perkara yang wajib diiktikadkan oleh setiap mukallaf tanpa bertaklid oleh seseorang ialah apa yang diiktikadkan oleh Ahli Sunnah Waljamaah dan mereka adalah pengikut al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah. Dan mereka saling bersepakat [dari sudut pendapat] kecuali pada beberapa masalah kecil yang dirujuk oleh sebahagian mereka sebagai perbezaan dari segi ungkapan lafaz (khilaf lafzi) sahaja sebagaimana dia (pengarang) menerangkannya di tempat perbincangannya".

Kelompok *salaf* dan *khalaf* ini bukanlah kelompok yang saling bertentangan di antara satu sama lain. Kedua mereka membawa aliran akidah yang ditelusuri oleh Nabi

[3] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, Bāb Mā Yuhadhdhar min Zuhrat al-Dunyā wa al-Tanāfus fīhā*. No. Hadith 6091.

Muhammad SAW. Ini boleh dilihat menerusi perbandingan karya yang wujud ketika zaman *salaf* seperti kitab *al-Fiqh al-Akbar* karangan Imām Abū Ḥanīfah dan *al-ʻAqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* karangan Imām Abū Jaafār al-Ṭaḥāwī (w. 321H) dengan karya yang wujud di zaman *Khalaf* seperti *al-ʻAqīdah al-Nasafīyyah* karangan Imām al-Nasafī (w. 537H) dan *al-ʻAqīdah al-Murshidah* karangan Ibn Tūmart (w. 542H). Kedua-dua kelompok membawa perbahasan akidah yang sama, apa yang membezakan keduanya hanya metodologi penyusunan ilmu tersebut. Kerana itu, di zaman *Khalaf* wujudnya aliran Sifat 13, Sifat 20 dan Sifat 14, namun perkara ini tidak ada di zaman *salaf*.

Digolongkan kedua-duanya ini dalam kelompok Ahli Sunnah Waljamaah adalah sebagaimana yang disebut oleh al-Zabīdī (w. 1205H) seperti yang telah dinyatakan, manakala perincian pegangan kelompok Ahli Sunnah Waljamaah telah dijelaskan oleh Imām Abū Manṣūr al-Baghdādī dalam karyanya *al-Farq Bainā al-Firaq* dan karya *al-Milal wa al-Nihal* karya al-Shahrastānī. Karya-karya ini malah membandingkan sekalian 73 kelompok yang telah disebutkan oleh Nabi SAW secara terperinci dan tuntas.

4.3 MANHAJ DAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH

Setelah meneliti siapakah yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Waljamaah, maka perlu juga diketahui apakah manhaj yang digunapakai oleh Ahli Sunnah Waljamaah dalam pegangan akidah mereka. Ini tidak dapat tidak mestilah berlandaskan kepada karya-karya utama kedua-dua aliran Ahli Sunnah Waljamaah, *salaf* dan *khalaf* (iaitu al-Ashāʻirah dan al-Māturīdiyyah). Golongan Ahli Sunnah Waljamaah menggabungkan dua sumber keilmuan bagi menjelaskan mengenai manhaj yang ditelusuri oleh mereka iaitu:

a. *ʻAqlī*

Ahli Sunnah Waljamaah menggunapakai akal sebagai dalil dalam pengsibatan akidah mereka. Berbeza dengan golongan Muʻtazilah yang menggunapakai akal semata-mata sebagai teras pegangan mereka, Ahli Sunnah Waljamaah menggabung pakai kedua-dua *ʻaqlī* dan *naqlī*. Fungsi akal sebagai pengesah kebenaran disebut oleh ʻAbd al-Karīm

al-Khātib yang mana menurut beliau, akal yang sejahtera pasti akan dapat membuktikan kewujudan Tuhan (al-Khātib 1962). Penggunaan akal sebagai instrumen kebenaran dan makrifah ini adalah disepakati oleh ulama sejak zaman-berzaman. Bagaimanapun, penggunaan akal adalah terhad kepada kepimpinan oleh wahyu iaitu al-Quran dan hadith (al-Bāqilānī 2000). Tanpa panduan yang benar, akal tidak dapat menatijahkan hujah yang baik dan bernas. Fungsi akal ini adalah seperti fungsi sifat lihat yang ada pada diri manusia melalui anggota mata, manakala fungsi wahyu diibaratkan sebagai matahari yang menyinari cahayanya. Mata berhajat kepada cahaya untuk melihat, maka jika seseorang menggunakan matanya untuk melihat di saat cahaya matahari menyinar, maka penglihatannya dan perkara yang dilihatnya adalah jelas. Inilah perumpaan yang diberi ulama terhadap penggunaan akal yang dipandu oleh wahyu (Salman 2003).

Antara contoh yang boleh dilihat pada penggunaan akal oleh seseorang ialah melihat kewujudan alam penciptaan ini sebagai bukti wujudnya Allah SWT. Sah dengan penggunaan akal yang sejahtera bahawa mustahil sesuatu lukisan itu ada tanpa pelukis, tulisan tanpa penulis, binaan tanpa pembina. Golongan atheis sendiri tidak dapat menerima pada akal mereka bahawa sesebuah binaan yang indah, tiada pembinanya. Maka dengan penghujahan akal begini, jelas bahawasanya, mustahil adanya alam ini tanpa adanya Pencipta. Sudah tentu adanya Pencipta yang Maha Kuasa yang menjadikan dan mengatur alam ini. Begitulah akal yang sejahtera menjadi penguat kepada ayat al-Quran (Surah Ibrāhīm 14:10):

أَفِي ٱللَّهِ شَكّٞ

Maksudnya: “Tiada syak pada kewujudan Allah SWT”

Ahli Sunnah Waljamaah berinteraksi dengan *‘aqlī* sesuai dengan firman Allah SWT:

أَوَلَمۡ يَنظُرُواْ فِي مَلَكُوتِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ مِن شَيۡءٖ وَأَنۡ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَدِ ٱقۡتَرَبَ أَجَلُهُمۡۖ فَبِأَيِّ حَدِيثِۭ بَعۡدَهُۥ يُؤۡمِنُونَ

Maksudnya: “Patutkah mereka [membutakan mata] tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan [memikirkan] bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya kalamullah al-Quran) itu mereka mahu beriman?”

Ini dapat dilihat dalam pelbagai karya al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah seperti kitab *Al-Inṣāf fī mā Yajibu I‘tiqāduhu wa lā Yajūzu al-Jahl bih fī ‘Ilm al-Kalām* karya Imām al-Bāqilānī (w. 403H), *Luma‘ fi Qawā‘id Ahl al-Sunnah* oleh Imām al-Juwaynī (w. 478H), *Al-‘Aqīdah al-Nasafīyyah* oleh Imām al-Nasafī, *al-Tabṣīr fi al-Dīn* oleh Imām al-Isfarāyīnī (w. 418H), *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* oleh Imām al-Baihaqī (w. 458H) dan selainnya. Karya-karya ini jelas membahaskan kedudukan dan kepentingan hukum akal yang tiga iaitu; *al-wujub*, *al-istihalah* dan *al-jawaz* bagi pengisbatan sifat-sifat ketuhanan dan juga dalam bab kenabian.

Menjelaskan perincian perbahasan dalam hal ini, Sa‘id Fūdah (1998) menekankan bahawa Wajib pada akal dieertikan sebagai perkara yang tidak diterima oleh akal ketiadaannya seperti sifat-sifat yang wajib bagi zat Allah SWT atau kewujudan anak yang lebih muda daripada ibu. Mustahil pada akal pula adalah perkara yang tidak diterima oleh akal kewujudannya seperti sifat-sifat mustahil bagi zat Allah SWT atau kewujudan anak yang lebih tua daripada ibu. Manakala harus pada akal adalah suatu perkara yang diterima akal kewujudan dan ketiadaannya seperti penciptaan makhluk oleh Allah SWT atau kewujudan menantu yang lebih tua daripada ibu mertua.

Dalam menjelaskan penggunaan hukum akal ini secara ringkas lagi, seorang ulama melayu tersohor iaitu Tuan Hussein Kedah (w. 1354H) telah menyatakan dalam mukaddimah kitabnya *Hidāyat al-Mutafakkirīn* bahawa hukum akal merangkumi wajib akal, harus akal dan mustahil akal (al-Banjarī t.th). Beliau turut membezakan antara hukum syar‘i, hukum akal dan hukum adat. Natijah kefahaman mengenai hukum akal ini, maka seseorang itu dapat membezakan di antara *Khāliq* iaitu Pencipta dan makhluk iaitu yang dicipta. Ringkasannya adalah seperti berikut:

1. Hukum Akal

i. *Wājib,* iaitu sesuatu yang tidak tergambar pada akal akan ketiadaannnya yakni Allah SWT dan sifat-sifat-Nya. Akal manusia yang sihat lagi waras sudah pasti dapat tidak dapat menerima ketiadaan Allah SWT yang merupakan Tuhan sekalian alam. Apabila seseorang melihat kepada alam ini, maka akalnya akan menatijahkan bahawa tidak dapat tidak pasti adanya Tuhan iaitu Allah SWT

yang Maha Agung yang mencipta dan mengatur alam ini, dan Tuhan itu semestinya bersifat dengan sekalian sifat kesempurnaan.

ii. *Mustahīl*, iaitu sesuatu yang tidak tergambar pada akal akan kewujudannya iaitu sekutu bagi Allah SWT. Akal yang waras tidak dapat menerima akan sekutu bagi Tuhan. Ini kerana sekiranya ada dua Tuhan, nescaya alam ini akan binasa dan tidak teratur.

iii. *Jāiz* atau *Mumkin*, iaitu sesuatu yang sah pada akal akan kewujudan atau ketiadaannya yakni sekalian alam. Akal yang sihat boleh menerima sesuatu itu wujud, dan juga boleh menerima ketiadaan sesuatu perkara itu. Sebagai contoh, seseorang itu boleh jadi dia tinggi, boleh jadi dia rendah. Akal yang sihat boleh menerima sesuatu itu tinggi dan sesuatu itu rendah kerana keharusan sesuatu itu bersifat dengan salah satunya.

2. Hukum *Syar‘i*:

i. Wajib iaitu apa yang diberi pahala kepada pelakunya dan diancam kepada yang meninggalkannya seperti solat lima waktu.

ii. Sunat iaitu apa yang diberi pahala kepada pelakunya dan tidak diancam kepada yang meninggalkannya seperti sedekah.

iii. Harus iaitu sesuatu yang tidak diberi pahala atau dosa kepada pelakunya atau yang meninggalkannya seperti berenang.

iv. Haram iaitu sesuatu yang diberi dosa, diancam pelakunya dan diberi pahala kepada yang meninggalkannya seperti meminum arak.

v. Makruh sesuatu yang tidak diberi dosa kepada pelakunya, namun diberi pahala kepada yang meninggalkannya seperti memakan sesuatu yang berbau busuk sebelum menunaikan solat.

3. Hukum Adat:

Berbeza dengan hukum akal dan hukum *syar'i*, hukum adat ialah (al-Banjarī t.th.b):

i. Ada dengan Ada seperti adanya kenyang dengan adanya makan.

ii. Ada dengan Tiada seperti adanya lapar dengan tiada makanan.

iii. Tiada dengan Ada seperti tiadanya gelap dengan adanya cahaya.

iv. Tiada dengan Tiada seperti tiadanya panas dengan tiadanya api.

b. *Naqlī*

Dalil *naqlī* yang digunapakai dalam perbahasan kerangka akidah al-Ashā'irah dan al-Māturīdiyyah ialah sebagaimana yang dinyatakan juga dalam bab sebelum ini. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu al-Quran, hadith dan ijmak. Seluruh ulama Ahli Sunnah Waljamaah berpegang dengan keutamaan *naqlī* berbanding dengan *'aqlī* kerana *'aqlī* tidak boleh bersendirian melainkan dengan bantuan *naqlī*. Begitu juga *naqlī* tidak boleh difahami melainkan dengan akal yang sejahtera. Dalam isu-isu yang penting, seperti isu berinteraksi dengan ayat *mutashābihāt*, maka seseorang itu tidak boleh menggunakan *'aqlī* semata-mata, malah memerlukan *naqlī* yang berstatus *muhkamāt* supaya tidak terjerumus ke dalam lembah *tajsīm* dan *tashbīh*.

Penggunaan al-Quran sebagai dalil *naqlī* yang utama dalam pengisbatan dan penghujahan akidah adalah suatu kewajipan memandangkan al-Quran ialah sumber utama rujukan Islam. Hal ini maklum di kalangan orang awam mahupun para ilmuwan. Kehujahan al-Quran dalam perkara-perkara berkaitan agama adalah bersandarkan kepada ayat al-Quran sendiri, Allah SWT berfirman (Surah al-Nisā' 4: 59):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ
إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya:

> “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada [Kitab] Allah (al-Quran) dan [Sunnah] Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik [bagi kamu], dan lebih elok pula kesudahannya”.

Juga dijelaskan perkara ini dalam hadith Nabi SAW ketika Baginda SAW mengutuskan Sayyidunā Mu‘ath b. Jabal r.a ke Yaman, baginda bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ : كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ ؟ ، قَالَ : أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ ، قَالَ : فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ ؟ ، قَالَ : فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ ؟ قَالَ : أَجْتَهِدُ رَأْيِي ، وَلَا آلُو فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ ، وَقَالَ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ ، رَسُولِ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ[4]

Maksudnya:

> “Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda kepada Mu‘ath ketika baginda mengutuskannya ke Yaman: Bagaimanakah engkau akan berhukum sekiranya engkau ditanya tentang hukum sesuatu? Beliau berkata: Aku akan berhukum berdasarkan al-Quran. Baginda bersabda: Sekiranya perkara tersebut tidak dinyatakan di dalam al-Quran? Beliau menjawab: Aku akan berhukum berdasarkan sunnah Rasulullah SAW. Baginda bersabda: Sekiranya perkara tersebut tidak dinyatakan di dalam sunnah Rasulullah? Beliau menjawab: Aku akan berijtihad mengikut pandanganku. Kemudian Rasulullah menepuk dada Mu‘adh seraya berkata: Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah pada perkara yang diredai oleh Rasulullah SAW”

Berdasarkan dalil-dalil di atas, diketahui bahawa al-Quran yang merupakan sumber utama bagi akidah umat Islam. Bagi penggunaan al-Quran, perlu juga diketahui bahawa terdapat padanya ayat yang diklasifikasikan sebagai *Muhkamāt* dan *Mutashābihāt*. Allah SWT berfirman (Surah Āli ‘Imrān 3: 7):

[4] Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd, Kitāb al-‘Aqdiyyah, Bāb Ijtihād al-Ra‘y fī al-Qadā‘.* No. Hadith 3172.

هُوَ الَّذِيَ أَنزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاء الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاء تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلاَّ اللّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلاَّ أُوْلُواْ الألْبَابِ

Maksudnya:

> "Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamāt" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamāt itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutashābihāt" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - Adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memalingkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: "Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran".

Ayat jenis *Muhkamāt* ditakrifkan oleh ulama sebagai ayat yang membawa erti yang jelas tanpa berhajat kepada penjelasan dengan lebih lanjut dan tanpa takwilan (al-Hararī 2008). Contoh ayat *Muhkamāt* adalah firman Allah SWT (Surah al-Syūrā 42: 11):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksudnya:

> "Dia tidak menyerupai sesuatupun, dan sesuatupun tidak menyerupai-Nya"

Manakala ulama mentakrifkan ayat jenis *Mutashābihāt* sebagai jenis ayat yang membawa pengertian yang samar, bahkan jika ia berkait dengan sifat Allah SWT, tidak boleh berpegang dengan zahirnya kerana akan membawa kepada *Tajsīm* dan *Tashbīh* (al-Khālidī 1985). Contoh ayat *Mutashābihāt* ialah firman Allah SWT (Surah Tāhā 20: 5):

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya:

"Tuhan yang bernama al-Raḥmān itu beristiwā' ke atas Arasy"

Kefahaman ayat *Mutashābihāt* seperti di atas tidak boleh dipegang maknanya secara zahir, bahkan perlu diselarikan dengan ayat yang *Muhkamāt*. Jika dipegang secara zahir akan membawa keyakinan bahawa Allah SWT bertempat dan berada di suatu arah, serta lemah kerana berhajat kepada Arasy yang diciptakan-Nya. Ini bagi mengelakkan seseorang tersalah memahami ayat al-Quran sekaligus membawa kepada kecelaruan akidah dan menatijahkan al-Quran seakan-akan bercanggah di antara satu sama lain. Sebagai contoh, apabila berinteraksi dengan ayat di atas, maka ulama menafsirkannya sesuai dengan ayat *Muhkamāt* yang telah disebut sebelum ini, bahawasanya Allah SWT tidak menyerupai makhluk-Nya. Demikian takwilan yang diberi oleh ulama terhadap *istawā* dalam ayat di atas membawa erti Allah SWT menguasai Arasy. Al-Bāqilanī (2007) telah berkata:

فإن قيل: أليس قد قال: الرحمن على العرش استوى؟ قال: بلى قد قال ذلك، ونحن نطلق ذلك وأمثاله على ما جاء في الكتاب والسنة، لكن ننفي عنه أمارة الحدوث ونقول: استواؤه لا يشبه استواء الخلق، ولا نقول إن العرش له قرار، ولا مكان، لأن الله تعالى كان ولا مكان، فلما خلق المكان لم يتغير عما كان.

Maksudnya:

"Jika ditanya: Bukankah sesungguhnya Allah berfirman: *al-Rahman 'ala al-'arsy istawa*? Kami menjawab: Bahkan [memang benar] Allah berfirman sedemikian. Kami membaca ayat tersebut dan ayat-ayat yang seumpamanya mengikut apa yang *warid* di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, namun kami menafikan segala ciri kebaharuan dan kami katakan: *Istiwa*'Nya tidak seperti makhluk bersemayam dan kami tidak katakan bahawa 'arasy merupakan tempat menetap baginya, [Dia] tidak bertempat kerana Allah telahpun wujud sebelum kewujudan tempat. Tatkala Dia telah menciptakan tempat, Dia tidak berubah daripada keadaanNya sebelum itu [iaitu wujudNya tetap tidak bertempat]"

Seterusnya hadith merupakan sumber pengisbatan akidah yang kedua selepas al-Quran. Terdapat beberapa teks di dalam al-Quran yang memerlukan penjelasannya melalui hadith yang dinukilkan daripada Rasulullah SAW. Dalam ilmu akidah, penggunaan hadith sebagai dalil pengisbatan adalah terhad. Hanya hadith bertaraf

Mutawātir sahaja yang diterima sebagai penghujahan dalam akidah. Hadith *Mutawātir* ditakrifkan oleh ulama hadith sebagai hadith yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih di mana mustahil untuk mereka bersepakat untuk melakukan pendustaan. Shaykh Maḥmūd Shaltūt menyebut bahawa hadith-hadith yang digunakan bagi pengisbatan akidah mestilah dari sumber yang benar-benar diyakini datang daripada Rasulullah SAW dan sunyi daripada sebarang keraguan (Shaltūt 2007)

Tambahan daripada ini, menurut al-Āmidī terdapat dua syarat yang telah disepakati oleh para ulama bagi Hadith *Mutawātir* dalam menghasilkan keyakinan terhadap khabar hadith tersebut iaitu daripada pihak perawi dan apa yang didengari. Yakni, perawi mestilah ramai dan mustahil mereka sepakat untuk berdusta dan mestilah apa yang didengari itu jelas dan disaksikan oleh mereka sendiri (al-Baghdādī 1928). Bagi penggunaan hadith *aḥad* pula, jumhur ulama berpandangan bahawa ia tidak dapat dijadikan dalil dalam akidah. Hal ini kerana hadith aḥad hanya memberi faedah *zan*, tidak sehingga mencapai tahap yakin. Namun begitu, dalam masalah *fiqh*, ia diterima untuk dijadikan sandaran dalam beramal (Sya'bān 1991).

Selain hadith, ijmak juga merupakan sumber kepada pembentukan pemikiran akidah seseorang. Ijmak merupakan kesepakatan para *mujtahid* terhadap sesuatu urusan keagamaan sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Khātib al-Baghdādī (w. 463H) (al-Baghdādī 1975):

إجماع أهل الإجتهاد في كل عصر حجة من حجج الشرع ودليل من أدلة الأحكام المقطوع على مغيبه.

Maksudnya:

> "Persepakatan ahli ijtihad pada setiap zaman merupakan suatu hujah daripada hujah-hujah syarak dan juga merupakan suatu dalil dripada sekian dalil terhadap hukum-hukum; yang bersifat putus"

Senada dengan beliau ialah ulama kontemporari dalam bidang akidah iaitu Shaykh 'Abd Allāh al-Hararī (al-Hararī t.t). Selain itu, kehujahan ijmak dalam pengisbatan akidah adalah jelas sebagaimana disebut oleh Abū Manṣūr al-Baghdādī (w. 429H) iaitu (al-Baghdādī t.t):

واتفقوا–أي أهل السنة والجماعة– على أن أصول أحكام الشرعية: القرآن، والسنة، وإجماع السلف

Maksudnya:

> "Mereka iaitu golongan Ahli Sunnah Waljamaah - bersepakat bahawa sumber bagi hukum-hukum syarak adalah al-Quran, al-Sunnah dan ijmak al-salaf"

Penyandaran ijmak sebagai dalil dalam agama ialah sebagaimana disebut oleh al-Ḥākim dalam kitabnya *al-Mustadrak* (1997):

فقد ذكرنا تسعة أحاديث بأسانيد صحيحة يستدل بها على الحجة بالإجماع واستقصيت فيه تحريا لمذاهب الأئمة المتقدمين رضي الله عنهم

Maksudnya:

> "Sesungguhnya kami telah menyebutkan sebanyak sembilan buah hadith dengan sanad yang sahih di mana hadith-hadith tersebut menunjukkan kehujahan ijmak dan saya telah menyelidikinya habis-habisan bagi maksud menyesuaikannya dengan [huraian] mazhab-mazhab para imam yang terdahulu r.a"

Hasilnya, Ahli Sunnah Waljamaah menolak kelompok-kelompok yang sesat yang menggugurkan salah satu daripada sumber-sumber pendalilan ini. Sebagai contoh, Ahli Sunnah Waljamaah membantah golongan *al-Sumāniyyah* yang mengutamakan aspek indera dalam pengisbatan akidah sekaligus menolak penggunaan akal (al-Isfarāyīnī 1983), *al-Sufasta'iyyah* yang ragu-ragu dengan kebolehan dan kemampuan hujah akal (al-Taftāzānī 1988), *al-Hashwiyyah* yang menentang penggunaan akal dalam memahami agama bahkan mereka hanya berpegang kepada zahir al-Quran dan Sunnah dan *al-Mu'tazilah* yang telah mengutamakan akal semata-mata dalam memahami akidah (al-Maghribī 1995).

Terbinanya akidah Ahli Sunnah Waljamaah secara jitu adalah selari dengan Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 285):

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

> "Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman, semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-Rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali".

Hal ini juga sebagaimana disebut dalam hadith Rasulullah SAW. Baginda telah bersabda:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلاَئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ[5]

Maksudnya:

> "Bahawa engkau beriman dengan Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan Hari Akhirat dan engkau beriman dengan penentuan-Nya baik dan buruk."

4.3.1 Bab Ketuhanan

Akidah ketuhanan umat Islam berteraskan kepada dasar Tauhid yang telah disusun oleh kedua aliran *salaf* dan *khalaf*. Bagaimanapun, pemimpin ulama *khalaf* dalam aliran akidah / ilmu kalam iaitu Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī telah menggariskan panduan secara terperinci bagi mendapatkan gambaran awal dasar akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Telah dinukilkan perkataan seorang tokoh sufi agung, Imām Junayd al-Baghdādī yang telah mentakrifkan Tauhid (al-'Asqalānī 1986, Abū al-Qāsim t.th) sebagai:

التَّوْحِيْدُ إِفْرَادُ الْقَدِيْمِ مِنَ الْمُحْدَثِ

Maksudnya:

> "Tauhid ialah mensucikan Allah SWT yang bersifat sedia ada daripada menyerupai makhluk-Nya."

[5] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb Suāl Jibrīl al-Nabiyy 'an al-Īmān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa 'Ilm al-Sā'ah*. No. Hadith 50.

Sesuai dengan pentakrifan ringkas oleh Imām Junayd al-Baghdādī ini, maka dapatlah diketahui bahawa seorang yang beragama Islam mengimani akan keesaan Allah, sekaligus menafikan sekutu bagi hak Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT itu *Aḥad* dan *Wāḥid*, yakni yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Kalimah *Aḥad* dan *Wāḥid* bagi hak Allah tidak boleh difahami secara literal bahawa Allah SWT itu satu dari sudut bilangan nombor.

Wāḥid atau satu dari sudut bilangan, tetap akan menerima pecahan kerana nombor ialah susunan. Sebagai contoh, satu jika dibahagikan kepada 4 bahagian, maka ia akan menjadi ¼ kepada 4 pecahan, begitu juga seterusnya. Sedangkan Allah bukanlah satu dari sudut bilangan, dan zat Allah tidak menerima pecahan. Ini dikuatkan dengan kenyataan Imām Abū Ḥanīfah dalam kenyataannya (al-Kawtharī 2009):

إِنَّ اللهَ وَاحِدٌ لا مِنْ طَرِيْقِ الْعَدَدِ وَلَكِنْ مِنْ طَرِيْقِ أَنَّهُ لا شَرِيْكَ لَهُ فِي الأُلُوْهِيَّةِ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah itu Wāḥid bukan dari sudut bilangan, namun Dia Wāḥid dari sudut menafikan syirik bagi-Nya pada ketuhanan."

Setiap yang berbilang itu disebut sebagai jisim. Jisim menurut ulama Tauhid ialah apa yang tersusun daripada dua *Jawhar* atau lebih. *Jawhar* ini secara kefahaman yang mudahnya ialah sel, sekiranya ia berada secara tunggal maka disebut sebagai *Jawhar al-Fard*, manakala sekiranya ia bersusun secara gabungan, maka ia dikenali sebagai jisim. Menurut Imām Ahmad bin Hanbal, jisim ditakrifkan seperti berikut (al-Tamimi 2001):

إن الأسماء مأخوذة بالشريعة واللغة وأهل اللغة وضعوا هذا الاسم على كل ذي طول وعرض وسمك وتركيب وصورة وتأليف والله تعالى خارج عن ذلك كله فلم يجز أن يسمى جسما لخروجه عن معنى الجسمية ولم يجىء في الشريعة ذلك فبطل

Maksudnya:

> "Sesungguhnya, nama-nama Allah diambil dari syariat dan dari bahasa. Adapun ahli bahasa (Arab) meletakkan nama tersebut (yakni jisim) dengan makna setiap sesuatu yang mempunyai ukuran ketinggian, ukuran lebar, tersusun dengan

> beberapa anggota, mempunyai bentuk dan sebagainya, sedangkan Allah SWT Maha Suci dari yang demikian (tidak mempunyai anggota dan sebagainya) Maka, tidak boleh menamakan Allah SWT dengan jisim kerana Allah SWT Maha Suci dari makna kejisiman (tidak beranggota, tiada ukuran, tiada bentuk dan sebagainya) dan syariat tidak menyebutnya, maka batallah faham tajsīm atau Allah SWT berjisim."

Pengingkaran bahawa Allah SWT itu berjisim merupakan ijmak Ulama sebagaimana dinyatakan oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dalam *al-Luma'*, Shaykh Mahmūd Khattāb al-Subkī dalam kitabnya *Ithāf al-Kāināt* dan Imām Mullā 'Alī al-Qārī dalam *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Masābīḥ*. Anggota badan melazimkan jisim bagi hak Allah SWT, demikian Maha Suci Allah dari berjisim (al-Hararī 2004). Ini kerana setiap sesuatu yang berjisim itu berhajat kepada yang mengkhususkannya dengan suatu ciri kepadanya seperti ukuran, saiz dan warna bagi-Nya. Yang mengkhususkan jisim-jisim ini dengan ciri yang demikian ialah Allah SWT. Sekiranya dikatakan Allah SWT itu jisim, sudah tentu ada yang mengkhususkan Allah SWT dengan suatu ukuran, saiz dan warna bagi-Nya, dan ini adalah mustahil kerana, sesuatu yang dikhususkan itu adalah lemah, yang lemah itu tidak layak menjadi Tuhan. Maha suci Allah SWT dari bersifat dengan kelemahan.

Konsep tauhid inilah yang menjadi teras pegangan umat Islam. Ia berteraskan kepada konsep *tanzīh* iaitu menyucikan Allah daripada sebarang persamaan dengan makhluk-Nya, baik daripada segi zat-Nya, sifat-Nya mahupun af'āl-Nya. Daripada konsep ini lahirnya natijah iktiqad yang bersih daripada sebarang bentuk *tashbīh* dan tajsīm. Selain menafikan bahawa Allah SWT itu menyerupai sesuatu yang baharu yakni makhluk, umat Islam turut berpegang dengan keyakinan yang teguh bahawa Allah SWT itu Maha Kaya yang tidak berhajat kepada makhluk-Nya. Allah SWT merupakan pencipta sekalian alam, Allah SWT tidak berhajat kepada alam ciptaan-Nya. Allah SWT bersifat dengan Azali yakni tiada permulaan, tiada sesuatupun yang wujud bersama-sama dengan Allah SWT sebagaimana hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī , sabda Nabi SAW:

كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ ، وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الماءِ[6]

---

[6] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb Bad' al-Khalq*, *Bāb Mā Jā' fi Qawl Allāh Ta'āla "wa Huwa al-Ladhī Yabda' al-Khalq Thumma Yu'īduh wa Huwa Ahwan 'Alayh*. No. Hadith 3045.

Maksudnya:

> "Allah SWT telah sedia ada dan tiada sesuatupun yang bersama-sama dengan kewujudan Allah SWT"

Perkataan yang sama ditegaskan oleh Sayyidunā 'Alī r.a (al-Baghdādī t.th):

كَانَ — أَيْ اللهُ — وَلا مَكَانَ وَهُوَ الآنَ عَلَى مَا عَلَيْهِ كَانَ

Maksudnya:

> "Allah telah sedia ada tanpa tempat dan kita sekarang menghukumkan bahawa Dia tetap sedia ada tanpa tempat"

Tempat, arah yang enam (atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang), Arasy, *Kursi*, langit, bumi dan sekaliannya merupakan ciptaan Allah SWT. Sebelum Allah SWT menciptakan tempat, Allah SWT telah sedia ada tanpa tempat, setelah Allah SWT menciptakan tempat, Allah SWT tidak berubah daripada tanpa tempat kepada bertempat, Allah SWT tetap sedia ada tanpa tempat. Ini kerana perubahan adalah mustahil bagi hak Allah SWT. Setiap yang berubah berhajat kepada yang mengubahnya daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lain. Contohnya manusia, manusia berubah dari bayi sehingga dewasa, yang mengubah manusia daripada usia bayi kepada usia dewasa adalah Allah SWT. Demikian, Allah SWT tidak berubah kerana perubahan berhajat kepada suatu kuasa yang mengubahnya dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain, sekiranya Allah SWT berubah, nescaya Allah SWT itu lemah. Ini sesuai dengan perkataan Imām al-Shafi'ī (al-Zabīdī 1989):

لايجوز عليه التغيير

Maksudnya:

> "Tidak harus bagi Allah SWT mengalami perubahan"

Keyakinan seperti yang dinyatakan secara ringkas ini merupakan paksi kepada akidah pegangan umat Islam. Bermula dari menafikan ketuhanan selain Allah SWT dalam kalimah syahadah yang pertama, diikuti mensucikan Allah dari menyerupai makhluk-Nya dan kemudian mengimani bahawa Allah SWT terkaya dari berhajat

kepada makhluk-Nya. Jika dibahas secara tafsil, sifat-sifat Allah SWT tidak terhitung banyaknya. Semua sifat Allah SWT menunjukkan kesempurnaan Allah SWT. Ulama Ahli Sunnah Waljamaah hanya berbeza dalam menentukan jumlah sifat Allah SWT yang wajib diketahui oleh manusia. Sebahagian ulama seperti Imām Abū Hasan al-Ash‘arī menghadkan hanya 13 sifat sahaja yang wajib dan memadai diketahui oleh orang yang beriman (al-Hararī 2008). Manakala Imām Sanūsī (w. 895H) yang merupakan dari kalangan ulama terkemudian yang bermazhab al-Ash‘arī menyatakan bahawa 20 sifat Allah SWT wajib diketahui oleh mukallaf yang beriman (Al-Husaynī t.th). Berbeza dengan Imām Abū Manṣūr al-Māturīdī (w. 333H) yang menyatakan bagi mukallaf yang beriman, wajib atasnya mengetahui 14 sifat Allah SWT termasuk dengan sifat afᶜāl Allah SWT (al-Hararī 2008). Maka keyakinan ini telah dimetodologikan dalam perbahasan Sifat 13 dan Sifat 20 bagi aliran Ashā‘irah dan Sifat 14 bagi aliran Māturīdiyyah. Ia diperincikan dalam pelbagai kitab karangan ulama aliran masing-masing.

Dasarnya, akidah ketuhanan umat Islam berpegang kepada prinsip-prinsip keesaan Allah SWT dengan ciri berikut:

i. *Tanzīh*, iaitu mensucikan Allah SWT dari menyerupai makhluk-Nya;

ii. Mengimani bahawa Alah tidak berhajat kepada makhluk-Nya seperti tempat, ruang dan arah; dan

iii. Mengimani bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan sifat kelemahan seperti berubah, beranggota dan sebagainya.

Lahir daripada ciri-ciri ini, serta merujuk kepada al-Quran dan hadith, maka para ulama mengisbatkan 13 sifat bagi hak Allah SWT yang wajib diimani sekalian Muslim, diulang-ulang sifat-sifat ini dalam al-Quran secara lafaz mahupun makna (al-Hararī 2004). Sifat-sifat itu ialah:

i. *Al- Wujūd*. Ertinya Allah SWT wujud dan tiada keraguan bagi kewujudan-Nya.

ii. *Al-Waḥdāniyyah*. Ertinya Allah SWT itu Maha Esa tidak berbilang.

iii. *Al-Qidam*. Ertinya Allah SWT itu tiada permulaan bagi kewujudan-Nya. Wujud-Nya sedia ada, tiada didahului oleh ketiadaan.

iv. *Al-Baqā'*. Ertinya Allah SWT Maha Kekal dan tidak binasa.

v. *Qiyāmuhu bi Nafsihi*. Ertinya Allah SWT tidak berhajat kepada makhluk-Nya seperti tempat dan masa, adapun makhluk yang berhajat kepada Allah SWT.

vi. *Al-Qudrah*. Ertinya Allah SWT Maha Berkuasa menciptakan sesuatu daripada tiada kepada ada.

vii. *Al-Irādah*. Ertinya Allah SWT Maha Berkehendak dengan kehendak yang azali. Kehendak Allah SWT tidak berubah. Setiap yang Allah SWT kehendaki pasti akan berlaku.

viii. *Al-'Ilm*. Ertinya Allah SWT Maha Mengetahui dengan ilmu-Nya yang azali, Dia mengetahui apa yang telah berlaku, sedang berlaku, akan berlaku dan apa yang akan berlaku sekiranya yang tidak berlaku itu berlaku. Ilmu-Nya tidak bertambah dan berkurang.

ix. *Al-Sam'*. Ertinya Allah SWT Maha Mendengar semua bunyi, baik sekecil-kecil bunyi mahupun sebesar-besar bunyi.

x. *Al-Baṣar*. Ertinya Allah SWT Maha Melihat semua perkara sama ada yang tersembunyi mahupun yang nyata.

xi. *Al-Ḥayāh*. Ertinya Allah SWT Maha Hidup dengan kehidupan yang azali, tidak berhajat kepada darah, tulang, daging dan roh.

xii. *Al-Kalām*. Ertinya Allah SWT Maha Berfirman dengan firman yang azali, bukan huruf, suara dan bahasa, tiada terhenti, tiada mula dan akhir.

Selain daripada 13 sifat di atas, ulama Ashāirah yang mutakhir menambah perbahasan kepada 20 sifat dengan menambah pencerahan mengenai 7 sifat *Maknāwiyyah* sebagaimana yang disebut oleh Imām al-Sanūsi dalam karyanya *Akidah al-Sanūsiyyah* dan ulama Māturīdiyyah menambah perbahasan kepada 14 sifat dengan pencerahan lanjut mengenai sifat *al-Takwīn*.

4.3.2 Bab Kenabian

Sebagaimana yang telah diperincikan oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah, para rasul dan nabi itu sekaliannya ialah lelaki yang diutuskan wahyu kepada mereka untuk menyampaikan. Terdapat khilaf daripada sudut pentakrifan rasul dan nabi, sebahagian ulama mentakrifkan bahawa hanya Rasul sahaja yang diperintah untuk menyampaikan wahyu, bagaimanapun penulis cenderung memilih pendapat bahawa rasul itu lelaki yang dikurniakan wahyu berserta syariat baru dan diperintah untuk menyampaikan, manakala nabi ialah lelaki yang dikurniakan wahyu dan mengikuti syariat rasul sebelumnya dan diperintah untuk menyampaikan (al-Ḥusaynī 2016). Hal ini senada dengan firman Allah SWT (Surah al-Haj 22: 52):

وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّىٰ أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ

Maksudnya:

> "Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelummu seorang Rasul atau seorang Nabi melainkan apabila ia bercita-cita (supaya kaumnya beriman kepada ugama Allah yang dibawanya), maka Syaitan pun melemparkan hasutannya mengenai usaha Rasul atau Nabi itu mencapai cita-citanya"

Ia juga dijelaskan oleh hadith Baginda SAW:

إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ نَبِيٌّ قَبْلِي إِلاَّ كَانَ حَقًّا عَلَيْهِ أَنْ يَدُلَّ أُمَّتَهُ عَلَى خَيْرِ مَا يَعْلَمُهُ لَهُمْ وَيُنْذِرَهُمْ شَرَّ مَا يَعْلَمُهُ لَهُمْ[7]

[7] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Imārah, Bāb al-Amr bi al-Wafā' bi Bai'āt al-Khulafā' al-Awwal fa al-Awwal*. No. Hadith 3540.

Maksudnya:

> "Tiada seorangpun Nabi sebelumku, kecuali menjadi tanggungjawab ke atasnya untuk menunjukkan jalan yang benar kepada umatnya, dan memperingatkan mereka akan jalan keburukan."

Pendapat bahawa kedua-duanya menyampaikan ini juga kuat dengan dalil dari al-Quran bahawa para Nabi itu bersifat menyampaikan khabar gembira kepada yang beriman dan menyampaikan ancaman kepada yang ingkar, firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 213):

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ

Maksudnya:

> "Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan..."

Jumlah para Nabi dan Rasul itu dinyatakan oleh Nabi SAW dalam sebuah hadith riwayat Abū Dhar r.a:

قلت: يَا رَسُولَ اللَّهِ كَمِ الْأَنْبِيَاءُ ؟ قَالَ: مِائَةُ أَلْفٍ وَعِشْرُونَ أَلْفًا، قُلْتُ :يَا رَسُولَ اللَّهِ كَمِ الرُّسُلُ مِنْ ذَلِكَ؟ قَالَ : ثَلَاثُ مِائَةٍ وَثَلَاثَةَ عَشَرَ جَمًّا غَفِيرًا [8]

Maksudnya:

> "Aku bertanya kepada Nabi SAW: Wahai Rasulullah, berapakah bilangan anbiyaa'? Nabi SAW menjawab "124,000 orang". Aku bertanya lagi: "Berapakah bilangan Rasul daripada kalangan anbiyaa' tersebut?" Nabi SAW menjawab: "313 orang, dan jumlah itu adalah ramai".

[8] Al-Bazzār, *Musnad al-Bazzār*, *Bāb ʻUbayd ibn al-Khashkhash*. No. Hadith 3414.

Dan bagi setiap mukallaf untuk mengetahui bahawa sekalian para rasul dan nabi adalah harus bersifat dengan sekalian sifat manusia yang mana sifat itu tidak membawa kepada kerendahan martabat kerasulan dan kenabian mereka. Sebagai contoh, makan dan minum, berkahwin, ditimpa sakit dan sebagainya. Nabi yang pertama ialah Adam dan nabi yang terakhir ialah Muhammad. Tiada lagi kenabian selepas itu. Menurut para ulama seperti al-Sanūsi (Fūdah 1998), al-Laqqāni (al-Bajuri 2010) dan sependapat dengan mereka ialah Tuan Husein Kedah bahawa setiap mukallaf wajib mengetahui secara *tafsil* akan 3 sifat wajib dan mustahil bagi para rasul dan nabi iaitu (al-Banjarī t.tt):

i. *Al-Ṣidq*. Iaitu wajib sekalian para rasul dan nabi bersifat benar, lawannya ialah dusta; wajib bagi para rasul dan nabi itu bersifat benar sebelum kenabian mahupun selepas kenabian. Mereka benar pada segala apa yang disampaikan daripada Allah SWT tanpa berdusta sekali pun sepanjang hayat mereka.

ii. *Al-Amānah*. Iaitu wajib mereka itu bersifat terpercaya, lawannya ialah khianat; wajib para rasul dan nabi tidak khianat dalam agamanya. Mereka tidak melakukan perkara yang haram mahupun yang makruh kerana mereka terpelihara.

iii. *Al-Tablīgh*. Iaitu wajib mereka menyampaikan, lawannya ialah *al-Katm* iaitu menyembunyikan; wajib bagi para rasul dan nabi bersifat menyampaikan segala apa yang Allah SWT perintahkan untuk disampaikan. Mereka tidak menyembunyikan walaupun satu huruf.

Bagaimanapun, menurut ‘Abd Allāh al-Hararī, terdapat beberapa tambahan atas syarahan mengenai beriman kepada para nabi dan rasul ini. Ini dinukilkan daripadanya bahawasanya para rasul dan nabi ini mustahil mereka melakukan kesilapan seperti tersasul dalam menyampaikan wahyu Allah SWT. Mereka maksum dari sekalian kekufuran, dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil yang menunjukkan kerendahan akhlak pelakunya seperti mencuri sebiji anggur di pasar dan melihat wanita ajnabi dengan nafsu. Mustahil juga mereka ditimpa sesuatu penyakit yang menyebabkan manusia lari daripadanya dakwahnya seperti keluar ulat dari badan (al-Hararī 2007).

Termasuk dalam beriman kepada nabi dan rasul ini ialah beriman terhadap kitab-kitab yang telah Allah SWT ke atas mereka. Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

Maksudnya:

> "Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-Rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan"

Firman Allah SWT lagi (Surah al-Nisā' 4: 163):

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالأَسْبَاطِ وَعِيسَى وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ وَآتَيْنَا دَاوُدَ زَبُورًا

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (Wahai al-Quran), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi al-Quran, dan Nabi-Nabi yang diutus kemudian daripadanya, dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi al-Quran, dan Nabi al-Quran, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub, serta Nabi-Nabi keturunannya, dan Nabi al-Quran, dan Nabi al-Quran, dan Nabi Yūnus, dan Nabi al-Quran, dan Nabi al-Quran, dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi al-Quran: Kitab al-Quran."

Allah SWT telah menurunkan sejumlah 104 buah kitab kepada para nabi sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān:

مِائَةُ كِتَابٍ وَأَرْبَعَةُ كُتُبٍ أُنْزِلَ عَلَى شِيثٍ خَمْسُونَ صَحِيفَةً وَأُنْزِلَ عَلَى أَخْنُوخَ ثَلَاثُونَ صَحِيفَةً وَأُنْزِلَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَشَرُ صَحَائِفَ وَأُنْزِلَ عَلَى مُوسَى قَبْلَ التَّوْرَاةِ عَشَرُ صَحَائِفَ وَأُنْزِلَ التَّوْرَاةُ والإنجيل والزبور والقرآن[9]

Berdasarkan kepada hadith di atas, perinciannya adalah seperti berikut:

[9] Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb Mā Jā' fi al- Ṭa'āt wa Thawābihā*. No. Hadith 362.

a. Suhuf

i. 50 buah kepada Nabi Syith;
ii. 30 buah kepada Nabi Akhnukh iaitu Idris;
iii. 10 buah kepada Nabi Ibrahim; dan
iv. 10 buah kepada Nabi Musa sebelum diturunkan Taurat.

b. Kitab

i. Zabur kepada Nabi Dawud;

Firman Allah SWT (Surah al-Nisāʼ 4: 163):

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَوْحَيْنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالأَسْبَاطِ وَعِيسَى وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ وَآتَيْنَا دَاوُدَ زَبُورًا

Maksudnya:

> "Sesungguhnya kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muḥammad), sebagaimana kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nūḥ, dan Nabi-Nabi yang diutus kemudian daripadanya, dan kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrāhīm, dan Nabi Ismāᶜīl, dan Nabi Isḥāq, dan Nabi Yaᶜqūb, serta Nabi-Nabi keturunannya, dan Nabi ᶜĪsā, dan Nabi Ayūb, dan Nabi yūnus, dan Nabi Hārūn, dan Nabi Sulaymān, dan juga kami telah memberikan kepada Nabi Dāud kitab Zabūr."

ii. Taurat kepada Nabi Musa;

Firman Allah SWT (Surah Āli ᶜImrān 3: 3-4):

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرَاةَ وَالإِنْجِيلَ . مِنْ قَبْلُ هُدًى لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ

Maksudnya:

> "Dia menurunkan kepadamu (wahai Muḥammad) kitab suci (al-Quran) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi kitab-kitab suci yang telah

diturunkan dahulu daripadanya, dan Dia juga yang menurunkan kitab-kitab Tawrāt dan Injīl. Iaitu sebelum (al-Quran diturunkan), menjadi petunjuk bagi umat manusia. Dan Dia juga yang menurunkan al-Furqān (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah). Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah itu, bagi mereka azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi berhak membalas dengan azab seksa (kepada golongan yang bersalah)."

iii. Injil kepada Nabi Isa; dan

Firman Allah SWT (Surah al-Mā'idah 5: 46):

وَقَفَّيْنَا عَلَى آثَارِهِمْ بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَاةِ وَآتَيْنَاهُ الإِنْجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَاةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya:

"Dan kami utuskan Nabi ᶜĪsā bin Maryam mengikuti jejak langkah mereka (Nabi-Nabi al-Quran), untuk membenarkan kitab Tawrāt yang diturunkan sebelumnya, dan kami telah berikan kepadanya kitab Injīl, yang mengandungi petunjuk hidayah dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya dari kitab Tawrāt, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa."

iv. al-Quran kepada Nabi Muhammad.

Firman Allah SWT (Surah al-Hijr 15: 15):

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan kamilah yang memelihara dan menjaganya."

Setiap mukallaf wajib mengimani bahawa kitab-kitab ini merupakan ibarat bagi *Kalām* Allah SWT yang azali, ada padanya perintah dan larangan, ancaman dan janji, halal dan haram serta segala kisah dan ibarat dari Allah SWT. Termasuk dalam keimanan ini ialah al-Quran merupakan kitab yang terakhir dan penutup sekalian kitab,

yang mengesahkan apa yang terdapat dalam kitab yang terdahulu. Allah SWT berfirman (Surah al-Mā’idah 5: 48):

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya:

> “Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muḥammad) kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (ahli kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.”

Berhubung dengan kewalian, ia juga termasuk dalam perbahasan kenabian. Ringkasnya menurut al-Ṭaḥāwī, wali merupakan manusia yang beriman, bertaqwa kepada Allah SWT serta istiqamah dalam ketaatan kepada Allah SWT. Sesiapa sahaja yang beriman, maka dia adalah wali Allah SWT secara umumnya manakala al-Hararī menjelaskan bahawa wali khusus ialah mereka yang berterusan melakukan ketaatan (al-Hararī 1998). Ini senada dengan kenyataan al-Mandili (2012) dalam kitabnya *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf* yang merupakan syarahan bagi kitab akidah karangan al-Ṭaḥāwī dalam Bahasa Melayu:

> “Bermula wali itu orang yang mengenal akan Allah Ta’ala dan sifatnya sekadar yang biasa, yang mengekalkan ia akan taat dan menjauhkan ia akan maksiat”

Justeru wali ialah mereka yang menelusuri jalan yang dibawa oleh Nabi SAW. Wali boleh jadi daripada kalangan lelaki atau wanita. Antara wali lelaki yang masyhur

ialah Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jīlanī, Shaykh Ahmad al-Rifaī, Shaykh Junaid al-Baghdādī dan Shaykh Dhū al-Nūn al-Misri. Manakala wali wanita pula adalah seperti Rabī‘ah al-Adawiyyah. Keimanan terhadap adanya wali Allah SWT ini sesuai dengan firman Allah SWT (Surah Yūnus 10: 62-63):

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَاخَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَاهُمْ يَحْزَنُونَ﴿٦٢﴾الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ﴿٦٣﴾

Maksudnya:

> “Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. (wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertakwa”

Ayat ini menjelaskan bahawa wajib kita meyakini wujud mereka yang mendapat darjat wali Allah SWT. Antara sifat wali Allah SWT di sisi Ahli Sunnah Waljamaah berdasarkan ayat ini dan pandangan ulama ialah:

i. Mengimani Allah SWT;
ii. Melakukan segala kewajipan;
iii. Meninggalkan segala yang haram;
iv. Berterusan dalam amalan yang sunat (al-Hararī 1998);
v. Mengurangkan kelazatan syahwat menurut al-Asfahānī dan al-Ghazālī (Ryandi 2014); dan
vi. Dikurniakan pelbagai karamah (al-Aṣbahānī 1985).

4.3.3 Bab Hal-Hal Ghaib (*Ghaybiyyāt*)

Membicarakan mengenai hal-hal ghaib ini, terangkum di dalamnya perbahasan mengenai malaikat, alam barzakh, hari kiamat serta perkara-perkara yang terkait dengan hari akhirat. Ringkasannya ialah kita wajib mengimani akan:

a. Malaikat

Kewujudan malaikat adalah sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran bahawa ia merupakan bahagian keimanan. Allah berfirman (Surah al-Nisā’ 4: 165):

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

> "Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman, semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-Rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali".

Barangsiapa mengingkari akan kewujudan malaikat, maka sesungguhnya dia telah kufur dari agama Islam. Firman Allah SWT (Surah al-Nisā' 4: 136):

وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلالا بَعِيدًا

Maksudnya:

> "…dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka Sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."

Malaikat merupakan makhluk yang mulia yang diciptakan Allah SWT daripada cahaya, Nabi SAW bersabda:

خُلِقَتِ الْمَلائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَانُّ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ وَخُلِقَ آدَمُ مِمَّا وُصِفَ لَكُمْ[10]

Maksudnya:

> "Malaikat diciptakan dari cahaya, diciptakan Jin dari api yang menjulang dan diciptakan Ādam daripada apa yang telah disifatkan pada kamu."

Mereka tidak mempunyai jantina sama ada lelaki mahupun perempuan. Sekalian mereka mempunyai akal fikiran namun tidak mempunyai nafsu. Mereka tidak berkahwin dan tidak beranak-pinak. Firman Allah SWT (Surah al-Zukhruf 43: 19):

[10] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zuhd wa Al-Raqā'iq*, *Bāb fī Aḥādīth Mutafarriqah*. No. Hadith 5448.

وَجَعَلُوا الْمَلائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الرَّحْمَنِ إِنَاثًا أَشَهِدُوا خَلْقَهُمْ سَتُكْتَبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ

Maksudnya:

> "Dan mereka pula menyifatkan malaikat - yang juga menjadi hamba-hamba Allah yang Maha Pemurah itu - jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu), dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya)."

Setiap daripada mereka mempunyai sayap yang berlainan bilangan antara satu sama lain. Firman Allah SWT (Surah Fāṭir 35: 1):

الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلائِكَةِ رُسُلا أُولِي أَجْنِحَةٍ مَثْنَى وَثُلاثَ وَرُبَاعَ يَزِيدُ
فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

> "Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat, ia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakannya apa jua yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Para malaikat juga tidak tidur. Setiap daripada mereka mempunyai tugas masing-masing seperti Jibril a.s menyampaikan wahyu, Izrail a.s mencabut nyawa manakala Mikail a.s menyampaikan rezeki. Allah SWT menjadikan langit sebagai tempat tinggal para malaikat. Bilangan malaikat terlalu ramai dan hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui bilangan mereka.

Wajib juga mengimani bahawa tidak ada satu pun malaikat yang bermaksiat dan mengingkari perintah Allah SWT, mereka hanya patuh segala perintah dan melaksanakan segala arahan Allah SWT. Firmannya (Surah al-Taḥrīm 66: 6):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلائِكَةٌ غِلاظٌ شِدَادٌ
لا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Maksudnya:

> "Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

b. Nikmat dan Azab Kubur

Nikmat dan Azab kubur adalah suatu perkara yang telah disepakati oleh sekalian para Ulama. Ianya berlaku di alam barzakh yang merupakan sebuah kehidupan transisi antara alam dunia dan alam akhirat. Firman Allah SWT (Surah al-Mu'minūn 23: 99-100):

حَتَّى إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ . لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلا إِنَّهَا كَلِمَةٌ
هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ

Maksudnya:

> "Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah ia: "Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia) . "Supaya Aku mengerjakan amal-amal yang soleh Dalam perkara-perkara yang telah Aku tinggalkan". Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat)."

Antara nikmat kubur adalah seperti diluaskan kubur seseorang, diterangi kuburnya dengan cahaya seumpama malam bulan purnama. Bagi para Nabi, mereka hidup di dalam kubur mereka dan mereka melakukan solat di dalamnya. Begitu juga halnya mereka yang mati syahid dalam peperangan, mereka hidup dalam kubur dan diberi rezeki oleh Allah SWT. Manakala bagi mereka yang diazab, antara azab yang disediakan Allah SWT ialah kuburnya disempitkan, ruang kubur menjadi gelap gelita dan setiap hari akan dipertontonkan tempatnya di dalam api neraka sebanyak dua kali. Dalil adanya nikmat kubur ialah seperti dalam hadith Nabi SAW:

إِذَا وُضِعَتِ الْجَنَازَةُ فَاحْتَمَلَهَا الرِّجَالُ عَلَى أَعْنَاقِهِمْ ، فَإِنْ كَانَتْ صَالِحَةً قَالَتْ قَدِّمُونِي قَدِّمُونِي.
وَإِنْ كَانَتْ غَيْرَ صَالِحَةٍ قَالَتْ يَا وَيْلَهَا أَيْنَ يَذْهَبُونَ بِهَا . يَسْمَعُ صَوْتَهَا كُلُّ شَيْءٍ إِلاَّ الإِنْسَانَ ،
وَلَوْ سَمِعَهَا الإِنْسَانُ لَصَعِقَ[11]

Maksudnya:

> "Apabila jenazah telah diletakkan, kemudian dipikul oleh orang ramai di atas bahu mereka. Jika jenazah itu salih, dia berkata, "segerakan aku, segerakanlah". Tetapi jika jenazah itu bukan salih dia berkata "Celakalah, di mana mereka membawaku?". Suaranya dapat didengari oleh segala sesuatu melainkan manusia. Seandainya manusia dapat mendengarnya nescaya mereka akan memekak ketakutan."

Hadith ini menunjukkan bahawa orang beriman ingin segera dikebumikan untuk mengecapi nikmat kubur, manakala mereka yang ingkar, mereka takut untuk dikebumikan kerana pasti azab akan menimpa mereka. Begitu juga sabdanya SAW:

إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا مَاتَ عُرِضَ عَلَيْهِ مَقْعَدُهُ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ ، إِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَمِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ،
وَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَمِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَيُقَالُ هَذَا مَقْعَدُكَ حَتَّى يَبْعَثَكَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ[12]

Maksudnya:

> "Apabila seseorang daripada kamu meninggal dunia akan dibentangkan kepadanya tempat duduknya di waktu pagi dan petang. Sekiranya dia dari kalangan ahli Syurga, maka dia adalah dari ahli Syurga. Sekiranya dia dari kalangan ahli Neraka, maka akan dikatakan padanya "Ini adalah tempat dudukmu sehingga Allah SWT membangkitkan engkau pada Hari Kiamat."

c. Soal Kubur

Soal kubur akan dilaksanakan oleh dua malaikat bernama Munkar dan Nakir bagi umat Muhammad. Ini berdasarkan hadith Nabi SAW:

---

[11] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Janā'iz*, *Bāb Kalām al-Mayyit 'alā al-Janāzah*. No. Hadith 1325.

[12] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Janā'iz*, *Bāb al-Mayyit Yu'raḍu 'alayh Maq'aduh bi al-Ghādah wa al-'Ashiyy.* No. Hadith 1324.

عَنْ أَنَسٍ – رضى الله عنه – عَنِ النَّبِيِّ – صلى الله عليه وسلم – قَالَ: الْعَبْدُ إِذَا وُضِعَ فِى قَبْرِهِ، وَتُوُلِّيَ وَذَهَبَ أَصْحَابُهُ حَتَّى إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ ، أَتَاهُ مَلَكَانِ فَأَقْعَدَاهُ فَيَقُولاَنِ لَهُ مَا كُنْتَ تَقُولُ فِى هَذَا الرَّجُلِ مُحَمَّدٍ – صلى الله عليه وسلم – فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ. فَيُقَالُ انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ، أَبْدَلَكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ – قَالَ النَّبِىُّ – صلى الله عليه وسلم – فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا – وَأَمَّا الْكَافِرُ – أَوِ الْمُنَافِقُ – فَيَقُولُ لاَ أَدْرِى ، كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ . فَيُقَالُ لاَ دَرَيْتَ وَلاَ تَلَيْتَ . ثُمَّ يُضْرَبُ بِمِطْرَقَةٍ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً بَيْنَ أُذُنَيْهِ، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ إِلاَّ الثَّقَلَيْنِ[13]

Maksudnya:

> "Dari Anas bin Mālik r.a, Rasulullah SAW bersabda, "Apabila seorang hamba itu diletakkan di dalam kuburnya dan temannya telah meninggalkannya sedang dia masih lagi mendengar derapan tapak kaki mereka, maka datanglah dua malaikat yang akan bertanya, 'Apakah pendapatmu mengenai lelaki ini? Muhammad SAW'. Adapun orang mukmin mereka akan menjawab Aku bersaksi bahawa dia adalah hamba Allah SWT dan utusan-Nya. Lalu dikatakan padanya, 'Lihatlah tempatmu di neraka, Allah SWT telah menggantikannya dengan tempatmu di Syurga. Lalu mereka dapat melihatnya. Adapun orang munafik dan kafir, mereka akan menjawab "Aku tidak tahu, aku hanya mengikuti apa yang dikatakan oleh orang". Lalu Malaikat berkata padanya, "Engkau tidak mengetahui dan tidak menerima (ajaran agama)". Maka dia pun dipukul dari palu yang dibuat dari besi sehingga dia meraung dan didengari oleh makhluk hidup yang berada disekitarnya kecuali jin dan manusia."

d. *Al-Ba'th*

Al-Ba'th iaitu hari kebangkitan manusia dari kubur masing-masing. Keluarnya manusia dari kubur dan menuju ke *al-Maḥshar*. Hal ini nyata dijelaskan dalam al-Quran, Allah SWT telah berfirman (Surah al-Rūm 30: 27):

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

> "Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan

[13] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Janā'iz*, *Bāb Mā Jā'a fi 'Adhāb al-Qabr*. No. Hadith 1319.

> yang demikian amatlah mudah baginya. Dan bagi-Nya jua sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dia lah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Dalam satu riwayat, al-Baihaqī (1970) menyebut tentang kalam Imām 'Shāfi'ī:

شهدت بأن الله لا شيء غيره * وأشهد أن البعث حق وأخلص
وأن عرى الايمان قول محسن * وفعل زكي قد يزيد وينقص

Maksudnya:

> "Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah
> Dan aku bersaksi penuh ikhlas bahawa kebangkitan adalah sesuatu yang benar
> Adapun ikatan iman adalah kata-kata yang baik
> Dan juga perbuatan yang bijaksana yang bertambah dan berkurang"

Keadaan manusia sewaktu dibangkitkan adalah berbeza-beza berdasarkan keimanan mereka dan status diri mereka, bagi yang tidak bernasib baik, maka mereka akan dibangkitkan tanpa seurat benang ini sebagaimana disebut oleh Nabi SAW:

عن عائشةَ رضي اللَّه عنها قالت: سمعتُ رسول اللَّه صَلّى اللهُ عَلَيْهِ وسَلَّم يقول: يُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حُفَاةً عُراةً غُرْلاً، قُلْتُ: يا رسول اللَّه الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ جَمِيعاً يَنْظُرُ بَعْضُهُمْ إِلى بَعْضٍ؟ قال: يا عَائِشَةُ الأَمرُ أَشَدُّ من أَنْ يُهِمَّهُم ذلكَ[14]

Maksudnya:

> Daripada ᶜĀ'ishah r.a bahawa beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Manusia akan dibangkitkan pada Hari Kiamat dalam keadaan tidak berkasut, tidak berpakaian, tidak berkhatan", lalu ᶜĀ'ishah bertanya: "Bagaimanakan dengan aurat?" Jawab Baginda: "Bagi setiap seorang dari mereka pada ketika itu mempunyai urusan besar yang menjadikan dia tidak mahu mengambil tahu perkara tersebut".

Allah membangkitkan manusia dari kubur mereka dengan menciptakan mereka dari tulang tongkeng atau tulang *ᶜAjb al-Dhanb* yang kekal selepas kematian mereka sewaktu di dunia sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

---

[14] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Jannah wa Ṣifāt Na'imihā wa Ahlihā*, *Bāb Fanā' al-Dunyā wa Bayān al-Hashr Yawm al-Qiyāmah.* No. Hadith 5233.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضى الله عنه قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ... ثُمَّ يُنْزِلُ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً. فَيَنْبُتُونَ كَمَا يَنْبُتُ الْبَقْلُ لَيْسَ مِنَ الإِنْسَانِ شَىْءٌ إِلاَّ يَبْلَى إِلاَّ عَظْمًا وَاحِدًا وَهُوَ عَجْبُ الذَّنَبِ، وَمِنْهُ يُرَكَّبُ الْخَلْقُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ[15]

Maksudnya:

> Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Kemudian Allah SWT menurunkan air dari langit, maka tumbuhlah jasad-jasad itu seperti tumbuhnya tanaman-tanaman. Dan tidaklah sesuatu pun dari tubuh manusia kecuali ianya binasa melainkan seketul tulang yang disebut *ᶜAjb al-Dhanb*, darinya dirungkaikan penciptaan pada Hari Kiamat."

e. *Al-Ḥashr* dan *Al-Maḥshar*

Iaitu perhimpunan manusia di suatu tempat bernama *Ardh al-Mubaddalah* iaitu sebuah kawasan di Syam yang telah diratakan oleh Allah SWT. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW:

يُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى أَرْضٍ بَيْضَاءَ عَفْرَاءَ كَقُرْصَةِ النَّقِيِّ لَيْسَ فِيهَا عَلَمٌ لأَحَدٍ[16]

Maksudnya:

> "Kelak pada hari kiamat manusia akan dikumpulkan di atas sebuah tanah putih, bagaikan bulatan yang bersih, yang tak bertanda bagi sesiapa pun."

Manakala *al-Ḥashr* ini juga disebut oleh dalam al-Quran sebagaimana firman-Nya (Surah Ṭaha 20: 108):

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ الدَّاعِيَ لا عِوَجَ لَهُ وَخَشَعَتِ الأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَنِ فَلا تَسْمَعُ إِلا هَمْسًا

Maksudnya:

> "Pada hari itu mereka menurut seruan panggilan yang menyeru mereka Dengan tidak dapat melencong dari menurutnya, dan diam khusyuklah Segala suara kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatnya sehingga Engkau tidak mendengar melainkan bunyi yang amat perlahan."

---

[15] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sāʿah, Bāb Mā Bayna al-Nafkhatayn*. No. Hadith 5387.

[16] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār, Bāb fi al-Baʿth wa al-Nushūr wa Ṣifat al-Arḍ Yawm al-Qiyāmah*. No. Hadith 5127.

Di sinilah di mana sekalian manusia dihimpunkan dan akan berlangsungnya sesi *ḥisāb*, pemberian buku amalan dan *mizān*. Masing-masing hanya memikirkan diri masing-masing. Maka beruntunglah orang beriman dan orang yang soleh sebagaimana firman-Nya (Surah Ṭaha 20: 109-112):

يَوْمَئِذٍ لا تَنْفَعُ الشَّفَاعَةُ إِلا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلا . يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلا يُحِيطُونَ بِهِ عِلْمًا . وَعَنَتِ الْوُجُوهُ لِلْحَيِّ الْقَيُّومِ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا . وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلا يَخَافُ ظُلْمًا وَلا هَضْمًا

Maksudnya:

> "Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (dari dan kepada sesiapapun) kecuali dari orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpah-limpah rahmatnya, dan kepada orang yang diredai perkataannya. Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (dari hal-hal dunia), dan apa yang di belakang mereka (dari perkara akhirat), sedang mereka tidak mengetahuinya secara meliputi. Dan Segala muka akan tunduk Dengan berupa hina kepada Allah yang tetap hidup, lagi yang kekal mentadbirkan makhluk selama-lamanya, dan Sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa kezaliman. Dan sesiapa yang mengerjakan sebarang apa dari amal-amal yang soleh, sedang ia beriman, maka tidaklah (seharusnya) ia merasa takut dianiaya atau dikurangkan sedikitpun dari pahalanya."

f. *Ḥisāb*;

Ḥisāb ialah perhitungan oleh Allah SWT atas setiap amalan yang dilakukan terhadap nikmat yang dikurniakan oleh-Nya ke atas hamba-hamba-Nya. Peristiwa ini sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT (Surah al-Baqarah 2: 202)

وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ

Maksudnya:

> "Dan Allah sangat cepat perhitungan-Nya."

Dari semua amalan, amalan pertama yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT ialah solatnya. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ النَّاسُ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ أَعْمَالِهِمُ الصَّلاَةُ قَالَ يَقُولُ رَبُّنَا جَلَّ وَعَزَّ لِمَلاَئِكَتِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ انْظُرُوا فِى صَلاَةِ عَبْدِى أَتَمَّهَا أَمْ نَقَصَهَا فَإِنْ كَانَتْ تَامَّةً كُتِبَتْ لَهُ تَامَّةً وَإِنْ كَانَ انْتَقَصَ مِنْهَا شَيْئًا قَالَ انْظُرُوا هَلْ لِعَبْدِى مِنْ تَطَوُّعٍ فَإِنْ كَانَ لَهُ تَطَوُّعٌ قَالَ أَتِمُّوا لِعَبْدِى فَرِيضَتَهُ مِنْ تَطَوُّعِهِ ثُمَّ تُؤْخَذُ الأَعْمَالُ عَلَى ذَاكُمْ[17]

Maksudnya:

> "Sesungguhnya perkara yang pertama akan di*ḥisāb* dari amalan seorang manusia pada Hari Kiamat adalah solat. Allah SWT akan berfirman pada malaikat-Nya - sedangkan Allah SWT Maha Mengetahui (tentang perbuatan hamba-hamba-Nya). "Periksalah solat hamba-Ku, adakah dia menyempurnakannya atau mengurangkannya?. Jika sempurna ditulis sempurna, tetapi jika kurang sesuatu dari solatnya Allah SWT berkata kepada Malaikat-Nya: "Lihatlah adakah hamba-Ku memiliki sembahyang sunat?". Jika dia memiliki sembahyang sunat maka Allah SWT berfirman kepada Malaikat-Nya: "Sempurnakanlah solat fardu hambaku dari sembahyang sunatnya". Kemudian amalan-amalan lain dikira seperti itu."

Saat diperhitungkan sekalian amal, yang akan menjawab bagi pihak manusia ialah sekalian anggotanya, manakalanya mulutnya akan terkunci sebagaimana firman Allah SWT (Surah al-Nūr 24: 24, Surah Yāsīn 36: 65):

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

> "Pada hari lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang Segala yang mereka lakukan."

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَى أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya:

> "Pada waktu itu Kami mengunci mulut mereka sejurus, dan memberi peluang kepada tangan-tangan mereka memberitahu Kami akan amalan masing-masing, dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan."

[17] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Ṣolāh, Bāb Mā Jā' 'An Awwal Mā Yuhāsab bih al-'Abd Yawm al-Qiyāmah al-Ṣolāh*. No. Hadith 415.

g. *Mizān*;

Mizān ialah timbangan amalan di mana amalan baik dan buruk manusia akan ditimbang di atas neraca. Jika amalan baiknya berat, maka dia akan menerima ganjaran syurga, begitu juga bagi yang setara timbangannya di antara amalan baik dan buruk. Manakala jika amalan buruknya lebih berat, maka dia berhak diazab, namun masih juga dia boleh menerima keampunan Allah SWT. Ini adalah bagi yang beriman. Manakala bagi yang kufur dan ingkar, tiada amalan baik bagi mereka. Firman Allah SWT (Surah al-Qāri^{c}ah 101: 6-11, Surah al-Anbiyā’ 21: 47):

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ . فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ . وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ . فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ . وَمَا أَدْرَاكَ
مَا هِيَهْ . نَارٌ حَامِيَةٌ

Maksudnya:

> “Setelah berlaku demikian, maka (manusia akan diberikan tempatnya menurut amal masing-masing), adapun orang yang berat timbangan amal baiknya. Maka ia berada dalam kehidupan yang senang lenang. Sebaliknya orang yang ringan timbangan amal baiknya. Maka tempat kembalinya ialah “Hāwiyah”. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia “Hāwiyah” itu?. (Hāwiyah itu ialah): Api yang panas membakar.”

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا
بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ

Maksudnya:

> “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun, dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung), dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.”

h. Titian *Ṣirāt*;

Titian ini merupakan perkara yang wajib diimani oleh setiap yang beriman bahawa semua manusia akan melintasinya. Ia merupakan sebuah titian yang berada di hujung *al-Maḥshar* dan satu hujung lagi berada di kawasan sebelum *al-Ḥauḍ*. Di bawah titian ini adanya neraka *Jahannam*. Sabda Nabi SAW:

... وَيُضْرَبُ جِسْرُ جَهَنَّمَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فَأَكُونُ أَوَّلَ مَنْ يُجِيزُ ، وَدُعَاءُ الرُّسُلِ يَوْمَئِذٍ : اللَّهُمَّ سَلِّمْ سَلِّمْ . وَبِهِ كَلالِيبُ مِثْلُ شَوْكِ السَّعْدَانِ ، أَمَا رَأَيْتُمْ شَوْكَ السَّعْدَانِ ؟ قَالُوا : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَالَ : فَإِنَّهَا مِثْلُ شَوْكِ السَّعْدَانِ ، غَيْرَ أَنَّهَا لاَ يَعْلَمُ قَدْرَ عِظَمِهَا إِلَّا اللَّهُ ، فَتَخْطَفُ النَّاسَ بِأَعْمَالِهِمْ ، مِنْهُمُ الموبَقُ بِعَمَلِهِ ، وَمِنْهُمُ المخَرْدَلُ ، ثُمَّ يَنْجُو...[18]

Maksudnya:

> "…Dan diletakkan titian (*Ṣirāṭ*) di neraka. Rasulullah SAW bersabda: "Maka aku adalah orang pertama yang akan melintasinya. Pada ketika itu doa para Rasul ialah: "Ya Allah, selamatkanlah, selamatkanlah. Pada titian tersebut terdapat pencangkuk besi yang amat tajam seperti *Shawk al-Saᶜdān*, adakah kamu melihat *Shawk al-Saᶜdān*? Mereka menjawab: "Ya wahai Rasulullah SAW." Rasulullah bersabda lagi: "Ianya seperti *Shawk al-Saᶜdān*, cuma tiada yang mengetahui kadar besarnya kecuali Allah SWT, dan ia menyambar manusia mengikut kadar amalan mereka, di antara mereka ada yang binasa dengan sebab amalannya, dan di antara mereka ada yang disambar (masuk ke dalam api neraka) kemudian selamat (dilepaskan dari neraka)…"

Kadar kepantasan seseorang yang melalui titian ini juga adalah bergantung kepada amalannya. Bagi orang yang kufur, mereka akan jatuh serta merta ke dalam neraka dan diazab selama-lamanya. Terdapat sebahagian mukmin yang fasiq, mereka juga akan jatuh dan diazab, tetapi azab yang mereka terima lebih ringan dari azab yang diterima orang kafir. Setelah itu mereka akan masuk ke dalam syurga.

i. *al-Ḥawḍ*;

al-Ḥawḍ atau kolam. Setiap Nabi mempunyai kolam masing-masing dan kolam Nabi Muhammad SAW merupakan kolam yang paling besar. Air yang terdapat dalam kolam ini adalah berasal dari sungai *al-Kawthar* dalam syurga. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ نَبِيٍّ حَوْضًا وَإِنَّهُمْ يَتَبَاهَوْنَ أَيُّهُمْ أَكْثَرُ وَارِدَةً وَإِنِّي أَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَكْثَرَهُمْ وَارِدَةً قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ[19]

[18] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Riqāq*, *Bāb al- Ṣirāṭ Jisr Jahannam*. No. Hadith 6232.
[19] Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, *Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Warā'*. No. Hadith 2443.

Maksudnya:

> "Sesungguhnya setiap Nabi memiliki kolam. Dan mereka saling membanggakan siapakah yang kolamnya paling banyak dikunjungi. Aku juga berharap kolamkulah yang paling banyak pengunjungnya." Kata al-Tirmidhi, hadith ini adalah Hasan Ṣahīh.

Ianya wajib diimani kerana ia termaktub dalam al-Quran serta hadith yang *ṣahīh*. Firman Allah SWT (Surah al-Kawthar 108: 1-3):

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ . فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ . إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الأَبْتَرُ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (Wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di Akhirat). oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya)."

Nabi SAW juga bersabda:

بَيْنَمَا أَنَا أَسِيرُ فِي الْجَنَّةِ إِذَا أَنَا بِنَهَرٍ حَافَتَاهُ قِبَابُ الدُّرِّ الْمُجَوَّفِ قُلْتُ مَا هَذَا يَا جِبْرِيلُ قَالَ هَذَا الْكَوْثَرُ الَّذِى أَعْطَاكَ رَبُّكَ[20]

Maksudnya:

> "Ketika aku berjalan di Syurga, diperlihatkan kepada aku sungai yang dasarnya diperbuat dari mutiara, lalu aku bertanya kepada Jibrīl, apakah ini?. Jawab Jibrīl, Ini adalah kolam *kawthar* yang diberikan Allah SWT kepadamu."

Hanya orang yang beriman yang akan meminum dari kolam-kolam ini. Semua mereka akan meminumnya sebelum masuk ke dalam syurga dan tidak lagi akan merasa dahaga selepas itu selama-lamanya. Nabi SAW bersabda:

[20] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Riqāq*, *Bāb fī al-Ḥawḍ*. No. Hadith 6239.

أَنَا فَرَطُكُمْ عَلَى الْحَوْضِ، مَنْ وَرَدَهُ شَرِبَ مِنْهُ، وَمَنْ شَرِبَ مِنْهُ لَمْ يَظْمَأْ بَعْدَهُ أَبَدًا، لَيَرِدُ عَلَيَّ أَقْوَامٌ أَعْرِفُهُمْ وَيَعْرِفُونِي، ثُمَّ يُحَالُ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ[21]

Maksudnya:

> "Aku berada berhampiran dengan kolam, sesiapa sahaja yang melewati telaga itu akan meminumnya, dan mereka yang meminumnya tidak akan dahaga selamanya. Kemudian satu kaum melewatiku dan aku mengenali mereka serta mereka mengenaliku, kemudian dihalang di antara aku dan mereka."

j. Syurga dan nikmatnya;

Wajib atas orang yang beriman mengimani akan kewujudan syurga dan nikmatnya. Ini merupakan ijmak sekalian ulama. Syurga merupakan tempat atau destinasi terakhir bagi orang-orang yang beriman di mana tingkatan yang tertinggi ialah Nabi Muhammad SAW, seterusnya para Nabi yang lain, kemudian disusuli dengan mereka yang merupakan para wali Allah, syuhada, orang-orang soleh dan sebagainya. Kewujudan syurga nyata disebut dalam al-Quran, firman Allah SWT (Surah al-Naḥl 16: 30-32):

وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ الآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ . جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الأَنْهَارُ لَهُمْ فِيهَا مَا يَشَاءُونَ كَذَلِكَ يَجْزِي اللَّهُ الْمُتَّقِينَ . الَّذِينَ تَتَوَفَّاهُمُ الْمَلائِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلامٌ عَلَيْكُمُ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

> "Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: "Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?" mereka menjawab: "Kebaikan" orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan Sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi, dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa. (untuk mereka) Syurga-syurga "Adn", yang mereka akan memasukinya, yang mengalir padanya beberapa sungai, mereka beroleh di dalam syurga itu apa yang mereka kehendaki, Demikianlah Allah membalas orang-orang yang bertaqwa. (Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat Dalam keadaan mereka bersih suci (dari kufur syirik dan maksiat),

[21] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā' fi Qawl Allāh wa Ittaqū Fitnah la Tuṣiban alladhīna Ẓalamū minkum Khāṣṣah.* No. Hadith 6679.

> sambil malaikat itu berkata kepada mereka: “Selamat sejahtera kepada kamu, masuklah ke Dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan”.

Tidak ada kelaparan, dahaga, keletihan, keresahan dan sebagainya bagi penduduk syurga. Mereka berada dalam syurga hanyalah semata-mata mengecapi nikmat-nikmat kurniaan Allah SWT yang berterusan tanpa henti. Firman Allah SWT (Surah Hūd 11: 108):

وَأَمَّا الَّذِينَ سُعِدُوا فَفِي الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَاوَاتُ وَالأَرْضُ إِلا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءً غَيْرَ مَجْذُوذٍ

Maksudnya:

> “Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di Dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus.”

Ini juga dinyatakan dalam hadith, Nabi SAW bersabda:

يُنَادِى مُنَادٍ إِنَّ لَكُمْ أَنْ تَصِحُّوا فَلاَ تَسْقَمُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَحْيَوْا فَلاَ تَمُوتُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَشِبُّوا فَلاَ تَهْرَمُوا أَبَدًا وَإِنَّ لَكُمْ أَنْ تَنْعَمُوا فَلاَ تَبْتَئِسُوا أَبَدًا[22]

Maksudnya:

> “(Apabila penduduk Syurga telah memasuki Syurga), maka seorang penyeru menyerukan: ‘Sesungguhnya kalian akan tetap sihat dan tidak akan sakit selamanya, akan tetap hidup dan tidak akan mati selamanya, akan tetap muda dan tidak akan menjadi tua selamanya, serta akan tetap mendapat kenikmatan dan tidak akan mendapatkan kesusahan selamanya”.

k. Orang beriman akan melihat Allah SWT; dan

Melihat Allah SWT atau *Ru’yat Allah* adalah perkara yang pasti. Zat Allah SWT hanya akan dilihat oleh orang beriman apabila mereka di dalam syurga kelak. Orang-orang kafir sama sekali tidak akan melihat Allah SWT. Orang beriman akan melihat Allah

[22] Al-Nawawī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *Kitāb al-Istighfār*, *Bāb Bayān Mā A‘adda Allāh Ta‘āla li al-Mu’minīn fī al-Jannah*, No. Hadith 1892.

SWT tanpa Allah SWT itu bersifat seperti makhluk-Nya. Dia dilihat tanpa tempat, arah, rupa bentuk dan jarak di antara-Nya dan makhluk-Nya. Firman Allah SWT (Al-Qiyāmah 75: 22-23):

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ . إِلَى رَبِّهَا نَاظِرَةٌ

Maksudnya:

> "Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri, melihat kepada tuhannya."

Imam Abū Ḥanīfah dalam mensyarahkan perkara ini menyebut bahawa (Abū Ḥanīfah 2009):

نقرُّ بأنَّ اللهَ تعالى يحيي هذه النُّفوس بعد الموت ,ويبعثهم في يوم كان مقداره خمسين ألف سنة للجزاء والثوا ب وأداء الحقوق ,لقوله تعالى: وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ. ولقاء الله تعالى لأهل الجنَّة حق بلا كيفيَّة ولا تشبيه ولاجهة.

Maksudnya:

> "Kami mengakui bahawa Allah menghidupkan segala jiwa (jasad) selepas kematian, dan (Allah) menghidupkan mereka semula pada satu hari yang tempohnya (selama) 50000 tahun (di dunia) untuk pembalasan, pemberian ganjaran dan penunaian hak (bagi amalan manusia semasa di dunia) berdasarkan firman-Nya (al-Hāj 22 : 7). Dan pertemuan Allah dengan ahli syurga (*Ru'yah* Allah) adalah benar tanpa kaifyyah dan (tanpa ada) perbandingan dan (melihat Allah itu) tanpa (bergantung pada satu-satu) sudut."

Orang-orang yang mengingkari perkara ini adalah dihukum sebagai orang yang ingkar dan kufur kerana menafikan ijmak serta ayat al-Quran yang jelas. Ini disebut oleh Imām Aḥmad pernah berkata sebagaimana yang diriwayat oleh Hanbal bin Ishaq (Ibn Abī Ya'lá 1951):

قال حنبل بن اسحاق: سمعت أبا عبد الله يقول: من زعم أن الله لا يرى في الأخرة: فقد كفر بالله، وكذب بالقرآن، ورد الله على أمره، يستتاب، فإن تاب وإلا قتل، والله تعالى لا يرى في الدنيا، ويرى في الأخرة.

Maksudnya:

> "Ḥanbal bin Isḥāq berkata: Aku mendengar Abū ᶜAbdullāh (Imam Ahmad) berkata: Barangsiapa yang mendakwa bahawa sesungguhnya Allah tidak mampu dilihat di akhirat kelak maka ia telah kafir terhadap Allah, berdusta terhadap al-Qur'ān, menolak urusan Allah dan hendaklah dia bertaubat, seandainya tidak bertaubat, harus dibunuh, dan Allah Taᶜālā itu benar memang tidak boleh dilihat didunia tetapi boleh dilihat di akhirat kelak".

l. Neraka dan azabnya.

Wajib bagi orang yang beriman mengimani adanya neraka beserta azabnya. Mereka yang diazab dalam api neraka adalah terdiri daripada kalangan orang-orang kafir, sesat dan mukmin yang tidak sempat bertaubat dari dosanya sebelum meninggal dunia. Bezanya, hanya orang kafir sahaja yang akan kekal dalam api nera dan diazab selama-lamanya. Manakala selain orang kafir, azab neraka adalah penyucian dosa mereka sebelum dimasukkan dalam syurga Allah SWT. Kewujudan neraka sebagaimana Allah SWT berfirman (Surah al-Baqarah 2: 24, Surah al-Furqān 25: 65-66):

فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Maksudnya:

> "Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir."

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا . إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا

Maksudnya:

> "Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, sisihkanlah azab neraka jahannam dari kami, Sesungguhnya azab seksanya itu adalah kekal. Sesungguhnya neraka jahannam itu tempat kediaman dan tempat tinggal yang amat buruk."

Kekalnya orang kafir diazab dalam api neraka adalah suatu perkara yang pasti. Ini kerana orang kafir sama sekali tidak menerima rahmat Allah SWT di akhirat. Firman Allah SWT (Surah al-Mā'idah 5: 72):

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

Maksudnya:

> "Demi sesungguhnya! telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah al-Masih Ibni Maryam". padahal al-Masih sendiri berkata:" Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahawasanya sesiapa Yang mempersekutukan Allah Dengan sesuatu yang lain, maka Sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang Penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim".

Manakala bagi orang-orang beriman yang *fasiq*, sebahagian mereka akan diazab terlebih dahulu sebelum dimasukkan dalam syurga. Ini dinyatakan dalam hadith di mana Nabi SAW bersabda:

يَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ ، وَفِى قَلْبِهِ وَزْنُ شَعِيرَةٍ مِنْ خَيْرٍ ، وَيَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ ، وَفِى قَلْبِهِ وَزْنُ بُرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ ، وَيَخْرُجُ مِنَ النَّارِ مَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ ، وَفِى قَلْبِهِ وَزْنُ ذَرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ[23]

Maksudnya:

> "Akan keluar dari neraka orang yang berkata لا اله إلا الله sedangkan di dalam hatinya terdapat kebaikan seberat gandum, dan akan keluar dari neraka orang yang berkata لا اله إلا الله sedangkan di dalam hatinya terdapat kebaikan seberat *burrah* (sejenis gandum), dan akan keluar dari neraka orang yang berkata لا اله إلا الله sedangkan di dalam hatinya terdapat kebaikan seberat *dharrah* (benda halus)."

m. Tanda-tanda Hari Kiamat

Sebagaimana telah dikhabarkan dalam al-Quran dan hadith Nabi, tanda-tanda sebelum berlaku Hari Kiamat itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu tanda kecil dan tanda besar.

[23] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Īmān*, *Bāb Ziyādah al- Īmān wa Nuqṣānih*. No. Hadith 44.

i. Tanda Kecil

Terdapat banyak tanda-tanda kecil bagi hari kiamat. Antara tanda kecil Hari Kiamat ialah:

- Perutusan Rasulullah SAW

Rasulullah SAW bersabda:

بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةَ كَهَذِهِ مِنْ هَذِهِ أَوْ كَهَاتَيْنِ. وَقَرَنَ بَيْنَ السَّبَّابَةِ وَالْوُسْطَى[24]

Maksudnya:

> "Aku dibangkitkan oleh Allah SWT dan jaraknya dengan Hari Kiamat itu adalah seperti dua jari ini (lalu Baginda menunjukkan jari telunjuk dan jari tengahnya)"

- Hamba melahirkan tuannya

Hadith Nabi SAW bahawa Jibril a.s bertanya:

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ ، قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا،
قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأَمَةُ رَبَّتَهَا[25]

Maksudnya:

> "Jibril a.s bertanya, "Wahai Rasulullah khabarkan aku berlakunya Hari Kiamat?" Jawab Rasulullah SAW, "Tidaklah orang yang ditanya itu kecuali dia lebih mengetahui daripada orang yang bertanya? Jibril a.s berkata: "Beritahu aku tentang tandanya" maka jawab Baginda SAW: "apabila hamba perempuan melahirkan tuannya… maka itulah di antara tanda-tandanya.."

- Orang bertelanjang tidak beralas kaki menjadi pemimpin

---

[24] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Li'ān.* No. Hadith 5015.

[25] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb al-Īmān, Bāb Suāl Jibrīl al-Nabiyy 'an al-Īmān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa 'Ilm al-Sā'ah*. No. Hadith 50.

Hadith Nabi SAW :

وَأَنْ تَرَى الْحُفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ...[26]

Maksudnya:

> "Rasulullah SAW duduk bersama Sahabatnya, lalu datang Jibril lalu bertanya…, "Wahai Rasulullah bilakah berlakunya Hari Kiamat?" Jawab Rasulullah SAW, "Tidaklah orang yang ditanya itu kecuali dia lebih mengetahui daripada orang yang bertanya? Akan tetapi aku akan menjelaskan kepada kamu tentang tanda-tanda Kiamat itu …. iaitu apabila orang yang bertelanjang dan tidak beralas kaki itu menjadi ketua-ketua manusia, yang demikian itu adalah daripada tanda-tanda kiamat."

- Banyak perperangan sehingga berperang sesama satu pihak

Hadith Nabi SAW:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَقْتَتِلَ فِئَتَانِ عَظِيمَتَانِ، يَكُونُ بَيْنَهُمَا مَقْتَلَةٌ عَظِيمَةٌ، دَعْوَتُهُمَا وَاحِدَةٌ...[27]

Maksudnya:

> "Tidak akan berlaku Kiamat sehingga ada dua golongan yang besar yang saling berbunuhan, antara keduanya itu juga berlakulah peperangan yang besar sedangkan dakwah mereka adalah satu…"

- Banyak pengakuan menjadi nabi atau rasul

Sabda Nabi SAW:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ ... وَحَتَّى يُبْعَثَ دَجَّالُونَ كَذَّابُونَ، قَرِيبٌ مِنْ ثَلاَثِينَ، كُلُّهُمْ يَزْعُمُ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ...[28]

[26] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Īmān*, *Bāb Suāl Jibrīl al-Nabiyy 'an al-Īmān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa 'Ilm al-Sā'ah*. No. Hadith 50.

[27] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb Khurūj al-Nār*. No. Hadith 6739.

[28] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Īmān*, *Bāb Suāl Jibrīl al-Nabiyy 'an al-Īmān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa 'Ilm al-Sā'ah*. No. Hadith 50.

Maksudnya:

> "Tidak akan berlaku Kiamat… dan sehingga timbul Dajjāl yang pendusta yang bilangannya hampir tiga puluh orang, dan mereka semua mengaku bahawa mereka adalah Rasulullah…"

- Pencabutan ilmu dengan kematian ulama

Hadith Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ لاَ يَنْتَزِعُ الْعِلْمَ مِنَ النَّاسِ انْتِزَاعًا وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعُلَمَاءَ فَيَرْفَعُ الْعِلْمَ مَعَهُمْ وَيُبْقِى فِي النَّاسِ رُءُوسًا جُهَّالاً يُفْتُونَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَيَضِلُّونَ وَيُضِلُّونَ[29]

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mencabut ilmu pengetahuan itu sekaligus daripada manusia tetapi dengan cara dimatikan para ulama dan dihilangkan ilmu bersama mereka, (sehingga apabila tiada lagi ulama yang tinggal) lalu manusia akan mula melantik ketua dari kalangan orang yang jahil yang memberi fatwa kepada mereka, maka pemimpin itu akan sesat dan mereka menyesatkan (bersama pemimpinnya)"

- Banyak berlaku gempa bumi

Hadith Nabi SAW:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى... وَتَكْثُرَ الزَّلاَزِلُ[30]

Maksudnya:

> "Tidak akan berlaku kiamat sehingga… banyak berlaku gempa bumi…"

Hakikatnya, banyak lagi tanda-tanda kecil Hari Kiamat yang telah disebutkan oleh Nabi SAW. Ada sebahagiannya yang telah berlaku, dan ada sebahagiannya pasti akan berlaku sebagaimana janji Allah SWT.

[29] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-'Ilm*, *Bāb Kayf Yuqbaḍ al-'Ilm*. No. Hadith 100.

[30] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Istisqā'*, *Bāb Mā Qīl fi al-Zalāzil wa al-Ayāt*. No. Hadith 1002.

ii. Tanda Besar

Tanda-tanda besar Hari Kiamat akan berlaku setelah semua tanda-tanda kecil berlaku. Di antara tanda-tanda besar Hari Kiamat ialah:

- Terbit matahari dari arah Barat

Rasulullah SAW bersabda:

لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا ، فَإِذَا رَآهَا النَّاسُ آمَنَ مَنْ عَلَيْهَا ، فَذَاكَ حِينَ لاَ يَنْفَعُ نَفْسًا إِيمَانُهَا ، لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ مِنْ قَبْلُ[31]

Maksudnya:

> "Daripada Abu Hurayrah r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda, tidak akan tiba Hari Kiamat melainkan setelah terbitnya matahari dari sebelah barat. Apabila berlaku yang demikian, maka seluruh manusia menyaksikan peristiwa tersebut dan mereka semua beriman, sedangkan tidak berfaedah lagi iman mereka yang tidak beriman sebelum itu, atau yang tidak berusaha mengerjakan kebaikan terhadap imannya"

- Keluar binatang melata dari bumi iaitu Dābbat al-Arḍ

Nabi SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ الآيَاتِ خُرُوجًا طُلُوعُ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَخُرُوجُ الدَّابَّةِ عَلَى النَّاسِ ضُحًى وَأَيُّهُمَا مَا كَانَتْ قَبْلَ صَاحِبَتِهَا فَالأُخْرَى عَلَى إِثْرِهَا قَرِيبًا[32]

Maksudnya:

> "Sesungguhnya tanda-tanda Kiamat (besar) yang terawal adalah terbitnya matahari dari sebelah barat dan keluarnya binatang dari bumi di hadapan manusia di waktu pagi. Mana-mana di antara dua tanda ini yang berlaku terlebih dahulu, maka yang satu lagi akan menyusul dalam tempoh yang sangat dekat selepas berlakunya tanda yang pertama tadi."

---

[31] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Riqāq*, *Bāb Ṭulū' al-Shams min Maghribihā*. No. Hadith 6168.
[32] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sā'ah*, *Bāb fi Khurūj al-Dajjāl wa Mukthih fi al-Arḍ wa Nuzūl 'Isā wa Qatlih*. No. Hadith 5367.

- Keluarnya Dajjāl

Nabi SAW bersabda:

أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ – صلى الله عليه وسلم – يَوْمًا حَدِيثًا طَوِيلاً عَنِ الدَّجَّالِ، فَكَانَ فِيمَا يُحَدِّثُنَا بِهِ أَنَّهُ قَالَ يَأْتِى الدَّجَّالُ وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْهِ أَنْ يَدْخُلَ نِقَابَ الْمَدِينَةِ ، فَيَنْزِلُ بَعْضَ السِّبَاخِ الَّتِى تَلِى الْمَدِينَةَ، فَيَخْرُجُ إِلَيْهِ يَوْمَئِذٍ رَجُلٌ وَهْوَ خَيْرُ النَّاسِ أَوْ مِنْ خِيَارِ النَّاسِ، فَيَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّكَ الدَّجَّالُ الَّذِى حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ – صلى الله عليه وسلم – حَدِيثَهُ، فَيَقُولُ الدَّجَّالُ أَرَأَيْتُمْ إِنْ قَتَلْتُ هَذَا ثُمَّ أَحْيَيْتُهُ، هَلْ تَشُكُّونَ فِى الأَمْرِ فَيَقُولُونَ لاَ. فَيَقْتُلُهُ ثُمَّ يُحْيِيهِ فَيَقُولُ وَاللَّهِ مَا كُنْتُ فِيكَ أَشَدَّ بَصِيرَةً مِنِّى الْيَوْمَ. فَيُرِيدُ الدَّجَّالُ أَنْ يَقْتُلَهُ فَلاَ يُسَلَّطُ عَلَيْهِ[33]

Maksudnya:

> "Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri r.a katanya: Rasulullah SAW telah menceritakan kepada kami pada satu hari, cerita yang panjang tentang Dajjāl. Antara perkara yang baginda ceritakan kepada kami ialah sabdanya: Dajjāl akan datang sedangkan dia tidak dapat memasuki jalan-jalan dan lereng-lereng bukit di Madinah maka dia berhenti di kawasan tanah yang gersang (tiada tumbuhan) yang terletak berdekatan Madinah. Maka keluar pada hari itu seorang lelaki yang paling baik atau (keraguan perawi) antara manusia yang paling baik, lalu lelaki itu berkata kepada Dajjāl: Aku bersaksi sesungguhnya engkau ini adalah Dajjāl sebagaimana yang telah diceritakan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya. Dajjāl pun berkata: Apa pendapat kamu sekalian sekiranya aku membunuh yang ini kemudian aku menghidupkannya semula? Adakah kamu ragu-ragu tentang perkara itu? Orang-orang menjawab: Tidak. Maka Dajjāl pun membunuhnya, kemudian menghidupkannya semula. Lalu lelaki itu berkata sebaik sahaja Dajjāl menghidupkannya: Demi Allah, aku lebih yakin tentang dirimu sekarang ini dari apa yang aku tahu sebelum ini. Lantas Dajjāl pun ingin membunuh lelaki itu tetapi tidak berjaya."

Ciri-ciri Dajjāl ini antaranya adalah matanya buta sebelah, Nabi SAW bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا أَنْذَرَ أُمَّتَهُ ، أَنْذَرَهُ نُوحٌ وَالنَّبِيُّونَ مِنْ بَعْدِهِ ، وَإِنَّهُ يَخْرُجُ فِيكُمْ ، فَمَا خَفِيَ عَلَيْكُمْ مِنْ شَأْنِهِ فَلَيْسَ يَخْفَى عَلَيْكُمْ : أَنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ عَلَى مَا يَخْفَى عَلَيْكُمْ ثَلاَثًا ، إِنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ ، وَإِنَّهُ أَعْوَرُ عَيْنِ اليُمْنَى ، كَأَنَّ عَيْنَهُ عِنَبَةٌ طَافِيَةٌ[34]

[33] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb lā Yadkhul al-Dajjāl al-Madinah*. No. Hadith 6750.
[34] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Maghāzī*, *Bāb Ḥujjat al-Widā'*. No. Hadith 4164.

Maksudnya:

> "Allah SWT tidak mengutus seorang Nabi pun melainkan diingatkan kepada umatnya mengenai kedatangannya (Dajjāl), Nabi Nuh a.s dan Nabi-Nabi sesudahnya telah mengingatkan umat mereka mengenai Dajjāl. Dajjāl itu akan muncul kepada kamu, tidak akan tersembunyi kepada kamu mengenai Dajjāl itu. Juga tidak akan sunyi kepada kamu bahawa tuhan kamu itu tidak buta sebelah matanya (diulang tiga kali). Sesungguhnya tuhan kamu tidak buta matanya, sedangkan Dajjāl buta mata sebelah kanannya seolah-olah matanya itu sebuah biji yang membeliak (menonjol)."

Terdapat tulisan 'Kafir' yang jelas pada wajah Dajjāl dan hanya orang beriman akan melihatnya, sabda Nabi SAW:

وَإِنَّ رَبَّكُمْ لَيْسَ بِأَعْوَرَ، وَإِنَّ بَيْنَ عَيْنَيْهِ مَكْتُوبٌ كَافِرٌ فِيهِ[35]

Maksudnya:

> "Sesungguhnya tuhan kamu tidak buta matanya, sesungguhnya di antara kedua mata Dajjāl tertulis padanya Kafir".

- Turunnya Nabi Isa a.s yang akan membunuh Dajjāl

Nabi Isa a.s akan memimpin umat Islam untuk memerangi Dajjāl serta pengikutnya. Nabi Isa a.s sendiri yang akan membunuh Dajjāl. Sabda Nabi SAW:

يَخْرُجُ الدَّجَّالُ فِي أُمَّتِي فَيَمْكُثُ أَرْبَعِينَ – لَا أَدْرِي : أَرْبَعِينَ يَوْمًا ، أَوْ أَرْبَعِينَ شَهْرًا ، أَوْ أَرْبَعِينَ عَامًا – فَيَبْعَثُ اللَّهُ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ كَأَنَّهُ عُرْوَةُ بْنُ مَسْعُودٍ ، فَيَطْلُبُهُ فَيُهْلِكُهُ ، ثُمَّ يَمْكُثُ النَّاسُ سَبْعَ سِنِينَ ، لَيْسَ بَيْنَ اثْنَيْنِ عَدَاوَةٌ ، ثُمَّ يُرْسِلُ اللَّهُ رِيحًا بَارِدَةً مِنْ قِبَلِ الشَّأْمِ ، فَلَا يَبْقَى عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ أَحَدٌ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ خَيْرٍ أَوْ إِيمَانٍ إِلَّا قَبَضَتْهُ ، حَتَّى لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ دَخَلَ فِي كَبِدِ جَبَلٍ لَدَخَلَتْهُ عَلَيْهِ ، حَتَّى تَقْبِضَهُ [36]

Maksudnya:

> "Dajjāl muncul pada umatku, dia berada selama 40 (perawi meragui) aku tidak tahu sama ada 40 hari, 40 bulan, atau 40 tahun. Kemudian Allah SWT mengutuskan Nabi ᶜĪsā bin Maryam, rupanya seolah ᶜUrwah bin Masᶜūd, Nabi

[35] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb Dhikr al-Dajjāl*. No. Hadith 6749.
[36] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sā'ah*, *Bāb fi Khurūj al-Dajjāl wa Mukthih fi al-Arḍ wa Nuzūl 'Isā wa Qatlih*. No. Hadith 5367.

> ᶜĪsā mencari Dajjāl dan membinasakannya. Selepas itu Nabi ᶜĪsā a.s tinggal bersama-sama orang ramai selama tujuh tahun, ketika itu tiada sebarang perseteruan di antara satu dengan yang lain. Kemudia Allah SWT mengutuskan angin sejuk dari arah Sham, maka tidak akan hidup di atas muka bumi ini seorang pun yang hatinya terdapat kebaikan atau keimanan kecuali angin itu akan mematikannya sehingga jika seorang kamu yang berada di dalam perut gunung sekalipun, angin itu akan tetap masuk dan mematikannya…"

Setelah pembunuhan Dajjāl, Nabi Isa a.s akan memerintah dunia dengan sangat adil berteraskan syariat Nabi Muhammad SAW. Nabi SAW bersabda:

وَالَّذِى نَفْسِى بِيَدِهِ لَيُوشِكَنَّ أَنْ يَنْزِلَ فِيكُمُ ابْنُ مَرْيَمَ حَكَمًا مُقْسِطًا فَيَكْسِرَ الصَّلِيبَ، وَيَقْتُلَ
الْخِنْزِيرَ، وَيَضَعَ الْجِزْيَةَ، وَيَفِيضَ الْمَالُ حَتَّى لاَ يَقْبَلَهُ أَحَدٌ[37]

Maksudnya:

> "Demi Zat yang jiwaku dalam kekuasaannya, sesungguhnya hampirlah putera Maryam (ᶜĪsā a.s) akan turun di dalam lingkungan kamu sekalian dan akan membawa pemerintahan yang adil. Dia akan mematahkan palang salib, membunuh babi, dan menghapuskan cukai kepala. Di saat itu harta melimpah ruah, sehingga tiada seorang pun yang mahu menerimanya."

- Keluarnya Ya'jūj dan Ma'jūj

Ya'jūj dan Ma'jūj akan keluar daripada tembok yang telah dibina oleh Zulkarnain. Ini dinyatakan dalam al-Quran (al-Anbiyā' 21:96):

حَتَّى إِذَا فُتِحَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجُ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ

Maksudnya:

> "(Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya'jūj dan Ma'jūj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi."

- Berlaku Gerhana

Hal ini sebagaimana disebut dalam hadith Nabi SAW:

[37] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Kitāb al-Buyū'*, *Bāb Qatl al-Khinzīr*. No. Hadith 2136.

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ أَسِيدٍ الْغِفَارِيِّ قَالَ اطَّلَعَ النَّبِيُّ -صلى الله عليه وسلم- عَلَيْنَا وَنَحْنُ نَتَذَاكَرُ فَقَالَ (مَا تَذَاكَرُونَ) قَالُوا نَذْكُرُ السَّاعَةَ. قَالَ (إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرَوْنَ قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ). فَذَكَرَ الدُّخَانَ وَالدَّجَّالَ وَالدَّابَّةَ وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَنُزُولَ عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ -صلى الله عليه وسلم- وَيَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَثَلاَثَةَ خُسُوفٍ خَسْفٌ بِالْمَشْرِقِ وَخَسْفٌ بِالْمَغْرِبِ وَخَسْفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ نَارٌ تَخْرُجُ مِنَ الْيَمَنِ تَطْرُدُ النَّاسَ إِلَى مَحْشَرِهِمْ.[38]

Maksudnya:

> "Daripada Hudhayfah bin Asīd al-Ghifārī katanya, Nabi SAW menjenguk kami sedang kami bermuzakarah, lalu Baginda SAW bersabda: "Apa yang kamu muzakarah?". Mereka menjawab; "Kami bermuzakarah mengenai Hari Kiamat". Baginda SAW bersabda: "Tidak akan berlaku kiamat sehingga kamu melihat sebelumnya sepuluh tanda". Baginda menyebut: "al-Dukhkhān (asap), Dajjāl, al-Dābbah (sejenis binatang), terbitnya matahari dari barat, turunnya ᶜĪsā bin Maryam, Ya'jūj dan Ma'jūj, serta tiga *khusuf* (gerhana). Satu *khusuf* di timur, satu di barat, dan satu *khusuf* di semenanjung Arab dan akhirnya api keluar dari Yaman dan menghalau manusia keluar ke tempat perhimpunan mereka."

- Keluarnya Asap (*Al-Dukhān*)

Hal ini dijelaskan dalam hadith sebelum ini dan juga al-Quran di mana Allah SWT berfirman (Surah Al-Dukhān 44: 10):

فَارْتَقِبْ يَوْمَ تَأْتِي السَّمَاءُ بِدُخَانٍ مُبِينٍ . يَغْشَى النَّاسَ هَذَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya:

> "Oleh itu tunggulah (Wahai Muhammad) semasa langit membawa asap yang jelas nyata. Yang akan menimpa seluruh keadaan manusia (yang kafir itu, sehingga mereka akan berkata: "Ini adalah azab yang sungguh menyakitkan".


4.4 KESIMPULAN

Inilah ringkasan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang dipegang sejak zaman-berzaman bermula dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Kandungan yang terdapat

---

[38] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sā'ah, Bāb fī al-Ayāt allatī Takun Qabla al- Sā 'ah*. No. Hadith 5293.

dalam ringkasan akidah ini merupakan perkara yang telah diijmakkan oleh para ulama sehingga mereka yang mengingkarinya dihukum terkeluar daripada Islam. Dalam beberapa hal asas akidah ini, jelas bahawa Shaykh Nāẓim memperkenalkan perkara yang sama, namun terdapat beberapa perbezaan yang ketara berhubung dengan hal ehwal perinciannya. Perbezaan-perbezaan ini akan dapat dilihat dalam bab yang seterusnya.



BAB V

PERBEZAAN PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NĀẒIM DENGAN MANHAJ DAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH

5.1 PENGENALAN

Membandingkan akidah seorang tokoh dengan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah bukanlah suatu perkara yang baharu dan tercela. Malah sejak dari zaman berzaman, terdapat ramai tokoh-tokoh yang telah dibuat perbandingan pemikiran akidahnya, malah dibukukan dan disebarkan. Jika ia didapati bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah, maka tujuan disebarkan adalah untuk mewaspadai orang Islam daripadanya mengikutinya. Jika ia bertepatan dengan Ahli Sunnah Waljamaah, maka ia disebarkan supaya diikuti oleh generasi seterusnya.

Antara contoh kitab yang boleh dijadikan sandaran dalam perbandingan manhaj akidah secara mendalam dan spesifik ialah kitab *al-Farq Bainā al-Firaq* karangan Abū Manṣūr ʿAbd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad bin ʿAbd Allāh al-Tamīmī al-Shāfiʿī al-Baghdādī (w. 429H) dan kitab *al-Milal wa al-Nihal* karangan Tāj al-Dīn Abū al-Fath Muḥammad bin `Abd al-Karīm al-Shahrastānī (w. 479H). Kedua-dua kitab ini membahaskan secara spesifik akidah semua jenis puak atau firqah yang ada dalam Islam termasuk akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Tidak setakat itu sahaja, malah nama-nama tokoh pelopor setiap gerakan juga dinyatakan sebagai maklumat kepada pembaca. Ini sesuai dengan hadith Nabi SAW:

عن أبي سعد الخدري رضي الله عنه قال: أَمَّا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ[1]

Maksudnya:

> Daripada Abū Sa'īd al-Khudri r.a berkata: "Maka ini bertepatan dengan apa yang dengari dari Rasulullah SAW bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran hendaklah mengubah dengan tangannya, jika tidak mampu, maka dengan lidahnya dan jika tidak mampu, maka dengan hatinya dan demikian itu adalah selemah-lemah iman."

Tidak terkecuali juga perbezaan akidah dalam tarekat ini menjadi suatu polemik sehingga beberapa tokoh sufi dan tarekat mengeluarkan kenyataan yang menolak sebarang tarekat dari anasir akidah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Justeru telah berkata seorang ulama sufi iaitu Ahmad al-Rifā'i mengenai tarekat tasawwuf yang sebenar (al-Ḥusaynī 2018):

كل طريقة خالفت الشريعة فهي زندقة

Maksudnya:

> "Setiap tarekat yang bercanggah dengan syariat maka ia adalah zindiq"

Hal ini juga bertepatan dengan perkataan seorang ulama dalam tarekat Naqshabandiyyah sendiri iaitu al-Syaikh 'Isa al-Kurdi al-Naqshabandi, beliau berkata (al-Ḥusaynī 2018):

احفظوا طريقتي هذه فكل من خالف منكم الشريعة فأنا بريء منه ولا أنتسب إليه ولا ينتسب إلي

Maksudnya:

> "Kalian peliharalah tarekat (jalanku) ini, maka setiap dari kamu yang bercanggah dengan syariat maka aku berlepas diri daripadanya, aku tidak menisbahkan diri kepadanya dan dia tidak menisbahkan diri kepadaku".

[1] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Kawn al-Nahiyy 'an al-Munkar min al-Imān*. No. Hadith 99.

Dalam bab ini, penulis akan membandingkan perbezaan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini kerana, perkara yang telah ada persamaan tidak perlu dipanjang lebar lagi perbahasannya. Sebagai contoh persamaan, Shaykh Nāẓim menggunakan sumber pendalilan yang sama dalam membentuk pemikiran akidah beliau iaitu al-Quran, hadith, ijmak dan akal. Shaykh Nāẓim juga tidak menolak asas agama iaitu Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Shaykh Nāẓim mengisbatkan ketuhanan Allah SWT, kenabian Muhammad SAW dan para nabi yang lain, malaikat-malaikat dan selainnya. Malah sebagai contoh, jumlah nabi dan rasul, kitab-kitab serta perkara-perkara yang terkait dengan hari Akhirat adalah sama seperti apa yang dibawa oleh Ahli Sunnah Waljamaah.

Namun demikian, oleh kerana antara objektif kajian ini ialah ingin melihat dan mengupas isu-isu akidah yang terkait dengan Shaykh Nāẓim dan membandingkannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah, maka memadai jika penulis hanya memfokuskan kepada perbezaan semata-mata kerana dalam bab sebelum ini telah pun dilihat mengenai persamaan akidah beliau dengan Ahli Sunnah Waljamaah.

5.2 PERBEZAAN PEMIKIRAN AKIDAH YANG DIBAWA OLEH SHAYKH NĀẒIM DENGAN MANHAJ DAN PEGANGAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMAAH

5.2.1 Pendekatan Akidah *Waḥdat al-Wujūd* dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

Shaykh Nāẓim dalam pentakrifannya terhadap kalimah Tauhid, beliau merujuk kalimah ini sebagai *unity* di dalam Bahasa Inggeris. Perkataan *unity* ini apabila dirujuk di dalam kamus Bahasa Inggeris seperti *Oxford Dictionary*, ia membawa makna kesatuan sebagaimana disebut:

“The state of being united or joined as a whole”

Maksudnya:

“Keadaan bila mana sesuatu itu bersatu atau bergabung sebagai keseluruhan”.

Sedangkan jika dirujuk kepada pentakrifan yang sebenar, Md. Yousuf Ali menyebut bahawa (Ali 2006):

> "Al-Tawhid means belief in the oneness of Allah SWT as the central theme of Islam, which enables men to understand everything that exists in the universe."

Maksudnya:

> "al-Tawḥīd bererti mengimani keesaan Allah SWT yang merupakan tunjang utama Islam, tauhid membantu manusia untuk memahami setiap sesuatu yang wujud dalam alam ini"

Meskipun Md. Yousuf Ali ada menyatakan dalam kertas beliau bahawa kalimah tauhid itu dasarnya merujuk pada kata akarnya merujuk kepada *unity* namun beliau menjelaskan akan makna yang sebenar dikehendaki ialah *oneness* apabila dinisbahkan kepada Allah SWT. Kata Md. Yousuf Ali:

> "He is entirely Himself and His being is His Essence (zat). He is neither the Beginning nor the End. He was not born of any body, nor is anyone born of Him."

Maksudnya:

> "Dia (Allah SWT) adalah diri-Nya, keberadaan-Nya adalah zat-Nya. Dia tiada permulaan mahupun pengakhiran. Dia tidak diperanakkan oleh sesiapa, Dia tidak beranak"

Manakala, Shaykh Nāẓim apabila menyebut Tauhid ialah *unity*, maka apa yang dimaksudkan itu telah dijelaskan dalam karya-karyanya bahawa ia adalah kesatuan dengan Allah SWT. Sebagai contoh beliau menyebut:

> "A unity beyond duality, for He is All in All"

Maksudnya:

> "Kesatuan yang mengatasi keduaan, bagi-Nya Dia adalah semua di dalam semua"

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa manusia boleh bersama dengan Allah SWT dalam *Unity Ocean of Allah Almighty*. Di Lautan Kesatuan yang abadi ini terletaknya ruang untuk manusia bersama dengan kewujudan Allah SWT. (al-Qubrūsī 1997). Konsep

yang diketengahkan oleh Shaykh Nāẓim ini merangkumi kesatuan zat, kesatuan sifat dan kesatuan af[c]āl. tiga jenis kesatuan iaitu kesatuan perbuatan (*Unity of Actions*), kesatuan nama (Unity of His Holy Names) dan kesatuan sifat (*Unity of His Holy Attributes*). Kesatuan sini akan berhimpun, menurut beliau, di dalam *Unity Ocean of Allah Almighty* (al-Qubrūsī 1986, 2008).

Konsep yang diketengahkan oleh Shaykh Nāẓim ini disebut oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah sebagai *waḥdat al-wujūd* atau *waḥdat al-mutlaqah* atau *al-ittiḥād*. Konsep ini membawa kepada keyakinan Allah SWT itu bersatu dengan makhluk-Nya. Keyakinan ini membawa kepada penafian tauhid itu sendiri kerana pentakrifan tauhid yang sebenar ialah sebagaimana yang didefinisikan oleh al-Bāqilānī (w. 403H) ialah (al-Bāqilānī 2000):

التوحيد له هو: الإقرار بأنه ثابت موجود، وإله واحد فرد معبود ليس كمثله شيء على ما قرر به قوله تعالى: (وإلهكم إله واحد)..

Maksudnya:

> "Tauhid ialah mengakui bahawa sesungguhnya Dia (yakni Allah SWT) sungguh ada, dan Dialah Tuhan yang Esa yang disembah, yang tidak serupa dengan sesuatu sebagaimana yang diperjelaskan dalam Firman-Nya: ((dan Tuhanmu adalah Tuhan yang esa))"

Berdasarkan perkataan oleh al-Bāqilānī ini, jelas maknanya bahawa pengistilahan tauhid yang diperakui oleh para ulama Tauhid ialah meyakini bahawa Allah SWT itu esa, tiada sekutu bagi-Nya dan Dia tidak menyerupai sesuatupun. Senada dengan perkataan al-Bāqilānī ini ialah apa telah dinukilkan sebelum ini daripada Junayd al-Baghdādī bahawasanya (al-'Asqalānī 1986, Abū al-Qāsim t.th):

التَّوْحِيْدُ إِفْرَادُ الْقَدِيْمِ مِنَ الْمُحْدَثِ

Maksudnya:

> "Tauhid ialah mensucikan Allah SWT yang bersifat sedia ada daripada menyerupai makhluk-Nya."

Al-Bājurī pula menggabungkan kedua-dua makna yang dibawa oleh al-Bāqilānī dan Junayd al-Baghdādī dan kemudiannya menghuraikannya seraya berkata (al-Bājurī t.th):

التوحيد هو إفراد المعبود بالعبادة مع اعتقاد وحدته والتصديق بها ذاتا وصفاتا وأفعالا

Maksudnya:

> "Tauhid ialah mengesakan Tuhan yang disembah dengan ibadah beserta keyakinan keesaannya dan membenarkannya pad Zat, Sifat dan Afᶜāl"

Erti apa yang disebut oleh al-Bājurī ialah, seorang yang beriman tentunya mengesakan Allah SWT pada pengibadahan terhadap-Nya, dalam masa yang sama juga meyakini bahawa Allah SWT tidak serupa dengan selain-Nya dari sudut Zat, Sifat dan juga *Afᶜāl*. Ini sebenarnya kembali kepada perbahasan sifat *Wahdāniyyah* Allah SWT. Seseorang yang mengimani Allah SWT sudah pastinya meyakini keesaan Allah SWT secara mutlak. Keesaan Allah SWT tidak difahami dengan konsep bilangan. Allah SWT bukannya tunggal daripada sudut bilangan kerana bilangan itu merujuk kepada jisim, sedangkan Allah SWT bukan jisim. Ini yang disebut oleh Imām Abū Ḥanīfah (al-Kawtharī 2009):

إِنَّ اللهَ وَاحِدٌ لا مِنْ طَرِيْقِ الْعَدَدِ وَلَكِنْ مِنْ طَرِيْقِ أَنَّهُ لا شَرِيْكَ لَهُ فِي الأُلُوْهِيَّةِ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya Allah itu Wāḥid bukan dari sudut bilangan, namun Dia Wāḥid dari sudut menafikan syirik bagi-Nya pada ketuhanan."

Maka dapatlah disimpulkan bahawa seorang yang beragama Islam mengimani akan keesaan Allah, sekaligus menafikan sekutu bagi hak Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT itu *Aḥad* dan *Wāḥid*, yakni yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Kalimah *Aḥad* dan *Wāḥid* bagi hak Allah tidak boleh difahami secara literal bahawa Allah SWT itu satu dari sudut bilangan nombor. *Wāḥid* atau satu dari sudut bilangan, tetap akan menerima pecahan kerana nombor ialah susunan.

Yang mendakwa bahawa Tuhan itu bersatu dengan makhluk adalah golongan Kristian. Sebahagian mereka mendakwa Tuhan meresap masuk ke dalam Isa a.s. Manakala sebahagian mereka mengimani *Trinity* kerana meyakini Tuhan itu bersatu dengan Isa a.s sebagaimana disebut disebut oleh al-Muqtārah (al-Muqtārah 2009):

والنصارى ادعوا اتحادا وصاروا إلى إثبات أقانيم ثلاثة

Maksudnya:

> "dan Kristian itu mendakwa bahawa Tuhan bersatu dengan Isa a.s maka jadilah mereka meyakini akan Trinity"

Bukanlah makna tauhid itu ialah bersatunya Tuhan dengan makhluk-Nya kerana kesatuan dengan makhluk itu sendiri menafikan makna tauhid secara hakiki. Setiap yang bersatu dan bercerai itu adalah rangkaian jisim yang terbentuk dari *jawhar*. Setiap yang berbilang itu ialah jisim. Jisim menurut ulama Tauhid ialah apa yang tersusun (al-Bājurī t.th). Yakni tersusun daripada dua *jawhar* atau lebih. *Jawhar* ini secara kefahaman yang mudahnya ialah sel, sekiranya ia berada secara tunggal maka disebut sebagai *Jawhar al-Fard*, manakala sekiranya ia bersusun secara gabungan, maka ia dikenali sebagai jisim. Penegasan ini dijelaskan oleh Imām Murtaḍá al-Zabīdī al-Hanafi (al-Zabīdī 1989):

أن الجسم ما له طول وعرض وعمق وقاله الراغيب وقال غيره هوما يتألف عن جوهرين فاكثر وقال بعضهم هو جوهر مجتمعة والله تعالى متعال عن حال الاجسام وافتقارها وقبولها للانقسام. فمن وصفه بالجسمية ضل وأضل

Maksudnya:

> "Sesungguhnya jisim ialah sesuatu yang mempunyai panjang, lebar dan kedalaman, berkata al-Raghib dan selainnya: Jisim ialah sesuatu yang tersusun daripada dua jawhar (sel) atau lebih, berkata sebahagiannya yang lain: Jisim ialah jawhar yang berhimpun, dan Allah SWT Maha Suci dari perihal jisim, berhajat kepada jisim, mahupun menerima pembahagian sebagaimana jisim, barangsiapa mensifatkan Allah SWT dengan jisim maka dia nyata sesat dan menyesatkan"

Pengingkaran bahawa Allah SWT itu berjisim merupakan ijmak ulama sebagaimana dinyatakan oleh Shaykh Mahmūd Khattāb al-Subkī (1974) dalam kitabnya

Itḥāf al-Kāināt dan Imām Mullā ʻAlī al-Qārī (2001) dalam *Mirqāt al-Mafātīh Sharḥ Mishkāt al-Masābīḥ*. Anggota badan melazimkan jisim bagi hak Allah SWT, demikian Maha Suci Allah dari berjisim (al-Hararī 2004).

Ini kerana setiap sesuatu yang berjisim itu berhajat kepada yang mengkhususkannya dengan suatu ciri kepadanya seperti ukuran, saiz dan warna bagi-Nya. Yang mengkhususkan jisim-jisim ini dengan ciri yang demikian ialah Allah SWT. Sekiranya dikatakan Allah SWT itu jisim, sudah tentu ada yang mengkhususkan Allah SWT dengan suatu ukuran, saiz dan warna bagi-Nya, dan ini adalah mustahil kerana, sesuatu yang dikhususkan itu adalah lemah, yang lemah itu tidak layak menjadi Tuhan. Maha suci Allah SWT dari bersifat dengan kelemahan.

Konsep tauhid inilah yang menjadi teras pegangan umat Islam. Ia berteraskan kepada konsep *tanzīh* iaitu menyucikan Allah daripada sebarang persamaan dengan makhluk-Nya, baik daripada segi zat-Nya, sifat-Nya mahupun afᶜāl-Nya. Daripada konsep ini lahirnya natijah iktiqad yang bersih daripada sebarang bentuk *tashbīh* dan tajsīm. Sedangkan konsep *waḥdat al-wujūd* yang berteraskan kepada *Pantheism* ini meyakini bahawa Tuhan dan makhluk ini bersatu dalam sebuah kesatuan atau *unity*. Keyakinan ini tidak membezakan di antara Tuhan dan makhluk. Sekira-kira Tuhan itu adalah makhluk dan makhluk itu adalah Tuhan. Ini membatalkan makna tauhid secara jelas lagi nyata. Kerana itu Tuan Husein Kedah menyebut (al-Banjarī t.th):

> "Apabila engkau ketahui akan hikmah syarak dengan mendatangkan akan kalimah *lā ilāha illā Allāh* iaitu menafi akan hakikat ketuhanan itu berdiri kepada zat yang lain daripada zat Allah dan mengisbat akan demikian hakikat hakikat itu kepada zat Allah Taala, yakni tiada diperoleh sekali-kali demikian hakikat itu berdiri kepada zat yang lain daripada zat Allah"

Maka mustahil Tuhan itu bersatu dengan makhluk, dan mustahil makhluk bersatu dengan Tuhan. Dan inilah hakikat Tauhid yang sebenar yang telah digarap oleh para ulama sejak zaman-berzaman. Tauhid bukanlah kesatuan Tuhan dengan makhluk, bahkan tauhid ialah membezakan Tuhan dengan ciptaan-Nya.

Sewaktu Shaykh Nāẓim membicarakan mengenai konsep akidahnya ini, beliau mengumpamakan ketertarikan manusia untuk bersatu dengan Allah SWT adalah

seumpama ketertarikan seorang lelaki terhadap perempuan. (al-Qubrūsī 2002.a). Penulis telah membicarakan mengenai kebatilan akidah *ittiḥād* atau *waḥdat al-wujūd* dalam konteks keyakinan Allah SWT bersatu dengan makhluk sebelum ini. Kenyataan Shaykh Nāẓim bahawa manusia tertarik untuk bersatu dengan Allah SWT sebagaimana lelaki tertarik kepada perempuan ini adalah satu kenyataan yang melampaui batas. Ketertarikan untuk bersatu antara lelaki dan perempuan ini ialah ketertarikan nafsu untuk melakukan hubungan kelamin. Mengumpamakan hal ini dengan Allah SWT adalah sangat bercanggah dengan al-Quran. Allah SWT berfirman (Surah al-Naml 16: 74):

فَلَا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الْأَمْثَالَ

Maksudnya:

> "Maka jangan kamu membanding-bandingkan Allah SWT dengan misalan-misalan"

Orang beriman yang mengikuti manhaj Ahli Sunnah Waljamaah tidak bermudahan dalam membuat perbandingan bagi Allah SWT kerana jelas dalam ayat di atas serta dalam Surah al-Syūrā ayat 7 bawasanya Allah SWT tiada yang sebanding dengannya. Allah SWT bersifat dengan sifat kesempurnaan dan ketinggian martabat. Ini sebagaimana firman-Nya (Surah al-Nahl 16: 60)

وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ

Maksudnya:

> "Dan bagi Allah SWT sifat-sifat ketinggian yang mulia"

Inilah akidah Ahli Sunnah Waljamaah sebagaimana yang digarap oleh mereka dalam karya-karya mereka. Sebagai contoh, al-Ṭaḥāwī menyebut (al-Ṭaḥāwī t.th):

ولا شيء مثله

Maksudnya:

> "Dan tiada sesuatu yang seumpama-Nya"

Penciptaan lelaki dan perempuan dan ketertarikan mereka untuk bersama adalah tanda-tanda kebesaran Allah SWT, Allah SWT menciptakan mereka untuk mereka melaksanakan perkahwinan sesuai dengan syariat-Nya. Allah SWT berfirman (Surah al-Rūm 30: 21):

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِّتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

> "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda bagi kaum yang berfikir"

Kesatuan Allah SWT dengan manusia adalah sesuatu yang mustahil pada akal. Setiap sesuatu yang bersatu, nescaya ia mengambil ruang dan lapang. Ruang dan lapang, mahupun tempat adalah ternafi bagi hak Allah SWT. Kata al-Banjarī pada menafikan Allah SWT mengambil ruang dan lapang (al-Banjarī t.th.b):

> "Maka lawannya itu (*al-Mumāthalah li al-Hawādith*) ertinya menyamai bagi segala yang baharu seperti bahawa Dia itu jirim ertinya mengambil oleh Zat yang Maha Tinggi itu akan kadar daripada lapang"

Yang dituntut oleh syarak itu ialah mengenal Allah SWT bukan bersatu dengan Allah SWT. Fitrah manusia itu sendiri ialah mengenal Allah SWT kerana telah diambil perjanjian manusia di alam roh bahawa Allah SWT itu ialah Tuhan. Malah ulama Ahli Sunnah Waljamaah juga sepakat atas perkataan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī bahawa kesatuan dan perpecahan itu adalah sifat makhluk, Shaykh Samīr al-Qāḍī dalam syarahnya atas *Risālah Istiḥsān al-Khawḍ* karya al-Ash'arī menyebut (al-Qāḍī 2017):

(وكذلك الاجتماع والافتراق) فإن كلا منهما يدل على حدوث ما اتصف به

Maksudnya:

> “(Dan begitu juga *al-Ijtimā‘* (kesatuan) wa *al-Iftirāq* (perpecahan)) maka sesungguhnya kedua ini menunjukkan kebaharuan sesuatu yang bersifat dengannya”

Perkara yang sama dijelaskan oleh Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Tūmart, anak murid kepada Imām al-Ghazālī dalam karyanya *al-‘Aqīdah al-Murshidah* (al-Fasi 2017):

ولا كل ولا بعض

Maksudnya:

> “Dan bukanlah disifatkan dengan keseluruhan atau sebahagian”

Al-Ḥusain bin al-Ḥasan Al-Ḥalīmī (w. 403H) iaitu guru kepada Imam Al-Baihaqī dalam bidang hadith dan akidah telah menjelaskan makna ini bahawasanya (Bahagian Penyelidikan dan Pengajian Islam 2015):

> “Ialah Allah SWT Maha Suci daripada bersifat dengan apa yang disifatkan pada perkara yang baharu iaitu makhluk. Sifat makhluk seperti berpasangan, ada anak, bersifat dengan anggota badan”

Difahami daripada semua dalil dan kenyataan ini bahawa tidak mungkin mukmin yang waras itu berhasrat untuk bersatu dengan Allah SWT sebagaimana lelaki ingin bersatu dengan perempuan. Perkataan ini sangatlah keji untuk disandarkan pada hak Allah SWT.

5.2.2 Pendekatan Akidah *Ḥulūl* dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

Keyakinan Allah Taala meresap masuk ke dalam badan hambanya itu ialah keyakinan sebahagian golongan Kristian yang mengimani bahawa Allah SWT meresap masuk ke dalam badan Nabi Isa a.s. Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa Allah SWT boleh meresap di dalam makhluk iaitu keyakinan yang dinamai dengan *ḥulūl* sehingga Allah SWT akan mengimplankan sifat-sifat-Nya ke dalam tubuh makhluk (al-Qubrūsī 2012; al-Qubrūsī 2002.a).

Telah dijelaskan oleh penulis sebelum ini mengenai keyakinan *waḥdat al-wujūd* yang meyakini Tuhan boleh bersatu dengan makhluk dan makhluk bersatu dengan Tuhan. Keyakinan *ḥulūl* ini juga tiada bezanya, menjadikan Tuhan umpama gula yang meresap di dalam air, fizikal gula itu hilang, yang tinggal hanya manisnya. Berhubung kedua golongan ini, penulis menukilkan kata Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī (al-Banjarī t.th):

> "*Ittiḥādiyyah* dan *ḥulūliyyah* bermula keduanya iaitu dua firqah yang zahir keduanya dengan menyerupai ahli tasawuf, dikata orang bagi mereka itu mutaṣawwifah ertinya orang yang mengaku dirinya ahli tasawuf dan melaku akan dirinya seperti kelakuan ahli tasawuf, padahal bermula ahli tasawuf yang sebenarnya menjauh oleh mereka itu daripada mereka itu (*mutaṣawwifah*)."

Bahkan keyakinan *ḥulūl* ini masyhur di kalangan orang Kristian yang meyakini bahawa Isa a.s diresapi Allah SWT sehingga Isa a.s dianggap sebagai Tuhan oleh golongan kristian. Kata al-Nasafī (al-Nasafī 2012):

والنصارى بالحلول والتثليث

Maksudnya:

"Dan Kristian itu dikenali dengan *ḥulūl* dan *trinity*"

Seringkali orang *mutaṣawwifah* yang mengaku-ngaku sufi itu mendakwa bahawa apabila telah sampai seseorang itu ke makam tertinggi dalam tasawuf, maka dia akan menjadi Tuhan, atau Tuhan meresap ke dalamnya. Polemik ini berulang-ulang sepanjang zaman. Perbahasannya juga amat luas. Jika sufi yang benar ditimpa *jazbah* iaitu keadaan di mana hilang akalnya, lalu berkatalah dia sebagaimana yang dikata "Aku Allah" atau "Allah meresap ke dalamku", perkataan ini adalah perkataan kufur, namun penuturnya tidak dihukum kafir oleh para ulama oleh kerana kondisinya yang hilang akal.

Berlainan kondisi ini dengan orang yang mengaku-ngaku sufi, dalam keadaan waras mereka mendakwa dengan perkataan demikian. Ada yang mengaku Tuhan. Ada yang mengaku Tuhan meresap di dalamnya. Perkataan dan keyakinan ini, jika diucapkan dalam keadaan sedar dan waras, tidaklah mengecualikan dia daripada apa

yang telah dibawa oleh syarak, iaitu kufur setelah beriman. Orang beriman tidak angkuh seperti Firaun dengan mendakwa keyakinan seperti ini. Perkataan “Aku Tuhan” ini hakikatnya diucapkan oleh orang paling angkuh di dunia iaitu Firaun sebagaimana firman Allah SWT yang menghikayatkan (Surah al-Nazi‘āt: 24):

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى

Maksudnya:

> “Firaun berkata, “Aku adalah tuhan kalian yang paling tinggi”

Kerana itu Tuan Hussein Kedah menukilkan lagi kata Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī (al-Banjarī t.th.a):

> “Berkata mereka itu (*mutaṣawwifah*), bermula orang yang salik apabila bersungguh-sungguh ia pada ibadatnya dan masuklah ia ke dalam laut wusul kepada Allah SWT, nescaya menempati Allah SWT di dalamnya dengan sekira-kira tiada berbezalah keduanya itu, atau jadi bersatulah Ia dengan dia, ertinya jadilah Ia *‘ayn* hamba-Nya dengan sekira-kira tiada dibilang dua antara keduanya, maka sah bahawa berkata ia, iaitu aku ertinya Allah itu aku, dan aku ini Ia, dan terangkatlah daripadanya suruh dan tegah, dan zahirlah daripadanya daripada beberapa keramat yang ajaib-ajaib oleh barang yang tiada tasawwur datangnya daripada manusia, bermula sekalian mereka itu beberapa kafir dengan ijmak sekalian ulama”

Selain itu, golongan yang mendakwa *ḥulūl* ini bukan sahaja mendakwa Tuhan meresap ke dalam badannya, malah ke dalam badan-badan makhluk yang lain, sehingga apabila mereka itu berjumpa dengan ciptaan-ciptaan Allah SWT yang lain, maka mereka memanggil perkara itu Allah SWT. Hal ini juga jelas dan nyata sesat lagi menyesatkan, bahkan tiada sandarannya daripada nas-nas syarak. Tuan Hussein Kedah menyatakan (al-Banjarī t.th.a):

> “(maka bersalah-salahan gurunya) yang terkena himpit dan sesak kerana menunjuk akan hakikat Allah Taala dan yang demikian itu nyata karutnya dan sesatnya tiada berhajat kepada dalil lagi kerana tiada yang sebenar pada bicara iktikad itu melainkan satu jalan jua, ini sampai berpuluh-puluh jalan iaitu nyata karutnya. (maka setengah gurunya) berkata ia dengan berbisik-bisik dan bersembunyi, anak mata itulah allah dan setengahnya berkata roh itulah Allah dan berkata setengah diri kita inilah Allah, setengahnya berkata ia 'hang mari tadi hang berjumpa dengan apa?' maka kata muridnya 'saya berjumpa dengan

> kerbau' atau 'dengan ular' atau berjumpa dengan apa-apa pun jadilah, maka berkata gurunya 'itulah Allah' dan setengahnya berkata ia 'waktu maghrib sekarang hang pergi lihat Allah di situ' padahal sudah ia berjanji dengan syaitan hantu raya berdiri di situ dan barang yang lain daripada barang yang tersebut itu beberapa banyak lagi yang hamba dapat karut mereka itu, *nauzubillahi minha*. maka sekalian orang itu karut dan sesat dan kufur, yang tiada terlintas pada waham orang yang berakal daripada ahli ilmu, maka janganlah tuan hamba dengar dan ikut yang demikian itu"

Demikian itu, wajib bagi orang beriman berwaspada dengan keyakinan dan perkataan seperti ini. Wajib juga mewasapadai orang ramai dari keyakinan yang demikian. Allah SWT tidak meresap ke dalam makhluk ciptaan-Nya kerana dia bukanlah jisim yang menempati mana-mana tempat.

5.2.3 Pendekatan Akidah Allah SWT Bertempat dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljmaah

Shaykh Nāẓim meyakini bahawa zat Allah SWT itu berada dalam masa dan tempat, namun realiti dia tidak bermasa dan bertempat, dia berada dalam semuanya, bila-bila masa, di mana-mana dan tembus setiap sesuatu (al-Qubrūsī 2001). Dengan kefahaman ini, Shaykh Nāẓim tidak mengkhususkan sesuatu tempat bagi Allah SWT. Kefahaman beliau ialah, apabila disebut Allah SWT tidak bertempat, ini membawa erti Allah SWT berada di mana-mana. Kenyataan beliau, sebagaimana disebutkan oleh penulis sebelum ini, beliau sering mengubah-ubah kenyataan beliau, dalam kenyataan yang lain beliau turut meyakini saat umat Islam solat menghadap Kaabah, maka hakikatnya Allah SWT berada dalam Kaabah untuk dilihat oleh mereka, kerana jika mereka sujud kepada Kaabah semata-mata maka itu ialah syirik (al-Qubrūsī 2001).

Keyakinan yang dipegang oleh sekalian Ahli Sunnah Waljamaah ialah keyakinan yang teguh bahawasanya Allah SWT tidak berhajat kepada makhluk-Nya. Allah SWT merupakan pencipta sekalian alam, Allah SWT tidak berhajat kepada alam ciptaan-Nya. Allah SWT bersifat dengan Azali yakni tiada permulaan, tiada sesuatupun yang wujud bersama-sama dengan Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah SWT telah sedia ada tanpa tempat, dan setelah Dia mencipta tempat, Dia tetap seperti sedia ada-Nya tanpa tempat. Hal ini ditegaskan oleh Sayyidunā ‘Alī r.a (al-Baghdādī t.th):

كَانَ – أَيْ اللهُ – وَلا مَكَانَ وَهُوَ الآنَ عَلَى مَا عَلَيْهِ كَانَ

Maksudnya:

> "Allah telah sedia ada tanpa tempat dan kita sekarang menghukumkan bahawa Dia tetap sedia ada tanpa tempat"

Semua empat, arah yang enam (atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang), Arasy, *Kursi*, langit dan bumi merupakan ciptaan Allah SWT. Sebelum Allah SWT menciptakan tempat, Allah SWT telah sedia ada tanpa tempat, setelah Allah SWT menciptakan tempat, Allah SWT tidak berubah daripada tanpa tempat kepada bertempat, Allah SWT tetap sedia ada tanpa tempat. Ini kerana perubahan adalah mustahil bagi hak Allah SWT. Setiap yang berubah berhajat kepada yang mengubahnya daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lain. Contohnya matahari yang terbit dan terbenam, yang mengubahnya supaya terbit dan terbenam adalah Allah SWT. Demikian, Allah SWT tidak berubah kerana perubahan berhajat kepada suatu kuasa yang mengubahnya dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain, sekiranya Allah SWT berubah, nescaya Allah SWT itu lemah. Ini sesuai dengan perkataan Imām al-Shāfi'ī (al-Zabīdī 1989):

لايجوز عليه التغيير

Maksudnya:

> "Tidak harus bagi Allah SWT mengalami perubahan"

Umat Islam yang mengimani Allah SWT, sudah tentu meyakini bahawa Allah SWT bersifat dengan *al-Mukhālafatu li al-Hawādith* dan *al-Qiyāmu bi Nafsihi* yakni Allah SWT tidak serupa dengan makhluk-Nya dan Allah SWT tidak berhajat kepada makhluk-Nya. Sekiranya dikatakan Allah SWT bertempat, ini membawa keyakinan bahawa Allah SWT seperti sekalian jisim dan jirim yang mengambil lapang dan ruang sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Hanya jisim dan jirim yang mengambil ruang dan lapang. Berkata Tuan Hussein Kedah (al-Banjarī t.th.b):

> "Jirim itu tiap-tiap yang memenuh lapang seperti kayu dan batu dan segala tubuh binatang"

Tempat adalah ciptaan Allah SWT. Mustahil Allah SWT berhajat kepada ciptaan-Nya. Firman Allah SWT (Surah al-Ikhlās 112: 2):

ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ

Maknanya:

> "Allah SWT yang tidak berhajat kepada yang lain, manakala semua hamba berhajat kepada-Nya"

Adapun, berhubung dengan penafsiran *istiwā'* bagi hak Allah SWT, penulis tidak mahu untuk membincangkan lanjut hal ini kerana ia terkait dengan pemahaman tauhid golongan *al-Wahhābiyyah* (Engku Ibrahim Engku Wok Zin et.al 2011) dan Shaykh Nāẓim bukanlah dari golongan ini. Memadai dengan dinukilkan bahawa Allah SWT bukanlah bertempat di atas Arasy sebagaimana disebut oleh Al-Bāqilānī (al-Bāqilānī 2000):

ونقول: استواؤه لا يشبه استواء الخلق، ولا نقول إن العرش له قرار، ولا مكان، لأن الله تعالى كان ولا مكان، فلما خلق المكان لم يتغير عما كان

Maksudnya:

> Kami katakan: "*Istiwā'*-Nya tidak seperti makhluk bersemayam dan kami tidak katakan bahawa 'Arasy merupakan tempat menetap baginya, [Dia] tidak bertempat kerana Allah telahpun wujud sebelum kewujudan tempat. Tatkala Dia telah menciptakan tempat, Dia tidak berubah daripada keadaan-Nya sebelum itu [iaitu wujud-Nya tetap tidak bertempat]"

Dengan ini jelas bahawasanya Ahli Sunnah Waljamaah menafikan tempat bagi Allah SWT dan keyakinan Allah SWT bertempat ini membawa kemudaratan kepada akidah orang yang meyakininya.

Hasil daripada keyakinan Allah SWT bertempat, maka Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa saat penimbangan amalan (*Mizān*) berlaku, maka *Kursi* Allah SWT yang disebut oleh beliau sebagai singgahsana Allah SWT akan terletak di suatu tapak antara perkuburan dua orang isteri nabi di Damsyik, Syria (al-Qubrūsī 1980). Adapun

mengenai makhluk Allah SWT yang bernama *Kursi* ini, firman Allah SWT (Surah al-Baqarah 2: 255):

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ

Maksudnya:

"Keluasan *Kursi* itu meliputi langit dan bumi"

Kursi merupakan makhluk Allah SWT yang wajib diimani akan kewujudannya. Ia berada di alam yang atas. Sebahagian ulama mengatakan ia berada di bawah Arasy dan sebahagiannya berkata ia di atas Arasy. *Kursi* ini bukanlah singgahsana Allah SWT sebagaimana Arasy juga bukan singgahsana Allah SWT. *Kursi* merupakan antara makhluk ciptaan Allah SWT yang besar. Namun ciptaan Allah SWT yang paling besar ialah Arasy. Keluasan *Kursi* dan Arasy ini ada diceritakan dalam hadith Nabi SAW:

ما السموات السَّبعُ فِي الْكُرْسِيِّ إِلَّا كَحَلْقَةٍ مُلْقَاةٍ بِأَرْضٍ فَلَاةٍ، وَفَضْلُ الْعَرْشِ عَلَى الْكُرْسِيِّ كَفَضْلِ تِلْكَ الْفَلَاةِ عَلَى تِلْكَ الْحَلْقَ [2]

Maksudnya:

"Tidaklah langit [jika] dibandingkan dengan al-*kursi* melainkan ia seumpama sebentuk cincin yang dilemparkan ke kawasan tanah yang luas dan bandingan al-'Arash ke atas al-Kursī seumpama bandingan kawasan tanah yang luas ke atas sebentuk cincin".

Arasy dan *Kursi* ini diciptakan oleh Allah SWT, tidak lain tidak bukan adalah semata-mata sebagai pembuktian kesempurnaan dan keagungan kuasa Allah SWT, bukanlah untuk menjadi tempat bagi kediaman Allah SWT. Hal ini dikuatkan kenyataan Sayyidunā 'Alī r.a (al-Baghdādī t.th) :

إن الله تعالى خلق العرش اظهاراً لقدرته لا مكاناً لذاته

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah SWT menciptakan Arasy untuk menzahirkan kekuasaanya bukan untuk menjadikan tempat bagi Zat-Nya"

[2] Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb Ma jā' fi al-Tā'āt wa Thawābihā*. No. Hadith 361.

Jika Arasy yang lebih besar ini diciptakan untuk menzahirkan kekuasaan Allah SWT, maka apatah lagi *Kursi* yang lebih kecil dari Arasy? Sudah tentu ia bukan singgahsana Allah SWT mahupun tempat bagi zat Allah SWT. Maha Suci Allah dari yang demikian itu.

Berhubung dengan keyakinan Allah SWT bertempat ini, Shaykh Nāẓim turut meyakini bahawa Allah SWT boleh mengambil tempat dengan berada bersama-sama dengan makhluk secara hakiki, sehingga Allah SWT boleh bersama-sama dengan seekor semut (al-Qubrūsī 1986; al-Qubrūsī 2002.a). Shaykh Nāẓim juga mendakwa seseorang boleh melihat Allah SWT di dunia dengan hanya melihat kepada Nabi SAW kerana Nabi SAW sentiasa bersama dengan Allah SWT secara hakiki (al-Qubrūsī 2001). Begitu juga, Shaykh Nāẓim turut mendakwa Allah SWT berada di mana-mana dalam makhluk-Nya, dalam batu-batu, dalam gunung-ganang juga dalam pokok-pokok (al-Qubrūsī 2001). Keyakinan seperti ini lazimnya datang daripada orang yang meyakini keyakinan *ḥulūl* dan *ittiḥād*. Bagi menjelaskan hal ini, penulis mengulang kembali kenyataan Tuan Husein Kedah (al-Banjarī t.th.a):

> "(maka bersalah-salahan gurunya) yang terkena himpit dan sesak kerana menunjuk akan hakikat Allah Taala dan yang demikian itu nyata karutnya dan sesatnya tiada berhajat kepada dalil lagi kerana tiada yang sebenar pada bicara iktikad itu melainkan satu jalan jua, ini sampai berpuluh-puluh jalan iaitu nyata karutnya. (maka setengah gurunya) berkata ia dengan berbisik-bisik dan bersembunyi, anak mata itulah allah dan setengahnya berkata roh itulah Allah dan berkata setengah diri kita inilah Allah, setengahnya berkata ia 'hang mari tadi hang berjumpa dengan apa?' maka kata muridnya 'saya berjumpa dengan kerbau' atau 'dengan ular' atau berjumpa dengan apa-apa pun jadilah, maka berkata gurunya 'itulah Allah' dan setengahnya berkata ia 'waktu maghrib sekarang hang pergi lihat Allah di situ' padahal sudah ia berjanji dengan syaitan hantu raya berdiri di situ dan barang yang lain daripada barang yang tersebut itu beberapa banyak lagi yang hamba dapat karut mereka itu, nauzubillahi minha. maka sekalian orang itu karut dan sesat dan kufur, yang tiada terlintas pada waham orang yang berakal daripada ahli ilmu, maka janganlah tuan hamba dengar dan ikut yang demikian itu".

Sememangnya golongan ini mendakwa-dakwa bahawa zat Allah SWT bersatu atau meresap masuk dalam makhluk-Nya secara hakiki. Perkara seperti ini memudaratkan akidah seseorang yang mengaku Islam kerana keyakinan ini membawa penyerupaan Allah SWT dengan makhluk-Nya.

Keyakinan bahawa Allah SWT bersama dengan makhluk secara hakiki ini adalah serupa dengan keyakinan Allah SWT berada di mana-mana, di setiap tempat, bersama dengan makhluk-Nya. Keyakinan ini dipelopori oleh sebahagian golongan *Jahmiyyah* sebagaimana dinukilkan dari Ibn Kathīr (t.th):

كان الجعد بن درهم من أهل الشام وهو مؤدب مروان الحمار، ولهذا يقال له: مروان الجعدي، فنسب إليه، وهو شيخ الجهم بن صفوان الذي تنسب إليه الطائفة الجهمية الذين يقولون: إن الله في كل مكان بذاته تعالى الله عما يقولون علوا كبيرا

Maksudnya:

> "Ja'd bin Dirhām adalah warga Syam, dia adalah gurunya Jahm bin Safwān yang kepadanya dinisbatkan golongan Jahmiyyah yang berkata, 'Sesungguhnya Allah ada di setiap tempat dengan zat-Nya"

Kata al-Nasafī pula (al-Nasafī 2000):

قالت الجهمية بأن الله تعالى بكل مكان

Maksudnya:

> "Telah berkata golongan Jahmiyyah bahawasanya Allah SWT berada pada semua tempat"

Keyakinan ini juga membawa erti Allah SWT menempati tempat. Penulis telah menjelaskannya bahawa keyakinan Allah SWT menempati suatu tempat atau berada di mana-mana tempat bersama makhluk-Nya adalah kesalahan yang fatal dalam akidah. Keyakinan Allah SWT berada di mana-mana ini dibina berdasarkan kepada terjemahan literal ayat al-Quran, firman Allah SWT (Surah al-Hadīd 57: 4):

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ

Sedangkan ayat ini telah dibahas panjang oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah bahawa Allah SWT bukanlah berada di mana-mana sebagaimana zahir nas yang akan penulis menjelaskan dengan lanjut selepas ini. Sekian lama para ulama Ahli Sunnah Waljamaah telah menolak dengan keras fahaman ini kerana ia membawa keyakinan

Allah SWT itu seperti udara yang menempati semua tempat. Sedangkan para ulama Ahli Sunnah Waljamaah telah berijmak bahawasanya Allah SWT itu Maha Suci daripada berhajat kepada tempat. Berkata al-Rāzī dalam tafsirnya (al-Rāzī t.th):

انعقد الإجماع على أنه سبحانه ليس معنا بالمكان والجهة والحيّز

Maksudnya:

> "Telah ijmak para ulama bahawa sesungguhnya Allah yang Maha Suci itu, bukanlah bersama kita dengan bertempat, berarah dan terapung-apung."

Perkataan yang sama dinukilkan daripada Abu Manṣūr al-Baghdādī (al-Baghdādī t.th)**:**

وَأَجْمَعُوا عَلَى أَنَّ اللهَ لَا يَحْوِيْهِ مَكَانٌ وَلَا يَجْرِيْ عَلَيْهِ زَمَانٌ

Maksudnya:

> "Dan telah ijmak para ulama bahawasanya Allah SWT tidak diliputi tempat dan tidak berlalu bagi-Nya masa."

Penafsiran ayat berkenaan telah pun disebut oleh ulama tafsir bahawasanya yang dikehendaki pada ayat tersebut ialah merujuk kepada sifat *al-'Ilm* bagi Allah SWT. Allah SWT yang bersifat *al-'Ilm*, Dia Maha Mengetahui mengenai sekalian makhluk-Nya walau di mana mereka berada. Kata Imām al-Baihaqī (al-Baihaqī t.th):

وفيما كتبنا من الآيات دلالة على إبطال قول من زعم من الجهمية أن الله سبحانه وتعالى بذاته في كل مكان وقوله عز وجل: ((وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ)) إنما أراد به بعلمه لا بذاته

Maksudnya:

> "Dan dalam ayat-ayat yang telah kami tulis itu ada suatu keterangan yang jelas bagi membatalkan pendapat daripada sangkaan golongan al-Jahmiyyah bahawa Allah itu berada di setiap tempat dengan zat-Nya. Dan firman Allah : وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ , sebenarnya bererti dengan ilmu-Nya bukannya dengan zat-Nya"

Demikian itu kata Tuan Minal iaitu (al-Faṭānī.b t.th):

> “Dan ia terlebih hampir kepada manusia daripada urat lehernya, erti hampir dengan ilmu-Nya bukan hampirnya zat-Nya, Maha Suci Allah daripada demikian itu”

Jika seseorang berkata Allah SWT berada di mana-mana, maka perlu ditilik terlebih dahulu kefahamannya, janganlah bersegera dalam menghukum seseorang itu dengan kekafiran melainkan telah nyata dan jelas akan perkara itu. Sebahagian manusia mungkin memahami makna perkataan “Allah SWT di mana-mana” dengan kefahaman bahawa Allah SWT mengetahui setiap sesuatu dengan sifat *‘ilm*. Maka yang demikian itu, perlu diajari kepada mereka bahawa ungkapan “Allah SWT di mana-mana” adalah salah di sisi syarak. Bagaimanapun, jika jelas akan akidahnya bahawa Allah SWT dengan zat-Nya berada di setiap tempat, maka tidak lagi diragui kesesatannya.

Selain daripada keberadaan dan kebersamaan Allah SWT dengan makhluk-Nya, Shaykh Nāẓim juga meyakini kebersamaan roh Nabi Muhammad SAW dan para wali bersama-sama dengan Allah SWT secara hakiki selepas kematian mereka (al-Qubrūsī 2001). Hal ini berlaku disebabkan keyakinan beliau yang dibina dengan keyakinan *ḥulūliyyah* dan *ittiḥādiyyah*.

Penulis telah menjelaskan bahawa amat mustahil Allah SWT itu diresapi makhluknya, atau bersama dengan makhluk dengan zat-Nya. Hal ini menafikan sifat *mukhālafah* Allah SWT dengan yang baharu. Hakikat roh itu tidak diketahui oleh sesiapa melainkan Allah SWT. Ini sesuai dengan firman-Nya (Surah al-Isrā 17: 85):

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي

Maksudnya:

> “dan mereka bertanya tentang hakikat Roh, maka katakan wahai Muhammad, Roh itu adalah urusan Tuhanku”

Urusan mengenai roh bukanlah urusan sesiapa melainkan Allah SWT. Hatta Nabi SAW tidak mengetahui mengenai roh sehingga diperintah Allah SWT supaya menyerahkan

urusan roh hanya kepada-Nya. Sepakat ulama mengenai hal ini sebagaimana dikhabarkan oleh al-Laqqānī (al-Ḥusaynī 2016):

وَلاَ تَخُضْ فِي الرُّوحِ إِذْ مَا وَرَدَا
نَصٌّ مِنَ الشَّارِعِ لكِنْ وُجِدَا

Maksudnya:

> "Janganlah engkau mencari hakikat Roh melainkan apa yang warid baginya nas syarak yang engkau dapati"

Mengenai roh, di mana mereka berkumpul? Maka hadith nabi yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dan al-Nasāī telah menjawab persoalan ini, iaitu roh orang mukmin mereka saling bertemu di langit manakala roh orang kafir di bawah bumi. Sabda Nabi SAW:

أَنَّ نَبِيَّ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا حُضِرَ الْمُؤْمِنُ أَتَتْهُ مَلائِكَةُ الرَّحْمَةِ بِحَرِيرَةٍ بَيْضَاءَ ، فَيَقُولُونَ : اخْرُجِي رَاضِيَةً مَرْضِيًّا عَنْكِ إِلَى رَوْحِ اللهِ ، وَرَيْحَانٍ ، وَرَبٍّ غَيْرِ غَضْبَانَ فَتَخْرُجُ كَأَطْيَبِ رِيحِ مِسْكٍ حَتَّى إِنَّهُ لَيُنَاوِلُهُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا حَتَّى يَأْتُوا بِهِ بَابَ يَعْنِي السَّمَاءِ فَيَقُولُونَ : مَا أَطْيَبَ هَذِهِ الرِّيحَ الَّتِي جَاءَتْكُمْ مِنَ الأَرْضِ فَيَأْتُونَ بِهِ أَرْوَاحَ الْمُؤْمِنِينَ فَلَهُمْ أَشَدُّ فَرَحًا بِهِ مِنْ أَحَدِكُمْ بِغَائِبِهِ يَقْدَمُ عَلَيْهِ فَيَسْأَلُونَهُ مَا فَعَلَ فُلاَنٌ مَا فَعَلَ فُلاَنٌ ؟ فَيَقُولُونَ : دَعُوهُ فَإِنَّهُ كَانَ فِي غَمِّ الدُّنْيَا فَإِذَا قَالَ أَمَا أَتَاكُمْ ؟ قَالُوا : ذُهِبَ بِهِ إِلَى أُمِّهِ الْهَاوِيَةِ وَإِنَّ الْكَافِرَ إِذَا حُضِرَ أَتَتْهُ مَلائِكَةُ الْعَذَابِ بِمِسْحٍ فَيَقُولُونَ : اخْرُجِي سَاخِطَةً مَسْخُوطًا عَلَيْكِ إِلَى عَذَابِ اللهِ فَتَخْرُجُ كَأَنْتَنِ رِيحِ جِيفَةٍ حَتَّى يَأْتُونَ بِهِ بَابَ الأَرْضِ فَيَقُولُونَ : مَا أَنْتَنَ هَذِهِ الرِّيحَ حَتَّى يَأْتُوا بِهِ أَرْوَاحَ الْكُفَّارِ[3]

Maksudnya:

> "Bahawasanya Nabi SAW bersabda: ((Apabila seorang Mukmin nazak, datang kepadanya malaikat Rahmat dengan membawa sutera putih. Para malaikat berkata: Keluarlah wahai roh dalam keadaan redha lagi diredhai kepada Allah, penuh rahmat serta tidak dimurkai Tuhan. Maka roh tersebut keluar seperti bau kasturi yang terbaik sehingga bau tersebut sampai ke pintu langit. Para malaikat (di langit) berkata: "wanginya bau yang kamu bawa dari dunia! Mereka membawa roh tersebut menemui roh-roh orang yang beriman. (Pada ketika itu) mereka (roh orang mukmin) terlalu gembira dengan kedatangan roh tadi.

[3]Al-Nasāī, *al-Sunan al- Ṣughrā*, *Kitāb al-Janā'iz*, *Bāb Mā Yalqā bih al-Mu'min min al-Karāmah 'ind Khūruj Nafsih*. No. Hadith 1826.

> Mereka bertanya kepadanya apa yang dilakukan oleh fulan ini, apa yang dilakukan oleh fulan ini? Para malaikat berkata: Tinggalkan dia. Sesungguhnya dia pernah berada di dalam kesedihan dunia. Lalu roh itu berkata: Apa yang menyebabkan kamu ke sini? Mereka menjawab: Dia telah dibawa dari ibunya. Ketika mana orang kafir nazak, datang kepadanya malaikat azab dengan membawa guni. Lalu para malaikat berkata: Keluar wahai roh dalam keadaan murka lagi dimurkai serta (rasalah) azab Allah. Maka roh itu keluar seperti bau nanah (yang keluar dari bangkai mereput) sehingga bau tersebut sampai ke pintu dunia maka Para malaikat berkata: Busuknya bau nanah ini sehingga mereka membawa roh-roh orang kafir."

Walau apapun hakikat roh itu, ia diserahkan kepada Allah SWT, namun meyakini kebersamaan roh dengan Allah SWT, itu merupakan suatu percanggahan akidah yang nyata dan tidak boleh dikompromi.

5.2.4 Pendekatan Akidah *Tajsīm* dan *Tasybīh* dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

Selain dari menisbahkan tempat bagi Allah SWT, Shaykh Nāẓim turut mendatangkan pemikiran *tajsīm* dan *tasybīh* apabila mensifatkan Allah SWT dengan anggota-anggota badan. Penulis mendapati hal ini kerana berkemungkinan besar Shaykh Nāẓim tidak mahir dalam bidang akidah dan tauhid. Apabila beliau berinteraksi dengan beberapa nas syarak seperti al-Quran dan hadith yang berbentuk *mutashābihāt*, maka beliau cenderung untuk berpegang kepada zahirnya. Antara kenyataan beliau, beliau menetapkan Allah SWT mempunyai mata (al-Qubrūsī 1980), muka yang hakiki (al-Qubrūsī 1980), tangan yang berbayang (al-Qubrūsī 1980) dan bahu (al-Qubrūsī 1980). Selain anggota badan, beliau juga menyebut Allah SWT mempunyai kecantikan dan kesempurnaan yang dimafestasikan kepada perempuan dan lelaki (al-Qubrūsī 1980).

Penisbahan anggota badan terhadap Allah SWT merupakan suatu kepincangan yang besar dalam akidah. Seorang ulama Ahli Sunnah Waljamaah daripada kurun salaf iaitu al-Ṭaḥāwī menyebut dalam kitab akidahnya yang masyhur (al-Ṭaḥāwī t.th):

> وتعالى عن الحدود والغايات والأركان والأعضاء والأدوات، لا تحويه الجهات الست كسائر المبتدعات

Maksudnya:

> “Dan Maha suci Allah daripada daripada sebarang saiz, batas akhir, batas sisi, anggota kecil atau anggota besar, dan Dia tidak diliputi oleh arah yang enam”

Sifat-sifat ini merupakan sifat jenis *Khabariyyah* yang merujuk kepada sifat-sifat Allah SWT yang dinyatakan dalam al-Quran secara *Mutashābihāt* seperti sifat *yad*, *wajh*, *ʻayn* dan lain-lain sebagaimana disebut Imām al-Nasafī (w. 710H) dalam *Tafsir al-Nasafī* (Sayyid Muhammad Hilmi 2015). Sifat-sifat ini tidak diimani secara hakiki dan literalnya, malah ulama cenderung untuk melakukan takwil bagi mengelak salah faham terhadap sifat-sifat Allah SWT ini. Walapun ada yang mengimani secara *Tafwīḍ*, perlu diketahui bahawa ia bukanlah dengan cara memaknakan secara literal, kemudian mengimani makna literalnya.

Ahli Sunnah Waljamaah secara mutlak menafikan Allah SWT beranggota badan sebagaimana disebut oleh al-Ṭaḥāwī. Sama ada anggota itu kecil seperti kuku, mahupun anggota itu besar seperti tangan, ini kerana penisbahan anggota terhadap Allah SWT akan menafikan sifat *mukhālafah* Allah SWT dengan makhluk-Nya. Apabila berinteraksi dengan nas-nas yang *mutashābihāt*, akidah yang menjadi teras pegangan golongan Ahli Sunnah Waljamaah adalah berteraskan kepada konsep *tanzīh* iaitu menyucikan Allah daripada sebarang persamaan dengan makhluk-Nya, baik daripada segi zat-Nya, sifat-Nya mahupun *afᶜāl*-Nya.

Daripada konsep ini lahirnya natijah iktiqad yang bersih daripada sebarang bentuk *tashbīh* dan *tajsīm*. Konsep *tanzīh* diaplikasikan sepenuhnya oleh Ahli Sunnah Waljamaah dalam berinteraksi dengan ayat-ayat al-Quran mahupun hadith yang bersifat *mutashābihāt* sama ada konsepnya menggunakan pendekatan *tafwīḍ* yang dipegang oleh majoriti *salaf al-ṣāliḥ* mahupun takwil yang dipegang oleh majoriti golongan *khalaf* (Sobri Ellias 2013).

Jumhur *salaf al-ṣāliḥ* mengaplikasikan *tafwīḍ* dalam berinteraksi dengan nas-nas yang bersifat *mutashābihāt*. Mereka mengimani setiap nas ini tanpa memalingkan maknanya kepada makna yang tiada membawa *waham* mengenai penyerupaan Allah dengan makhluk-Nya seperti mengambil ruang, arah dan tempat (al- Hāḍirī 2007).

Sebagai contoh, *salaf al-ṣāliḥ* tidak memahami bahawa kalimah *yad* (يد) dalam firman Allah SWT, Surah al-Fath: 10 dengan makna anggota tangan, bahkan mereka mengimani bahawa ayat ini menunjukkan Allah bersifat dengan sifat *yad*. Sifat *yad* ini bukanlah anggota kerana *salaf al-ṣāliḥ* menafikan bahawa Allah itu berjisim. Shaykh ʻAbd Allāh al-Hararī menyatakan bahawa tidaklah menjadi kesalahan untuk seseorang mengimani bahawa Allah bersifat dengan *yad* atau selainnya yang nyata di dalam al-Quran, namun mesti disertakan dengan penafian bahawa Allah berjisim, mengambil ruang dan sebagainya (al-Hararī 2004).

Begitulah keimanan *salaf al-ṣāliḥ* terhadap nas-nas yang bersifat *mutashābihāt* dan kenyataan akidah *salaf al-ṣāliḥ* ini terangkum dalam beberapa karya agung dalam bidang akidah yang ditulis oleh beberapa ulama seperti Imām Abū Ḥanīfah (w. 150H) dan Imām Abū Jaʻafar al-Ṭaḥāwī (w. 321H). Imām Abū Ḥanīfah sebagai contoh, telah menggariskan 12 prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah golongan *salaf al-ṣāliḥ* yang menjadi ikutan generasi terkemudiannya selepas itu (Zakaria Stapa 2015). Antara prinsipnya ialah Ahli Sunnah Waljamaah mengimani bahawa Allah SWT bersifat dengan *Istiwā'* tanpa berhajat kepada tempat dan duduk di atas Arasy, Allah SWT yang menguasai Arasy, Dia tidak duduk di atasnya. Ahli Sunnah Waljamaah juga mengimani bahawa Allah SWT bersifat dengan *Kalām* tanpa berhajat kepada huruf, suara dan bahasa. Metodologi *tafwīḍ* ini dianggap lebih selamat (Hamad al-Sinan et.al t.th).

Sungguhpun jumhur *salaf al-ṣāliḥ* menggunapakai kaedah *tafwīḍ* dalam berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt*, namun dalam beberapa keadaan teretentu, ditemukan bahawa *salaf al-ṣāliḥ* turut menggunapakai metodologi takwil (al-Sajlāmāsī 2013). Takwil bererti memalingkan makna zahir nas-nas *mutashābihāt* kepada makna yang layak bagi Allah. Sebagai contoh Imām al-Ghazālī dan Imām al-Zarkashī (w. 794H) meriwayatkan bahawa Imām Ahmad bin Hanbal (w. 241H) pernah melakukan takwil pada firman Allah SWT dalam Surah al-Fajr: 22 وجآء ربك. Imām Ahmad menyatakan bahawa maknanya di sini ialah أمر ربك (al-Hāḍirī 2007).

Lebih menarik lagi, *salaf al-ṣāliḥ* daripada kalangan generasi pertama iaitu para sahabat, turut menggunapakai metodologi takwil. Ini dikuatkan menerusi riwayat yang *ṣahīh* oleh al-Naisābūrī dan turut disahihkan oleh al-Ḥākim, Ibn Ḥajar al-ʻAsqalānī dan

al-Dhahabī bahawasanya Ibn ‘Abbās telah mentakwil firman Allah SWT dalam Surah al-Qalam: 42, يَومَ يُكشَفُ عَن سَاقٍ kepada makna yang bertepatan dengan Bahasa Arab iaitu شدة yang membawa maksud dahsyat. Iaitu di hari akhirat Allah SWT akan menzahirkan kepada golongan yang ingkar akan azab-Nya yang dahsyat (al- Hāḍirī 2007). Cukuplah dua takwil ini menjadi bukti sandaran bahawa golongan *salaf al-ṣāliḥ* turut menerima pakai kaedah takwil walaupun secara tidak menyeluruh kerana tiada keperluan pada zaman itu. Bahkan Imām al-Bukhārī turut mentakwilkan nas-nas *mutashābihāt* yang mengandungi makna-makna yang membawa *waham* (al-Sanūsī 2015).

Berlainan dengan *salaf al-ṣāliḥ*, golongan *khalaf* lebih cenderung mengaplikasikan metodologi takwil akibat daripada limitasi bahasa untuk memahami nas-nas *mutashābihāt* berbanding dengan golongan *salaf al-ṣāliḥ* yang zaman mereka itu hampir dengan zaman turunnya wahyu (al-Subkī 1983). Golongan *khalaf* yang terdiri daripada kalangan Ahli Sunnah Waljamaah ini ialah mereka yang disandarkan ghalibnya kepada salah satu daripada dua mazhab, sama ada al-Ashā‘irah atau al-Māturīdiyyah. Mereka ini terdiri daripada kalangan ulama yang soleh, para sufi dan orang yang bertaqwa sama ada daripada timur mahupun barat, yang berpegang dengan kedua-dua mazhab ini ialah dari kalangan graduan-graduan Universiti *al-Azhar*, Universiti *al-Zaytunah*, Universiti *al-Qarawiyyun*, dari kawasan Iraq sehinggalah ke negara *Warā’ al-Naḥār* (al-Ghiryānī t.th).

Metodologi takwil yang digunapakai oleh *khalaf* bukanlah sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian manusia yang cenderung ke arah fahaman menjisimkan Allah bahawa takwil itu membawa kepada *Ta‘ṭīl*[4]. Bahkan takwil yang menjadi salah satu prinsip pegangan golongan *khalaf* terhadap nas-nas *mutashābihāt* merupakan takwil yang didasari dengan bukti dan dalil yang kukuh (Zakaria Stapa 2015). Ibn ‘Arafah menyatakan bahawa lafaz-lafaz yang membawa *waham* (terimaginasi bahawa Allah berjisim), maka dipalingkan maknanya kepada makna yang benar di sisi syarak, adapun orang yang berpegang dengan zahir maknanya itu, maka dia merupakan pembuat bidaah

[4]*Ta‘ṭīl* dirujuk kepada dua jenis golongan iaitu yang pertama ialah mereka yang menafikan kewujudan Allah SWT seperti Atheis, manakala yang kedua ialah yang menafikan sifatNya seperti golongan Mu Mu‘tazilah.

(al-Sanūsī 2015). Contoh-contoh takwil yang diberikan oleh *khalaf* apabila berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt* ialah seperti berikut:

i. Al-Bāqilānī (w. 403H) mentakwilkan lafaz firman Allah الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى dalam Surah Tāhā: 5 kepada makna menguasai (al-Sajlāmāsī 2013);

ii. Al-Bāqilānī turut mentakwilkan lafaz firman Allah ويَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ dalam Surah al-Raḥmān: 27 kepada makna Zat Allah (al-Sajlāmāsī 2013); dan

iii. Qaḍī 'Iyyāḍ (w. 476H) mentakwilkan lafaz يضحك الله dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī kepada makna keredhaan Allah (al-Sanūsī 2015).

Metodologi takwil ini digunapakai oleh golongan *khalaf* bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan awam yang bukan terdiri daripada bangsa Arab mahupun penutur Bahasa Arab. Demikian itu, apabila berinteraksi dengan nas-nas daripada al-Quran dan hadith mereka berhajat untuk memahami nas-nas ini, maka nas-nas yang bersifat *mutashābihāt* ini tidak boleh diterjemah langsung ke dalam bahasa selain Bahasa Arab, malah memerlukan kepada takwil terlebih dahulu dan kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa selain Bahasa Arab seperti Bahasa Melayu. Kerana itu tidak dapat tidak, setiap nas-nas *mutashābihāt* perlu ditakwil di sisi *khalaf* secara terperinci, manakala metodologi *tafwīḍ* lebih sesuai digunapakai oleh para *salaf al-ṣāliḥ* sewajarnya (al-Sajlāmāsī 2013).

Tanzīh merupakan suatu konsep penting yang mendasari akidah Ahli Sunnah Waljamaah secara keseluruhannya, sama ada di kalangan *salaf al-ṣāliḥ* mahupun *khalaf*. Kedua-dua generasi mengaplikasikan konsep tanzīh ini dalam mengimani setiap nas *mutashābihāt*. Konsep tanzīh yang mendasari akidah Ahli Sunnah Waljamaah ini diambil daripada ayat al-Quran yang jelas seperti yang terkandung dalam Surah al-Syūrā لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَىءٌ dan Surah al-Ikhlās وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ. *Tanzīh* bererti mensucikan Allah SWT daripada menyerupai dan menyamai makhluk-Nya (Sobri Ellias 2013).

Dalam metodologi *tafwīḍ*, para *salaf al-ṣāliḥ* mengimani sebagaimana adanya nas tersebut, yakni sebagaimana diturunkan nas tersebut. Bagi mereka, tafsir nas tersebut

adalah bacaannya, sebagaimana yang Allah SWT sifatkan Zat-Nya tanpa menyamakan Allah SWT dengan makhluk-Nya. Mereka lebih hampir dengan zaman kenabian, maka mereka lebih memahami Bahasa Arab daripada golongan terkemudian daripada kalangan *khalaf* (al-Qumi 2004). Mereka mengekalkan lafaz sebagaimana adanya tanpa menterjemahkan maknanya kepada makna-makna yang membawa kepada menjisimkan Allah SWT seperti tangan, betis, muka, mata, duduk dan sebagainya.

Adapun, metodologi takwil yang dipelopori oleh al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah, sebagai contoh al-Juwayni, al-Bāqilānī, al-Amidi (w. 631H) dan selainnya, mereka cenderung untuk membendung gejala memahami nas-nas *mutashābihāt* berdasarkan kepada makna terjemahan zahirnya. Ini kerana, zahir nas-nas *mutashābihāt* akan membawa kepada fahaman *tajsīm* dan *tashbīh* yang dihukumkan oleh ijmak ulama sebagai kufur (al-Banjarī t.th.a). Oleh yang demikian, metodologi takwil ini digunapakai bagi memalingkan makna zahir kepada makna yang layak bagi Allah SWT sesuai dengan keagungan-Nya berdasarkan kepada dalil-dalil yang nyata seperti nas-nas *muhkamāt*, syair Arab, akal yang sejahtera dan kaedah-kaedah bahasa yang disepakati. Sebagai contoh kalimah استوى dipalingkan maknanya kepada قهر (menguasai) حفظ (menjaga) yang mana ia bertepatan dengan nas *muhkamāt*, syair Arab dan Bahasa Arab (al-Hararī 2004). Maka jelas di sini bahawa Ahli Sunnah Waljamaah tidak akan sama sekali menisbahkan anggota badan bagi hak Allah SWT.

Antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim yang menjurus ke arah *tajsīm* dan *tasybīh* ialah menetapkan bahawa *Kalām* Allah SWT adalah berbahasa. Menurut beliau, akan datang suatu zaman, manusia akan kembali kepada jalan Allah SWT, maka mereka akan bertutur dengan bahasa Ilahi. Buat masa sekarang, manusia menunggu datangnya satu guru besar yang akan mengajar bahasa Allah SWT tersebut kepada manusia, katanya (al-Qubrūsī 1980). Kenyataan seperti ini bercanggah secara total dengan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Ulama Ahli Sunnah Waljamaah mengisbatkan sifat *Kalām* bagi Allah SWT dengan menafikan bahawa ia adalah huruf, suara dan bahasa. Malah mereka menafikan adanya permulaan dan pengakhiran bagi *Kalām* Allah SWT. Sifat *Kalām* Allah SWT jika dikatakan ia berhuruf, bersuara dan berbahasa, maka ia membawa natijah kepada keyakinan *tajsīm* dan *tashbīh* seperti dakwaan al- Mu‘tazilah bahawa al-Quran (dengan makna sifat *Kalām* Allah SWT) itu makhluk, dan dakwaan

Mushabbihah bahawa *Kalām* Allah SWT itu berhuruf, bersuara dan berbahasa. Adapun *Mushaf* al-Quran itu ialah ibarat bagi *Kalām* Allah dan ia merupakan wahyu, bukan *Kalām* Allah yang sabit pada Zat Allah SWT.

Keyakinan bahawa *Kalām* Allah SWT berhuruf, bersuara dan berbahasa ini malah dihukumkan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah sebagai terkeluar daripada Islam. Kata al-Ash‘arī (al-Qāḍī 2017):

لأن إمام أحمد بن حنبل رضي الله عنه قال بنفي خلقه وتكفير من قال بخلقه

> Maksudnya: "Kerana sesungguhnya Imām Ahmad bin Hanbal r.a berkata pada menafikan *Kalām* Allah SWT itu makhluk dan mengkafirkan sesiapa yang berkata *Kalām* Allah SWT itu makhluk"

Hal ini jelas bahawa *Kalām* Allah SWT tidak berbahasa. Bahasa itu ciptaan Allah SWT, kerana itu ulama Ahli Sunnah Waljamaah menafikan bahasa bagi Allah SWT. Tidak timbul istilah Bahasa Ilahi atau Bahasa Tuhan kerana bahasa itu sendiri ternafi bagi Allah SWT. Kata Imām al-Sanūsī (Al-Ḥusaynī t.th):

والكلام الذي ليس بحرف ولا صوت

> Maksudnya: "Dan *Kalām*-Nya yang bukan huruf dan bukan suara"

Jika *Kalām* Allah SWT bukan huruf dan bukan suara, nescaya ia bukan bahasa. Kerana itu Imām Abū Ḥanīfah menjelaskan hal ini:

نحنُ نتكلمُ بالآلاتِ والحروفِ، واللهُ تعالى يتكلمُ بلا حروفٍ ولا آلةٍ. والحروفُ مخلوقةٌ، وكلامُ اللهِ تعالى غيرُ مخلوقٍ

> Maksudnya: "Kita berbicara dengan alat (seperti mulut dan menggunakan bahasa) dan huruf, dan Allah SWT berbicara tanpa huruf dan alat. Adapun huruf itu makhluk, sedangkan *Kalām* Allah SWT bukan makhluk"

Di sini jelaslah bahawa dakwaan Shaykh Nāẓim yang Allah SWT mempunyai bahasa itu terbatal. Orang beriman menyucikan Allah s.wt dari sebarang bentuk penyerupaan dengan makhluk-Nya.

Selain dari itu, Shaykh Nāẓim turut menisbahkan perasaan bagi Allah SWT. Beliau mendakwa Allah SWT mempunyai perasaan bangga dan gembira (al-Qubrūsī 2001), cinta (al-Qubrūsī 2002.b) dan ego (al-Qubrūsī 2002.b). Shaykh Nāẓim juga mendakwa Allah SWT menunggu-nunggu hamba-Nya untuk menziarahi-Nya di Kaabah (al-Qubrūsī 2012). Sebagaimana telah dinyatakan, Shaykh Nāẓim acapkali menjadikan terjemahan daripada nas-nas *mutashābihāt* untuk dijadikan dasar akidahnya. Sebagai contoh, beliau menterjemahkannya nama Allah SWT *al-Ghayyur* sebagai *The Jealous God* (al-Qubrūsī 2008). Keyakinan Shaykh Nāẓim ini jelas menyalahi akidah pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Untuk memahami makna perasaan atau emosi, kedua-dua perkataan ini adalah berasal daripada perkataan Latin, iaitu *e'movere* yang bermaksud keluar (*out*) dan *movere* yang bermakna gerak (*move*) sebagaimana dijelaskan Plutchik, manakala menurut Gardner, emosi juga kerap didefinisikan sebagai perasaan (*feeling*), pengaruh (*affect*), watak (*disposition*) atau situasi minda (*mood*) (Azman Ismail et.al 2012). Berdasarkan definisi ini, maka jelas bahawa emosi atau perasaan merupakan ciptaan Allah yang terkait dengan hati. Kerana itu dalam Islam, hati itu merupakan punca kepada segala perbuatan yang terzahir daripada perasaan yang terbit daripadanya. Demikian itu, al-Quran menyeru supaya orang beriman memperbanyak zikir untuk menenangkan hati. Allah SWT berfirman (Surah al-Ra'd 13):

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya:

> "Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan berzikir (mengingat) Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram"

Kerana itu Kamāl al-Dīn Aḥmad bin Ḥusayn Al-Bayyāḍī (m. 1097H) menyatakan (Al-Bayyāḍī 2007) dalam karyanya mengenai akidah pegangan *salaf* Ahli Sunnah Waljamaah:

ويعتقد ما ورد به الآيات والأحاديث المشهورة مع التنزيه عما يوهم ظواهرها من الكيفيات والتحيز والانفعالات النفسانية، وإن لم يعرف تفاصيلها. فتفويض علمها إلى الله تعالى مع تنزيهه تعالى عما يوهم ظواهرها تأويل أيضا لكنه إجمالي.....وإليه أشار بالذكر في القرآن وبنفي الكيفية، والتشبيه، والحاجة، وهو مذهب السلف في جميع الصفات التشابهات.

Maksudnya:

> "Golongan salaf berpegang dengan nas-nas yang warid daripada al-Quran dan al-hadith beserta menyucikan Allah daripada perkara-perkara yang dari sudut zahirnya memberi waham kepada wujudnya kaifiat, bertempat dan emosi-emosi [bagi Allah] walaupun mereka tidak tahu [maknanya] secara tafsil. Maka, menyerahkan pengetahuan berhubungnya [maknanya] kepada Allah beserta menyucikan Allah daripada makna zahir daripadanya juga merupakan ta'wil, namun ia adalah ta'wilan yang umum. al-Quran telah mengisyaratkan kepada kaedah ini menerusi penafian kaifiat, *tashbīh*, dan sifat keberhajatan [daripada zat Allah] dan ia merupakan mazhab salaf dalam [berinteraksi] dengan semua sifat *mutashābihāt*"

Selain itu, Al-Hararī juga menyatakan bahawa sesungguhnya para ulama berkata (al-Hararī 2004):

> "Kami beriman dengan cara melakukan pengisbatan terhadap lafaz-lafaz yang warid daripada al-Quran dan hadith yang *ṣahīh* seperti *al-Wajh*, *al-'Ayn*, *al-Riḍā*, *al-Ghaḍab* dan selainnya di atas kapasiti kesemua lafaz tersebut merujuk kepada sifat-sifat yang Allah ketahui maksudnya bukan dengan maksud bahawa ia adalah anggota badan seperti tangan, muka dan mata kita atau emosi dan perasaan seperti sifat marah kita. Ini kerana, anggota badan merupakan suatu perkara yang mustahil ke atas zat Allah SWT berdasarkan ayat kesebelas dari Surah al-Syūrā dan ayat ke empat dari Surah al-Ikhlās"

Sebagai contoh bagaimana ulama berinteraksi dengan sifat Allah SWT yang warid dalam nas, penulis mengambil contoh dengan melihat kepada sifat *al-Ghaḍab* dan *al-Riḍā* bagi hak Allah SWT., Al-Hararī berkata dalam syarahnya kepada *al-'Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah* (al-Hararī 1998):

أنه يَجِبُ إثباتُ صفةِ الغَضَبِ وصفةِ الرِّضَى للهِ معَ تَنْزِيهِهِ تعالى مِنْ أنْ يَكُونَ غضبُه ورِضاهُ تَأَثُّرًا بَلْ هُمَا صِفَتانِ أَزَلِّيتانِ قديمتانِ أَبَدِيَّتانِ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya wajib mengisbatkan sifat *al-Ghaḍab* dan sifat *al-Riḍā* bagi Allah beserta mensucikan Allah dari menyamai sifatnya *al-Ghaḍab* dan *al-Riḍā* ini dengan perasaan, adapun kedunya adalah azali tiada permulaan dan kekal selamanya"

Jika sifat-sifat ini diterjemah dengan makna perasaan, maka lazimlah perubahan bagi Allah SWT dan ini adalah mustahil. Misalnya seseorang yang mempunyai perasaan marah, tidaklah dia berada dalam keadaan marah sentiasa, bahkan perasaan marahnya akan disusuli dengan perasaan tenang, gembira disusuli dengan sedih, maka semua perubahan ini adalah kelemahan, orang beriman tidak mensifatkan kelemahan bagi Allah SWT. Berkata sebahagian ulama:

رضاه وغضبه ليس من الانفعالات التي تحدث في ذاته تعالى، لأنه لو كانت تحدث له صفة لكان ذاته حادثًا وهذا مستحيل

Maksudnya:

> "Sifat *Riḍā* dan *Ghaḍab* bukanlah daripada jenis perasaan yang berlaku pada zat Allah SWT, ini kerana jika ia baru berlaku bagi-Nya nescaya melazimi zat-Nya baharu, dan ini adalah mustahil"

Maka yang demikian itu menunjukkan bahawa apa yang dinyatakan oleh Shaykh Nāẓim adalah bertentangan dengan ketetapan yang telah ditetapkan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah sekaliannya. Maha suci Allah SWT daripada apa yang telah disifatkan.

Secara pastinya, Ahli Sunnah Waljamaah menolak keyakinan *tajsīm* dan *tasybīh* sama ada makhluk bersifat dengan sifat Tuhan, begitu juga Tuhan bersifat dengan sifat makhluk. Kedua-dua keyakinan ini adalah akidah yang binasa. Namun tidak bagi Shaykh Nāẓim, beliau menisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan beberapa sifat ketuhanan, antaranya menyebut bahawa Nabi Muhammad SAW mengetahui perkara yang sebelum dan selepas (al-Qubrūsī 1980), bersifat dengan kemarahan Ilahi (al-Qubrūsī 2001) dan mempunyai ilmu rahsia (al-Qubrūsī 2001). Apabila beliau menisbahkan perkara-perkara ini kepada Nabi Muhammad SAW, menurut hemat penulis beliau ingin sangat menyebut kepada pengikut beliau, betapa beliau sangat

mencintai Nabi Muhammad SAW., lalu beliau mengagungkan Nabi Muhammad SAW sehingga menyamai martabat ketuhanan. Sebagai contoh, apabila beliau menyebut Nabi SAW mengetahui perkara yang sebelum dan selepas. Sedangkan yang bersifat dengan mengetahui perkara yang ghaib, sebelum dan selepas ialah semata-mata Allah SWT secara mutlak. Allah SWT berfirman (Surah al-Taghābūn 64: 18):

عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

> "Allah SWT yang mengetahui perkara yang ghaib dan nyata, dan dialah al-'Azīz dan al-Ḥākīm"

Ayat ini menjelaskan bahawa hanya Allah SWT yang mengetahui semua perkara yang ghaib dan nyata. Sedangkan Nabi SAW tidaklah Baginda SAW mengetahui mengenai perkara demikian melainkan apa yang Allah SWT wahyukan kepada Baginda SAW. Ulama Ahli Sunnah Waljamaah meletakkan sifat Ilm yang sempurna hanya untuk Allah SWT dan hakikat ilmu makhluk itu adalah baharu, ada permulaan, ada pengakhiran, bertambah dan berkurang, kadang-kadang ingat, kadang-kadang lupa. Adapun ilmu Allah SWT sempurna, tiada mula dan akhir, tiada tambah dan kurang. Dia sedia mengetahui setiap sesuatu. Allah SWT berfirman (Surah al-Hujurāt 49: 16):

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

> "Dan hanya Allah SWT mengetahui setiap sesuatu yang berada di langit dan di bumi, Allah mengetahui setiap sesuatu"

Kerana itu, sifat 'Ilm ini hanya disandarkan kepada Allah SWT bukan kepada makhluk-Nya termasuklah Nabi SAW. Kata al-Laqqānī (al-Ḥusaynī 2016):

وعلمه ولا يقال مكتسب

Maksudnya:

> "dan ilmu-Nya tidak dikatakan bagi ilmu-Nya itu diusahakan"

Jelas bahawa hanya ilmu Allah SWT sahaja yang azali dan abadi, tidak bertambah dan berkurang sebagaimana ilmu bagi makhluk. Adapun ilmu makhluk, diperolehi. Jika bagi hak Nabi SAW, perkara-perkara yang ghaib itu hanya diketahui melalui jalan wahyu daripada Allah SWT.

Berhubung dengan Nabi SAW bersifat dengan kemarahan Ilahi, maka sifat al-*Ghaḍab* bagi hak Allah SWT telah dijelaskan sebelum ini oleh penulis bahawasanya *al-Ghaḍab* bagi hak Allah SWT itu bukanlah perasaan, adapun disebut sebagaimana Shaykh Nāẓim nyatakan bahawa Nabi SAW bersifat dengan kemarahan Allah SWT, maka itu adalah kenyataan yang melampaui batas. Maha Suci Allah dari demikian, dan mustahil Nabi SAW bersifat dengan *al-Ghaḍab* yang ia sifat ketuhanan.

Kenyataan Shaykh Nāẓim bahawa Nabi SAW mempunyai ilmu rahsia, maka di sini perlu diperhatikan. Jika menyebut bahawa ada perkara syariat yang Nabi SAW rahsiakan daripada umatnya, maka itu bercanggah dengan sifat para nabi iaitu tabligh yakni menyampaikan. Kata Imām al-Nasafī (al-Nasafī t.th):

وكلهم كانوا مخبرين مبلغين عن الله تعالى ناصحين

Maksudnya:

> "Dan semua mereka (para nabi) mengkhabarkan dan menyampaikan dari apa yang diwahyukan Allah SWT

Jika pula yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim bahawa Nabi SAW mengetahui perkara-perkara yang rahsia secara mutlak, maka memadai hujah ke atasnya dengan firman Allah SWT (Surah Tāhā 20: 7):

فَإِنَّهُ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى

Maksudnya:

> "Sesungguhnya hanya Allah SWT mengetahui perkara yang rahsia dan tersembunyi"

Kata Shaykh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad al-Badawī al-Sembāwī (al-Sembāwī, t.th):

> "maka tiada harus pada segala mereka itu – yakni para nabi – bersifat dengan segala sifat ketuhananan, bersalahan bagi segala Nasrani yang menyabitkan mereka itu bagi Isa a.s akan sifat ketuhanan"

Jelas daripada dalil-dalil ini bahawasanya tidak sabit bahawasanya Nabi SAW mempunyai ilmu rahsia yang dirahsiakan dari umatnya kerana para nabi itu sememangnya diutuskan untuk menyampaikan.

Selain Nabi SAW, Shaykh Nāẓim juga mendakwa bahawa manusia boleh bersifat dengan sifat ketuhanan kerana manusia adalah khalifah Allah SWT (al-Qubrūsī 2002.a). Kenyataan ini sangatlah berada di luar dasar-dasar akidah orang yang beriman. Mana mungkin manusia yang merupakan ciptaan, serupa dengan Penciptanya. Shaykh Nāẓim yang menyatakan bahawa manusia bersifat ketuhanan dan nabi bersifat ketuhanan. Shaykh Nāẓim turut mensifatkan para wali itu bersifat dengan sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan juga oleh gurunya Shaykh al-Daghestānī (al-Qubrūsī 2007).

Hal ini pasti sangat mustahil bagi hak Allah SWT. Dalil bagi menolak kenyataan ini adalah sangat jelas, Allah SWT berfirman (Surah al-Syūrā 42: 11):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَىْءٌ

Maksudnya:

> "Allah tidak serupa dengan sesuatupun"

Ayat ini secara jelas menolak penyerupaan Allah SWT dengan ciptaan-Nya. Malah ciptaan-Nya juga tidak menyerupai Allah SWT. Jika ada yang menyerupai Allah SWT, maka sudah tentu berlaku persekutuan. Sama ada sekutu pada zat, sifat atau afᶜāl Allah SWT. Firman Allah SWT (Surah al-Ikhlās 112: 4):

وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ

Maksudnya:

"Dan tiada sesuatu yang sekufu dengan-Nya"

Kalimah *kufu'* dalam Bahasa Arab juga ada dalam Bahasa Melayu, membawa makna kesamaan taraf, disebut sekufu setaraf, sedarjat, yakni sama martabatnya. Ayat ini jelas menafikan ada ciptaan-Nya yang serupa, yang boleh bersifat dengan sifat-Nya. Maha Suci Allah dari yang demikian itu. Kata Shaykh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad al-Badawī al-Sembāwī pada apa yang mustahil bagi Allah SWT (al-Sembāwī t.th):

"atau ada bagi-Nya bersamaan pada zat-Nya atau sifat-Nya"

Sekalian umat Islam yang berada di atas jalan yang menafikan persamaan Allah SWT dan makhluk-Nya. Hatta jika ada beberapa lafaz dalam Bahasa Arab yang menunjukkan persamaan, ia bukanlah persamaan pada makna dalam Bahasa Arab, adapun ia persamaan daripada sudut lafaz semata-mata. Kaedah ini adalah istimewa di dalam Bahasa Arab sebagaimana disebut oleh Sibawaih pada menerangkan hubungan lafaz dan makna (Uthman t.th):

واتفاق اللفظيين واختلاف المعنيي

Maknanya:

"ada yang sepakat pada lafaz keduanya namun berbeza pada makna keduanya"

Sebagai contoh, tidak boleh apabila seseorang menyebut Allah SWT bersifat dengan *'ilm* yakni mengetahui dan manusia juga mengetahui, maka manusia itu bersifat dengan sifat ketuhanan. Perkara tidak akan terlintas pada akal yang sihat. Kerana sifat *'ilm* bagi Allah SWT itu tiada mula, tiada akhir, tiada bertambah, tiada berkurang. Sedangkan ilmu makhluk itu baharu, ada mula, ada pertambahan dan ada pengurangan. Maha Suci Allah dari demikian. Dalil bagi menolak kenyataan ini adalah sangat jelas, Allah SWT berfirman (Surah al-Syūrā 42: 11):

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَىْءٌ

Maksudnya:

"Allah tidak serupa dengan sesuatupun"

Sama ada nabi, wali mahupun manusia biasa, sama sekali tidak akan bersifat dengan sifat ketuhanan dan ini adalah keyakinan seluruh Ahli Sunnah Waljamaah. Kerana jika seseorang bersifat dengan sifat ketuhanan akan melazimkan sekutu bagi Allah SWT.

Di antara natijah daripada kefahaman *tajsīm* ini, beliau akhirnya mendakwa makhluk ini umpama imej zat Allah SWT. Apabila Allah SWT berada di hadapan cermin, maka akan terhasil refleksi imej Allah SWT. Makhluk ini ialah imej yang terhasil daripada refleksi tersebut. Kata beliau (al-Qubrūsī 2001). Dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa makhluk ini adalah pantulan imej zat Allah SWT, ini melazimkan zat Allah SWT ialah jisim yang mempunyai bentuk, rupa, warna, saiz dan ukuran. Ini kerana makna imej itu sendiri adalah jisim, dan pantulan yang terhasil juga adalah daripada biasan cahaya yang merupakan refleksi imej jisim yang berada di hadapan cermin. Hal ini bercanggahan dengan apa yang dibawa oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Ini disebut oleh al-Khaṭṭābī sebagaimana diriwayatkan oleh al-Baihaqī dalam kitabnya *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* (al-Baihaqī t.th):

إن الذي علينا وعلى كل مسلم أن يعلمه أنّ ربنا ليس بذي صورة ولا هيئة فإن الصورة تقتضي الكيفية، والكيفية منفية عن الله وعن صفاته

Maksudnya:

"Sesungguhnya apa yang wajib atas kita dan seluruh umat Islam ialah mengetahui bahawa Tuhan kita tidak memiliki gambaran (imej) dan tubuh badan, dan sesungguhnya gambaran itu melazimkan rupa bentuk, sedangkan rupa bentuk itu ternafi bagi hak Allah SWT dan sifat-sifat-Nya"

Maka jelas di sini bahawa Allah SWT tidak mempunyai gambaran atau imej mahupun tubuh badan. Dan jika Dia SWT tidak mempunyai gambaran dan tubuh badan, bagaimana Shaykh Nāẓim boleh mendakwa makhluk ini refleksi imej zat Allah SWT? Bahkan beliau mendakwa "apabila Allah SWT berdiri di hadapan cermin", kenyataan ini juga bercanggah dengan ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Mereka menafikan arah bagi Allah SWT sebagaimana disebut al-Ṭaḥāwī (al-Ṭaḥāwī t.th):

وتعالى عن الحدود والغايات والأركان والأعضاء والأدوات، لا تحويه الجهات الست كسائر المبتدعات

Maksudnya:

> "Dan Maha suci Allah daripada daripada sebarang saiz, batas akhir, batas sisi, anggota kecil atau anggota besar, dan Dia tidak diliputi oleh arah yang enam"

:

Demikian itu, dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa makhluk ini adalah imej Allah SWT terbatal dengan perkataan-perkataan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah ini. Allah Maha Suci daripada apa yang disifatkan olehnya.

5.2.5 Penamaan Allah SWT dengan Nama-Nama yang Tidak Ada Sandarannya dalam Naş dan Penilaiannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

Nama-nama Allah dan sifat-sifat Allah SWT adalah bersifat *tawqīfiyyah*, ia bukan perkara yang boleh didasari pendapat atau ijtihad sendiri. Segala nama dan sifat Allah SWT yang dinyatakan dalam al-Quran, hadith dan ijmak adalah menunjukkan kesempurnaan Allah SWT (Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari 2010). Allah SWT berfirman dalam (Surah al-A'Rāf 7: 80):

وَلِلَّهِ الأَسْمَاء الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُواْ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَآئِهِ

Maksudnya:

> "Bagi Allah SWT itu nama-nama yang menunjuk kesempurnaan, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut nama-nama-Nya itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran pada menamakan Allah SWT"

Ulama Ahli Sunnah Waljamaah sepakat secara ijmak bahawasanya nama dan sifat Allah SWT adalah bersifat *tawqīfiyyah* yakni, terhenti setakat apa yang dikhabarkan daripada al-Quran, hadith dan ijmak. Sebagai contoh, di dalam al-Quran, Allah SWT telah menyebut mengenai nama-nama-Nya (Surah al-Hashr 59: 23):

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لا إِلَهَ إِلا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ . هُوَ اللَّهُ الَّذِي لا إِلَهَ إِلا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ. هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya:

> "Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan dia, yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, Dia lah yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang Menguasai (sekalian alam), yang Maha Suci, yang Maha Selamat sejahtera (dari Segala kekurangan), yang Maha melimpahkan Keamanan, yang Maha pengawal serta Pengawas, yang Maha Kuasa, yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya), yang Melengkapi Segala Kebesaran-Nya. Maha suci Allah dari Segala yang mereka sekutukan dengannya.Dia lah Allah, yang menciptakan sekalian makhluk, yang mengadakan (dari tiada kepada ada), yang membentuk rupa (makhluk-makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya), bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya, bertasbih kepadanya Segala yang ada di langit dan di bumi, dan Dia lah yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana"

Mengenai *tawqīfiyyah*, ia ditegaskan lagi dengan kenyataan Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan al-Ṭaḥāwī (al-Isbahani t.th; Sa'īd Fūdah 2014):

لا يجوز إطلاق شيء على الله إلا ما ورد في الكتاب والسنة الصحيحة والإجماع

Maksudnya:

> "Haram menamakan/mensifatkan Allah SWT dengan sesuatu kecuali dari apa yang dinyatakan dalam al-Quran, hadith yang *ṣahīh* dan ijmak"

Kerana ini, Imām Ahmad menolak golongan yang menamakan Allah SWT sewenang-wenang sehingga membawa kepada *tajsīm* dan *tashbīh*. Imām Ahmad berkata (al-Tamimi 2001):

إن الأسماء مأخوذة بالشريعة واللغة وأهل اللغة وضعوا هذا الاسم على كل ذي طول وعرض وسمك وتركيب وصورة وتأليف والله تعالى خارج عن ذلك كله فلم يجز أن يسمى جسما لخروجه عن معنى الجسمية ولم يجيء في الشريعة ذلك فبطل

Maksudnya:

> "Sesungguhnya, nama-nama Allah diambil dari syariat dan dari bahasa. Adapun ahli bahasa (Arab) meletakkan nama tersebut (yakni jisim) dengan makna setiap sesuatu yang mempunyai ukuran ketinggian, ukuran lebar, tersusun dengan beberapa anggota, mempunyai bentuk dan sebagainya, sedangkan Allah SWT Maha Suci dari yang demikian (tidak mempunyai anggota dan sebagainya) Maka, tidak boleh menamakan Allah SWT dengan jisim kerana Allah SWT Maha Suci dari makna kejisiman (tidak beranggota, tiada ukuran, tiada bentuk dan sebagainya) dan syariat tidak menyebutnya, maka batallah faham tajsīm atau Allah SWT berjisim."

Memahami apa yang disebut oleh ulama-ulama di atas, maka orang yang mentauhidkan Allah SWT dan mengimani-Nya tidak akan sewenangnya menamakan Allah SWT dengan nama-nama yang terlintas di benaknya. Malah orang yang beriman, mereka hanya memanggil Allah SWT dengan nama-nama Allah SWT yang mulia dan sempurna.

Kembali kepada Shaykh Nāẓim, antara nama yang diberikan oleh beliau terhadap Allah SWT ialah *designer* (al-Qubrūsī 2012), *power station* (al-Qubrūsī 1980) dan *curator* (al-Qubrūsī 1991). Penamaan seperti ini telah dijelaskan oleh ulama-ulama silam Ahli Sunnah Waljamaah. Jika mahu menyebut Allah SWT itu Pencipta, maka memadai menyebut nama Allah SWT *al-Khāliq* atau dalam Bahasa Inggerisnya *The Creator*, dan nama ini selayaknya bagi Allah SWT dengan membawa pengertian Allah SWT yang mengadakan sesuatu perkara daripada tiada kepada ada. Sedangkan *designer* dan *curator* ini ada limitasi dan hanya layak untuk makhluk, bukan untuk Allah SWT. *Power Station* pula langsung tiada sandaran bagi Shaykh Nāẓim untuk menamakan Allah SWT dengan demikian itu.

Para ulama Ahli Sunnah seperti Imām al-Nasafī dan Imām al-Bāqilānī menyebut bahawa tidak boleh menamakan Allah SWT dengan nama seperti doktor walaupun hakikatnya Allah SWT yang menyembuhkan. Begitu juga tidak boleh menamakan Allah SWT dengan faqih walaupun hakikatnya Allah SWT mengetahui hakikat setiap hukum, bahkan orang beriman hanya menamakan Allah s.wt dengan *Asma al-Husnā* semata-mata (al-Bughīsī 2014). Sekiranya haram menamakan Allah SWT dengan nama-nama seperti doktor atau *faqih*, maka apa lagi *designer, power station*, *curator* dan seumpama itu. Maha suci Allah SWT dari yang demikian.

Di sisi umat Islam yang berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah, mereka memadai berpegang dengan hadith Nabi SAW yang menyatakan bahawa Allah SWT memiliki 99 nama yang menunjukkan kesempurnaan sebagaimana sabda Baginda SAW:

إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مِائَةً غَيْرَ وَاحِدَةٍ مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ[5]

Maksudnya:

> "Sesungguhnya bagi Allah SWT itu 99 nama, barangsiapa yang menghitungnya (hafal, faham dan mengimaninya) maka nescaya akan masuk syurga"

Memadai jika dinukilkan perkataan al-Ash'arī bahawa Ahli Sunnah Waljamaah sepakat secara ijmak bahawasanya nama dan sifat Allah SWT adalah bersifat *tawqīfiyyah* yakni, terhenti setakat apa yang dikhabarkan daripada al-Quran, hadith dan ijmak. Pegangan seperti adalah lebih selamat daripada keyakinan sebahagian orang yang bermudah-mudahan dalam urusan keagamaan.

5.2.6 Pemikiran Akidah Berhubung Masalah *Nubuwwāt* dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

a. Dakwaan Nabi Pertama adalah Muhammad SAW

Shaykh Nāẓim dalam satu kenyataannya mendakwa bahawa secara zahirnya, Adam a.s adalah nabi pertama namun secara hakikinya, nabi pertama adalah Muhammad SAW dan Baginda adalah makhluk pertama yang dicipta Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Keyakinan ini mungkin dibina daripada sebuah hadith yang masyhur iaitu *Hadith Jābir* yang menceritakan mengenai *Nūr Muḥammad*. Bagaimanapun, kenyataan seperti ini tetap menyalahi apa yang disebut oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Walaupun Zulkefli Aini (2008) dalam tesis PhDnya yang bertajuk *Doktrin Nur Muhammad Di Alam Melayu: Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan Abd Ra'uf Al-Fansuri* mendatangkan beberapa hujah mengenai pengsabitan hadith ini,

[5] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Tawbah wa al-Istighfār*, *Bāb fi Asmā' Allāh Ta'āla wa Faḍl man Aḥṣāhā*. No. Hadith 4965.

namun terdapat beberapa tokoh hadith yang kepakarannya tidak ditolak telah mengulas mengenai hadith ini yang akan dibincangkan lanjut.

Perlu diketahui bahawasanya kenabian Adam a.s adalah menjadi ijmak para ulama. Ini sebagaimana yang dinukilkan oleh Abu Manṣūr al-Baghdādī (al-Baghdādī 1928):

اجمع المسلمون وأهل الكتاب على أن أول من ارسل من الناس ادم عليه السلام وآخرهم عند المسلمين محمد صلى الله عليه وسلم

Maksudnya:

> "Telah ijmak sekalian orang Islam dan ahli kitab bahawasanya orang yang pertama diutuskan sebagai rasul kepada manusia ialah Adam a.sdan akhirnya di sisi umat Islam ialah Muhammad SAW"

Jika perkara ini telah menjadi ijmak umat Islam, maka tiada lagi keperluan untuk membahaskannya. Jelas bahawasanya Adam a.s ialah rasul dan nabi yang pertama secara hakikinya, manakala Muhammad SAW adalah nabi yang terakhir dan tiada lagi nabi selepasnya. Mengingkari ijmak itu termasuk dalam perkara yang memboleh membatalkan akidah seseorang, maka seharusnya diperhatikan mengenai perkara ini. Tambahan lagi, al-'Ajjūz apabila mendefinisikan makna rasul, beliau menyebut (al-'Ajjūz 1969):

الرسل: أناس اختارهم الله من صفوة البشر، وأمدّهم بوحيه ، وأرسلهم إلى الناس بشرائعه، ليهدوهم إلى الإيمان بربهم، وليوجهوهم إلى طاعته ، والعمل بأحكامه، فيفوزوا بسعادة الدنيا وفلاح الاخرة . أولهم آدم أبو البشر وآخرهم سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم

Maksudnya:

> "Para rasul: ialah manusia yang dipilih Allah SWT dari kalangan manusia, diberikan wahyu kepada mereka, diutuskan mereka kepada manusia dengan syariat-syariat-Nya, supaya memberikan petunjuk kepada iman terhadap Tuhan mereka, dan memandu mereka kepada mentaati-Nya, dan beramal dengan hukum-hakam-Nya, nescaya akan berjaya dunia dan akhirat. Rasul yang pertama adalah Adam a.s yang merupakan manusia pertama dan yang terakhir ialah Muhammad SAW."

Mengenai kemungkinan Shaykh Nāẓim mengeluarkan kenyataan ini berdasarkan kepada *Hadīth Jābir* tentang *Nūr Muḥammad*, maka perbahasan mengenai *Nūr Muḥammad* telah pun dijelaskan oleh beberapa ulama yang mentahqiq masalah ini. Al-Ghumārī dan al-Hararī telah menukilkan sebuah teks yang masyhur dengan nama *Hadīth Jābir* ini seperti berikut (al-Ghumārī t.th; al-Hararī 2001):

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي أَخْبِرْنِي عَنْ أَوَّلِ شَيْءٍ خَلَقَهُ اللَّهُ قَبْلَ الأَشْيَاءِ، فَقَالَ: يَا جَابِرُ! إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ قَبْلَ الأَشْيَاءِ نُورُ نَبِيِّكَ مِنْ نُورِهِ[6]

Maksudnya:

> "Dari Jābir r.a berkata: "aku berkata: wahai Rasulullah SAW, ibu dan ayahku sebagai tebusan buatmu, jelaskan kepadaku mengenai perkara pertama yang diciptakan oleh Allah SWT sebelum sesuatu?" Maka jawab Nabi SAW: "wahai Jābir, sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan Nur Nabimu dari Nur-Nya sebelum sesuatu.."

Al-Ghumārī yang merupakan ahli hadith yang terkenal pada zaman ini telah menjelaskan mengenai *Hadīth Jābir* ini bahawasanya ia tidak boleh dijadikan sebagai hujah dalam akidah kerana hadith ini dihukumkan *Mauḍū'* oleh beliau atas beberapa alasan:

i. Hadith ini tiada asal sanad padanya sebagaimana yang disebut oleh al- Suyūṭī dalam kitabnya *al-Hāwī*;

ii. Hadith ini ada padanya istilah yang diguna pakai oleh *mutaṣawwifah*; dan

iii. Ada pendustaan pada sanad yang dikemukakan sebahagian orang.

Tambahan bagi penjelasan terhadap *Hadīth Jābir* ini daripada sudut kesahihan sanadnya oleh al-Ghumārī, seorang lagi ahli hadith zaman ini iaitu al-Hararī menjelaskan pula daripada sudut kecelaruan pada sanad dan matan hadith dalam kitabnya *Risālah fi Buṭlān Da'wā Awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadī* sebagaimana berikut (al-Hararī 2001):

[6] Muḥammad 'Abd al-Ḥayy bin Muḥammad 'Abd al-Halim al-Ansāri al-Hind, *Athār al-Marfū'ah fi al-Akhbār al-Mauḍū'ah, Bāb Dhikr Ba'ḍ al-Qaṣaṣ al-Mashhūrah.*

i. *Hadīth Jābir* ini bercanggah dengan hadith yang *ṣahīh* yang menyatakan bahawa makhluk pertama diciptakan Allah SWT ialah air, hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim;

ii. *Hadīth Jābir* ini juga dihukukan *Mauḍū'* oleh al- Suyūṭī dalam syarahnya pada Sunan al-Tirmīdhī; dan

iii. Terdapat *rikākah* iaitu kecelaruan lafaznya, jika lafaz من نوره dalam hadith ini, *ḍamir* ه kembali kepada Allah SWT, bererti cahaya itu sebahagian daripada zat Allah SWT sedangkan zat Allah SWT bukan cahaya. Jika *ḍamir* ه kembali kepada satu cahaya yang diciptakan Allah SWT, bererti cahaya itu yang pertama dan *Nūr Muḥammad* adalah yang kedua. Maka kedua-dua keadaan ini membawa kepada kejanggalan dari sudut akidah dan bahasa, sedangkan Nabi Muhammad orang yang paling fasih Bahasa Arabnya dan paling mengenal Allah SWT.

Jika Shaykh Nāẓim mendatangkan keyakinannya berdasarkan kepada hadith yang turut dinukilkan oleh al-Ghumārī (al-Ghumārī t.th):

قيل: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى كُنْتَ نَبِيًّا ؟ قَالَ : وَآدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ[7]

Maksudnya:

> Dikatakan: "Wahai Rasulullah, bilakah engkau menjadi nabi" Maka jawab Nabi SAW: "saat Adam a.s masih lagi di antara jasad dan ruh"

Maka kata al-Ghumārī terhadap hadith ini, ia hadith *ṣahīh*, namun bukanlah bermakna Muhammad SAW itu nabi yang pertama, adapun hadith ini maknanya ialah:

i. Menzahirkan kepada alam yang di atas bahawasanya kenabian Muhammad SAW itu pasti di sisi Allah SWT meskipun sebelum ruh Adam a.s ditiupkan;

ii. Menzahirkan bahawa Muhammad SAW adalah penghulu sekalian anak Adam a.s; dan

[7] Aḥmad bin Hanbal, *Musnad Aḥmad*, *Hadīth Maysarah al-Fajr*. No. Hadith 20171.

iii. Menzahirkan bahawa Muhammad SAW adalah penutup sekalian nabi.

Memadai dengan penjelasan di atas bahawasanya Adam a.s adalah nabi yang pertama dan nabi Muhammad SAW adalah yang terakhir, meskipun demikian, keagungan Nabi Muhammad SAW itu tetap mengatasi para nabi yang lain. Bukanlah jika seseorang yang tidak meyakini Nabi Muhammad SAW itu daripada cahaya membawa pengertian bahawa dia telah menghina Nabi SAW kerana kemuliaan itu bukan pada unsur ciptaan, namun kemuliaan itu diberikan oleh Allah SWT.

b. Dakwaan bahawa Banyaknya Adam Sebelum dan Selepas Nabi Adam a.s

Shaykh Nāẓim turut mendatangkan syubhat yang lain berkisar mengenai Nabi Adam a.s. Beliau mensabitkan kewujudan manusia sebelum Nabi Adam a.s dengan menyebut bahawasanya sebelum Nabi Adam a.s, telah ada Adam-Adam yang lain, dan selepas kemusnahan manusia di muka bumi ini, akan ada lagi Adam lain yang menyusul (al-Qubrūsī 1980). Syubhat ini mungkin akibat daripada kefahaman terhadap ayat al-Quran di mana Allah SWT berfirman:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ

Maksudnya:

> “Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?"

Jika ayat ini difahami secara literal, maka seolah-olah telah wujud manusia sebelum Adam a.s di mana manusia-manusia itu melakukan kerosakan di muka bumi, lalu Allah SWT membinasakan mereka dan kemudian menggantikannya dengan manusia lain. Oleh kerana itu malaikat bertanya “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah”, menunjukkan malaikat telah tahu mengenai natijah kewujudan manusia di atas muka bumi kerana telah wujud manusia sebelum Adam a.s yang melakukan kerosakan.

Bagaimanapun, perkara ini tidak boleh difahami melalui ayat ini secara literal. Ia perlu dirujuk kepada ulama yang berautoriti bagi mendapatkan kefahaman yang jitu. Justeru penafsiran ulama-ulama tafsir akan menjadi ulasan bagi kefahaman ini. Al-Ṭabarī dalam tafsirnya menyebut (al-Ṭabarī t.th):

فقالت الملائكة حينئذ:أتجعل فيها من يفسد فيها ويسفك الدماء ؟ فكان قول الملائكة ما قالت من ذلك لربها ، بعد إعلام الله إياها أن ذلك كائن من ذرية الخليفة الذي يجعله في الأرض

Maksudnya:

> “Tatkala malaikat berkata: أتجعل فيها من يفسد فيها ويسفك الدماء maka perkataan malaikat ini tidaklah dikatakan malaikat kepada Tuhannya melainkan selepas Allah SWT yang memberitahu bahawasanya ada di kalangan zuriat khalifah ini yang akan melakukan kerosakan dan pertumpahan darah..”

Maka perkataan para malaikat ini tidak lain dan tidak bukan adalah setelah mereka mengetahui hal ehwal manusia dari kalangan zuriat Adam a.s yang akan melakukan kerosakan dan pertumpahan darah daripada Allah SWT sendiri. Menurut al-Ṭabarī lagi, ada riwayat lain yang mendatangkan tafsir bahawasanya apa yang disebut oleh para malaikat ini adalah semata-mata sangkaan dan pandangan mereka, dan kemudiannya sangkaan mereka ini diperbetulkan oleh Allah SWT. Kata al-Ṭabarī lagi (al-Ṭabarī t.th):

وهذا الخبر عن قتادة يدل على أن قتادة كان يرى أن الملائكة قالت ما قالت من قولها : " أتجعل فيها من يفسد فيها ويسفك الدماء " على غير يقين علم تقدم منها بأن ذلك كائن ، ولكن على الرأي منها والظن

Maksudnya:

> “Dan pendapat ini daripada Qatadah bahawa beliau berpendapat sesungguhnya malaikat apabila berkata أتجعل فيها من يفسد فيها ويسفك الدماء adalah tanpa keyakinan dengan pengetahuan yang terdahulu mengenai Adam a.s, akan tetapi atas sangkaan dan pandangan dari mereka”

Menurut pendapat al-Qatādah ini, kenyataan para malaikat itu hanyalah tekaan dan sangkaan semata-mata, bukanlah kerana pengetahuan dan keyakinan. Maka tidak dibina dari kenyataan malaikat ini bahawa telah wujud Adam sebelum Adam a.s.

Kedua-dua tafsiran di atas juga diungkapkan oleh Ibn Kathīr dalam tafsirnya. Bahkan yang telah wujud sebelum Adam bersama-sama dengan Malaikat ialah *Banu al-Jān* dan mereka ini tidak lain tidak bukan adalah golongan jin yang bapa mereka ialah Iblis (sewaktu Iblis beriman namanya ‘Azazil). Hal ini telah disyarahkan oleh Al-Qawjawī (1999). Beliau menjelaskan bahawa sebelum Adam, golongan jin telah terlebih dahulu menduduki bumi dan melakukan kerosakan, manakala malaikat ditempatkan Allah SWT di langit dan mereka sering beribadah kepada Allah SWT.

Adapun kenyataan Shaykh Nāẓim mengenai kewujudan manusia selepas binasanya manusia juga adalah tidak berasas dan ia bercanggah dengan keyakinan umat Islam bahawa sekalian alam ini akan binasa melainkan yang kekal adalah Syurga, Neraka dan beberapa ciptaan Allah SWT yang lain seperti Arasy. Adapun bumi ini dan segala apa yang berada atasnya akan binasa apabila tiba hari yang dikehendaki Allah SWT, sesuai dengan firman-Nya:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ

Maksudnya:

“Setiap sesuatu atas muka bumi akan binasa”

Maka sesuai dengan dalil-dalil di atas, tidak akan ada lagi sesuatu di atas muka bumi ini, bahkan bumi ini juga akan binasa selama-lamanya. Yang kekal hanyalah alam akhirat, ahli syurga mendapat nikmat dan ahli neraka mendapat azab selama-lamanya.

c. Dakwaan bahawa Nabi Bersifat dengan Sebahagian Sifat Baik yang Ada Pada Binatang

Shaykh Nāẓim kelihatan tidak begitu teliti dalam masalah yang melibatkan akidah. Beliau bermudahan dalam berbicara meskipun apa yang dibicarakan itu adalah hal-hal yang terkait akidah seperti masalah sifat Allah SWT dan sifat Nabi SAW. Sebagai contohnya beliau menyatakan bahawa para nabi itu bersifat dengan sebahagian sifat khinzir, anjing dan keldai (al-Qubrūsī 1980).

Meskipun beliau hanya menyandarkan sifat yang baik seperti keldai kerana keldai memikul bebanan dengan sabar, anjing kerana anjing sangat setia kepada tuannya dan khinzir kerana khinzir hanya kotor pada luaran, bukan dalaman. Namun begitu, menyandarkan nama-nama binatang ini adalah suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku kerana bukan hanya anjing yang setia, bukan hanya keldai yang sabar dan bukan hanya khinzir yang kotor luaran cantik dalaman. Jika mahu menyatakan kebaikan Nabi SAW, memadai beliau menyatakan sifat-sifat mulia tersebut semata-mata tanpa perlu perbandingan kepada binatang-binatang ini. Jika seseorang berkata kepada seseorang yang lain, kamu seperti khinzir, maka sudah tentu seseorang itu akan marah kerana ini bentuk penghinaan, meskipun jika dimaksudkan dengan makna yang baik.

Hal ini tidak akan berlaku jika Shaykh Nāẓim mendalami apa yang telah disepakati para ulama. Ulama sangat berhati-hati apabila ingin berbicara mengenai agama. Jika ia melibatkan para nabi, maka para ulama seboleh-bolehnya tidak akan menyandarkan sesuatu perkara yang boleh merendahkan martabat kenabian mereka. Allah SWT berfirman (Surah al-An‘ām 6: 86):

وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى الْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan telah kami muliakan kesemua para nabi itu ke atas sekalian alam”

Dalam hal kenabian, apabila ulama Ahli Sunnah Waljamaah berinteraksi mengenai perkara ini, maka mereka tidak sewenangnya bercakap mengenai perkara-perkara yang boleh merendahkan martabat kenabian. Sehinggakan apabila mereka menyebut mengenai apa yang harus ke atas para nabi daripada sifat-sifat bashariyyah (kemanusiaan), maka mereka menyebut sebagaimana Imām al-Sanūsī menyebut (Al-Ḥusaynī t.th):

ويؤخذ منه جواز الأعراض البشرية عليهم إذ ذاك لا يقدح في رسالتهم وعلو منزلتهم عند الله تعالى

Maksudnya:

> "dan difahami daripada bab kenabian ini, keharusan para nabi bersifat dengan sifat bashariyyah selagi mana tidak memberi kesan buruk kepada perutusan mereka dan ketinggian martabat mereka di sisi Allah SWT"

Apa yang penulis ingin sampaikan di sini ialah, meskipun benar para nabi itu adalah manusia dan bersifat dengan sifat manusia, namun para ulama masih lagi meletakkan pengecualian terhadap sifat jelek manusia yang mustahil ke atas mereka bersifat demikian. Maka apa lagi menisbahkan nabi dengan sifat binatang, bahkan binatang yang dipilih itu adalah binatang yang jelek? Maka perkataan seumpama ini adalah lari daripada dasar akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang memuliakan para nabi sesuai dengan keagungan mereka di sisi Allah SWT.

d. Mendakwa Nabi Muhammad SAW adalah Cahaya

Shaykh Nāẓim menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan cahaya yang berpindah dari satu nabi ke nabi yang lain sehingga Idris a.s dan Ismail a.s malah Iblis dilaknati kerana tidak sujud kepada Adam a.s dan cahaya Muhammad ini (al-Qubrūsī 2001). Kenyataan seperti ini mungkin dibina berdasarkan *Hadith Jābir* mengenai *Nūr Muḥammad* yang telah penulis jelaskan sebelum ini bahawa *Hadith Jābir* itu, kandungannya banyak bercanggah dengan usul akidah. Bahkan al-Ghumārī menghukumkannya sebagai *Mauḍū'* dengan perincian yang telah dijelaskan oleh beliau dalam karyanya *Murshid al-Hā'ir* serta al-Hararī dalam karyanya *Risālah fi Buṭlān Da'wā Awwaliyyat al-Nūr al-Muḥammadī.*

Mendakwa Nabi Muhammad SAW adalah cahaya, meskipun atas dasar mengagungkan Baginda, jika diyakini bahawa benar-benar Nabi SAW itu adalah cahaya, maka ia memudaratkan keyakinan orang yang mempercayainya. Ini kerana jika diteliti, Allah SWT sendiri menjelaskan bahawa Nabi SAW itu adalah manusia (dicipta dari tanah), bahkan Nabi SAW diperintah untuk memberitahu perkara ini. Allah SWT telah pun berfirman (Surah al-Kahf 18: 10):

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ

Maksudnya:

> “Katakan wahai Muhammad, sesungguhnya aku adalah manusia sepertimu yang diberikan wahyu kepadaku, sesungguhnya Tuhan kamu ialah Tuhan yang esa tiada sekutu”

Kalimah بَشَر adalah merujuk kepada apa yang berasal dari sulbi Adam a.s yakni yang dicipta dari tanah, bukannya cahaya.

Selain itu, pentakrifan rasul sendiri merujuk kepada manusia, lelaki yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya dan diperintah untuk menyampaikan. Harus ke atas mereka sebagaimana harus ke atas manusia lain seperti makan dan minum, berkahwin, beranak pinak. Kata al-Laqqānī (al-Ḥusaynī 2016):

بعثة الله للأنبياء والرسل من البشر

Maksudnya:

> “Allah mengutuskan para nabi dan rasul dari kalangan manusia”

وجائز في حقهم كالأكل
وكالجماع للنساء في الحل

Maksudnya:

> “dan harus pada hak mereka seperti makan dan seperti jimak dengan wanita yang halal buatnya”

Ulama tauhid dari kalangan Ahli Sunnah Waljamaah bersepakat terhadap pentakrifan ini yang membatalkan keyakinan Muhammad itu adalah tercipta dari cahaya. Jika pemaknaan Muhammad itu adalah cahaya daripada sudut *majāzī*, maka ia membawa makna yang benar. Ia memberi pengertian bahawa Muhammad SAW itu nabi yang membawa petunjuk kebenaran, mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya petunjuk. Hal ini tidak bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Manakala jika keyakinan ini dibina berdasarkan *Hadith Jābir*, maka ia batil sebagaimana telah dijawab oleh penulis sebelum ini.

a. Dakwaan bahawa Nabi Muhammad SAW Berjumpa dengan Allah SWT secara Hakiki pada Malam Mikraj

Shaykh Nāẓim pernah mendakwa bahawa Nabi SAW berjumpa dengan Allah SWT secara hakiki sewaktu Mikraj (al-Qubrūsī 1986; al-Qubrūsī 1997). Sebenarnya kenyataan ini tidak selari dengan keyakinan Ahli Sunnah Waljamaah, yang tepat ialah sebagaimana yang dibahaskan ulama iaitu *ru'yat* Allah dengan maksud bahawa Nabi SAW melihat Allah SWT sewaktu Mikraj. Jika yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim bahawasanya Nabi SAW melihat Allah SWT sewaktu Mikraj, maka itu adalah sesuatu perkara yang benar berdasarkan beberapa pandangan ulama. Ulama berbahagi pandangan kepada dua golongan (al-Nasafī 2000):

i. Ada ulama yang berpandangan Nabi SAW melihat Allah SWT pada malam Mikraj dengan *Fuād* yakni mata hati; dan

ii. Ada ulama yang berpandangan Nabi SAW melihat Allah SWT pada malam Mikraj dengan mata kepala.

Kesemua pandangan ini adalah terbina berdasarkan kepada hadith-hadith Nabi SAW. Adapun, ayat al-Quran yang berbunyi (Surah al-Najm 53: 8-9 dan 13):

ثُمَّ دَنَىٰ فَتَدَلَّىٰ فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْأَدْنَىٰ

Maksudnya:

"Kemudian dia menghampiri sehingga dengan jarak dua busur panah atau lebih hampir"

وَلَقَدْ رَآهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى

Maksudnya:

"Dan Nabi SAW telah melihatnya sekali lagi berhampiran *Sidrat al-Muntahā*"

Maka ayat-ayat ini adalah berkisar mengenai perjumpaan Nabi SAW dengan Jibril a.s. Di mana menurut para ulama, Nabi SAW melihat Jibril dalam rupanya yang asli sebanyak dua kali. Kali yang kedua itu adalah sangat hampir antara Nabi SAW dengan Jibril a.s berdekatan *Sidrat al-Muntahā*.

Jika apa yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim berjumpa dengan Allah SWT secara hakiki, maka kenyataan ini amatlah bahaya kerana perjumpaan membawa makna bertemu. Maka pertemuan hanya dinisbahkan kepada dua jisim yang berada di suatu tempat dan suatu masa tertentu. Maha Suci Allah dari yang demikian. Oleh yang demikian, ayat yang paling tepat ialah, Nabi SAW melihat Allah SWT. Namun Nabi SAW melihat Allah SWT sebagaimana yang diijmakkan oleh ulama bahawasanya melihat Allah SWT itu tanpa Allah SWT berbentuk, bertempat, berarah dan tiada jarak di antara Allah SWT dengan makhluk-Nya, kata Imām Abū Ḥanīfah (al-Qāri t.th.b):

والله تعالى يُرى في الآخرة، ويراه المؤمنون وهم في الجنة بأعين رؤوسهم بلا تشبيه ولا كميّة، ولا يكون بينه وبين خلقه مسافة

Maksudnya:

> "Dan Allah SWT dilihat di Hari Akhirat, dan orang beriman melihat-Nya, dan mereka berada dalam Syurga dengan mata kepala mereka tanpa *tashbīh* dan tanpa rupa bentuk, dan tiada jarak di antara Allah SWT dan makhluk-Nya"

b. Dakwaan bahawa Kemuliaan Nabi Muhammad SAW Menyamai dengan Ratu Elizabeth

Shaykh Nāẓim pernah menyamakan kemuliaan yang diterima oleh Nabi SAW ini adalah sebagaimana kemuliaan yang diterima oleh Ratu Elizabeth (al-Qubrūsī 1980). Kenyataan ini sangat berbahaya kerana menyamakan kemuliaan Nabi SAW dengan orang yang bukan Islam. Para nabi itu sekaliannya lebih mulia dari sekalian alam. Tiada makhluk yang lebih mulia daripada para nabi dan tiada yang setara kemuliaannya berbanding dengan para nabi. Allah SWT berfirman (Surah al-An'ām 6: 86):

وَكُلًّا فَضَّلْنَا عَلَى الْعَالَمِينَ

Maksudnya:

> "Dan semua para itu kami muliakan mengatasi sekalian alam"

Di antara para nabi ini pula, ada yang diangkat sebagai Ulul 'Azmi sebagaimana Firman Allah SWT (Surah al-Ahqāf 46: 35):

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْ

Maksudnya:

> “dan bersabarlah sebagaimana golongan Ulul ‘Azmi dari kalangan rasul bersabar dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka yang menentangmu..”

Daripada ayat ini difahami bahawa Nabi Muhammad SAW diperintah untuk bersabar sebagaimana para nabi Ulul ‘Azmi yang lain dan mereka itu ialah sebagaimana firman Allah SWT (Surah al-Ahzāb 33: 7):

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنكَ وَمِن نُّوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ

Maksudnya:

> “Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putra Maryam..”

Maka para rasul yang Ulul ‘Azmi itu berjumlah lima orang iaitu Muhammad, Isa, Musa, Ibrahim dan Nuh. Dan di kalangan para rasul itu, yang paling mulia ialah Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabdaan Nabi SAW:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ القِيَامَةِ[8]

Maksudnya:

> “Aku penghulu sekalian anak Adam pada hari kiamat”

Maka kenyataan Shaykh Nāẓim ini sangatlah bercanggah dengan akidah umat Islam bahawasanya kemuliaan seseorang itu boleh menyamai kemuliaan Nabi Muhammad SAW.

---

[8] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Faḍā’il*, *Bāb Tāfḍīl Nabiyyinā ‘alā Jamī‘ al-Khalā’iq.* No. Hadith 4343.

5.2.7 Pemikiran Akidah Berhubung Masalah Kewalian dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

a. Dakwaan bahawa Beliau dan Gurunya adalah Stesen Kuasa yang Mempunyai Kuasa Ajaib dan Rahsia

Memandangkan Shaykh Nāẓim adalah pemimpin bagi sebuah aliran tarekat yang diasaskan beliau, maka tidak mustahil antara cara untuk menghimpunkan pengikut ialah dengan mendatangkan kisah-kisah ajaib yang boleh mempengaruhi orang ramai. Maka tidak hairan beliau akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti ini. Pada kenyataan beliau, beliau mendakwa beliau dan guru beliau adalah wali yang merupakan stesen kuasa yang mempunyai kuasa ajaib dan kuasa rahsia yang diperturunkan menerusi jalur Tarekat Naqshābandī dari Nabi SAW (al-Qubrūsī 1980; al-Qubrūsī 2001).

Jelas pada dakwaan ini bahawa beliau ingin mengetengahkan Tarekat Naqshābandī yang dibawa oleh beliau. Dengan dakwaan ini, beliau boleh meyakinkan pengikut-pengikut baharu untuk memilih tarekat yang dipimpin oleh beliau berbanding dengan tarekat-tarekat yang lain. Perlu diketahui di sini bahawa tarekat bukanlah jalan utama untuk mencapai kejayaan. Jalan utama untuk mencapai kejayaan ialah dengan ilmu dan amal. Shaykh Najmuddin menyatakan bahawa (al-Ḥasan t.th):

> "Tarekat ialah taqwa dan penghampiran diri kepada Allah yang tentunya menempuh rintangan dan makam"

Menurut al-Nursi (Syed Hadzrullathfi et.al 2015), tarekat adalah bagi mencapai kebenaran syariat dan semua hasilnya adalah termasuk dalam pengesahan syariat, kesufian adalah disiplin yang membolehkan manusia mempraktikkan syariat dengan cara terbaik dan asas terpenting tarekat ialah mengikuti al-Sunnah. Demikian itu, pada pandangan penulis, tidak perlu kepada dakwaan yang melampau-lampau untuk mempromosikan sesebuah aliran tarekat melainkan promosi itu berlaku dengan ilmu dan amal semata-mata.

b. Mendakwa Para Wali Mempunyai Aroma Spiritual

Tidak hanya setakat mendakwa beliau dan gurunya adalah stesen kuasa ajaib, malah beliau turut mendakwa bahawa wali mempunyai aroma spiritual yang boleh dikesan

dan dikenali. Seseorang boleh mengenal wali melalui aroma ini mengikut kadar peringkat spiritualnya (al-Qubrūsī 2001). Pada pandangan penulis, hal ini ditujukan kepada diri beliau sendiri. Seolah-olah beliau ingin memaklumkan bahawa sesiapa yang mengenali dan mendekati beliau, maka mereka ini telah mendampingi wali. Perlu difahami bahawa seseorang itu dikenali dengan manhaj atau pemikiran akidah yang dibawanya, bukan dengan aromanya. Kerana itu Imām al-Ghazālī menyebut (al-Ghazālī t.th):

فاعلم أن من عرف الحق بالرجال حار في متاهات الضلال، فاعرف الحق تعرف اهله إن كنت سالكا طريق الحق

Maksudnya:

> "Ketahuilah bahawasanya barangsiapa yang mengetahui kebenaran mengenai seseorang, akan bebaslah ia dari terjerumus dalam kesesatan, carilah kebenaran nescaya akan kamu ketahui ahlinya, jika kamu pencari jalan kebenaran

Hakikat kebenaran bukanlah dinilai daripada kemasyhuran nama seseorang, penampilan seseorang, atau jumlah pengikut seseorang. Oleh yang demikian, seseorang itu wajiblah dia mengenal kebenaran terlebih dahulu sebelum dia mengetahui siapa yang benar dan siapa yang salah. Adapun hakikat kebenaran itu dilihat daripada apa yang dibawa olehnya. Jika apa yang dibawa oleh seseorang itu menepati apa yang dibawa oleh syarak, maka ikutilah dia, meskipun dia tiada nama, tidak masyhur, bahkan sekalipun jika dia adalah tukang cuci. Ini kerana kebenaran adalah untuk diikuti, bukan untuk ditinggalkan. Ini sesuai dengan firman Allah SWT (Surah Yūnus 10: 35):

قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ أَفَمَنْ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ أَحَقُّ أَنْ يُتَّبَعَ

Maksudnya:

> "Katakan bahawa Allah SWT yang memberi hidayah kepada kebenaran, barangsiapa yang diberi hidayah maka kebenaran itu adalah yang perlu untuk diikuti.."

Sekalipun wali Allah SWT, mereka tidak dikenali dengan aromanya. Sejak zaman-berzaman, wali Allah SWT dikenali dengan ketaatan dan keilmuannya. Tidak

ada orang mengenal wali hanya kerana aroma spiritualnya. Lihatlah kisah Shaykh Badr al-Dīn al-Ḥasanī seorang wali Allah SWT, beliau juga seorang ahli hadith di Syria. Beliau suatu ketika pernah mengislamkan ratusan pelacur di sebuah pergunungan hanya kerana hikmahnya dalam dakwah. Beliau dikenali sebagai wali Allah SWT kerana ketaatannya dan keilmuannya.

Begitu juga Sayyid Ahmad al-Rifaī, beliau dikenali sebagai wali Allah SWT kerana ketaatan dan kehebatannya dalam dakwah. Pernah suatu ketika, beliau ditanya oleh seseorang: "Wahai al-Rifaī, mana satu yang mulia, anjing atau kamu?". Soalan ini, jika ditanya kepada seseorang, nescaya dia akan marah. Namun al-Rifaī menjawab: "Jika aku berjaya melintasi titian *ṣirāt*, maka aku lebih mulia dari anjing". Jawapan beliau ini membuatkan orang yang bertanya kagum, sekaligus memeluk agama Islam.

Bukanlah penulis ingin mengatakan bahawa jangan percaya kepada orang yang masyhur, atau orang yang punyai ramai pengikut, namun apa yang penulis ingin nyatakan ialah, dakwaan seorang wali mempunyai aroma spiritual ialah dakwaan yang tiada asasnya. Seseorang yang mahu kenal pembawa kebenaran, dia terlebih dahulu mestilah mengenal kebenaran itu sendiri. Dalam masa yang sama, orang beriman dituntut untuk bersangka baik terhadap semua orang sebagaimanya perintah Allah SWT (Surah al-Hujurāt 49: 12):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Maksudnya:

> "Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah banyak prasangka, sesungguhnya sebahagian besar prasangka itu ialah dosa"

Jelaslah bahawa seorang yang benar itu dikenali melalui apa yang dibawanya, bukanlah dikenali dengan bau atau aromanya.

c. Mendakwa Para Wali Mengetahui Kod-Kod Rahsia al-Quran

Satu lagi dakwaan oleh Shaykh Nāẓim ialah para wali yang berstatus tinggi mengetahui kos-kod rahsia al-Quran dan mereka berbicara dengan manusia menggunakan kod-kod

ini (al-Qubrūsī 2001). Dakwaan seperti ini lazimnya untuk menimbulkan rasa kagum yang tinggi di kalangan orang awam terhadap si pembicara. Lihatlah bagaimana golongan *mutaṣawwifah* seperti al-Arqam yang pernah bertapak di Malaysia, juga pengasasnya banyak membuat dakwaan-dakwaan di luar dari ruang lingkup bicara syarak.

Umat Islam tidak menafikan ketinggian martabat wali Allah SWT. Ini kerana wali Allah SWT ini dinyatakan dalam al-Quran bahawasanya mereka dari kalangan yang beriman dan bertaqwa, dan sudah tentu orang yang bertaqwa ini mempunyai ketinggian darjat di sisi Allah SWT. Allah SWT berfirman (Surah Yūnus 10: 62-63):

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (62) الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ (63)

Maksudnya:

> "Sesungguhnya para Allah SWT itu tiada lagi ketakutan ke atas mereka dan tiada lagi kesedihan mereka (setelah mati). Mereka itu ialah yang beriman dan bertaqwa."

Manakala orang bertaqwa dipuji Allah SWT (Surah Al-Hujurāt 49: 13):

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu"

Bagaimanapun, mengenai kelebihan mengetahui kod-kod rahsia al-Quran ini, tidak dapat difahami apa yang dimaksudkan oleh Shaykh Nāẓim. Jika maksud beliau bahawa wali-wali Allah SWT itu mengetahui sesetengah takwilan bagi ayat-ayat al-Quran yang *mutashābihāt* seperti takwilan mengenai ayat *Istawā* atau *Yad* atau *Wajh*, maka ia benar selari dengan firman Allah SWT (Surah Āli 'Imrān 3: 7):

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ

Maksudnya:

> "Dialah yang menurunkan Al Kitab (Al Quran) kepada kamu. Di antara isinya ada ayat-ayat yang *muhkamāt*, itulah pokok-pokok isi al-Quran dan yang lain (ayat-ayat) *mutashābihāt*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutashābihāt* daripadanya untuk menimbulkan fitnah untuk mencari-cari takwilnya, padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya"

Hal ini kerana, sebahagian para wali Allah SWT itu ialah orang-orang yang *rāsikhūn fī al-'ilm* yakni yang mendalam ilmunya sebagaimana Ibn 'Abbās yang didoakan Nabi SAW supaya mampu mentakwil al-Quran. Demikian itu, takwilan yang dimaksudkan hanyalah berkisar mengenai ayat-ayat *mutashābihāt* sekitar permasalahan sifat-sifat Allah SWT (Tim Dakwah Pesantren 2015). Adapun, ada ayat *mutashābihāt* yang tidak diketahui maknanya melainkan Allah SWT sahaja seperti tarikh berlakunya kiamat, dan waktu yang tepat keluarnya Dajjāl (al-Hararī 2004). Selain daripada yang dibincangkan ini, tidak ada perbahasan ulama mengenai kod-kod rahsia al-Quran melainkan ia semata-mata dakwaan yang tidak berasas yang tiada sandarannya daripada kitab-kitab turath ulama.

5.2.8 Pemikiran Akidah Berhubung Masalah Bab Hal-Hal Ghaib (*Ghaybiyyāt*) dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

a. Mendakwa Semua Orang boleh Merasai Israk dan Mikraj

Shaykh Nāẓim suka membawa kenyataan yang boleh mempengaruhi orang jahil untuk mengikutinya. Antara kenyataan yang lain, Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa Israk dan Mikraj boleh dirasai oleh semua orang beriman yang terpilih, binatang syurga iaitu Buraq sentiasa bersedia menunggu orang-orang ini untuk dibawa merasai pengalaman Israk dan Mikraj (al-Qubrūsī 1991).

Kenyataan ini amatlah pelik dan tidak berdasakan kepada nas-nas al-Quran dan hadith. Orang yang beriman sejak dari kecil mengetahui bahawa peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah mukjizat. Jika disebut mukjizat bererti ia khusus buat para nabi. Dan lebih khusus lagi, Israk Mikraj ini hanya berlaku ke atas Nabi Muhammad SAW.

Peristiwa Israk bagi Nabi SAW adalah sabit secara *qaṭ'ī* kerana disebut di dalam al-Quran secara jelas oleh Allah SWT (Surah al-Isrā' 17: 1):

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا

Maksudnya:

> "Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada waktu malam daripada Masjid al-Haram ke Masjid al-Qasa yang kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kebesaran kami"

Manakala peristiwa Mikraj pula thabit secara *ẓannī* di mana ia disebut dalam hadith yang *ṣahīh*. Manakala di dalam al-Quran, hanya disebut oleh Allah SWT (Surah al-Najm 53: 13):

وَلَقَدْ رَآهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ عِنْدَ سِدْرَةِ المُنْتَهى

Maksudnya:

> "Dan Nabi SAW telah melihatnya sekali lagi berhampiran *Sidrat al-Muntahā*"

Yakni membawa erti Nabi SAW berada berhampiran dengan *Sidrat al-Muntahā* saat melihat Jibril a.s. Kesimpulan dari ayat ini membawa kefahaman bahawa Nabi SAW dibawa ke alam yang *'Ulwī* iaitu alam yang atas. Kata al-Nasafī saat membahaskan mengenai orang yang mengingkari Mikraj, maka beliau menyebut (al-Nasafī 2000):

وإنما يظهر تخصيص النبي إن كان له ذلك في اليقظة

Maksudnya:

> "dan sesungguhnya terzahir pengkhususan – Mikraj – untuk Nabi SAW yang mana berlaku Mikraj dengan secara jaga"

Maka berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah sebagai mukjizat khusus kepada Nabi SAW, sekaligus menolak dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa ia boleh berlaku ke atas semua orang.

b. Mendakwa Imām Mahdī a.s telah Muncul pada Tahun 1960 Buat Kali Pertama dan Tarikh Kemunculan Imām Mahdī a.s adalah Pada Tahun 2000

Dalam isu ini, Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa Imām Mahdī a.s telah muncul pada tahun 1960 dan 12,000 orang wali telah berbaiah kepada Imām Mahdī a.s pada tahun itu sama ada secara fizikal mahupun secara mimpi (al-Qubrūsī 2012). Selain itu, Shaykh Nāẓim juga telah menentukan tahun kemunculan Imām Mahdī a.s akan berlaku sebelum tahun 2000 apabila teknologi musnah dan perang dunia ketiga berakhir (al-Qubrūsī 2012; al-Qubrūsī 2001).

Memandangkan kajian ini berlaku pada tahun semasa penulis iaitu 2019 dan tahun 2000 telah pun berlalu, penulis dapat lihat bahawa dakwaan ini hanyalah telahan dan ramalan yang tiada asasnya. Jika dilihat pada dakwaan Imām Mahdī a.s telah muncul pada Tahun 1960, maka dengan andaian umur Imām Mahdī a.s ketika itu 20 tahun, maka umur Imām Mahdī a.s yang didakwa itu pada tahun semasa kajian ini dilaksanakan ialah 79 tahun. Dan hal ini kelihatan jika keluar Imām Mahdī a.s pada tahun ini sekalipun, beliau sangat tua dengan umurnya untuk memimpin tentera Islam, sedangkan keluarnya Mahdī a.s adalah untuk menghapuskan kezaliman, kekufuran dan sebagainya, sudah tentu beliau seorang pemuda. Sudah tentu Imām Mahdī a.s itu seorang yang masih gagah bertenaga. Ini sesuai dengan Sabda Nabi SAW:

لَتُمْلأَنَّ الأَرْضُ جَوْرًا وَظُلْمًا، فَإِذَا مُلِئَتْ جَوْرًا وَظُلْمًا بَعَثَ اللَّهُ رَجُلا اسْمُهُ اسْمِي يَمْلَؤُهَا قِسْطًا وَعَدْلا كَمَا مُلِئَتْ جَوْرًا وَظُلْمًا[9]

Maksudnya:

> "Bumi akan dipenuhi kezaliman dan kerosakan, dan apabila bumi dipenuhi kezaliman dan kerosakan maka Allah SWT akan mengutuskan seorang lelaki yang namanya seperti namaku, dia akan memenuhi bumi dengan kebaikan dan keadilan sebagaimana sebelumnya dipenuhi kezaliman dan kerosakan"

[9] Ibn Ḥajr, *al-Matālib al-'Aliyyah*. No. Hadith 4609.

Berhubung dengan dakwaan bahawa Imām Mahdī a.s akan muncul sebelum tahun 2000 di mana teknologi musnah dan perang dunia ketiga berakhir. Ini juga hanya ramalan yang dibina berdasarkan keadaan ketika itu di mana berlaku sedikit kekacauan di kalangan manusia bahawa teknologi akan musnah kerana komputer hanya ditetapkan tarikhnya pada kiraan 90-an. Jika masuk angka 2000 maka teknologi akan musnah kerana tidak lagi berupaya kerana bermula dengan angka 00. Dan perkara ini telah terbukti tidak sahih, malah perang dunia ketiga juga belum berlaku. Kata Hammām Muḥammad al-Jaraf (al-Jaraf t.th):

ليست هناك روايات صريحة تدل على مكان خروجه أو الزمن الذي يخرج فيه

Maksudnya:

> "Tiada suatu pun riwayat yang jelas mengenai tempat munculnya Mahdī a.s dan masa kemunculannya"

Orang beriman pastinya mengimani hadith nabi mengenai al-Mahdī a.s, namun waktu kemunculannya itu termasuk dalam perkara yang ghaib. Sebagaimana orang beriman mengimani munculnya Dajjāl, turunnya Nabi Isa a.s, namun orang beriman tidak tahu bila akan berlaku kerana ia adalah pada ilmu Allah SWT semata-mata. Nabi SAW tidak mengkhabarkan secara spesifik, lalu bagaimana seseorang boleh mendakwa dia tahu? Melainkan hanya sekadar dakwaan untuk meraih sokongan dan publisiti di kalangan masyarakat.

c. Mendakwa Al-Daghestānī Pernah Berjumpa Imām Mahdī a.s

Selain dari meramal kemunculan Imām Mahdī a.s dan mendakwa kemunculan Imām Mahdī a.s telah berlaku, Shaykh Nāẓim turut mendakwa gurunya Shaykh Al-Daghestānī pernah bertemu Imām Mahdī a.s dan mengambil nasihat daripadanya (al-Qubrūsī 1980). Pada hemat penulis, perkara ini tidak perlu dibahas panjang lebar kerana ia hanya dakwaan semata-mata. Jika Imām Mahdī a.s telah muncul, maka sekarang sudah pasti Dajjāl dan Nabi Isa a.s telah lama muncul kerana Imām Mahdī a.s hanya akan memerintah dunia selama 7 tahun atau maksimumnya 9 tahun sebagaimana hadith Nabi SAW:

يَكُونُ فِي أُمَّتِي الْمَهْدِيُّ إِنْ قُصِرَ فَسَبْعٌ ، وَإِلا فَثَمَانٍ ، وَإِلا فَتِسْعٌ..[10]

Maksudnya:

> "Akan ada di kalangan umatku al-Mahdī a.s yang memerintah selama 7 tahun, atau 8 tahun, atau 9 tahun.."

Jika al-Daghestānī pernah berjumpa, bererti al-Mahdī a.s telah muncul, dan jika dia telah muncul maka pasti sekarang bumi telah lama diperintah Isa a.s dan Dajjāl telah dibunuh. Perkara ini masih lagi belum berlaku, maka dakwaan ini hanyalah dakwaan semata-mata dan ia tidak berasas.

d. Mendakwa Allah SWT akan Menurunkan Hujan Mani untuk Membangkitkan Manusia dari Kubur

Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa manusia akan bangkit daripada kubur setelah Allah menurunkan hujan air mani dan air mani ini akan bercantum dengan satu sel kecil yang Allah kekalkan setelah kematian manusia seumpama ovum wanita (al-Qubrūsī 1980).

Sebelum membahaskan mengenai kenyataan ini, perlu dijelaskan bahawa sekalian orang yang beriman mengimani adanya hari kebangkitan di mana manusia akan dibangkitkan dari kubur mereka. Peristiwa ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya (Surah al-Taghābun 64: 7):

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Maksudnya:

> "Orang-orang kafir menyangka mereka tidak akan dibangkitkan, katakan wahai Muhammad bahkan lagi, Tuhanku akan membangkitkan dan kemudian akan dibentangkan amalan-amalan mereka dan bagi Allah SWT amatlah mudah melakukan perkara ini"

Begitu juga dalam hadith, Nabi SAW ada menyatakan mengenai hari kebangkitan ini. Sabda Nabi SAW:

[10] Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb Khurūj al-Mahdī.* No. Hadith 4115.

يُبْعَثُ كُلُّ عَبْدٍ عَلَى مَا مَاتَ عَلَيْهِ[11]

Maksudnya:

> "Semua manusia akan dibangkitkan dengan apa yang mereka lakukan sewaktu mati"

Mengenai bagaimana manusia dibangkitkan ini yang menjadi perbezaan Shaykh Nāẓim dengan para ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Beliau menyatakan Allah SWT akan menurunkan hujan air mani, sedangkan ulama Ahli Sunnah Waljamaah berkata (al-Harārī t.th):

جاء في بعض الروايات صفته أنَّه كمَنِيِّ الرِّجال

Maksudnya:

> "Telah datang sebahagian riwayat bahawa sifatnya seperti air mani lelaki"

Maka yang difahami bukanlah hujan itu air mani lelaki, namun sifatnya seperti air mani lelaki. Namun perkara ini tidaklah menjadi perkara yang asas kerana ia masih lagi dalam kerangka kurang pasti. Kerana apa yang nyatanya ialah Allah SWT akan menurunkan hujan, sama ada ia berupa seperti air mani, atau hujan itu ialah air mani, tidak memudaratkan akidah. Dalam satu hadith, Abū Hurairah r.a menceritakan:

أنَّ رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (ما بين النفختين أربعون)، قالوا: يا أبا هريرة، أربعون يومًا؟ قال: أبيتُ، قال: (ثم يُنزِل الله ماءً فينبتون منه كما ينبت البقل، ليس من الإنسان شيءٌ إلا يَبلَى إلا عظمًا واحدًا وهو عجب الذنب . آخر عمود الظهر . ومنه يُركَّب الخلق يوم القيامة)[12]

Maksudnya:

> "Bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda [mengenai hari kebangkitan]: (di antara dua tiupan sangkakala itu 40), lalu para sahabat bertanya Abū Hurairah: 40 hari kah? Maka jawab Abū Hurairah: Aku enggan menjelaskan. Kemudian bersabda Nabi SAW: (lalu kemudiannya Allah SWT menurunkan

---

[11] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Jannah wa Ṣifāt Na'imihā wa Ahlihā, Bab al-Amr bi Husn al-Ẓan bi Allāh 'ind al-Mawt.* No. Hadith 5257.

[12] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sā'ah*, *Bāb Mā Bayna al-Nafkhatayn*. No. Hadith 5387.

> hujan dan bangkitlah mereka tumbuh seperti tumbuhnya sayuran, dan tidaklah yang tinggal dari manusia selepas mati melainkan satu tulang iaitu ‘Ajb al-Zanab – iaitu penghujung tulang belakang. Dan dari situlah manusia bersusun di hari kiamat).”

Di sini berlakunya kesalahan Shaykh Nāẓim kerana beliau mendakwa air mani tadi akan bercantum dengan sel yang seumpama ovum wanita, namun yang disebut dalam hadith nabi ialah *‘Ajb al-Zanab*. *‘Ajb al-Zanab* itu bukanlah seperti ovum, malah ulama menyatakannya sesuai dengan hadith bahawa ia penghujung tulang belakang iaitu tulang tongkeng manusia.

5.2.9 Pemikiran Akidah Berhubung Hal Akidah yang Lain dan Perbezaannya dengan Ahli Sunnah Waljamaah

a. Mengakui Putera Charles sebagai Pembela Kebenaran

Shaykh Nāẓim pernah mendakwa Putera Charles menolak Dajjāl dan menyatakan bahawa Putera Charles adalah pembela kebenaran (al-Qubrūsī 1997). Dakwaan ini sangat mengejutkan kerana semua mengetahui bahawa Putera Charles itu beragama Kristian. Sedangkan Kristian itu bukan agama yang diterima di sisi Allah SWT. Bahkan Allah SWT menyatakan bahawa golongan Yahudi dan Kristian ini memusuhi Islam selamanya. Allah SWT berfirman (Surah al-Baqarah 2: 120):

وَلَن تَرْضَى عَنكَ الْيَهُودُ وَلاَ النَّصَارَى حَتَّى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Maksudnya:

> “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu)..”

Bagaimana Shaykh Nāẓim boleh mendakwa Putera Charles ini pembela kebenaran sedangkan beliau beragama Kristian yang mana al-Quran sendiri menyatakan bahawa golongan ini tidak akan redha dengan Islam? Bahkan dalam ayat yang lain, Allah SWT lanjutkan lagi larangan untuk bersama dengan golongan ini sebagaimana firman-Nya (Surah al-Mā’idah 5: 51):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

> "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi penolong bagimu; sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi penolong, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim"

Sekalipun ingin mendapatkan sokongan daripada kerajaan British terhadap gerakan tarekat, Shaykh Nāẓim tidak wajar untuk menyatakan bahawa Putera Charles adalah pembela kebenaran, sedangkan kebenaran itu hanyalah tertegak dengan Islam. Bahkan Allah SWT sendiri tidak meredhai orang-orang yang bukan Islam. Allah berfirman (Surah Āli 'Imrān 3: 32):

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ

Maksudnya:

> "Katakan wahai Muhammad, taatilah Allah dan Rasul-Nya dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah SWT tidak meredhai orang-orang kafir"

Jelas di sini bahawa Allah SWT tidak meredhai terhadap orang-orang kafir, apatah lagi untuk mendakwa mereka pembela kebenaran sedangkan hakikatnya mereka berasa dalam kesesatan yang nyata.

b. Mendakwa bahawa Selain Muslim juga akan Masuk Syurga

Shaykh Nāẓim mengiktiraf penganut agama lain itu sebagai *believers*. Kenyataan ini tidak pelik jika datangnya dari Shaykh Nāẓim kerana beliau sebelum ini pernah mendakwa Putera Charles sebagai pembela kebenaran. Shaykh Nāẓim menguatkan kenyataannya dengan mendakwa Allah SWT akan memasukkan jutaan, bahkan bilion manusia ke dalam syurga. Bukan sahaja yang Muslim, bahkan semua yang mempercayai (*believers*) (al-Qubrūsī 1980).

Kenyataan ini sangat mendukacitakan kerana ia datang dari seorang tokoh yang membawa tarekat. Dakwaan ini sangat bercanggah dengan al-Quran, hadith dan ijmak. Allah SWT berfirman (Surah al-Mā'idah 5: 72):

إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ ۖ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنصَارٍ

Maksudnya:

> "Sesungguhnya mereka yang mensyirikkan Allah SWT maka Allah SWT mengharamkan ke atas mereka Syurga dan tempat balasan mereka adalah Api Neraka, tiada penolong bagi orang-orang yang zalim (syirik)"

Dalam Surah al-Mā'idah ini, secara jelas Allah SWT menceritakan mengenai beberapa golongan seperti Yahudi dan Kristian yang mensyirikkan Allah SWT dengan sesuatu. Mereka ini tiada keraguan pada kekafiran mereka, dan mereka akan kekal diazab dalam api neraka. Orang kafir diazab di dalam api neraka dan kekal selamanya adalah kerana kufur mereka itu ialah keyakinan mereka, dan keyakinan ini yang dipegang selamanya. Kerana itu al-Māturīdī menyebut (al-Nasafī 2012):

أن الكفر مذهب يعتقد والمذاهب تعتقد للأبد فعلى ذلك عقوبته

Maksudnya:

> "Bahawasanya kekufuran itu pegangan yang diyakini, dan pegangan itu diyakini selamanya, maka dengan demikian ia juga diazab selamanya"

Jika kenyataan Shaykh Nāẓim merujuk kepada umat-umat yang beriman sebelum umat Nabi Muhammad SAW, maka golongan ini juga dipanggil Muslim. Jika mereka itu pengikut Nabi Musa a.s, maka dipanggil *Muslim Musāwī* dan jika pengikut Nabi Isa a.s, maka dipanggil *Muslim Isāwī.* Ini sesuai dengan hadith Nabi SAW:

الأَنْبِيَاءُ إِخْوَةٌ مِنْ عَلاَّتٍ وَأُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ فَلَيْسَ بَيْنَنَا نَبِيٌّ[13]

[13] Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Faḍā'il 'Isā 'Alayhi wa Sallam*. No. Hadith 4487.

Maksudnya:

> "Para nabi itu adalah saudara satu bapa, ibu-ibu mereka berbeza akan tetapi agama mereka satu. Dan tidak ada di antara kami (Nabi Isa dan Nabi Muhammad) seorang nabi."

Maksud dari hadith Nabi SAW ini, para nabi itu sekaliannya Muslim, mereka tidak membawa agama lain selain Islam. Apa yang membezakan antara mereka hanyalah hukum-hakam daripada sudut syariat. Sebagai contoh, umat Nabi Adam a.s dibenarkan untuk berkahwin sesama adik-beradik berlainan kandungan. Namun umat Nabi Muhammad SAW diharamkan untuk berkahwin sesama adik-beradik. Namun akidah umat Nabi Adam a.s dan Nabi Muhammad SAW adalah sama, tiada yang berbeza.

Difahami dari kesimpulan ini, hanya umat Islam sahaja yang akan masuk ke dalam syurga dan mereka ini terdiri dari umat pelbagai nabi bermula dari Adam a.s sehinggalah Muhammad SAW. Adapun, orang-orang kafir dari kalangan Yahudi, Kristian dan selainnya, mereka itu tidak dipanggil *believers* dan mereka ini, jika mati dalam kekufuran, maka mereka akan diazab selamanya di dalam api neraka.

c. Mendakwa Semua Agama Membawa kepada Mengimani Allah

Penulis melihat bahawa Shaykh Nāẓim seolah-olah ingin mempromosi dirinya sebagai orang yang boleh menerima semua jenis keadaan manusia. Namun dalam keadaan sengaja, dia juga menjerumuskan dirinya ke dalam kancah Pluralisme dan Liberalisme. Ini dapat dilihat apabila beliau juga mendakwa semua agama membawa kepada kebenaran seperti agama Buddha juga membawa kepada mengimani Allah SWT (al-Qubrūsī 1997; al-Qubrūsī 1991). Tanpa ragu beliau menyatakan semua agama mengajak manusia menyembah Allah SWT (al-Qubrūsī 1980). Beliau turut meyakini semua agama tiada beza, apa yang penting ialah mencapai darjat Ḥaqqānī dan Rabbani (al-Qubrūsī 2002).

Kenyataan ini sangat bercanggah dengan dalil-dalil yang nyata. Ini kerana agama yang diterima di sisi Allah SWT ialah Islam. Dalilnya ialah firman Allah SWT sendiri (Surah Āli 'Imrān 3: 19):

إِنَّ الدِّينَ عِندَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya:

"Sesungguhnya agama yang diterima di sisi Allah SWT hanyalah Islam"

Malah Allah SWT sendiri menyatakan bahawa sesiapa yang mengambil selain Islam sebagai agamanya, maka ia tertolak sebagaimana firman-Nya (Surah Āli 'Imrān 3: 85):

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya:

> "Dan barangsiapa mencari agama selain agama Islam, dia tidak akan diterima, dan di akhirat dia termasuk orang-orang yang rugi."

Justeru, terbatallah dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa semua agama juga mengajak manusia kepada menyembah Allah SWT. Keyakinan seperti akan membawa kepada kebebasan beragama dan amat bercanggah dengan dalil-dalil yang telah dikemukakan.

d. Mendakwa Ratu Elizabeth dan Putera Charles Orang yang Berketurunan Nabi dan Berada atas Kebenaran serta Meramalkan Putera Charles akan Menjadi Khalifah Islam

Antara dakwaan melampau Shaykh Nāẓim lagi ialah beliau mendakwa Queen Elizabeth dan Putera Charles orang yang terpercaya malah menyatakan Putera Charles itu keturunan Nabi SAW dan berada atas jalan kebenaran (al-Qubrūsī 1997) dan meramalkan pada tahun 2000, Putera Charles akan menjadi Raja England dan menjadi Sultan / Khalifah Islam (al-Qubrūsī 1997).

Perlu dijelaskan bahawasanya kedua-dua insan ini, mereka beragama Kristian dan itu sudah tentu menjadi bukti pertama bahawa keduanya sudah pasti akan ditolak sebagai berada di atas jalan kebenaran sebagaimana dalil-dalil yang telah dikemukakan sebelum ini. Kemudian, jika Shaykh Nāẓim mendakwa bahawa kedua insan ini adalah berketurunan Nabi SAW, maka beliau mestilah mengemukakan bukti seperti silsilah yang rasmi sehingga kepada Sayyidunā Hasan r.a atau Sayyidunā Husayn r.a yang

merupakan anak Fātimah r.a. Kerana kaedah dalam syarak ialah sebagaimana dinyatakan dalam hadith Nabi SAW:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لاَدَّعَى رِجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ، لَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدَّعِيْ وَالْيَمِيْنَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ[14]

Maksudnya:

> "Jika seseorang itu diberikan apa sahaja yang didakwa, nescaya seseorang itu akan menuntut harta dan darah sesuatu kaum itu, akan tetapi bukti adalah dari pendakwa dan sumpah daripada yang ingkar"

Setakat bacaan penulis daripada karangan Shaykh Nāẓim, tiada bukti yang sahih mengenai dakwaannya bahawa kedua insan ini berketurunan Nabi SAW melainkan sekadar dakwaan semata-mata untuk meraih laba politik.

Melihat lagi liciknya politik Shaykh Nāẓim pada hemat penulis, beliau sanggup membuat ramalan bahawa Putera Charles akan menjadi Raja England sekaligus menjadi khalifah Islam pada tahun 2000. Ramalan ini juga telah nyata tidak menjadi kerana tahun 2000 telah pun berlalu. Bagaimanapun, ramalan bahawa Putera Charles akan menjadi khalifah Islam ini agak melampau.

Jika yang dimaksudkan beliau bahawa Putera Charles akan memeluk Islam, maka ia tidak salah untuk berharap beliau akan menjadi khalifah, namun bukanlah dalam bentuk ramalan kerana Islam menolak sebarang jenis ramalan kerana tidak ada yang tahu perkara yang ghaib melainkan Allah SWT. Allah SWT berfirman (Surah al-Naml 27: 65):

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

> "Katakanlah (wahai Muhammad) tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah."

[14] Al-Nawawī, *al-Arba'ūn al-Nawawiyyah.* No. Hadith 33.

Bahkan dalam sebuah hadith, Nabi SAW menjelaskan, sesiapa yang mendatangi tukang ramal, kemudian dia mempercayai bahawa si tukang ramal mengetahui perkara yang ghaib, maka dengan itu terbatal imannya. Sabda Nabi SAW:

مَنْ أَتَى كَاهِناً أَوْ عَرَّافاً فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ[15]

Maksudnya:

> "Barangsiapa yang mendatangi dukun atau tukang ramal, lalu ia membenarkannya, maka ia berarti telah kufur pada Al Quran yang telah diturunkan pada Muhammad"

Demikian itu, keyakinan umat Islam ialah tiada seorangpun yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah SWT. Adapun jika seseorang membuat suatu agakan berdasarkan kepada petanda-petanda atau alamat, seperti melihat langit yang gelap lalu dia membuat jangkaan dan kesimpulan bahawa hari akan hujan, maka itu bukanlah ramalan yang dibincangkan dalam hadith, melainkan itu adalah kesimpulan yang dibuat berdasarkan petanda yang disediakan Allah SWT. Meskipun demikian, orang beriman tetap menyerahkan sebarang urusan terhadap Allah SWT.

e. Mendakwa Ada Alam Spiritual di luar dari Lingkungan Masa dan Tempat

Antara dakwaan-dakwaan Shaykh Nāẓim yang penulis dapati bercanggah dengan apa yang dibawa oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah lagi ialah Shaykh Nāẓim mendakwa ada alam spiritual yang luar dari konteks masa dan tempat (al-Qubrūsī 2001). Sebelum membandingkan perkara ini secara ilmiah dengan apa yang dibawa oleh Ahli Sunnah Waljamaah, perlu difahami makna alam itu sendiri. Alam ialah setiap sesuatu selain dari Allah SWT. Dalam perbahasan tauhid, terkadang ulama menyebut makhluk, atau baharu, atau alam, semua ini membawa makna yang satu, iaitu ciptaan Allah SWT. Ini sebagaimana disebut oleh Ibn ʻAbbās dalam penafsirannya terhadap ayat 1 Surah al-Fātihah (al-Ṭabarī 2013), beliau mentakrifkan alam sebagai segala ciptaan Allah SWT, kata beliau:

الحمد لله الذي له الخلق كله: السموات والأرضون ومَن فيهنّ، وما بينهن، مما يُعلم ولا يعلم

[15] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Ṭib, Bāb al-Fa'l.* No. Hadith 5447.

Maksudnya:

> “Segala puji bagi Allah SWT yang bagi-Nya segala penciptaan: langit-langit, bumi-bumi, dan apa yang berada di dalam kesemuanya dan apa yang berada di antara keduanya, daripada apa yang boleh diketahui dan tidak boleh diketahui”

Ini menjelaskan bawa alam ini terkait dengan tempat. Sekalipun di mana ia tidak diketahui oleh seseorang, ia tetap diliputi oleh tempat dan ruang. Ini berdasarkan apa yang disebut Ibn ‘Abbās ومَن فيهنّ dan وما بينهن.

Al-Tabari menyebut (al-Ṭabarī 2013):

والعالم اسم لأصناف الأمم، وكل صنف منها عالمٌ، وأهل كل قَرْن من كل صنف منها عالم ذلك القرن وذلك الزمان

Maksudnya:

> “Alam ini ialah kata nama bagi suatu kelompok-kelompok umat, setiap kelompok daripadanya adalah alam, dan ahli setiap kurun dari semua kelompok daripadanya adalah alam, dari kurun itu dan zaman itu”

Perkataan al-Tabari ini pula jelas bahawa alam ini ialah sesuatu yang terkait dengan masa apabila beliau menyebut ذلك القرن وذلك الزمان adalah merujuk kepada tempoh masa dan waktu. Oleh yang demikian, alam ini ialah sesuatu yang terkait dengan ruang, tempat, arah, dan berlalu ke atas alam ini masa dan waktu.

Kata Shaykh Dawud al-Faṭānī pada menjelaskan lagi makna alam ini, beliau menyebut dalam kitabnya *al-Durru al-Thamīn* (al-Faṭānī.a t.th.):

> “Makna alam (ialah) alamat yang menunjukkan akan keadaan (keberadaan) Allah SWT yang menjadikan dia, maka alam itu terbahagi kepada atas dua bahagi: pertama, A‘yān dan kedua, A‘rāḍ... Bermula alam dengan sekalian sukunya sama ada ‘Ulwī atau Suflī..”

Penjelasan ini menunjukkan bahawa alam ini adalah ciptaan Allah SWT yang terkait dengan alam atas (langit, *Kursi*, Arasy, syurga) dan alam bawah (bumi dan neraka). Maka kesemuanya terkait dengan tempat dan masa. Hanya yang tidak terkait dengan

alam ini ialah Allah SWT. Tiada bagi Allah SWT tempat, ruang, arah dan waktu. Maha Suci Allah. Maka batallah dakwaan Shaykh Nāẓim bahawa ada alam yang tiada dalam lingkungan masa dan tempat.

f. Mendakwa bahawa Syahadah Pertama Sudah Memadai Tanpa Syahadah Kedua

Dalam mengiktirafkan keimanan dan keislaman seseorang, Shaykh Nāẓim dilihat sangat mengambil mudah. Penulis telah menyebut mengenai dakwaannya bahawa Putera Charles itu penolong kebenaran, orang-orang yang beragama lain itu juga ada keimanan dan selainnya. Dalam kes ini, Shaykh Nāẓim mendakwa pula bahawa jika seseorang mengucapkan syahadah pertama sudah memadai tanpa syahadah kedua (al-Qubrūsī 2001).

Pertama hal ini bercanggah dengan usul agama Islam iaitu Rukun Islam yang pertama ialah mengucap dua kalimah syahadah. Seseorang yang belum beriman, dan kemudiannya ingin memeluk Islam, maka wajib atasnya mengucapkan dua kalimah syahadah sesuai dengan hadith Nabi SAW:

أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لاَ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ..[16]

Maksudnya:

> "Aku diperintah untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucap bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan bahawasanya Muhammad itu pesuruh Allah SWT.."

Sesuai dengan hadith ini maka para ulama Ahli Sunnah Waljamaah dalam karya-karya mereka menyebut bahawa fardu ain ke atas seseorang yang ingin memeluk Islam supaya mengucapkan dua kalimah syahadah. Sebagai contoh, kata Shaykh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad al-Badawī al-Sembāwī (al-Sembāwī t.th.b):

> "Maka bermula segala Rukun Islam itu lima perkara (pertama) mengucap dua kalimah syahadah"

[16] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Imān*, *Bāb Fa'in Tābū wa Aqāmū al-Ṣalāh wa Ātū al-Zakāh Fakhallū Sabīlihim*. No. Hadith 25.

Begitu juga Tuan Hussein Kedah menyebut (al-Banjarī t.th.c):

> “(dan bahawasanya) Rukun Islam itu lima perkara (pertamanya) mengucap dua kalimah syahadah”

Dan lagi kata Imām al-Sanūsī (Al-Ḥusaynī t.th):

وَيَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ شَرْعًا أَنْ يَعْرِفَ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ، وَمَا يَسْتَحِيلُ، وَمَا يَجُوزُ.
وَكَذَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَعْرِفَ مِثْلَ ذلِكَ فِي حَقِّ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ

Maksudnya:

> “Dan wajib atas setiap mukallaf secara syarak untuk mengetahui apa yang wajib pada hak Allah SWT, apa yang mustahil pada hak-Nya dan apa yang harus pada hak-Nya. Begitu juga wajib atasnya mengetahui seperti itu (wajib, mustahil dan harus) pada hak para rasul a.s”

Berdasarkan perkatan Imām al-Sanūsī dan ulama yang lain, jelas bahawasanya, syahadah pertama mestilah digandingkan dengan syahadah yang kedua kerana wajib atas setiap mukallaf itu mengetahui dan mengimani keduanya. Maka dengan ini tertolak pandangan Shaykh Nāẓim bahawa syahadah pertama sudah mengesahkan keimanan seseorang.

g. Mendakwa dengan Membaca Al-Fatihah Sahaja boleh Menggolongkan Manusia Itu sebagai Beriman

Dalam satu perkataan yang lain, Shaykh Nāẓim berpendapat bahawa jika seseorang yang bukan Islam membaca Surah al-Fātihah, maka hal itu akan membawanya kepada keimanan (al-Qubrūsī 1980). Dakwaan seperti ini juga tidak munasabah kerana ia bercanggah dengan dalil sedia ada. Nabi SAW bersabda:

بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمدا رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وحج البيت، وصوم رمضان[17]

[17] Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Imān*, *Bāb Qawl al-Nabiyy Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam Buniya al-Islām ‘alā Khams*. No. Hadith 8.

Maksudnya:

> "Terbinanya Islam atas lima perkara: Mengakui tiada Tuhan melainkan Allah SWT, dan mengakui Muhammad SAW pesuruh Allah SWT, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan"

hadith ini jelas bahawasanya, keislaman dan keimanan seseorang itu terbina dengan lima perkara secara asasnya, dan yang paling utama ialah mengakui ketuhanan Allah SWT dan kenabian Muhammad SAW.

Telahpun penulis jelaskan panjang lebar sebelum ini bahawa keimanan dan keislaman seseorang hanya sah dengan mengucap dan memperakui dua kalimah syahadah, bukan hanya sekadar mengakui syahadah pertama sahaja, atau sekadar membaca al-Fatihah. Ini dijelaskan oleh al-Hararī (al-Hararī 2012):

يَجِبُ عَلَى كَافَّةِ الْمُكَلَّفِينَ الدُّخُولُ فِي دِينِ الإِسْلامِ وَالثُّبُوتُ فِيهِ عَلَى الدَّوَامِ وَالْتِزَامُ مَا لَزِمَ عَلَيْهِ مِنَ الأَحْكَامِ. فَمِمَّا يَجِبُ عِلْمُهُ وَاعْتِقَادُهُ مُطْلَقًا وَالنُّطْقُ بِهِ فِي الْحَالِ إِنْ كَانَ كَافِرًا وَإِلَّا فَفِي الصَّلاةِ الشَّهَادَتَانِ

Maksudnya:

> "Wajib atas setiap mukallaf untuk memeluk agama Islam dan tetap di dalamnya selamanya serta beriltizam dengan segala hukum-hakamnya. Dan di antara kewajipan itu ialah mengetahui dan meyakini secara mutlak, dan mengucap dengannya serta-merta jika dia kafir, jika tidak kafir maka diucap di dalam solat - berdasar Mazhab Shāfiʻī – ialah dua kalimah syahadah"

Hal ini bukanlah baru, malah disepakati oleh sekalian umat Islam bahawasanya, seseroang yang bukan Muslim, hendaklah dia mengucap dua kalimah syahadah untuk memeluk agama Islam. Maka dakwaan Shaykh Nāẓim adalah tidak bertepatan dengan usul agama Islam.

5.3 KESIMPULAN

Melihat kepada analisis perbandingan sebagaimana yang diketengahkan oleh penulis, didapati bahawa Shaykh Nāẓim sangat lemah penguasaannya dalam ilmu akidah sehingga beliau boleh bercanggah dengan beberapa dasar utama Ahli Sunnah

Waljamaah dalam masalah ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara ghaib. Bahkan kelihatan Shaykh Nāẓim sedaya upaya menggunakan perkataannya untuk menceritakan perkara-perkara di luar dari kefahaman awam untuk menarik perhatian orang awam mengikuti ajaran yang dibawanya.

Tidak dinafikan bahawa dalam beberapa hal yang asas dalam akidah Islam, Shaykh Nāẓim telah mematuhinya sebagaimana yang telah disebut dalam Bab 3 di mana penulis telah mengekstrak perkataan-perkataan yang dinukilkan daripada karangan beliau mengenai hal-hal berkaitan akidah. Namun begitu, sebagaimana dibahaskan dalam bab ini, percanggahan Shaykh Nāẓim terhadap akidah Ahli Sunnah Waljamaah bukanlah sekitar masalah-masalah yang kecil. Namun percanggahannya adalah melibatkan perkara-perkara dasar akidah.

Dalam bab ketuhanan, beliau membawa keyakinan *tajsīm*, *tashbīh*, *ittiḥād*, *ḥulūl*, *hashwiyyah* dan *al-Mu'tazilah*. Manakala dalam bab kenabian dan kewalian, beliau menyifatkan mereka ini dengan sifat-sifat yang melampaui batas seperti mengumpamakan para nabi dengan binatang. Shaykh Nāẓim juga menisbahkan sifat-sifat keagungan Allah SWT kepada mereka ini. Selain itu dalam bab *Ghaybiyyāt*, Shaykh Nāẓim membuat beberapa ramalan seperti kemunculan Mahdī a.s. Beliau turut menghalalkan perkara yang haram seperti melihat seluruh badan bagi lelaki dan wanita. Dalam hal yang lain, beliau mengiktiraf agama lain selain Islam malah mengharuskan syurga untuk penganut agama lain.

Setelah membuat perbandingan-perbandingan dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah, maka penulis membuat kesimpulan bahawa pemikiran akidah Shaykh Nāẓim sangat bertentangan dengan apa yang dibawa oleh jumhur ulama. Pemikiran akidah yang dibawa oleh beliau bercampur aduk dengan beberapa mazhab akidah seperti yang telah penulis sebutkan. Menurut hemat penulis juga, beliau boleh digolongkan di kalangan *mutaṣawwifah* yang mendakwa kesufian, namun hakikatnya jauh daripada kesufian berteraskan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah yang benar.

BAB VI

PENUTUP

6.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan khusus mengenai rumusan, dapatan dan kesimpulan terhadap kajian yang telah dilaksanakan oleh penulis terhadap pemikiran akidah Shaykh Nāẓim. Ia merangkumi dapatan kajian, cadangan kajian dan implikasi kajian.

6.2 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan, dengan meneliti karya-karya Shaykh Nāẓim serta membandingkannya dengan karya-karya karangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah, beberapa dapatan dapat dibuat berdasarkan kepada kajian ini.

Yang pertama adalah dapatan dan kesimpulan mengenai profil Shaykh Nāẓim, terdapat beberapa aspek yang didapati ada pada diri beliau. Dari aspek ketokohan, Shaykh Nāẓim merupakan seorang yang disegani di seluruh dunia baik daripada sisi kawan atau lawan. Ini dibuktikan dengan jumlah pengikutnya yang ramai serta cawangan-cawangan tarekatnya yang berada di serata dunia. Beliau juga diiktiraf di peringkat dunia sebagai salah seorang daripada Muslim yang berpengaruh. Beliau adalah seorang tokoh yang mempunyai aura tersendiri dalam menyebarkan ajaran tarekatnya sehingga tersebar luas ke seantero dunia. Kejayaan beliau juga tidak dapat dicapai melainkan dengan bantuan anak-anak kandungnya serta anak-anak muridnya. Shaykh Nāẓim bukan sahaja mendapat tempat di hati masyarakat awam malah beliau mendapat perhatian daripada kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat serta golongan bangsawan dan istana.

Dari aspek pengurusan, Shaykh Nāẓim pandai menguruskan tarekat yang dipimpinnya dengan menjalin hubungan yang baik dengan beberapa pemimpin seperti Kerabat diRaja Perak Darul Ridzuan dan Queen Elizabeth. Beliau juga melantik orang-orang kanan beliau untuk menguruskan cawangan tarekat beliau di serata dunia, di mana orang kanannya itu mempunyai ciri ketokohan seperti beliau seperti anaknya Muhammad ‘Ādil dan Hishām Kabbānī. Justeru hasil dari pengurusan yang mantap, ia membuahkan hasil dari aspek pengaruh di mana Shaykh Nāẓim mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan masyarakat awam. Ini dibuktikan di Malaysia, meskipun terdapat fatwa yang melarang penyebaran tarekatnya, namun pengikut Shaykh Nāẓim ramai di Malaysia.

Dari aspek keilmuan, Shaykh Nāẓim seorang yang cerdik. Beliau menamatkan pengajian sehingga ke peringkat sarjana dalam bidang kejuruteraan teknik kimia. Berdasarkan silsilah keilmuan, beliau juga berkebolehan dalam syariah dan Bahasa Arab. Manakala dari aspek sanad tarekat, Shaykh Nāẓim mempunyai sanad tarekat yang diragui kerana timbul bantahan daripada mereka dari bidang tarekat itu sendiri seperti Mufti Daghestan, Sayyid Ahmad bin Sulaymān Darwish Hajiyū dan al-Ahbāsh. Hal ini kerana kewujudan sanad yang diragui menurut mereka dalam silsilah tarekat beliau.

Dari aspek penerbitan karya, karya Shaykh Nāẓim kebanyakannya adalah salinan semula ucapan-ucapan beliau dalam majlis-majlis ilmu beliau. Sebahagian besar karya ini mempunyai penerbit, ISBN, diberi kata pengantar oleh beliau dan hakcipta adalah atas nama beliau sendiri. Kandungan-kandungan dalam karya beliau ini mempunyai kesinambungan di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, ada di antara isi kandungannya saling melengkapi antara satu sama lain juga ada yang serupa di antara satu sama lain. Karya-karya ini juga boleh didapati salinannya dalam bentuk pdf di beberapa laman sesawang rasmi Tarekat Naqshābandiyyah Ḥaqqānī. Malah sebahagian besar daripada karya-karya yang dijumpai oleh penulis ini mempunyai hakcipta atas nama beliau sendiri dan diterbitkan oleh jemaah tarekat pimpinan beliau. Jika ada yang mengatakan bahawa karya-karya ini bukan milik Shaykh Nāẓim, maka mereka perlu mengemukakan bukti yang kukuh bahawa ia bukan karya Shaykh Nāẓim kerana bukti adalah daripada yang mendakwa. Sewaktu hayat Shaykh Nāẓim dan

selepas pemergian beliau, tiada sebarang kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak al-Ḥaqqānī yang menafikan karya-karya ini bukan milik beliau.

Dari aspek pengaruh dan pengembangan tarekat, setelah meneliti 12 karya milik Shaykh Nāẓim ini, penulis mendapati bahawa beliau merupakan seorang tokoh yang pandai mengambil hati para pengikutnya dengan kenyataan-kenyataan dan ajaran-ajaran yang boleh mempengaruhi pemikiran para pengikutnya. Ini kerana setiap ajaran yang disampaikan oleh beliau akan diselitkan dengan elemen yang terkait dengan tasawuf. Secara zahir, nampak bahawa Shaykh Nāẓim mempromosi zikir Naqshābandī untuk mengaburi ajaran sebenar tarekat pimpinan beliau. Pada sebahagian dasar ajarannya, ada persamaan di antara apa yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim dengan apa yang dibawa oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Shaykh Nāẓim menyeru manusia supaya mengimani Allah SWT dan Rasulullah SAW. Shaykh Nāẓim membawa pendekatan penyucian diri dalam ajaran tarekatnya, menyuruh pengikutnya berakhlak dengan akhlak yang baik, malah menghidupkan hari dengan zikir-zikir kepada Allah SWT. Namun, dalam menyebarkan ajaran beliau, beliau sanggup mengiktiraf agama lain seperti Kristian dan Buddha untuk memperolehi sokongan bukan Islam seperti Ratu Elizabeth dan Putera Charles. Pegangan akidah beliau memberi kesan kepada aspek kebolehpercayaan kerana banyak kenyataan Shaykh Nāẓim sewaktu hayatnya yang diragui seperti ramalan-ramalan yang beliau lakukan. Antaranya ramalan mengenai hari kiamat dan kemunculan Imām Mahdī a.s. Di dalam karya beliau sendiri saling bercanggah antara satu sama lain.

Seterusnya yang kedua adalah dapatan mengenai pemikiran akidah Shaykh Nāẓim. Pada sebahagian dasar akidah seperti jumlah para nabi, jumlah para malaikat, hari kiamat dan sebagainya, maka didapati bahawa apa yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim adalah selari dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Ini boleh dilihat dalam Bab Tiga di mana penulis telah menyusun semula persoalan umum akidah yang diketengahkan oleh beliau.

Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara asas yang didapati dalam karya-karyanya bercanggah dengan asas keimanan. Pada hemat penulis, hal ini kerana Shaykh Nāẓim bukanlah seorang yang pakar dalam bidang akidah. Malah jika dilihat dalam

salasilah perguruan beliau, tidak dinyatakan seorang pun guru beliau yang mengajar beliau mengenai akidah.

Selain itu, penulis juga tidak menjumpai senarai kitab yang pernah Shaykh Nāẓim dalami untuk dijadikan sebagai sandaran apabila beliau mengeluarkan kenyataan beliau mengenai akidah. Bahkan sebahagian besar hadith-hadith nukilan beliau adalah bersifat *Mauḍu‘* serta *Ḍa‘īf* yang tidak boleh dijadikan asas dalam pegangan akidah. Sedangkan di sisi Ahli Sunnah Waljamaah, hanya al-Quran, hadith *Mutawātir* dan *Saḥīḥ* serta ijmak sahaja yang dibenarkan sebagai sumber pegangan akidah, itupun mestilah ia sepakat dengan kaedah-kaedah seperti *tanzīh*.

Yang terakhir ialah mengenai perbandingan dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Berkait dengan hal ketuhanan, meskipun pada dasar akidahnya beliau mengimani Allah SWT sebagai Tuhan dan ada kenyataannya yang mensucikan Allah SWT daripada menyerupai makhluk-Nya sebagaimana pegangan Ahli Sunnah Waljamaah, namun Shaykh Nāẓim tetap menerapkan elemen *ḥulūl, ittiḥād, tajsīm, tashbīh, hashwiyyah* dan al-*Mu‘tazilah* apabila membicarakan hal-hal ketuhanan. Shaykh Nāẓim juga membawa pendekatan membicarakan hal-hal akidah tanpa didasari dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang selari dengan syariat. Beliau juga dilihat banyak bercanggah dengan kenyataan beliau sendiri dalam perkataannya, dan percanggahan itu kadang-kadang datang dalam buku dan mukasurat yang sama. Ada ketika dia mengatakan Allah SWT tidak bertempat dan kemudiannya dalam mukasurat yang sama menisbahkan Allah SWT bertempat.

Berhubung dengan elemen *ittiḥād*, penulis sedar bahawa terdapat perbahasan dalam akidah kesufian yang membicarakan mengenai *Tauḥīd al-Shuhūd* dengan menggunapakai istilah ini. Namun setelah meneliti pandangan Shaykh Nāẓim, beliau tidak membahaskan *ittiḥād* dengan konteks *Tauḥīd al-Shuhūd* namun beliau membahaskannya secara jelas mengenai kesatuan Tuhan dengan makhluk. Berhubung *tajsīm* dan *tashbīh*, jelas kenyataan beliau yang menyamakan Allah SWT dengan mahluk seperti penisbahan anggota badan bagi hak Allah SWT. Beliau juga menamakan Allah SWT tanpa merujuk kepada sandaran nas yang tepat sedangkan penamaan Allah SWT adalah *tawqīfiyyah*. Keseluruhan ideologi akidah yang disebutkan ini adalah

bercanggah secara total dengan apa yang dibawa oleh para ulama Ahli Sunnah Waljamaah.

Berhubung dengan kenabian, Shaykh Nāẓim ada menerapkan elemen *Nūr Muḥammad* dalam bab kenabian dengan perbahasan yang melampaui batas sehingga mengharuskan Nabi SAW bersifat dengan sifat ketuhanan. Beliau turut menisbahkan sifat-sifat yang baik kepada para Nabi dengan membuat perumpamaan terhadap binatang seperti anjing dan khinzir. Dalam hal berkaitan kewalian, Shaykh Nāẓim suka membicarakan mengenai keistimewaan-keistimewaan gurunya dan dirinya. Hal ini mungkin kerana beliau ingin menarik pengikut-pengikut baru dengan cerita-cerita yang indah. Keistimewaan para wali diketengahkan dengan cara yang tidak sepatutnya seperti mendakwa wali tahu kod rahsia al-Quran, wali ini adalah stesen kuasa, wali mempunyai aroma spiritual dan wali harus melihat seluruh tubuh badan seseorang. Selain itu, beliau juga menyanjung tinggi gurunya Shaykh ‘Abd Allāh Fāiz al-Daghestānī yang beliau menganggapnya sebagai seorang wali. Beliau mendakwa bahawa al-Daghestānī telah berjumpa dengan al-Mahdī a.s, bahkan Shaykh Nāẓim sendiri telah meramalkan kemunculan al-Mahdī a.s yang sehingga kini belum pun lagi muncul. Berlainan dengan Ahli Sunnah Waljamaah, sekalipun Ahli Sunnah Waljamaah mengagungkan Nabi Muhammad SAW, namun tidaklah secara berlebihan sehingga menyamai Kristian yang menganggap Nabi Isa a.s itu bersifat dengan sifat ketuhanan.

Mengenai hal ehwal hari kiamat dan akhirat, Shaykh Nāẓim banyak bercanggah dengan dasar-dasar Ahli Sunnah Waljamaah. Shaykh Nāẓim membuat ramalan-ramalan mengenai kemunculan Imām Mahdī a.s dan hari kiamat. Malah beliau mendakwa gurunya telah berjumpa dengan Imām Mahdī a.s. Beliau juga mendakwa orang-orang bukan Islam juga akan masuk ke dalam Syurga kerana mereka juga *believers*. Banyak juga keyakinan Shaykh Nāẓim yang membawa kepada kesimpulan bahawa semua agama adalah sama dan tujuannya adalah mengimani Allah SWT. Hal ini menyebabkan beliau juga tergolong di kalangan mereka yang berpegang dengan falsafah Liberalisme dan Pluralisme. Hal ini sangat mendukacitakan kerana mustahil Allah SWT menerima kebenaran agama lain sedangkan dalam al-Quran jelas bahawasanya agama yang diterima di sisi Allah SWT hanyalah Islam. Melihat kepada keimanan Ahli Sunnah Waljamaah terhadap kemunculan Imām Mahdī a.s pula, mereka tidak berani untuk

menetapkan secara khusus mengenai tarikh kemunculannya kerana ia adalah rahsia Allah SWT jua semata-mata.

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang disasarkan sebelum ini iaitu antaranya untuk mengenali siapakah Shaykh Nāẓim, apakah pemikiran akidahnya, adakah pemikiran akidahnya selari dengan Ahli Sunnah Waljamaah, maka kajian yang dilaksanakan ini telah mencapai objektif-objektif di atas. Kajian juga ingin melihat mengenai keabsahan fatwa-fatwa yang melatari kajian ini kerana beberapa fatwa yang menyimpulkan bahawa pemikiran akidah Shaykh Nāẓim adalah bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Sebagaimana yang telah dijelaskan, kajian mendapati ada persamaan di antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dan Ahli Sunnah Waljamaah. Namun jurang perbezaan yang berlaku antara keduanya agak besar kerana melibatkan permasalahan asas yang pokok sehingga tidak mungkin untuk menghimpunkan keduanya.

6.3 CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada dapatan dan rumusan kajian, penulis ingin mencadangkan beberapa rekomendasi untuk kajian lanjutan iaitu selain daripada kajian-kajian yang telah ada sebelum ini, penulis melihat bahawa kajian terhadap Shaykh Nāẓim sangat sedikit. Kajian yang telah ada hanya terhad kepada latar perjalanan tarekat yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim dan beberapa kajian mengenai dakwah beliau. Seharusnya ada kajian yang melihat sisi pengurusan dakwah beliau yang mampu tembus ke seluruh dunia sehingga beliau boleh menjalin hubungan baik dengan pemuka-pemuka negara.

Seterusnya penulis melihat adalah baik jika ada Jika ada yang mahu mengkaji mengenai keabsahan sanad tarekat beliau juga dilihat sebagai sesuatu yang bermanfaat. Ini bagi memastikan bahawa tarekat yang beliau pelopori adalah benar-benar bersambung silsilah sehingga kepada pengasas tarekat Naqshābandī itu sendiri iaitu Shaykh Muḥammad Bahā' al-Dīn al- Naqshābandī. Selain dari itu, kajian mengenai pemikiran *fiqh* Shaykh Nāẓim atau mazhab yang dianuti beliau dalam *fiqh* juga adalah tersangat baik kerana penulis tidak menjumpai secara spesifik pegangan *fiqh* Shaykh

Nāẓim yang cenderung kepada salah satu daripada 4 mazhab Ahli Sunnah Waljamaah yang masih wujud sehingga kini.

Cadangan yang terakhir, kajian mengenai fatwa sedia ada yang mengekang atau membenarkan penyebaran ajaran Shaykh Nāẓim juga amat perlu kerana menurut hemat penulis ada kewajarannya jika kekangan atau kebenaran itu dilihat daripada sudut menjaga kemurnian akidah orang awam. Hal ini kerana orang awam mungkin tidak mengenali dengan mendalam mengenai apa ajaran akidah yang dibawa oleh Shaykh Nāẓim dan hanya melihat penampilan beliau dan anak-anak muridnya, maka mereka boleh terpengaruh untuk mengikuti tarekat yang diasaskan oleh beliau sehingga membawa kepada perkara-perkara yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Pihak berautoriti boleh melihat kepada kajian ini untuk menambah baik fatwa sedia ada sekiranya perlu.

6.4 IMPLIKASI KAJIAN

Dari sudut implikasi kajian, kajian ini berhasil memperkenalkan sosok tubuh seorang tokoh yang masyhur di abad ini iaitu Shaykh Nāẓim al-Qubrūsī, kehidupannya, gurunya, muridnya, ajarannya dan sanad tarekatnya. Selain itu, kajian ini telah mengenalpasti pemikiran akidah Shaykh Nāẓim secara jelas dan terperinci yang digali daripada 12 karyanya dari tahun 1980 sehingga 2012 seterusnya mengenalpasti perbezaan antara pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah secara jelas dan terperinci.

Dengan hasil kajian ini, ia dapat membantu pihak berkepentingan seperti jabatan agama atau institusi fatwa untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dan seterusnya mengambil tindakan yang wajar terhadap gerakan atau ajaran yang dipimpin oleh beliau dan anak muridnya.

Selain itu, kajian ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai pemikiran akidah Shaykh Nāẓim memandangkan selama ini beliau hanya dikenali sebagai tokoh dalam bidang kesufian. Kajian ini secara langsung menjelaskan

kepada masyarakat mengenai kesimpulan akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang sebenar serta persamaan dan perbezaan pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dengannya.

6.5 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pemikiran akidah Shaykh Nāẓim pada asasnya banyak percanggahan dengan apa yang dibawa oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah. Percanggahan-percanggahan ini bukan perkara yang dalam kerangka khilaf yang dibahaskan oleh ulama Ahli Sunnah Waljamaah daripada aliran Ashā'irah, Māturīdiyyah mahupun aliran *salaf* yang benar. Namun begitu, jasa Shaykh Nāẓim dalam mengajak manusia kepada berakhlak mulia, melakukan zikir-zikir penyucian jiwa dan ramai yang telah memeluk Islam di atas tangan beliau dan anak murid beliau adalah tidak dinafikan. Beliau mempunyai sumbangan dalam dunia Islam meskipun ada kekhilafan yang besar dalam bidang akidahnya.

Semoga kajian ringkas yang dilaksanakan oleh penulis ini dapat merungkai persoalan-persoalan mengenai pemikiran akidah Shaykh Nāẓim dan sekiranya ada keperluan untuk penambahbaikan oleh pengkaji seterusnya adalah amat dialu-alukan. Penulis juga berharap ada yang mahu mengkaji dan memperluaskan skop kajian terhadap Shaykh Nāẓim dengan menghasilkan pengkajian yang lebih bermutu dan berimpak tinggi serta menjadi rujukan masyarakat. Semoga apa yang dilaksanakan oleh penulis ini mendapat redha Allah SWT.

RUJUKAN

al-Quran.

al-‘Ajjūz, Aḥmad. 1969. *Manāḥij al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*. Vol. 1. Bayrūt: Manṣūrah Muassasāt al-Ma‘ārif.

Abu Bakar Acheh. 1995. *Pengantar Ilmu Tarekat*. Solo: Penerbit Ramadani.

Abu Dawūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath bin Isḥāq al-Azdī al-Sijistānī. t.th. *Sunan Abī Dawūd*. t.tp: t.pt.

al-Bazzār, Abū Bakr Aḥmad. t.th. *Musnad al-Bazzār*. t.tp: t.pt.

Abū Ḥanīfah, Nu‘mān bin Thābit. t.th. *Fiqh al-Absaṭ*. t.tp: t.pt.

Abū Ḥanīfah, Nu‘mān bin Thābit. 2009. *Waṣiyyah*. Dlm. Akmāl al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Babiratī. *Sharḥ Waṣiyyah al-Imām Abī Ḥanīfah*. Pnyt: Muḥammad Ṣubḥī al-Aidī & Hamzah Muḥammad al-Bakri. Jordan: Dār al-Fatḥ Li al-Dirāsat wa al-Nashr.

Adil Aḥmad Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad et.al. 1994. *Ḥāshiah Radd al-Mukhtār ‘ala Durar al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Aḥmad bin Hanbal. t.th. *Musnad Aḥmad*. t.tp: t.pt.

Ali, Md. Yousuf. 2006. Al-Tawhid and Its Effects on Man's Life. Dlm. *Jurnal Usuluddin* Bil 23-24. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Alikber Alikberov. 2002. *Sufism and Sufi Brotherhoods in The Caucasus*. Moscow: Institute of Oriental Studies, Russian Academy of Sciences.

al-Aṣbahānī, Abū Na‘im Aḥmad bin ‘Abd Allāh. 1985. *Ḥilyat al-Awliyā‘ wa Ṭabaqāt al-Sūfiyyah, Juz 10*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Arabī.

al-Aṣfahānī, Isma‘īl bin Muḥammad bin al-Faḍl al-Tamīm. t.th. *Tarjamah al-Bidāyah wa al-Nihāyah.* Vol. 12. t.tp. t.pt.

al-Asfarāyinī, Shahāfur b. Ṭahir. 1940. *al-Tabṣir fi al-Din.* Al-Qāhirah: Matba‘ah al-Anuar.

al-ʿAsqalānī, Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin Nūr al-Dīn ʿAlī bin Muḥammad bin Ḥajr. 1986. *Fatḥ al-Bārī*. Al-Qāhirah: Dār al-Riyān li al-Turath.

al-ʿAsqalānī, Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin Nūr al-Dīn ʿAlī bin Muḥammad bin Ḥajr. t.th. *al-Maṭalib al-‘Aliyah bi Zawā'id al-Masānīd al-Thamāniya*. t.tp. t.pt.

Azman Ismail et.al. 2012. Satu Analisis Mengenai Korelasi Antara Emosi Pekerja, Gangguan Kerjaya-Keluarga dan Kelesuan Kerja. Dlm. *Jurnal Perspektif* Vol. 4 No. 2 (Nov. 2012) 1-15 , 1-15. t.tp. t.pt.

al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad. t.th. *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*. Al-Qāhirah: Dār Ihyā' al-Sunnah al-Nabawiyyah.

al-Baghdādī, Abū Manṣūr. 1928. *Uṣūl al-Dīn* . Istanbul : Maṭba'ah Dawlah.

al-Baghdādī, Abū Manṣūr. t.th. *al-Farq Bainā al-Firaq*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Bahagian Penyelidikan dan Pengajian Islam. 2015. *Penyinar Hati Sharah Ringkas Terhadap Matan Al-'Aqīdah al-Murshidah*. Petaling Jaya: Assolahiyyah Global Sdn Bhd.

al-Baihaqī, Abū Bakr. t.th. *Al-I'tiqād wa al-Hidāyah ilā Sabīl al-Rashād*. Bayrūt: Dār A'lām al-Kutub.

al-Baihaqī, Aḥmad bin al-Ḥusayn. *al-Asmā' wa al-Ṣifāt*. ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

al-Bājurī, Ibrahīm bin Muḥammad bin Aḥmad. 2010. *Hāshiyah al-Imām al-Bayjūrī 'ala Jawharah al-Tawḥīd, ed. 'Ali Jum'ah Muhammad*. Cetakan 05. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.

al-Bājurī, Ibrahīm bin Muḥammad bin Aḥmad. t.th. *Tuḥfat al-Murīd Sharḥ Jawharat al-Tawḥīd*. t.th. t.tp: t.pt.

al-Banjarī, Ḥusayn Naṣir bin Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdi. t.th. *Hidayāt al-Sibyān fi Makrifat al-Islām wa al-Imān*. Thailand: Maṭba'ah Ibn Halabi.

al-Banjarī, Ḥusayn Nāsir bin Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdi. t.th. *Hidāyat al-Mutafakkirīn*. Thailand: Maṭba'ah Ibn Halabi.

al-Banjarī, Ḥusayn Naṣir bin Muḥammad Ṭabīb al-Mas'ūdi. t.th. *Miftāḥ al-Jannah*. Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn Bhd.

al-Bāqilānī, al-Qāḍī Abū Bakr bin al-Ṭayyib. 2007. *al-Inṣāf fi mā Yajib I'tiqāduh wa lā Yajūz al-Jahl bih fī 'Ilm al-Kalām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥussayn. 1970. *Manāqib al-Imām al-Shāfiᶜī*. 2 Juz. al-Qāhirah: Dār al-Turāth.

al-Bayyādī, Kamāl al-Dīn Aḥmad bin Ḥusayn. 2007. *Ishārat al-Manām min 'Ibārat al-Anām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Bruinessen, Martin Van. 1995. *Tariqat Naqsyabandiyyah di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan.

al-Bughīsī, Kamāl al-Dīn Nur al-Dīn Marjūnī. 2014. *al-'Aqīdah al-Islamiyyah wa al-Qaḍāya al-Khilāfiyyah 'inda Ulamā al-Kalām (Dirāsah Muqāranah)*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Chittick, William C. 2002. *Tasawwuf di Mata Kaum Sufi*. Bandung: Penerbit Mizan.

Choiriyyah. 2009. *Refleksi Jalaluddin Rumi Terhadap Tari Mistis Sema Pada Tarikat Naqsyabandiyah Haqqani*. Tesis Sarjana. Jakarta: Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universiti Indonesia.

Elizabeth Sirriyeh. 2004. Sufi Thought and its Reconstruction. Dlm. *Islamic Thought in The Twentieth Century*. London: IB Tauris.

Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Abdul Rahman Mahmood, Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2011. Syaikh Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab dan Kaitannya Dengan Isu Takfir. Dlm. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Jilid 4. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Farrer, D.S. 2009. *Shadows of the Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism*. Netherlands: Springer Science+Business Media.

al-Fasī, Abū al-Abbās Aḥmad bin Muḥammad Zarūq. 2017. *‘Aqīdah al-Imām al-‘Ārif bi Allāh Shihāb al-Dīn Abi al-Abbās Aḥmad Zarūq min Khilāl Kutubihi wa Shurūḥihi*. Bayrūt: Kitāb-Nāshirūn.

al-Faṭānī, Wan Dawūd bin Wan ‘Abd Allāh. t.th. *al-Durru al-Thamīn*. Thailand: Maṭba‘ah Ibn Halabi.

al-Faṭānī, Wan Zayn al-‘Ābidin bin Wan Aḥmad. t.th. *Irshād al-‘Ibād ila Sabīl al-Rashād*. Thailand: Maṭba‘ah Ibn Halabi.

Foley, Sean. 2010. *The Arab Gulf States: Beyond Oil and Islam*. Amerika Syarikat: Lynne Rienner Publishers.

Fuad Said. 1999. *Hakikat Tarikat Naqsyabandiyyah* . Jakarta: Al-Husna Zikra.

Fūdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf. 1998. *Tahdhīb Sharh al-Sanūsiyyah: Umm al-Barahin*. Cetakan 01. Jordan: Dār al-Biyariq.

Fūdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf. 2014. *Tahdhīb Sharḥ al-Sanūsiyyah*. t.tp: t.pt.

al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. t.th. *Iḥyā’ Ulūm al- Dīn*. t.tp: t.pt.

al-Ghiryānī, Muḥammad ‘Izz al-Dīn. t.th. *Al-Āyāt al-Mutashābihāt Bainā al-Ta’wīl wa al-Tafwīḍ wa al-Ithbāt*. t.tp: t.pt.

al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ṣiddīq t.th. *Murshid al-Hā’ir li Bayān Waḍ‘ī Hadīth Jābir*. t.tp: Qism al-Abhāth wa al-Dirāsāt Islāmiyyah.

H. Suteja. 2016. *Kepribadian Sang Wali Allah*. Cirebon: Cirebon Publishing.

al-Hāḍirī, ‘Abd al-‘Azīz Abd al-Jabbār. 2007. *Tanzīh al-Ḥaq al-Ma‘būd ‘an al-Ḥayyiz wa al-Ḥudūd*. Dimashq: Maktabah al-Yasr.

al-Haithamī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr. 1979. *Kashf al-Athār ‘an Zawāid al- Bazzār*. 4 Juz. Tahqīq Habīb al-Rahmān. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

Hanisah Abdullah Sani. 2010. *The Rise and Role of Tariqa Among Muslims in Singapore - The Case of The Naqshabandi Haqqani*. Tesis Sarjana. Singapore: National University of Singapore.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 1998. *Al-Durrah al-Bahiyyah fī Ḥāl Alfāẓ al-‘Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2001. *Risālah fi Buṭlān Da‘wā Awwaliyyāt al-Nūr al-Muḥammadī*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2004. *Mukhtaṣar ‘Abd Allāh al-Hararī al-Kāfil bi ‘Ilm al-Dīn al-Ḍarūrī*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2004. *Sharḥ al-Qawīm fi Ḥāl Alfāẓ al-Ṣirāt al-Mustaqīm*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2007. *Sharḥ Ḥāl Alfāẓ al-Mukhtaṣar ‘Abd Allāh al-Hararī*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Hararī, ‘Abd Allāh. 2012. *Al-Qawl al-Jaliy fi Ḥāl Alfāẓ al-Mukhtaṣar ‘Abd Allāh al-Hararī*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Hassan Abu Hanieh. 2011. *Sufism and Sufi Orders: God’s Spiritual Paths Adaptation and Renewal in the Context of Modernization*. Amman: Economic Printing Press.

al-Ḥasan, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Alī. t.th. *Khātim al-Awliyā’*. Bayrūt: al-Khāṭulikiyyah.

Hashim Asy‘ari. 1997. *Risālah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Jombang: Maktabah al-Turāth.

al-Ḥusaynī, Jamīl Muḥammad ‘Alī Halīm. 2016. *Tashīl al-Ma‘ānī ila Jawharah al-Laqqānī*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Ḥusaynī, Jamīl Muḥammad ‘Alī Halīm. 2018. *Al-Rashahāt al-‘Anbariyyah fi Faḍl wa ‘Aqīdah Imām al-Naqshabandiyyah*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

al-Ḥusaynī, Jamīl Muḥammad ‘Alī Halīm. t.th. *Al-Fawāid al-Islāmiyyah ‘ala Matn al-‘Aqīdah al-Sanūsiyyah*. t.tp: t.pt.

Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim Muḥammad. 1993. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.

Ibn Ḥibbān, Abū Ḥātim Muḥammad. t.th. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. t.tp: t.pt.

Ibn Kathīr, Ismā‘il. t.th. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Vol. 10. t.tp: t.pt.

Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Rab‘ī al-Qazwīnī. t.th. *Sunan Ibn Mājah*. t.tp: t.pt.

Ibn Rajab, al-Hāfiz Zayn al-Dīn Abi al-Farj. 1996. *Fatḥ al-Bārī*. Vol. 2. Madīnah: Maktabah al-Ghurabā’ al-Athariyyah.

Ibn Tūmart, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad. t.th. *Risālah fi al-‘Ibādah*. t.tp: t.pt.

al-Isfarāyīnī, Abū Muzaffar Shahafūr bin Ṭahir. 1983. *al-Tabṣīr fi al-Dīn*. Bayrūt: ‘Ālim al-Kutub.

Jaraf, Hammām Muḥammad. t.th. *al-Muntaqā al-Mukhtār min ma Ṣoḥḥa fi al-Mahdī min Akhbār*. t.tp: t.pt.

al-Kabbānī, Muḥammad Hishām. 2004. *Classical Islam and The Naqshābandī Sufi Tradition*. Fenton: Islamic Supreme of Council America.

al-Kabbānī, Muḥammad Hishām. t.th. *Silsilah Rantai Emas*. Vol. 1. Terj. Arief Hamdani et.al. Jakarta: Rabbani Sufi Institute of Indonesia.

Kadri, Sadakat. 2012. *Heaven on Earth: A Journey Through Shari'a Law from the Deserts of Ancient Arabia to the Streets of the Modern Muslim World*. Farrar, Straus and Giroux.

Kallaf, ‘Abd al-Wahhāb. 1995. *‘Ilm Uṣūl Fiqh wa Khulāṣah al-Tashrī‘ al-Islāmī*. Dār al-Fikr Al-‘Arabī.

Kamus Dewan. 2014. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karakas, Cemal. 2007. *Turkey: Islam and Laicism Between The Interests of State, Politics and Society*. Frankfurt: Peace Research Institute Frankfurt.

Kashk, ‘Abd al-Ḥamīd. t.th. *Min Waṣāyā al-Rasūl li al-Nisā’*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Taufīqiyyah.

al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid. 2009. *al-‘Aqīdah wa ‘Ilm al-Kalām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Lewishon, Leonard. 2003. *Warisan Sufi, Warisan Sufisme Persia Abad Pertengahan (1150-1500)*. Jogyakarta: Pustaka Sufi.

Luthfi Makhasin. 2015. *The Politics of Contending Piety: Naqshabandi-Haqqani Sufi Movement and The Struggle for Islamic Activism in Contemporary Indonesia*. Australia: School of Culture, History and Language, College of Asia and the Pacific, The Australian National University.

al-Maghribī, ‘Alī ‘Abd al-Fattāh. 1995. *al-Firaq al-Kalāmiyyah al-Islāmiyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Wahbah.

al-Mandilī, ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib. 2012. *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf*. Batu Caves: al-Hidayah Publications.

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. 2010. al-Asmā’ al-Ḥusna dalam Wacana Akidah. Dlm. *Jurnal Afkar*. Vol.11. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sobri Ellias. 2013. *Manhaj Akidah Ketuhanan al-Harari dan Aplikasinya Dalam Penilaian Manhaj Akidah Ketuhanan al-'Uthaymin: Perbahasan al-Nusus al-Mutasyabihat.* Tesis Doktor Falsafah. Petaling Jaya: Universiti Malaya.

Muḥammad 'Abd al-Ḥayy bin Muḥammad 'Abd al-Halim al-Ansārī al-Hind. t.th. *Athār al-Marfū'ah fi al-Akhbār al-Mauḍū'ah*. Baghdād: Maktabah al-Sharq al-Jadīd.

Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy. 1997. *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits*. Semarang: PT. Pustaka Riski Putra.

al-Muqtārah, Muẓaffar bin 'Abd Allāh bin 'Alī. 2009. *al-Asrār al-'Aqliyyah fi al-Kalimāt al-Nabawiyyah*. Tahqīq Nizār Hamadī. t.tp: t.pt.

Muslim. t.th. *Ṣahīh Muslim*. t.tp: t.pt.

al-Nasafī, Abū al-Mu'in Maymūn bin Muḥammad. 2000. *Bahr al-Kalām*. Dimashq: Dār al-Furfūn.

al-Nasafī, Abū Hafs 'Umar bin Aḥmad. t.th. *al-'Aqīdah al-Nasafīyyah*. t.tp: t.pt.

al-Nasafī, Hāfiz al-Dīn Abū al-Barakāt. 2012. *Sharḥ al-'Umdah fi 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah al-Musammā bi al-I'timād fi al-I'tiqād*. Al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.

Nassaj, Hamid & Bahrani, Morteza. 2015. Modernization and Religion: Case Study of Ataturk and Reza Shah. Dlm. *Proceedings of Twelfth The IIER International Conference*. Istanbul.

al-Nawawī, Yahya bin Sharaf Abū Zakariyyā. t.th. *al-Arba'ūn al-Nawawiyyah.* t.tp: t.pt.

al-Nawawī, Yahya bin Sharaf Abū Zakariyyā. 1929. *al-Minhāj Sharḥ Ṣahīh Muslim bin al-Hajjāj*. Vol. 3, 15. Al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Miṣriyyah bi al-Azhār.

al-Nawawī, Yahya bin Sharaf Abū Zakariyyā. t.th. *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. t.tp: t.pt.

Netton, Ian Richard. 2000. *Sufi Ritual: The Parallel Universe*. British: Curzon Press.

Nozira binti Salleh & Faudzinaim Haji Badaruddin. 2017. Konsep Ketuhanan Menurut Ajaran Inayat Khan: Satu Penilaian Dengan Akidah Islam. Dlm. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Vol. 2. Issue. 6. Kota Bharu.

al-Qāḍī, Samīr bin Sāmī. 2017. *Iḍāḥ al-Maram min Risālah al-Ash'arī al-Imām*. Bayrūt: Sharikah Dār al-Mashārī' li al-Ṭaba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.

al-Qārī, Nur al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Sultān Muḥammad al-Hirāwī. t.th. *Manḥ al-Rauḍ al-Azhār*. t.tp: t.pt.

al-Qārī, Nur al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Sultān Muḥammad al-Hirāwī. t.th. *Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*. t.tp: t.pt.

al-Qawjawī, Muḥammad bin Musliḥ al-Dīn Muṣtafa. 1999. *Ḥāshiah Muḥyī al-Dīn Shaikh Zādah 'ala Tafsīr al-Qādi al-Bayḍāwi.* Juz.1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 1980. Mercy Oceans. t.tp: t.pt.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 1986. *Mercy Oceans' Rising Sun*. Konya: Sebat Offset Printers.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 1991. *Mercy Oceans' Emeralds of Eden*. Colombo: Peacock Printers.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 1997. *Defending Truth*. London: Zero Productions.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2001. *Rubies of Resplendence*. Sri Lanka. t.pt.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2002. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 1*. Fenton: Naqshabandi Haqqani Sufi Order

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2002. *In The Mystic Footsteps of Saints Volume 2*. Fenton: Naqshabandi Haqqani Sufi Order.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2006. *Liberating The Soul: A Guide For Spiritual Growth Volume 5*. Michigan: Islamic Supreme Council of America.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2007. *Mercy Oceans (Book Two)*. Cyprus: Spohr Publishers Limited.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2008. *Love*. Spain: Publidisa.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2012. *99 Drops From Endless Mercy Oceans (Selected Speeches by Shaykh Nāẓim)* Sri Lanka. t.pt.

al-Qubrūsī, Muḥammad Nāẓim ʻĀdil al-Ḥaqqānī. 2012. *Bridge to Eternity*. Gatesville: Naqshabandi-Muhammadi South Africa.

al-Qūsī, Muḥammad ʻAbd al-Fāḍil. 2004. *Mawqif al-Salaf min al-Mutashābihāt Bainā al-Muthbitīn wa al-Mu'awwilīn Dirāsah Naqdiyyah li Manhaj Ibn Taimiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Baṣā'ir.

Rahimsyah. 2006. *Kisah Shaykh Siti Jenar Asal Mula Faham Manunggaling Kawula*. Surabaya: Gali Ilmu.

al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. t.th. *Tafsīr al-Kabīr*. Vol. 29. t.tp: t.pt.

Rivay Siregar. 2002. *Tasawwuf dan Sufisme Klasik ke Neo Sufisme*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.

Ryandi. 2014. Konsep Kewalian Menurut Hakim Tirmidzi Dlm. *Jurnal Kalimah.* Bil Vol.12. No.2. Gontor: University of Darussalam.

Saʻīd Abū Jaib. 1988. *al-Qāmūṣ al-Fiqhī Lughatan wa Iṣtilāḥan*. Dimashq: Dār al-Fikr.

Sahidi Mustafa. 2015. Kritik al-Ghazālī terhadap Kekekalan Alam. Dlm. *Jurnal Kalimah*. Vol. 13, No. 2. Gontor.

al-Sahlamāsī, Muḥammad al-‘Umrāwī. 2013. *al-Nāṣ al-Shar‘ī bainā al-Ḥarfiyyah wa al-Ta’wīl fi al-Madhhab al-Ash‘arī wa al-Madrasah al-Salafiyyah al-Mu‘āṣarah*. Morocco: Al-Majlis al-‘Ilmī al-Maḥallī li Iqlīm Sayyidī Sulaimān.

al-Sanūsī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf. 2015. *Ta’wīl Mushkilāt al-Bukhārī*. t.tp: t.pt.

Sayyid Muḥammad Hilmi Sayyid ‘Abd al-Rahman. 2015. *Al-Ṣifāt al-Khabariyyah ‘inda al-Nasafī fī Tafsīrihi*. Dlm. al-Mu‘tamar al-Iqlīmī Ḥawl Juhūd al-Ashā‘irah wa al-Māturidiyyah fī Khidmah al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Schleifer, S Abdallah. 2009, 2010, 2011, 2012, 2013. *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslim*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.

al-Sembāwī, Shaykh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad al-Badawī. t.th. *Minhāj al-Salām*. Thailand: Maṭba‘ah Ibn Halabī.

al-Sembāwī, Shaykh Muḥammad Zayn al-Dīn bin Muḥammad al-Badawī. t.th. *Sirāj al-Huda Pada Menyatakan Aqidah Ahli Taqwa*. Pulau Pinang: Percetakan Al-Muarif Sdn Bhd.

Sha‘bān, Muḥammad Ismā ‘il. 1991. *Ḥujjiyyah Khabar al-Aḥad fī al-‘Aqīdah.* Al-Qāhirah: Dār al-Nur bi Jiwār al-Azhār.

al-Shahrāzūrī, Abu ‘Amr ‘Uthman b. ‘Abd al-Raḥmān. t.th. *‘Ulum al-Hadīth*. Dimashq: Dār al-Fikr.

Sibawaih, Abū Bishr ‘Amr bin ‘Uthmān. t.th. *Al-Kitāb.* Tahqiq ‘Abd al-Salām Harūn. Vol.1. Bayrūt: Dār al-Tārīkh.

Simon Stjernholm. 2005. *The Struggle for Purity: Naqshabandi-Haqqani Sufism in Eastern London*. Disertasi Sarjana. Center for Theology and Religious Studies, Lund University.

al-Sinan, Hamad & al-‘Anjari, Fauzi. t.th. *Ahl al-Sunnah al-Ashā‘irah Shahādāt ‘Ulamā al-Ummah wa Adillatuhum*. Giza: Dār al-Ḍiyā’.

Sri Mulyati et.al. 2005. *Mengenal dan Memahami Tarikat-Tarikat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta : Prenada Media.

al-Subkī, Abū al-Ḥusayn Taqiyy al-Dīn. 1983. *al-Sayf al-Saqīl fi al-Radd ‘ala Ibn al-Zafīl*. Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah.

al-Sūlī, Abū Bakr. t.th. *Juzu’ min Aḥādīth Abī Bakr al- Sūlī*. t.tp: t.pt.

Sulistiana. 2008. *Berdiri dan Berkembangnya Tarekat Naqsybandi Haqqani di Jakarta*. Disertasi Sarjana Muda. Jakarta: Fakultas Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr bin Muḥammad Jalāl al-Dīn al-Khuḍayrī. 1998. *al-Tawshīh Sharḥ al-Jamī‘ al-Ṣaḥīḥ*. Riyāḍ: Sharikah al-Riyāḍ li al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Syed Hadzrullathfi Syed Omar et.al. 2015. Tarekat Sufi Suatu Keperluan Zaman: Sorotan Pandangan Badiuzzaman Sa‘īd al-Nursi. Dlm. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

al-Ṭabarī, Abū Jaafār bin Jarīr. 2013. *Jamī‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyāt Al-Qurān*. Vol. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar. 1988. *Sharḥ al-‘Āqaid al-Nasafīyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.

al-Ṭaḥāwī, Abū Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad. t.th. *al-‘Aqīdah al-Ṭaḥāwiyyah*. t.tp: t.pt.

al-Tamīmī, Abū al-Faḍl Abd al-Waḥīd bin Abd al-Azīz bin al-Ḥarith. 2001. *I‘tiqād al-Imām al-Munabbal Abī ‘Abd Allāh Aḥmad bin Hanbal*. Vol. 2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

Thoyibin. 2010. *Konsep Peribadatan Syekh Siti Jenar Dalam Perspektif Hukum Islam (Studi Terhadap Kitab Bayan Budiman)*. Tesis Sarjana. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.

Tim Dakwah Pesantren. 2015. *Kumpulan Tanya Jawab Keagamaan*. Jakarta: Pustaka Ilmu Sunni Salafiyyah KTB.

al-Tirmīdhī, Abū ʿĪsā Muḥammad bin ʿĪsā al-Sulamī al-Ḍarīr al-Būghī. t.th. *Sunan al-Tirmīdhī*. Vol.5. Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Vidich, Andrew W. 2004. *A Living Sufi Saint: Shaykh Muḥammad Nāẓim ‘Ādil al-Haqqani and The Naqshābandīyya Method of Self-Transformation*. Tesis Doktor Falsafah. New Zealand: Univesity of Berne.

Yayasan Haqqani Indonesia. t.th. *Ahl Haq*. Vol.4. Jakarta. t.pt.

Yayasan Haqqani Indonesia. t.th. *Profil Yayasan Haqqani Indonesia*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.

al-Zabīdī, Murtaḍā al-Ḥusaynī. 1989. *Itḥāf al-Sādah al-Muttaqīn Sharḥ Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Vol. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Zakaria Stapa. 2018. Keutuhan Ahli Sunnah Waljamaah (ASWJ) di Malaysia Dalam Memartabatkan Islam. Dlm. *Seminar Ahli Sunnah Waljamaah: Pengukuhan Akidah Menurut Manhaj Wasatiyyah*. Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: Dewan Budaya.

Zulkarnain Ahmad Hatta. 2013. *Relationship Between Religious Practices and Adaptation of Immigrant Sufi Muslims in the United States*. Tesis Doktor Falsafah. Washington: Howard University.

LAMPIRAN A

SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ DAN GURUNYA SHAYKH ‘ABD ALLĀH FĀIZ AL-DAGHESTĀNĪ



LAMPIRAN B

SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ DAN MURIDNYA SHAYKH HISHĀM KABBĀNĪ



LAMPIRAN C

SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ, SHAYKH HISHĀM KABBĀNĪ DAN RAJA ASHMAN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH



LAMPIRAN D

PENGIKUT WANITA MENCIUM TANGAN SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ





LAMPIRAN E

SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ BERSAMA PENGIKUT DI MAKAM SHAYKH 'UTHMĀN DARGA



LAMPIRAN F


SEKITAR PENGEBUMIAN SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ PADA TAHUN 2014






LAMPIRAN G

MUKA HADAPAN BUKU *MERCY OCEANS* (1980)




LAMPIRAN H

MUKA HADAPAN BUKU *MERCY OCEAN'S RISING SUN* (1986)




LAMPIRAN I

MUKA HADAPAN BUKU *MERCY OCEAN'S EMERALDS OF EDEN* (1991)




LAMPIRAN J

MUKA HADAPAN BUKU *DEFENDING TRUTH* (1997)




LAMPIRAN K

MUKA HADAPAN BUKU *RUBIES OF RESPLENDENCE* (2001)



LAMPIRAN L

MUKA HADAPAN BUKU IN THE *MYSTIC OF FOOTSTEPS OF SAINTS VOLUME 1*
(2002)




LAMPIRAN M

MUKA HADAPAN BUKU *IN THE MYSTIC OF FOOTSTEPS OF SAINTS VOLUME 2* (2002)




LAMPIRAN N

MUKA HADAPAN BUKU *LIBERATING THE SOUL: A GUIDE FOR SPIRITUAL GROWTH VOLUME 5* (2006)




LAMPIRAN O

MUKA HADAPAN BUKU *MERCY OCEANS (BOOK TWO)* (2007)




LAMPIRAN P

MUKA HADAPAN BUKU *LOVE* (2008)




LAMPIRAN Q

MUKA HADAPAN BUKU *99 DROPS FROM ENDLESS MERCY OCEANS (SELECTED SPEECHES BY SYEIKH NAZIM)* (2012)



LAMPIRAN R

MUKA HADAPAN BUKU *BRIDGE TO ETERNITY* (2012)



LAMPIRAN S

SALINAN FATWA MUFTI DAGHESTAN, SAYYID AḤMAD BIN SULAYMĀN DARWISH HAJIYŪ TERHADAP SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ

DAGHESTAN MOSLEM SPIRITUAL BOARD

الإدارة الدينية لمسلمي داغستان

MAXAЧKAΛA

محج قلعة

MAKHACHKALA 367015
AZIZ ALIEV STREET 2
TEL: 7-39-52 3-31-31

محج قلعة ٣٦٧٠١٥ شارع عزيز علييف ٢
تلفون ٧-٣٩-٥٢ ٣-٣١-٣١

ДУХОВНОЕ УПРАВЛЕНИЕ МУСУЛЬМАН ДАГЕСТАНА

МАХАЧКАЛА 367015 УЛ. АЗИЗА АЛИЕВА 2. ТЕЛ. 7-39-52, 3-31-31

« ___ » ________ 19__ г. № ________ ١٤__ هجرية __ سنة ________ « ___ »

باسم المعبود بحق

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين وافضل الصلاة والسلام على سيد المرسلين وعلى آله وصحبه وتابعيه آمين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ورضوانه

اما بعد:

ان الرجل الخبيث عبد الله الداغستاني غير مشهور في الداغستان ولم يكن فيه في زماننا ولكن سمعت في الداغستان عن العلماء الثقات ومشائخ الطريقة الحقيقيين الكرام ان سلسلة عبد الله الداغستاني مقطوعة وكذلك شرف الدين الداغستاني وطريقتهما منحرفة غير صحيحة باطلة ولم يصدقهما في عملها احد عندنا الحمد لله يوجد مشائخ الطريقة النقشبندية والشاذلية وسلاسلهم متصلة وكل منهم يحمل اجازة مكتوبة لإرشاد المريدين مصدقة بالتوقيع والختم واسماء الشهود ولا يخالفون في الطريقة على ما جاء من ابي الحسن الشاذلي ومحمد النقشبندي قدس الله اسرارهما ولا يخالفون المذاهب الاربعة واعتقاد اهل السنة والجماعة ويجاهدون اهل الضلالة والبدع كعبد الله الداغستاني والوهابيين واخوان المسلمين لا يجوز هذا الخبيث قال وكتب ما هو كذب وافتراء على القرآن والسنة واجماع الائمة [illegible] لقبا الداغستاني مع اسمه لان داغستان خرج منه الائمة الكرام كشوبل وغازي محمد وحمزة المشهورين في الدنيا ومرشدي الطريقة كسيف الله حسن الحلمي محمد اليراغي والعلماء محمد القدقي عمر ضياء الدين وغيرهم كثير من اهل الكشف والكرامة وكيف يتبعه بعض العرب الا كان القرآن والتفسير والحديث وكتب الفقه والتصوف بالعربية فهل يرجع بعضهم عن عبادة الله تعالى الى عبادة الشيطان لعنة الله عليه نعوذ بالله من مثله شياطين الانس

وفي الحديث الشريف من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليقل خيراً او ليصمت ان كان عبد الله الداغستاني على اعتقاد صحيح كان يتكلم بموافقة القرآن والسنة والاجماع او يصمت لجهله حتى يتعلم من اهل العلم ولكن قال كذبا وافتراء على القرآن والسنة ومن كذبهما كافر اجماعا لا خلاف فيه ولا شك


نسأل الله تعالى بتوسل محمد صلى الله عليه وسلم الاستقامة والحفظ من الدجالين والتوفيق في الدين والغلبة على اعداء الاسلام وحسن الخاتمة

وآخر دعوانا ان الحمد لله رب العالمين والسلام عليكم

وانا مفتي الداغستان سيد احمد بن
العالم سليمان الداغستاني درويش حاجيو
عفا الله عنهم وادخلهم الجنة آمين
اوصيكم بالدعاء ايها الاخوان ولا تنسون

LAMPIRAN T

TERJEMAHAN SALINAN FATWA MUFTI DAGHESTAN, SAYYID AḤMAD BIN SULAYMĀN DARWISH HAJIYŪ TERHADAP SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ



باسم المعبود بحق

(Dengan menyebut Dzat yang berhak disembah)

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji bagi Allah *wa ba'du.*

Sesungguhnya mengingatkan umat akan bahaya golongan sesat hukumnya wajib dan kita diperintahkan untuk itu. Terutama bahaya orang-orang yang menjadikan agama sebagai kedok untuk menyesatkan umat dan sebenarnya mereka adalah musuh-musuh agama dan sangat jauh dari agama. Salah seorang dari mereka ini adalah seorang yang bernama Nazhim al Qubrushli yang telah banyak berbuat kerusakan di muka bumi dan memperburuk citra Islam di mata orang-orang yang tidak mengetahui Islam dengan baik. Nazhim al Qubrushli ini berpenampilan seperti layaknya para ulama tiada lain untuk mengelabui umat. Nazhim in adalah murid Abdullah ad-Daghistani.

Ditulis oleh Mufti Daghistan
Sayyid Ahmad ibn Sulaiman Darwisy Hajiyu.

LAMPIRAN U

TULISAN TANGAN PENOLAKAN MUFTI NEGERI SEMBILAN, DATO' HAJI MOHD MURTADZA BIN HAJI AHMAD TERHADAP SHAYKH NĀẒIM AL-QUBRŪSĪ

JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
Tingkat 3, Bangunan Suk (Lama),
Jalan Dato' Hamzah, 70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
No. Tel : 06-7652420 / 7652425 / 7652426
Fax : 06-7652427

جابتن مفتي كرجاءن نگري،
تيڠكت 3 ، باڠونن ايس.يو.كيه (لاما)،
جالن داتوء حمزة ، 70990 سرمبن ، نگري سمبيلن دار الخصوص
No. Tel : 06-7652420 / 7652425 / 7652426
Fax : 06-7652427

٢٤/٤/٢٠٠٦
٦ ربيع الثاني ١٤٢٨

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله
وصحبه الطيبين الطاهرين وبعد فإن التصوف الحقيقي علم وعمل
تمسك بالكتاب والسنة وما خالف ذلك فهو زندقة وضلال
وما أكثر من يدعي التصوف، وهو مخالف للسادة الصوفية
الأفاضل أمثال سيدنا الجنيد وأحمد الرفاعي وعبد القادر الجيلاني
ونحوهم رضي الله عنهم، وهؤلاء الجهال الذين يدعون التصوف
ينسبون إلى الطريقة ما ليس منها، كقولهم بأولية النور
المحمدي، أو كعقيدة الحلول والاتحاد أو تحريفهم لذكر الله، أو تركهم
لتعلم العلم الواجب، أو نسبتهم إلى الأولياء أقوالا أو أفعالا أو
اعتقادات تخالف القرآن والسنة، كما حصل أن صاحب كتاب
"الفيوضات الربانية في مآثر الطريقة القادرية" افترى على مولانا
الشيخ عبد القادر الجيلاني، وكما حصل الدس من قبل المجسمة على
كتاب "الغنية" للشيخ الجيلاني رضي الله عنه.
أؤكد للجميع أن الصوفية الصادقين هم على نهج أهل السنة والجماعة
الأشاعرة والماتريدية.
ولا بد لي في نهاية هذه الرسالة المختصرة المفيدة أن أحذر المسلمين
من شخص يدعي الطريقة النقشبندية في عصرنا هذا، وهو محرف للطريقة
ألا وهو المدعو عبد الله الداغستاني وتلميذه ناظم القبرصي المعروف بالحقاني
وتابعه هشام قباني، وذلك لأنني تحققت بزيغهم فأديت النصيحة
الواجبة لله تعالى لعموم المسلمين وللصوفية بالخصوص. وفقنا الله لخدمة
دينه

شيخ الطريقة الأدريسية في ماليزيا وسنغافوره وبروناي واندونيسيا
ومفتي ولاية نگري سمبيلن في ماليزيا الشيخ محمد مرتضى الإدريسي الرشيدي الدندراوي

24/4/2007
DATO' HJ. MOHD MURTADZA BIN HJ. AHMAD
MUFTI KERAJAAN NEGERI
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

LAMPIRAN V

PANDANGAN HUKUM MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA



19 **Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani (2000)**

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-48 yang bersidang pada 3 April 2000 telah membincangkan Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim

10

BAB 1
AQIDAH

Al-Haqqani. Muzakarah telah memutuskan bahawa Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim bertentangan dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan menyeleweng dari ajaran Islam. Pengamal ajaran ini hendaklah segera bertaubat.

AQIDAH

FATWA JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK DARIPADA LAMAN SESAWANG RASMI

Laman Web Rasmi

JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

Laman Utama » Webpage

Lain-lain Kemusykilan

Ahli Lembaga Mesyuarat negeri Sarawak telah bersidang pada 22 Januari 2002 dan ahli mesyuarat telah sebulat suara memutuskan bahawa :

1. Tarikat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim berfahaman dengan fahaman-fahaman Wehdatul Wujud. Martabat Tujuh Nur Muhammad yang bertentangan dengan konsep dan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.
    1. Tarikat ini berpegang kepada hadis-hadis maudhu' (palsu/ direka- reka).
    2. Mereka mengamalakan konsep Yaqazah (dapat berkomunikasi dengan Allah S.W.T. dalam mimpi) yang bertentangan dengan fahaman dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kumpulan Ahli Tarikat Naqsyabandiah Al- Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani pernah melawat Sarawak. Setelah dikaji didapati dalam ajarannya tidak boleh diamalkan oleh orang Islam dan ianya telah diharamkan oleh kerajaan.

Kesimpulannya ahli mesyuarat bersetuju agar ajaran menyeleweng ini diharamkan.